

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KESEBELAS  
PENGKAL KETIGA  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

<b>Bil. 10</b>	<b>Rabu</b>	<b>29 Mac 2006</b>
----------------	-------------	--------------------

---

**K A N D U N G A N**

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

RMK-9 – Masa Pembentangan Dipinda Kepada Jam 3.30 Petang (Halaman 1)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**USUL-USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 18)

Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda  
Yang di-Pertuan Agong

- *Y.B. Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah)* (Halaman 18)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT**

**Rabu, 29 Mac 2006**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN (RMK-9)  
MASA PEMBENTANGAN DIPINDA KEPADA JAM 3.30 PETANG**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini bahawa saya telah dimaklumkan oleh Ketua Majlis bahawa pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan yang dijadualkan pada 31 Mac 2006 ialah pada jam 3.30 petang, di Dewan Rakyat ini dan bukannya pada jam 4.00 petang sebagaimana yang dijadualkan sebelum ini.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**1. Tuan Raimi Unggi [Tenom]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan berapakah jumlah perpustakaan desa di negeri Sabah dan adakah pihak kementerian bercadang menubuhkan sebuah perpustakaan desa di daerah kecil Kemabong.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]:** Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi strategi kerajaan untuk memperluaskan rangkaian perkhidmatan perpustakaan ke seluruh negara, khasnya perpustakaan desa supaya lebih ramai rakyat negara ini mendapat kemudahan perpustakaan ini dan akses kepada sumber maklumat. Sehingga kini, negeri Sabah telah mempunyai sebanyak 79 buah perpustakaan desa. KeKKWA telah membina sebuah perpustakaan desa di Kampung Bamban, Mambong Tenom, Sabah pada tahun 2005. Usaha telah tersebut telah dilengkapi dengan koleksi buku, alat kelengkapan dan perabot, bahan galakan aktiviti membaca serta peralatan ICT.

Perpustakaan Negara Malaysia akan terus mempergiatkan usaha bagi mewujudkan rangkaian perpustakaan desa di luar bandar dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Perpustakaan Negara Malaysia juga telah memohon peruntukan untuk membina lebih banyak lagi perpustakaan desa luar bandar di seluruh negara. Sekian.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Perhatian Tuan Yang di-Pertua. Semua kementerian Tuan Yang di-Pertua tolong jangan gunakan nama singkatan seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri kata KeKKWa. Apa KeKKWa? Ini merosakkan bahasa kebangsaan kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Kementerian supaya tidak, minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Untuk perhatian para Menteri, kerajaan... KeKKWa, apa KeKKWa? Sebutlah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, baik.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Bahasa yang rasmi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Kalau kerajaan mengubah perkara-perkara yang rasmi seperti ini, rosak negara ini Tuan Yang di-Pertua, rosak bahasa kebangsaan.

*[Dewan gamat seketika]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya harap Tuan Yang di-Pertua gunakan kuasa untuk menegur pihak kerajaan membuat istilah sembarangan ini Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya setuju. Sila Tenom.

**Tuan Raimi Unggi [Tenom]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian bercadang untuk menambah pada masa akan datang buku-buku rujukan termasuklah kemudahan-kemudahan komputer dan juga Internet. Kita harap agar para pengguna perpustakaan desa di luar bandar akan mendapat maklumat-maklumat terkini.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tenom. Kementerian saya ada rancangan iaitu untuk menambah koleksi-koleksi di perpustakaan desa pada masa ke semasa. Dalam rancangan Perpustakaan Negara Malaysia, ada dua tiga jenis perpustakaan iaitu Perpustakaan Desa dan juga Perpustakaan Desa Cyber Ilmu. Ini bermakna di Perpustakaan Desa Cyber Ilmu adalah dilengkapi dengan komputer, supaya untuk memanfaatkan pelajar-pelajar atau mereka yang mengunjungi perpustakaan-perpustakaan iaitu kemudahan komputer.

Untuk maklumat Yang Berhormat dan di Dewan ini, di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kita akan menambah lagi, iaitu bilangan perpustakaan di seluruh negara.

**Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, mewujudkan perpustakaan desa ini merupakan satu langkah yang murni. Tetapi sejauh manakah kementerian, ia dapat memantau bahawa perpustakaan desa ini dapat meningkatkan minat membaca di kalangan kanak-kanak ataupun penduduk desa dan dapat mengubah minda, mungkin generasi muda di desa-desa ini. Sekian.

**Dato' Wong Kam Hoong:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Gantang yang begitu prihatin tentang minat membaca di kalangan kita. Kementerian kita akan ada satu rancangan yang secara besar-besaran dan berterusan selama lima tahun dan akan dilaksanakan lagi iaitu "Kempen Membaca" supaya rakyat di negara kita berminat untuk membaca. Saya harap dengan pelancaran kempen ini, Yang Berhormat-Yang Berhormat pun juga boleh menyertai program ini sebab Kabinet menekankan mustahaknya kempen ini dan satu peruntukan yang cukup diadakan untuk kita melancarkannya. Selain daripada itu, pihak kementerian kita juga berharaplah agar pihak NGO bersama-sama menjayakan program ini. Sekian, terima kasih.

**2. Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]** minta Menteri Pelancongan menyatakan jumlah pelancong yang datang ke negeri Pahang melalui program *homestay* dan berapakah jumlah sugu hati atau elaun yang diberikan kepada tuan rumah *homestay* pada setiap hari penginapan pelancong.

**Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Donald Lim Siang Chai]:** Tuan Yang di-Pertua, program *homestay* di negeri Pahang mencatatkan jumlah kedatangan pelancong seramai 16,900 orang bagi tempoh tahun 1988 hingga tahun 2000. Bermula dengan 50 orang pada tahun pertama, jumlah ini meningkat kepada 100 orang pada tahun berikutnya. 200 orang pada tahun 1990, 300 orang pada tahun 1991 dan 500 orang pada tahun 1992.

Peningkatan ini berterusan sehingga pada tahun 1996 mencatatkan jumlah pelancong *homestay* seramai 1,250 orang. Seterusnya 2,000 orang pada tahun 1998. sejumlah 3,500 orang pada tahun 1999 dan 5,000 orang pada tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, sugu hati atau *allowance* tidak dibayar kepada tuan rumah *homestay* pada setiap hari penginapan pelancong. Ini kerana pengusaha *homestay* telah mendapat faedah secara langsung hasil dari bayaran bagi pakej *homestay* yang ditawarkan kepada pelancong-pelancong. Sebagai contoh, *Homestay* Desa Murni Pahang mencatatkan pendapatan kasar sejumlah RM700,000 pada tahun 1998, RM750,000 pada tahun 1999 dan RM2.5 juta pada tahun 2000. Sekian.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang disebutkan Program *Homestay* Desa Murni ini adalah di tempat saya sendiri, di kampung saya sendiri. Tetapi malangnya program *homestay* ini tidak

mendapat menarik ramai penduduk-penduduk kampung. Ini berbeza dengan rancangan-rancangan TV yang lain seperti rancangan yang diadakan oleh RTM, TV3 dan TV swasta. TV3 seperti *JomHeboh*, *Jalan-jalan Cari Makan* dan *Jom Jalan-jalan*. Ada juga pihak swasta seperti *Kelab Shahzan Muda* dengan kerjasama *Berita Harian*, *Hot.fm*, *KRU* dan artis-artis terkenal tanah air melalui program *Fiesta Media Idola* yang telah berjaya menarik begitu ramai sekali pengunjung-pengunjung hingga mencecah 100,000.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Program ini dapat secara langsungnya memperkenalkan pusat-pusat pelancongan dan dapat juga mempertingkatkan ekonomi dan peniaga setempat. Ini kerana ia melibatkan artis-artis yang terkenal di tanah air. Soalan saya, adakah Kementerian Pelancongan bersedia bekerjasama dengan pihak RTM, TV3 dan pihak swasta yang lain menjadikan pusat-pusat pelancongan di dalam negara kita sebagai tempat program mereka dan juga melibatkan artis sebagai duta bagi mempromosikan pusat pelancongan. Di samping dapat mempertingkatkan kemudahan asas yang ada di pusat-pusat pelancongan dan hasilnya bolehlah dikongsi bersama dengan pihak kerajaan negeri dan juga saya mengesyorkan supaya rancangan-rancangan tersebut disiarkan di RTM dan juga di TV3 selepas daripada *Berita Utama* atau berita jam 9.00.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krau. Memang adalah hasrat Kementerian Pelancongan supaya program *homestay* akan menghasilkan lebih pendapatan untuk rakyat di luar bandar atau kampung.

Memang seperti kita sedia maklum tujuan yang kita mengadakan Program Homestay ini adalah untuk memberi peluang kepada pelancong bandar dan juga pelancong asing untuk mengenali cara hidup masyarakat desa. Di samping membuka peluang bagi penduduk di kawasan luar bandar untuk menambah pendapatan isi rumah. Tadi Yang Berhormat berkata ada program dengan RTM atau TV3. Memang itu melibatkan modal yang besar. Homestay ini, mereka hanya menyediakan aktiviti untuk pelancong asing atau pelancong bandar. Itu ada sedikit berbeza dengan pandangan Yang Berhormat dan kita akan kajilah. Tengok macam mana kita boleh buat program seperti itu. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sekijang.

**Tuan Baharom bin Mohamed [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan bahawa Kementerian Pelancongan mempunyai banyak program-program yang diatitkan seperti mana pada pertanyaan soalan nombor dua pada hari ini ialah Program Homestay. Selain daripada itu ada saya difahamkan ada *Silver Hair* program, kemudian ada *Malaysia my Second Home* dan bermacam-macam program lagi. Jadi saya hendak bertanya dengan kementerian, cara mana promosi yang dibuat oleh kementerian terutama di luar negara,

dan berapakah bayaran-bayaran yang dibuat oleh kementerian kepada mereka yang terlibat dengan promosi ini dan sejauh mana kementerian membawa wakil-wakil rakyat ataupun Ahli Parlimen di dalam program-program yang diaturkan oleh kementerian ini? Terima kasih.

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan. Yang pertama soalan itu soalan *Silver Hair* dan *Malaysia my Second Home*. Program ini akan di kawal selia oleh Kementerian Pelancongan mulai 1 April 2006. Selepas itu kita akan beri pengumuman mengenai program ini. Memang kita akan bertukar sedikit syarat sebab sebelum ini di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Soalan yang kedua itu promosi-promosi di antarabangsa atau di luar negara, memang kita akan dapat adakan bagi peluanglah wakil rakyat, Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri supaya boleh mengikut rombongan kita membuat promosi di luar negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan Yang Berhormat dari Jerai.

**3. Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah kementerian telah selesai membuat kajian tentang cadangan YAB Perdana Menteri supaya "Dasar Rumah Siap Baru Dijual" bagi mengelak pembeli-pembeli rumah teraniaya disebabkan kegagalan pemaju menyiapkan rumah yang telah dijual.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Azizah binti Mohd. Dun]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Jerai secara serentak dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepanggar pada 18 April 2006 soalan no. 23 memandangkan soalan tersebut menyentuh perkara yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Azizah binti Mohd. Dun:** Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah selesai menjalankan kajian ke atas cadangan untuk melaksanakan konsep bina kemudian jual dalam industri perumahan seperti mana yang telah disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia. Cadangan konsep tersebut akan dibentangkan ke mesyuarat Jemaah Menteri dalam masa yang terdekat ini. Walaupun cadangan konsep bina kemudian jual belum diputuskan oleh pihak kerajaan. Pihak pemaju yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh, boleh melaksanakan projek perumahan mereka secara bina kemudian jual pada bila-bila masa dan tertakluk kepada keperluan untuk mendapatkan permit jualan yang dikeluarkan oleh kementerian. Memandangkan tiada peraturan dan undang-undang semasa yang menghalang mereka untuk melaksanakan konsep tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua kita dapat lihat rata-rata pembeli-pembeli rumah kos sederhana

dan ke bawah yang menghadapi masalah rumah mereka yang tidak siap. Mungkin disebabkan oleh pemaju hendak membuat kerja-kerja atau rumah-rumah yang kos tinggi kerana keuntungan yang berlebihan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat setakat hari inilah, berapa ramaikah atau berapa banyakkah pembeli-pembeli yang terkandas, yang tidak dapat menduduki rumah mereka dan berapa banyakkah syarikat-syarikat perumahan yang terlibat dalam gagalannya mereka menyiapkan projek-projek perumahan mereka? Dan adakah pihak kementerian akan mengambil tindakan yang lebih tegas kepada pemaju-pemaju perumahan yang telah menipu rakyat dan meletakkan rakyat atau pembeli itu dalam keadaan yang cukup sukar kerana terpaksa bayar hutang bank, terpaksa sewa rumah dan akhirnya pembeli jadi mufliis, pemaju menjadi kaya. Jadi apakah tindakan pihak kementerian? Terima kasih.

**Datuk Azizah binti Mohd. Dun:** Terima kasih kepada sahabat saya daripada Jerai yang sungguh prihatin tentang masalah yang dihadapi oleh pembeli-pembeli rumah kita.

Untuk makluman Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, bilangan projek yang terbengkalai dari tahun 1990 sehingga Disember 2005 ialah 261 projek. Bilangan unit rumah ialah 88,410 unit, bilangan pembeli yang terlibat ialah 58,685 orang semuanya. Daripada jumlah ini untuk makluman Yang Berhormat semua projek yang telah siap dipulihkan ialah 93 projek yang melibatkan bilangan unit 17,450 dan bilangan pembeli 12,541 itu merupakan 36% daripada jumlah yang terbengkalai. Selain daripada itu projek yang telah diambil alih oleh pemaju lain ialah 10 buah projek yang melibatkan bilangan unit 4,191 dan bilangan pembeli 2,074. 149 lagi projek berpotensi untuk dipulihkan dan ini melibatkan 63,894 unit bilangan pembeli ialah 42,706 orang.

Kementerian kita sebenarnya sedang bekerjasama dengan mereka ini sebagai orang tengah yang mengaturkan, mencari jalan bagaimana projek-projek ini dapat dipulihkan, khususnya projek-projek yang dikenal pasti berpotensi untuk dipulihkan, di mana kita sama-sama mencari *white knight* untuk menyelesaikan masalah projek yang terbengkalai ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** *White knight* apa dia?

**Datuk Azizah binti Mohd. Dun:** *White knight*, dengan izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa dia itu?

**Datuk Azizah binti Mohd. Dun:** Ini adalah pemaju atau mana-mana syarikat yang bersetuju untuk membaik pulih projek-projek tersebut. Jadi kita kenali sebagai *white knight* lah ini termasuklah juga SPNB yang kita kenal pasti untuk membantu selain daripada pemaju-pemaju yang lain. Daripada jumlah ini cuma sembilan sahaja projek yang dikenal pasti tidak boleh langsung dipulihkan oleh sebab masalah-masalah yang telah kita kenal pasti. Jadi untuk makluman Yang Berhormat semua sebenarnya memang pihak kementerian senantiasa bekerja keras, berusaha untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pembeli-pembeli kita.

Sebagai permulaannya, jika kita mendapat tahu ada projek-projek yang sudah terbengkalai atau pun lewat kita akan meminta pembeli-pembeli ini menubuhkan jawatankuasa

pembeli mereka. Mereka kemudian akan menemui kita dan kita akan mengatitkan mesyuarat-mesyuarat yang dipengerusikan oleh timbalan-timbalan menteri dan juga setiausaha Parlimen mengikut kawasan-kawasan yang ditentukan, di mana kita menjemput semua pihak yang terlibat dan mencari jalan bagaimana projek-projek yang terbengkalai ini dapat dipulihkan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Tindakan-tindakan tegas untuk makluman Yang Berhormat semua ialah kita telah pun secara *administrative* ataupun secara pentadbiran menyenaraihitamkan syarikat-syarikat yang terlibat dengan projek-projek terbengkalai ataupun projek yang lewat. Di samping itu juga kita menyenaraihitamkan pengarah-pengarah syarikat ataupun *board of directors* yang terlibat dengan projek-projek yang terbengkalai, projek yang lewat ini. Berertinya jika ada di antara individu-individu yang menjadi pengarah syarikat yang terbengkalai ini kemudiannya masuk dengan syarikat-syarikat yang lain jadi pengarah mereka kita akan monitor mereka ini. Jika kita dapati mereka terlibat dengan syarikat yang terbengkalai apa pun projek-projek terbengkalai kita tidak akan memberikan mereka lesen ataupun permit.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya adalah berkaitan dengan konsep bina dulu jual kemudian. Saya difahamkan sekarang ini di bawah Kementerian Perumahan ini ada satu Jabatan iaitu Tribunal Tuntutan. Tribunal Tuntutan ini iaitu untuk memberikan tuntutan daripada pembeli-pembeli rumah terhadap pemaju. Tetapi setakat ini saya hendak tanya, apakah keberkesanan tribunal ini kerana pada masa ini masih terdapat banyak kes-kes tertentu. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, secara kebetulan semalam saya dapat satu surat daripada persatuan penduduk di Taman Puchong Indah ini, lebih daripada 300 pembeli ini. Mereka telah mendapat keputusan daripada tribunal bahawa pemaju *max benefit* ini mesti bayar kepada mereka. Tetapi sampai hari ini sejak tahun 2000 ini mereka masih tidak dapat satu sen pun. Saya hendak tanya apakah cara atau langkah yang efektif? Jangan bagi saya jawapan perkara ini boleh dihadapkan ke mahkamah, ini saya ingat jawapan yang tidak boleh diterima oleh pembeli ini. Saya hendak satu jawapan yang konkrit, satu jawapan yang efektif. Bagaimana kita hendak menyelesaikan ini. Saya fikir *this one*.

**Datuk Azizah binti Mohd. Dun:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Puchong. Sebelum saya menjawab tadi bagaimana efektif, saya ingin memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa jumlah pendaftaran keseluruhan kes yang telah didaftarkan dengan tribunal tuntutan pembeli rumah di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, ialah sebanyak 16,399 setakat ini. Daripada jumlah tersebut yang telah selesai dikendalikan oleh tribunal ialah 14,941 kes. Cuma 1,458 sahaja yang belum selesai. Jadi dengan erti kata yang lain memang kita telah banyak menyelesaikan kes.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Sudah selesai tapi wang tak sampai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat duduk, biar Timbalan Menteri jawab.



**Datuk Azizah binti Mohd. Dun:** Untuk wang yang tidak sampai ini sebenarnya Yang Berhormat kami di kementerian termasuklah Yang Berhormat Menteri amatlah prihatin dengan masalah ini, menjadi satu topik perbincangan yang hangat di kalangan kami dan kami memang telah mengarahkan kita punya pegawai undang-undang untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap pemaju-pemaju yang gagal untuk membayar tuntutan yang telah pun diputuskan oleh tribunal dibayar kepada pembeli-pembeli ini. Setakat ini kes telah pun di bawa ke mahkamah dan kita difahamkan bahawa ada kes-kes ini sudah pun didengar dan ada lagi yang akan didengar oleh mahkamah. Jadi Yang Berhormat kita minta supaya mengetahui bahawa kementerian sebenarnya amat prihatin tentang perkara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat dari Kepong.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah ya.

**4. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan status wanita dalam aspek termasuk politik dan ekonomi. Setakat mana kementerian dapat menjayakan CEDAW khususnya menghapuskan undang-undang yang mendiskriminasikan wanita.

**Setiasaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

**[Datin Paduka Chew Mei Fun]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama lain-lain kementerian dan agensi kerajaan telah melaksanakan pelbagai program bagi meningkatkan status wanita dalam semua bidang termasuk ekonomi dan politik. Usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan telah menampakkan kejayaan kini.

Dalam bidang politik. Bilangan wanita yang dipilih sebagai Ahli Dewan Rakyat melalui Pilihan Raya Umum pada tahun 2004 adalah seramai 21 orang berbanding 20 orang daripada tahun 1999. Pada Pilihan Raya Umum tahun 2004 juga bilangan Ahli Dewan Undangan Negeri, wanita ialah 36 orang iaitu 6.3% daripada 567 orang berbanding 28 orang atau 5.6% daripada 495 orang pada tahun 1999.

Bagi Ahli Dewan Negara pula seramai 20 orang wanita iaitu 32.3 peratus daripada 60 orang telah dilantik sebagai Ahli Dewan Negara pada Oktober tahun 2005, berbanding 19 orang iaitu 29.7 peratus daripada 64 orang pada tahun 2000. Kadar penyertaan wanita dalam pasaran tenaga buruh juga telah meningkat daripada 44.7 peratus pada tahun 1995 kepada 47.3 peratus pada tahun 2004. Peningkatan ini adalah hasil usaha kerajaan menggalakkan penyediaan kemudahan sokongan seperti pusat jagaan kanak-kanak, perumahan dan pengangkutan kepada pekerja wanita serta perlaksanaan peraturan kerja yang fleksibel seperti kerja sambilan dan waktu anjal. Penyertaan wanita dalam bidang profesional dan di peringkat pembuat keputusan turut meningkat.

Pada tahun 2004, bilangan wanita yang memegang jawatan utama sektor awam atau JUSA di permintaan awam ialah seramai 314 orang atau 18.8 peratus daripada jumlah keseluruhan iaitu 1,670 orang JUSA yang dilantik. Jumlah wanita di dalam kumpulan pengurusan dan profesional adalah seramai 113,583 orang iaitu 54 peratus daripada jumlah keseluruhan seramai 209,374 orang pada tahun 2004. Bagi wanita yang berkhidmat di sektor korporat sehingga Jun 2005 jumlah wanita yang memegang jawatan sebagai ahli lembaga pengarah di 50 syarikat berdaftar di Bursa Malaysia adalah seramai 28 orang atau 10.2 peratus dan seramai 75 orang atau 11 peratus wanita dilaporkan menyandang jawatan sebagai ahli lembaga pengarah di 88 buah syarikat berkaitan kerajaan. Pencapaian wanita di dalam bidang pendidikan adalah amat menggalakkan. Di peringkat pengajian ijazah pertama jumlah pelajar wanita yang berjaya mendapat tempat di pusat pengajian tinggi awam telah meningkat daripada 109,142 pelajar atau 61 peratus daripada jumlah keseluruhan pelajar seramai 178,824 pada tahun 2001 dan 2002.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, cukup Yang Berhormat.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Kepada 123,210 pelajar atau 44.1 peratus...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Nanti saya akan habis, habis. Kadar celik huruf di kalangan wanita juga telah meningkat iaitu daripada 85.4 peratus pada tahun 2000 kepada 88.1 peratus pada tahun 2004. Malaysia telah menerima pakai *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women* pada 5hb Julai 1995. Melalui usaha yang berterusan kerajaan telah memberi penekanan kepada aspek perundangan bagi menjaga kebajikan dan kepentingan wanita serta melindungi mereka daripada diskriminasi. Sekian, terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Meneliti angka-angka yang diberi nampaknya ada kemajuan sedikit tetapi di Parlimen ini tambah satu ahli Parlimen wanita berbanding dengan dahulu.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** DAP pun tidak bertambah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Macam mana kita ada tiga? [*Dewan menjadi riuh seketika*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya, ada tiga! Hampir 25 peratus. Tuan Yang di-Pertua, memang CIDOR ini sudah ada semenjak 27 tahun dan Malaysia adalah salah satu negara yang menerima pakai dengan cepat dalam tempoh 27 tahun ini, dan di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahulah. Kalau kita menerima pakai *convention* ini maka kita, dengan, izin Tuan Yang di-Pertua. *To be incorporate the principal of equality of men and women in their legal systems; to establish tribunals and other public institutions to ensure the elimination of all acts of discrimination against women by persons, organisations or enterprises.*

Tuan Yang di-Pertua, misalnya kalau kita nampak hakim di Mahkamah Syariah satu pun tidak ada. Saya tidak faham, di situ semua hendak menuntut keadilan bagi wanita tetapi satu pun tidak sebut, satu orang pun tidak sebut.

*[Dewan gamat seketika]*

Dari segi *incorporation of principal equality of men and women in legal systems, you know*. Sistem perundangan, tribunal dan juga itu semua organisasi dan *enterprise*, apakah pelan tindakan atau *action plan* yang kita ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, serupalah itu.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Saya suka tahu dan saya akan meneliti angka-angka ini kerana kita hendak susurkan kepada masalah yang wujud kerana di situ kita tidak boleh harap langsung. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kepong. Untuk memastikan kedudukan wanita di negara kita terus meningkat kita bukan sahaja telah menyediakan dan mewujudkan satu dasar iaitu 30 peratus wanita di peringkat membuat keputusan. Oleh itu, kita akan sampai satu masa kita akan ada mungkin kita akan ada seorang hakim di Mahkamah Syariah, dan untuk maklumat Yang Berhormat, untuk menjamin hak wanita di sisi undang-undang adalah terpelihara. Rangka berterusan akan diambil oleh kementerian bagi meneliti dan menyemak undang-undang untuk memastikan tiada unsur mendiskriminasikan wanita selaras dengan obligasi yang digariskan oleh CEDAW.

Undang-undang yang telah kita buat pindaan adalah seperti berikut:

- (i) Akta Penjagaan Budak 1961 telah dipinda pada tahun 1999 bagi memberikan hak jagaan yang sama kepada ibu dan bapa ke atas anak mereka. Pelaksanaan akta ini yang berkuat kuasa pada tahun 2000 membenarkan ibu menandatangani semua dokumen berhubung anak yang masih di bawah umur 18 tahun bagi yang beragama Islam dan di bawah 21 tahun bagi bukan yang beragama Islam;
- (ii) Pindaan perkara 8.2 Perlembagaan Persekutuan pada Ogos 2001 dengan memasukkan perkataan gender untuk menjamin supaya tidak sebarang diskriminasi berasaskan gender;
- (iii) Pindaan ke atas peraturan imigresen bagi membolehkan lelaki asing yang berkahwin dengan wanita rakyat Malaysia memperbaharui pas lawatan sosial mereka setahun sekali dan wanita asing yang di cerai atau tinggal berasingan dengan suami warga negara Malaysia boleh memohon pas lawatan secara tahunan berkuat kuasa mulai 1 September 2001;

- (iv) Pindaan ke atas Akta Pencen 1980 bagi membolehkan balu yang berkahwin semula terus mendapat pencen terbitan mulai tahun 2002;
- (v) Pindaan ke atas Akta Tanah Kawasan Penempatan 1960 pada tahun 2002 bagi membolehkan isteri atau bekas isteri atau waris kadim peneroka yang memasuki tanah rancangan dan bersama-sama mengusahakan ladang menjadi pemilik bersama tanah berkelompok. Akta yang sedang disemak setakat ini ialah Akta Asuhan, Akta Keganasan Rumah Tangga, Akta-akta berkaitan seperti Akta Kerja 1955, Akta Perhubungan Perusahaan 1957 dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 untuk memansuhkan peruntukan bagi menangani kejadian berhubung dengan gangguan seksual di tempat kerja. Sekian terima kasih.

**Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebagai penandatanganan kepada CEDAW, adakah pihak kementerian ingin memberi sebarang tekanan ataupun tindakan terhadap syarikat penerbangan nasional (*MAS*) di mana di dalam *contract of service*, dengan izin, kepada pramugari contohnya, syarikat ini mengehendkan bilangan umur dan juga bilangan anak yang boleh diperolehi untuk seseorang pramugari itu bersama di dalam penerbangan. Sekian, terima kasih.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Perkara ini telah pun dibincang di antara kementerian dengan pihak *MAS* dan kita akan ambil perhatian dalam perkembangan yang seterusnya. Terima kasih.

**5. Dr. James Dawos amit [Mambong]** minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapakah bahan buangan klinikal (*clinical wastes*) untuk hospital-hospital dan klinik-klinik swasta tidak di lupus oleh kontraktor yang dilantik oleh kerajaan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Kesihatan telah melantik 3 syarikat konsesi iaitu Faber Mediserve Sdn Bhd., Medicare Malaysia Sdn. Bhd. dan Pantai Medinvest Sdn. Bhd untuk mengendalikan sisa klinikal dari semua hospital dan klinik kerajaan. Syarikat-syarikat ini bertanggungjawab untuk membekalkan peralatan-peralatan dan bahan-bahan untuk penyimpanan sisa, mengutip, mengangkut dan seterusnya melupuskan sisa tersebut di loji-loji penurunan sisa klinikal mereka.

Bahan buangan klinikal untuk hospital dan klinik-klinik swasta pula loji-loji penurunan, syarikat konsesi yang terletak di luar kawasan hospital seperti loji penurunan sisa klinikal di Lokawi, di negeri Sabah, Kemunting di negeri Perak, Teluk Panglima Garang di negeri Selangor dan Bukit Rambai di negeri Melaka boleh digunakan untuk tujuan melupuskan sisa klinikal yang dijanakan oleh hospital-hospital dan klinik-klinik swasta.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana yang kita tahu bahawa sisa-sisa klinikal memanglah berbahaya kerana ia mengandungi juga *pathogen* ataupun kuman-kuman yang boleh menyebabkan penyakit. Saya lihat di Sarawak, hanya satu hospital swasta yang ada incinerator yang lain semua tidak ada. Ada tiga, empat dan lima hospital swasta di Sarawak sekarang, hanya sebuah yang ada incinerator dan banyak lagi klinik-klinik swasta yang mana sisa-sisa klinikal, saya pun tidak tahu sama ada di lupus ataupun tidak. Jadi ini memang berbahaya. Oleh yang demikian, kenapalah kerajaan tidak melantik juga kontraktor untuk melupus klinikal swasta mengikut kaedah *polluters pay*. Ini kerana klinik swasta ini mereka mendapat duit dari pesakit-pesakit, jadi adalah tanggungjawab mereka untuk melupuskan sisa-sisa klinikal. Terima kasih.

**Dato' Lee Kah Choon:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, di Sarawak kita ada kemudahan pelupusan sisa-sisa buangan bersepadu yang dikendalikan oleh sebuah syarikat swasta iaitu syarikat *Trinicant Sarawak Sdn Bhd* yang telah beroperasi untuk menguruskan sisa buangan termasuk sisa berbahaya yang dihasilkan oleh industri-industri bagi seluruh negeri Sarawak. Loji ini juga berupaya untuk melupuskan sisa-sisa klinikal yang dihasilkan oleh hospital-hospital dan klinik-klinik swasta. Lesen ini baru diberikan kepada mereka oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak iaitu mulai 1 Mac. Sekian.

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Tuan Yang di-Pertua, penguatkuasaan kepada pelupusan barang buangan di hospital dan klinik swasta ini pada saya, jika tidak dilakukan kerana *ignorant* atau kerana ketidakpatuhan sahaja. Bagaimana pula tindakan kementerian kepada pengguna yang melupuskan barang-barang *pharmaceutical* ataupun perkara-perkara perubatan ini yang dilakukan di rumah-rumah penjagaan, yang mana kalau ia mengandungi perkara-perkara terlarang pendidikan kepada berbahayanya barang-barang ini tidak dilakukan. Terima kasih.

**Dato' Lee Kah Choon [Jelutong]:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Kesihatan sedang mempertingkatkan lagi kawalan-kawalan berkaitan dengan buangan sisa-sisa klinikal ini dan kita harap dalam satu, dua bulan ini kita akan menggazetkan *Private Health Care and Facilities Regulation* di mana kita akan mengetatkan lagi kawalan ini terhadap klinik-klinik swasta dan juga hospital-hospital swasta.

6. **Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian]** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan kakitangan awam yang tidak mengisytiharkan harta mereka.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan 10 - Peraturan-peraturan Pegawai Awam, Kelakuan dan Tatatertib 1993 menghendaki semua pegawai awam mengisytiharkan harta mereka kepada kerajaan sekurang-kurangnya sekali dalam lima tahun. Peraturan ini adalah bertujuan untuk memelihara dan mempertingkatkan tahap integriti perkhidmatan awam di mana pegawai awam

perlu menyelenggarakan taraf hidup mereka mengikut kemampuan sejajar dengan gaji dan pendapatan lain yang sah.

Mengikut peraturan, pegawai awam dikehendaki mengisytiharkan harta mereka kepada kerajaan apabila:

- (i) dilantik ke dalam perkhidmatan awam;
- (ii) dikehendaki oleh kerajaan;
- (iii) memperoleh harta baru; dan
- (iv) melupuskan harta.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan rekod pemantauan Jabatan Perkhidmatan Awam sehingga 31 Disember 2005, seramai 2,080 orang pegawai belum mengisytiharkan harta. Jumlah ini termasuklah perkhidmatan Persekutuan, perkhidmatan awam negeri, badan-badan berkanun Persekutuan, badan berkanun negeri dan pihak berkuasa tempatan. Pegawai awam yang belum mengisytiharkan harta ini adalah mereka yang terdiri daripada pegawai-pegawai yang sedang diambil tindakan tatatertib dan pegawai-pegawai yang baru dilantik. Setakat ini tidak ada pegawai yang ingkar untuk mengisytiharkan harta mereka.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, tadi Yang Berhormat menyatakan bahawa pada tahun 2005, seramai 2,000 orang sahaja yang telah mengisytiharkan harta mereka yang mana kita rasa kakitangan ini melebihi dalam lingkungan 1 juta. Jadi, berapakah sebenarnya angka kakitangan awam yang patut mengisytiharkan harta dan apakah sebenarnya dari segi pandangan kerajaan definisi ataupun kategori-kategori harta yang dikatakan untuk diisytiharkan oleh mana-mana pegawai ataupun kakitangan awam? Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, memang tadi saya telah sebutkan berdasar kepada pertanyaan iaitu Yang Berhormat yang ingin tahu mereka yang tidak mengisytiharkan harta. Tetapi dari segi sebab juga saya telah sebutkan tadi iaitu kerana mereka sedang di dalam tindakan tatatertib ataupun pelantikan baru. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah sebenarnya yang telah mengisytiharkan harta mereka ialah seramai 983,784 orang. Ini adalah satu angka yang pada pendapat kita adalah sangat positif dari segi menurut perintahnya kakitangan kita.

Kedua, Yang Berhormat telah timbulkan tentang definisi 'harta'. Mengikut pekeliling - saya bernasib baik pada hari ini kerana ada pekeliling di hadapan saya. Mengikut Pekeliling Perkhidmatan yang telah dikeluarkan oleh pihak kerajaan, definisi 'harta', ia ada dua jenis. Satu harta alih dan satu lagi harta tak alih.

Harta tak alih seperti tanah termasuk tanah yang diduduki di bawah lesen pendudukan sementara, segala jenis tempat kediaman seperti rumah, rumah pangsa, pangsapuri atau kondominium dan bangunan termasuk rumah kedai atau ruang kedai, ruang pejabat atau warung. Bagi harta alih pula ialah apa-apa bentuk wang tunai di mana jua di deposit atau

disimpan. Yang kedua syer, saham, *debenture*, bon atau sekuriti. Selain daripada itu yang termasuk dalam kategori ini ialah apa-apa bentuk lesen atau permit perdagangan, perniagaan atau komersial; dan apa-apa harta alih yang lain termasuklah segala jenis kenderaan, motor, barang kemas, keahlian kelab, perabot, rumah, alat sukan yang berharga belian tiap-tiap satu melebihi enam bulan emolumen atau RM10,000 mengikut mana yang lebih rendah.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu macam mana seorang rakyat biasa dapat mengenal pasti bahawa sesuatu harta yang diperolehi oleh seseorang kakitangan itu benar-benar telah diisytiharkan oleh kerajaan. Dan apakah proses di mana pengisytiharan itu dapat diketahui oleh orang ramai supaya ada *accountability dan transparency*.

Saya katakan demikian kerana baru-baru ini Suruhanjaya Diraja Polis, di mana seorang anggota dikatakan telah memiliki berjuta-juta harta. Walaupun saya difahamkan dia telah mengisytiharkan kepada kerajaan. Apakah penentuan atau pemantauan yang dapat diberi oleh kerajaan. Juga yang terlibat adalah menteri-menteri. Bagaimana kita dapat pengetahuan atau orang ramai dapat pastikan bahawa harta ini tidak diperolehi dengan secara yang tidak legal dari segi undang-undang?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, negara kita adalah sebuah negara yang ada sistem. Pekeliling yang dikeluarkan ini pun mempunyai sistem yang pada pandangan kita adalah yang terbaik. Pertama, sudah tentu Yang Berhormat boleh meminta penjelasan di dalam Dewan ini seperti mana hari ini. Kedua, mengikut pekeliling ini, tiap-tiap jabatan yang berkenaan mempunyai urus setia masing-masing dan mempunyai borang yang tertentu. Borang-borang ini ada *item-item* yang mesti dijelaskan, macam saya sebutkan tadi, seperti yang ditanyakan oleh Yang Berhormat tadi, hartanya dan sebagainya; dan ada urus setia.

Urus setia ini memastikan bahawa selepas diisytiharkan harta dia mesti membuat suatu kajian ataupun penyelidikan sama ada harta ini benar ataupun tidak, Selepas disahkan, kemudian barulah diberikan kepada - kalau jabatan kepada ketua-ketua jabatan. Di sinilah di mana ketua-ketua jabatan pula akan memberi perhatian. Umpamanya pegawai-pegawai tersebut adakah mempunyai keupayaan untuk memiliki harta yang telah dilaporkan.

Kedua, cara perolehan harta yang dilaporkan itu tidak bertentangan dengan mana-mana peraturan, kalau ia tidak bertentangan, tidak masalah kita memiliki harta.

Ketiga, cara perolehan harta tersebut tidak menggunakan kedudukan rasminya atau tidak bertentangan antara kepentingan rasmi dengan kepentingan persendirian dan seterusnya faktor lain yang berkaitan dengan keutuhan dan kecekapan perkhidmatan awam. Artinya ketua jabatan masing-masing membuat penilaian dan penelitian sama ada harta ini diperoleh secara sah ataupun tidak.

Begitu juga untuk makluman Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat tanya tentang pengisytiharan harta menteri-menteri. Memang menteri-menteri semua dikehendaki

mengisytiharkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana Perdana Menteri ialah ketua kepada pemimpin-pemimpin kerajaan dan kita pun ada urus setia juga. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan menilai sama ada ia berpatutan ataupun diperoleh secara sah. Setakat ini, alhamdulillah, dimaklumkan bahawa semua menteri tidak akan dipertikaikan tentang harta milik mereka. Bagi menteri juga saya ingin memaklumkan bahawa yang dilantik baru pun terpaksa mengisytiharkan harta mereka.

7. **Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk membekalkan elektrik di sepanjang Pan Borneo Highway dari Balai Ringin ke Kampung Ran di kawasan Parlimen P 202 Sri Aman.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Dr. Tiki anak Lafe]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk membekalkan elektrik di sepanjang Pan Borneo Highway dari Balai Ringin ke Kampung Ran di kawasan Parlimen P 202 Sri Aman, beberapa langkah telah diambil oleh kementerian.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan, kementerian telah melaksanakan projek "Bekalan Elektrik Luar Bandar" (BLB). Talian grid 33 KB dari Sri Aman ke Kampung Ran sejauh 40 kilometer dengan kos RM8.61 juta. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan pula, kementerian telah menerima permohonan untuk melaksanakan 63 buah projek bernilai RM41.9 juta yang melibatkan 1,199 buah rumah di sepanjang jalan Pan Borneo dari Balai Ringin ke Kampung Ran.

Untuk makluman Yang Berhormat, jarak dari Kampung Ran ke Balai Ringin dianggarkan 100 kilometer dan memerlukan pembinaan talian 33 KB, beberapa pencawang serta menaiktarafkan pencawang Cisco yang sedia ada. Kementerian akan mengadakan perbincangan bersama dengan kerajaan negeri dan juga pihak Cisco bagi menentukan senarai keutamaan projek berdasarkan permohonan yang diterima setelah mengambil kira keupayaan bekalan oleh Cisco.

Sehingga kini peruntukan BLB negeri Sarawak yang diluluskan untuk tahun 2006 ialah RM48 juta dan bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan ia masih dalam pertimbangan kerajaan. Sekian.

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Walaupun begitu masih banyak juga kawasan yang belum dibekalkan dengan elektrik. Justeru itu bolehkah kementerian mengadakan secara automatik peruntukan sebanyak RM2 juta setiap tahun untuk maksud ini ke setiap kawasan Parlimen, bukan sahaja di Sri Aman, di seluruh Malaysia yang memerlukannya supaya kami Ahli Parlimen dapat membantu kerajaan dalam usaha kita hendak meningkatkan taraf hidup dan kualiti hidup rakyat kita.



Oleh sebab salah satu daripada strategi kementerian ini ialah strategi "*Bottom Up Strategy*"(BUS) jadi ini, Tuan Yang di-Pertua, ini adalah peluang yang keemasan untuk kementerian mempraktikkan polisi ini. Kalau tidak apakah kaedah yang akan digunakan oleh kementerian untuk menyelesaikan masalah yang masih dengan kita ini, iaitu sebahagian besar daripada wilayah Sabah dan Sarawak yang masih belum dibekalkan dengan api elektrik.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Aman. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kita telah membekalkan elektrik ke seluruh negara mengikut rancangan ataupun program yang telah diadakan. Untuk makluman semua, setakat akhir tahun 2005 liputan bekalan elektrik luar bandar seluruh negara adalah seperti berikut:

- |       |                                |   |        |
|-------|--------------------------------|---|--------|
| (i)   | Semenanjung Malaysia (liputan) | - | 98.5%; |
| (ii)  | Sarawak (setakat ini)          | - | 80.8%  |
| (iii) | Sabah                          | - | 70.4%. |

Memang kementerian sedar bahawa dua negeri khasnya Sabah dan Sarawak masih lagi ramai yang belum mendapat bekalan elektrik ini dan banyak rintangan dan cabaran yang kita perlu hadapi bagi kedua-dua negeri ini dari segi topografi dan sebagainya. Oleh kerana itulah kita ada dua sistem iaitu bekalan elektrik daripada grid untuk main grid, dan yang kedua adalah menggunakan sistem alternatif. Di bawah alternatif ini, Yang Berhormat pun sedia maklum bahawa kita telah membekal dan akan membekal '*genset*' walau pun kita sedar bahawa mereka yang menggunakan genset ini menghadapi sedikit masalah sekarang kerana kenaikan harga diesel.

Kedua adalah bagi kita memasang sistem solar dan di Semenanjung kita telah mendapat cadangan (*proposal*) daripada TNB dan di beberapa tempat yang tidak dapat kita sambung melalui grid akan dibekalkan dengan sistem solar hybrid. Begitu juga di kawasan-kawasan di tepi pantai yang di mana kita boleh mendapat angin yang kuat mereka juga mungkin dibekalkan dengan turbine.

Untuk makluman semua, kementerian telah mendapat perkhidmatan daripada syarikat untuk membuat kajian di Sabah dan Sarawak. Setakat ini 13 buah kampung telah dikaji untuk mencari kesesuaian bagi membekal sistem solar hybrid ini. Daripada 13 buah kampung itu, 6 buah kampung telah diperakukan untuk ditukarkan dengan sistem ini. Ada juga kampung-kampung di pedalaman seperti di Bario dan sebagainya kita akan meneruskan program *mini hydro* walau pun kita tahu kita berhadapan dengan masalah tetapi sebuah syarikat telah dikenal pasti dan telah diberi surat untuk mencari jalan bagaimana kita membaik pulih sistem *mini microhydro* yang telah tergendala.

Selain daripada itu, kementerian dengan kerjasama kerajaan negeri memang berusaha mencari jalan bagaimana kita dapat mempercepatkan liputan bekalan elektrik kepada kawasan

luar bandar di kedua-dua negeri ini. Berkenaan dengan cadangan bahawa kementerian menggunakan sistem peruntukan secara automatik bagi semua kawasan Parlimen iaitu saya rasa kita sokong sekiranya ada cadangan dan keputusan oleh kerajaan tetapi ini tertakluk kepada keputusan kepada kerajaan dan juga kemampuan kerajaan untuk memberi peruntukan bagi setiap kawasan Parlimen. Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak memperingatkan kementerian mengenai sejarah sistem solar ini. Kawasan Batang Lupar diperkenalkan 160 solar dengan nilai tidak kurang daripada RM3 juta. Dalam masa sembilan bulan semua solar tutup, tidak boleh pakai.

Tiga hari lepas, saya berjumpa dengan orang kawasan Parlimen Santubong. Dia kata, "Kalau hendak hantar solar Dato', jangan buang duit kerajaan. Tidak payah kerana solar ini dia tidak boleh pakai lama." kata dia, habis. Sebelum penggunaan solar ini dibuat, apakah kajian yang dilaksanakan selama ini semenjak tahun 1998 apabila solar mula-mula diperkenalkan di Sarawak dan apa kepastian daripada kerajaan dan kementerian bahawa duit yang digunakan untuk menggunakan hybridkah atau apa brid solar ini betul-betul mendatangkan hasil dan kewangan kerajaan tidak terbuang begitu sahaja. Terima kasih.

**Datuk Dr. Tiki Lafe:** Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya ini, betul-betul dekat kawasan saya Santubong. Berkenaan dengan sejarah itu, saya terima kasihlah oleh kerana ini kali pertama saya mendengar bahawa sistem solar yang dibekalkan ke kawasan Batang Lupar itu telah tidak berfungsi selepas sembilan bulan dan oleh kerana itu kalau boleh saya minta Yang Berhormat memberikan maklumat yang terperinci kepada saya.

Yang kedua, berkenaan dengan sistem solar ini memang kerajaan telah membuat kajian dengan kerjasama TNB di Semenanjung ini mengenai dengan sistem solar dan juga bagaimana kita dapat memperpanjangkan *life span* dan sebagainya. Untuk maklumat semua, setakat ini kita mempunyai banyak sistem dan dari segi sistem yang digunakan ataupun dari segi bateri (*cell*) dia itu pun sudah dikenal pasti oleh pihak TNB bahawa kita mempunyai satu sistem yang baik dan boleh tahan lama.

Yang kedua, TNB pun sudah membuat kajian di mana kita akan membekalkan bukan sistem solar seperti dahulu, iaitu *stand alone* dengan izin tetapi seperti mana yang telah saya sebutkan tadi, iaitu sistem solar hybrated bermakna solar, bateri dan juga ada genset, sekiranya ada *breakdown*. Itulah sistem yang akan kita perkenalkan. Sama ada itu membuang duit atau tidak, kita tidak ada pilihan lain khasnya bagi kawasan-kawasan yang jauh daripada grid utama. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahajalah sesi soal jawab lisan pagi ini.

**[Masa bagi pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah tamat]**

**USUL-USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN  
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****11.07 pagi****Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) saya mohon mencadangkan bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 8.30 malam dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi esok hari 30 Mac 2006.”

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

**USUL MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen yang Kesebelas.” **[28 Mac 2006]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima permohonan Menteri Luar Negeri supaya penggulungan bagi kementerian ini dikemudiankan pada sesi petang ini. Oleh yang demikian giliran Kementerian Luar Negeri yang dijadualkan selepas Kementerian

Perdagangan Antarabangsa dan Industri dikemudiankan selepas giliran Kementerian Sumber Manusia. Dengan itu saya minta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk menyambung jawapan.

### 11.09 pagi

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Petra Jaya, dan Yang Berhormat bagi Tangga Batu telah menyentuh mengenai hasrat kerajaan menjadikan Malaysia sebuah halal hub sebagai satu sumber pembangunan ekonomi.

Ahli Yang Berhormat membangkitkan sama ada agensi-agensi kerajaan telah bersedia untuk menjadikan Malaysia sebagai halal hub di peringkat dunia dan kekeliruan mengenai logo halal.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah memutuskan bahawa hanya logo halal JAKIM digunakan sebagai logo halal Malaysia sementara sijil halal boleh dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri mengikut prosedur standard yang dikeluarkan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Sebelum masuk perkara ini Tuan Yang di-Pertua, semalam sebenarnya sebelum Dewan yang mulia ini ditangguhkan, Yang Berhormat Menteri ada menjawab soalan daripada Yang Berhormat bagi Bukit Bintang mengenai *national automotive policy* (NAP) dan bagaimana NAP boleh berjaya supaya Malaysia boleh menjadi *hub automotive industry* apabila kita boleh berdepan dengan negara-negara lain di Asia Tenggara. Kita sudah mendahului 20 atau 30 tahun tetapi sekarang kita sudah terkebelakang dan Thailand telah menjadi *retrieve of the East*. Bagaimana kita boleh kejar dan berjaya dalam perkara ini?

Yang Berhormat Menteri pun ada sebut mengenai eksport Proton. Bukankah benar bahawa pada jumlah eksport yang ada dibuat oleh Proton dalam masa 20 tahun ini sebenarnya lebih kita eksport maka lebih pula kita rugi dan jumlah kerugian mungkin hampir RM1 bilion. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengesahkan?

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat mengesahkan bahawa Proton menghadapi kerugian daripada eksport kereta keluar negara. Pertamanya, saya tidak mempunyai statistik. Nanti saya tengok dari segi statistik. *[Menyemak dokumen]* Saya ingat statistik penjualan Proton di luar negara tidak sebanyak mana sehingga tahun 2004 - 2005 lebih kurang 17,000 dan sekarang ini untuk tahun kewangan 2005 - 2006 sudah mencapai antara 8,000 hingga 10,000.

Kalau saya ambil daripada konteks itulah, jumlah yang dipasarkan itu dengan kosnya, saya tidak percaya boleh sampai RM1 bilion, kalau diikuti dari segi rugi. Walau pun kata untuk tujuan, biasanya mana-mana syarikat bila mula mereka hendak membuat *market penetration*, mereka akan bagi diskaun kepada harga. Kalau bagi diskaun pun saya tidak jangka boleh sampai RM1 bilion.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukti Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Proton yang dijual di luar negeri ada memberi *buy-back guarantee* iaitu suatu cara untuk menarik lebih ramai pembeli di luar negeri. Oleh kerana *buy-back guarantee*, Proton akan rugi banyak sebab kereta terpakai diberi balik kepada Proton memastikan harganya yang di *guarantee*. Oleh kerana itu mengakibatkan Proton mengalami kerugian yang banyak walau pun di negara lain apabila kereta yang dijual tidak memberi suatu jaminan yang begitu dahsyat.

Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu kepada Dewan yang mulia ini bahawa berapa jumlah dalam tempoh 20 tahun ini kereta yang telah dieksport kepada negeri-negeri lain ditarik balik dan juga berapa kos kerugian dalam hal ini. Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, isu ini adalah isu spesifik iaitu isu *operation* dengan izin - *operation* Proton dan sudah tentulah saya tidak mempunyai maklumat sekarang. Saya akan bagi notis dan jawab kemudian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baik.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada memberi angka tadi mengenai jumlah eksport Proton. Tetapi adakah ia angka keseluruhannya daripada awal - total angka, dan beliau ada mempertikaikan anggaran kerugian RM1 bilion. Beliau berkata bahawa tidak mungkin sampai angka itu.

Bolehkah kita adakan suatu *estimate*, kalau bukan RM1 bilion, *three quarter billion*. *Three quarter billion* pun suatu angka yang besar – RM750 juta kerugian atau setengah bilion. Tentu Yang Berhormat ada angka oleh kerana tentu Yang Berhormat terlibat dalam perbincangan-perbincangan mengenai penggubalan *national automotif policy*. Semua angka ini semasa, *the floor of a discussion* Yang Berhormat Timbalan Menteri ada.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya bagi angka jelas. Saya bagi tahu untuk laporan tahunan – *financial year end* dengan izin - Saya lebih mudah pakai perkataan itu, untuk tahun 2004 hingga 2005 - 17,000 unit. Kemudian tahun 2005 hingga 2006 sehingga kini lebih kurang antara 8,000 hingga 10,000 saya tidak memberi angka untuk keseluruhan. Saya tidak dapat *estimate* sama ada rugi RM1 bilion tetapi saya tidak jangka sampai RM1 bilion.

Saya ada statistik untuk laporan tahunan, kebetulan saya ada. Ini isu-isu *operation*, biasanya tidak sampai kepada kita.

Kalau saya ambil laporan tahunan mulai tahun 2001 kita ambil keuntungan sebelum cukai adalah sebanyak RM368 juta. Pada tahun 2002 meningkat kepada RM1.5 bilion. Kemudian tahun 2003 RM1.3 bilion dan tahun 2004 turun kepada RM576 juta dan tahun 2005 RM779.9 juta. Kalau kita lihat dari segi Penyata Kewangan tidak menampakkan ada kerugian yang besar terutama kalau kita buat *matching* pula, keuntungan ini kita buat *matching* dengan *balance sheet* berapakah stok-stok yang dijual. Saya tidak dapat menyatakan bahawa apa Yang

Berhormat nyatakan itu dari segi penyata ini tidak memungkinkan kerugian itu. Kalau kerugian sampai RM1 bilion maknanya keuntungannya merosot begitu banyak. Penyata Kewangan ini diaudit. Ini bukan kita reka tetapi diaudit oleh Juru Audit luar. Sistem *Corporate Governance* bila ada Penyata Kewangan dalaman ia akan diaudit dan selepas diaudit ia dibawa ke Mesyuarat Agung Pemegang Saham. Ini bermakna *transparence*.

[Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Yang Berhormat pula boleh mendapatkan Penyata Kewangan ini sekiranya tidak dapat daripada syarikat boleh buat *search* dengan *Registered Companies*. Ini *transparence* semua orang boleh dapat maklumat-maklumat tersebut. Yang Berhormat menyentuh tentang halal ...

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kepong.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tak kan hendak sentuh yang ini sahaja.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Dasar Automotif Negara (DAN) memang DAN merosot seterusnya ataupun DAN meningkat seterusnya? Kita hendak tahulah. Saya berharap Yang Berhormat dapat memberi butiran kepada pihak kami meneliti dan mengupas apa yang terjadi dengan eksport Proton kita yang tidak begitu menggalakkan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada kita semua tentang DAN ini, sama ada secara jangka pendek untuk menyelamatkan Proton. Tetapi jangka panjang itu saya memang bimbang kerana kelegaan untuk berapa tahun sahaja, Yang Berhormat Jerai pun tahu. Mungkin untuk 2 atau 3 tahun sahaja. Lepas itu kita menghadapi kerana kita tidak ada daya saing dan saya pun hendak tahu daripada Yang Berhormat mengapa Toyota misalnya yang bantu untuk membina kilang di Tanjung Malim, model Toyota tu. Tetapi mengapa Toyota tidak berminat berkongsi dengan Proton? Ini memang satu perkara yang penting kerana Toyota merupakan satu-satunya syarikat kereta yang terbesar di dunia yang mengatasi General Motors di mana pengeluarannya dalam satu tahun melebihi 9.8 juta buah kereta iaitu melebihi atau mengatasi General Motors. Dan mengapa Toyota tidak berminat dengan Proton? Memang tahulah apa yang terjadi dengan Proton ataupun kerana memang terlibat dengan Perodua 51%. Sebab itulah Toyota tidak berminat lagi, mungkin.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Kerana Yang Berhormat tidak pakai kereta nasional. Yang Berhormat pakai kereta import.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat buat pertanyaan di bawah Peraturan Masyarakat yang mana satu?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Atas pertanyaan sahabat. [ketawa].

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, dialah mengusik untuk membangkitkan masalah Proton.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, ....

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Sekarang dia buat apa? Hendak ganggu ye! Yang Berhormat Jerai lah yang mengusik saya untuk mendesak saya supaya membangkitkan masalah Proton. Sekarang dia hendak berpura-pura pula. [*ketawa*]. Memang saya mempunyai banyak soalan mengenai standard, harga Proton, tidak kompetitif, model yang ketinggalan zaman dan sebagainya walaupun *content* ...

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Timbalan Menteri boleh jawab.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Banyak soalan.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak payah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tak payah?

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Baik, terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tentang Toyota, saya percaya tiap-tiap syarikat mempunyai strategi masing-masing. Mereka melihat kepada satu rantau dia tidak melihat kepada .... ada yang melihat kepada negara tetapi sebahagian besar melihat kepada rantau. Ini pandangan saya secara peribadi. Toyota mempunyai *assembly partners* baik di Malaysia mahupun di Thailand dan mereka rasa sistem itu adalah sistem yang menguntungkan mereka. Jadi oleh itu tidak perlu terlibat dalam satu dengan satu syarikat pengeluar kereta untuk mengeluarkan kereta. Saya ingat itu strategi yang dibuat oleh pihak Toyota. Di tempat-tempat tertentu mereka akan buat kilangnya sendiri bersama dengan syarikat kongsi daripada negara-negara tersebut. Itu melibatkan soal strategi.

Yang Berhormat menyentuh mengenai sama ada Proton akan daya saing atau tidak. Buat masa ini kita tahu bahawa Proton menghadapi kesukaran untuk menjual ke luar negara. Menjual ke luar negara ini melibatkan banyak aspek. Pertama kita lihat dari aspek pasaran *the demand side of economy* di mana untuk menembusi pasaran memerlukan banyak faktor. Pertama permintaan. Permintaan melibatkan harga, model dan kualiti. Kemudian dari segi *ne working* untuk masuk ke negara-negara memerlukan satu *networking* yang *strong* dan bagi sebuah syarikat yang dianggap baru juga hendak mewujudkan *networking* bukan perkara mudah, itu satu perkara.

Yang kedua kita lihat dari segi penawaran *the supply side of economy* yang bermakna Proton mesti menghasilkan kereta yang pasaran mahu. Ini cerita dahulu. Sekarang ini kita ada Dasar Automotif Nasional. Salah satu daripada objektif Dasar Automotif Nasional adalah untuk mewujudkan *sustainable economy* dari segi *setomotif total*. *Total* maksudnya *manufacturer*,

*assembler* dan juga *component supplier (Total Industry)*. Kita hendak menjadikan *hub*. Di samping itu fokus diberikan kepada kereta nasional iaitu Proton dan Perodua. Apa yang kita tahu sekarang ini pihak Proton sedang membuat *rationalization* mana-mana syarikat dari satu masa ke satu masa ia akan membuat *rationalization*. Kita tahu General Motors bila berhadapan dengan masalah satu masa dahulu mereka buat *rationalization* malah mendapat suntikan daripada kerajaan berbilion US *dollars* untuk menghidupkan balik General Motors.

Jadi Proton sekarang buat *rationalization*. Apa dia *rationalization* yang dibuat. Satu, dari segi aset *management* ada aset yang difikirkan tidak boleh maju ia dilupuskan. Itu salah satu daripadanya. Kemudian dari segi pengurusan di mana sekarang di bawah pengurusan baru daripada Pengerusinya termasuk Eksekutif. Ada suntikan baru dari individu baru. Ini bertujuan untuk mereka membawa bentuk *management* yang baru. Jadi dalam perbincangan dengan Proton baru-baru ini mereka telah pun membuat *mapping* mereka perancangan mereka untuk masa hadapan. Dari sudut pengeluaran kereta akan lebih kerap lagi kereta yang memenuhi standard antarabangsa. Dari segi *market penetration* untuk pasaran luar, mereka membuat strategi baru. Perkara ini saya sentuh semalam ketika Yang Berhormat tidak ada, itu sebab saya tanya kepada Tuan Yang di-Pertua adakah kita hendak membincangkan perkara yang sama. Kita tidak *move forward* tetapi oleh kerana Yang Berhormat minta dan Tuan Yang di-Pertua bersetuju antara strategi yang dibuat oleh Proton.

Berbalik kepada isu *rationalization*, pada masa lalu pihak Proton mengeksport kereta ke luar negara. Mereka mengeksport ke semua tempat, banyak tempat sehingga 30 lebih. Kita tahu dari sudut ekonomi kita ada satu konsep dipanggil *scarcity of resources* mana-mana baik kerajaan mahu pun organisasi. Oleh kerana *scarcity of resources* bila pergi ke banyak tempat (30 lebih buah negara) *scarcity* ini akan diterjemahkan ke dalam bentuk ketidakupayaan untuk membina kekuatan untuk membuka pasaran di sini sikit di sana sikit akhirnya penjualan Proton ke luar negara tidak begitu kuat. Dalam perancangan baru mereka lebih fokus lagi berdasarkan kepada sumber yang ada apa harus dibuat. Jadi mereka fokus kepada beberapa *rigon*. Satu UK, tetapi UK bukan bertujuan untuk *market festivity* tetapi bertujuan untuk membuat *bench making* dengan kereta lain dari segi tahap di dunia kerana ini *recognition* yang perlu oleh dunia apabila kereta-kereta ini hendak dijual ke negara-negara lain. *Target market will be* akan ditumpukan kepada Timur Tengah, kemudian Afrika Utara dan Afrika Selatan. Afrika Selatan sekarang begitu besar dari segi penjualan kereta Proton dan Asean ...

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** Penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Lipis.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Kejap, kejap... Asean lepas itu Australia dan beberapa pembaharuan dibuat kerana Proton merupakan kereta yang dianggap baru. Apabila ia pergi ke Timur Tengah ataupun Afrika Utara ia selalu dijual secara *whole sale*. Maknanya Proton akan menjadi sebahagian daripada kereta-kereta lain yang dijual. Jadi Proton



merasakan bahagian sistem itu tidak *viable* untuk Proton maka apa yang dilakukan mereka melantik *distributor* yang mempunyai rangkaian di negara lain seperti ia bagi *stool distributor* kepada syarikat ini untuk dia dapat beroperasi di beberapa negara lain. Ini antara perkara-perkara yang sedang dilakukan.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pada pandangan saya satu aspek yang paling penting dalam kita menjual atau pemasaran ini ialah promosi barangan yang agresif dan sebagainya. Saya mohon penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri sejauh manakah MITI membantu atau bersungguh-sungguh membantu Proton dalam mempromosikan kereta-kereta Proton.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, industri automotif ini mempunyai *peculiarity* bukan macam kita bawa produk-produk tertentu kita boleh buat *treat fare* 3 atau 4 hari kemudian kita promosikan. Automotif lain di mana bila hendak menjual kereta dia mesti ada *distributor ship network*. Mereka yang akan buat promosi tersebut. Dari segi MITI kita pernah terlibat dalam *Carrabean Fare* di Manama, Saudi Arabia dan Sajah, di UAE. Kita bawa kereta tersebut untuk kita memperkenalkan dalam konteks kita hendak mempromosikan produk Malaysia berteraskan kepada konsep *life stye* yang bermaksud melibatkan dari segi rumah Malaysia apakah barang-barang yang ada, kemudian kereta, bas dan semua produk Malaysia. Kita buat setakat itu sahaja tetapi untuk menentukan dari segi *fisibility* dan *vibarity* Proton mereka mesti melantik *distributor* yang baik dan *distributor* inilah yang akan melakukan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Minta sedikit penjelasan.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bolehkah Yang Berhormat memberi tahu kepada Dewan yang mulia ini tentang Dasar Automotif Negara ini yang tidak memberi keuntungan untuk dinikmati oleh rakyat jelata. Oleh kerana harga yang turun tidak mencerminkan satu harga yang berpatutan. Bolehkah Yang Berhormat beritahu di rantau jika kerajaan menaikkan harga minyak dengan pasaran ekonomi dunia, adakah kerajaan akan melaksanakan satu dasar yang lebih jelas dan telus bahawa rakyat jelata boleh menikmati harga yang lebih rendah dengan harga kereta mahupun kereta nasional atau pun kereta yang dipasang di negara ini. Saya beri satu contoh, kereta Honda Civic yang dipasang di Thailand harganya hanya batt 512 ribu maknanya RM50 ribu sahaja manakala dijual di negara ini ialah RM90 ribu.

Beza adalah dekat 80 peratus. Satu lagi contoh ialah *Toyota Fortuna*, yang baru-baru ini dipasarkan di negara ini dijual di Thailand hanya RM100 ribu sahaja, manakala di Malaysia 170 ribu. Ini satu perbezaan yang sangat besar, adakah kerajaan berhasrat menurunkan satu cukai eksais yang begitu tinggi 5 sehingga 20 peratus cukai eksais mengikut taksiran sebab itu cukai duti, cukai import, cukai eksais dan cukai jualan. Jika, tiga-tiga dikumpul ini akan

sampai satu tahap yang sangat tinggi. Bolehkah cukai diturunkan, ini bermakna rakyat boleh membeli kereta yang lebih murah berbanding di rantau ini? Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, eksais baru ini tentang Dasar *Automotive National* mengurangkan duti eksport pada lima peratus itu untuk mengikut CEPT Asean dan kemudian diturunkan eksais duti lebih kurang 20 peratus bagi tiap-tiap *segment* kereta mengikut cc. Pada peringkat ini, ini yang dibuat oleh pihak kerajaan. Dari segi harga, akhirnya harga akan diterjemahkan oleh penjual dan pembeli kerana kita tidak lagi meletakkan kawalan harga.

Kawalan harga telah diberhentikan saya ingat setahun dua tahun lalu, maka sekarang ini berteraskan harga pasaran. Yang Berhormat bercakap tentang soal eksais duti. Saya percaya dari segi jangka panjangnya akan diturunkan. Kita mesti lihat pada konteks ekonomi masing-masing.

Thailand mempunyai *peculiarity* dianya sendiri. Singapura mempunyai *peculiarity* sendiri. Thailand konsepnya adalah membuka industri automotif itu jadi hub, siapa pun nak masuk, masuk. Manakala Singapura pula ada *peculiarity*, *peculiarity* untuk mengurangkan pembelian kereta. Itu sebab timbul *certificate of entitlement*, di mana bakal pemilik kereta akan tender untuk mendapat *certificate of entitlement*, walaupun kita mempunyai lesen, kalau tidak mempunyai *certificate of entitlement* kita tidak boleh beli kereta. Dan kos membeli kereta di Singapura mahal, penggunaannya pun mahal. Sebab dia ada *road pricing* lagi untuk masuk ke bandar. Jadi, Singapura, Singapura mempunyai *peculiarity* dia, Malaysia ada *peculiarity* kita dan Thailand ada *peculiarity* Thailand. Tapi, jangka panjang saya percaya bahawa *adjustment* akan dibuat ya. Saya jangka panjang eksais duti akan dikurangkan.

**Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]:** Tuan Yang di-Pertua, berikan saya ruang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sila.

**Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan jawapan yang telah diberikan oleh Timbalan Menteri berhubung dengan pasaran eksport bagi kereta Proton. Dalam soal ini, apakah pandangan kementerian terhadap rancangan Proton setelah Volkswagen tidak masuk berusaha sama dengan Proton?

Adakah kementerian merasakan bahawa itu satu kegagalan. Bagi saya, saya melihat bahawa sebenarnya kalau kita lihat kepada syarikat-syarikat pengeluar kereta daripada Eropah, Jepun ataupun Korea. Ketiga-tiga negara ini, syarikat-syarikat pengeluar kereta daripada ketiga-tiga buah negara ini sebenarnya tak membawa kepada suatu keadaan yang positif dari segi mana Proton tidak berjaya, tidak akan dibenarkan dieksport ke Eropah, tidak dieksportkan ke Jepun walaupun adanya usaha sama dengan syarikat Jepun, takkan boleh eksport ke Korea walaupun adanya usaha sama dengan syarikat Korea.

Itu pandangan saya dan sama ada kementerian bersetuju, adalah lebih baik bagi Proton untuk menumpukan kepada usaha sama dengan syarikat-syarikat pengeluar kereta di negara

China ataupun dengan India, kerana ini merupakan pasaran-pasaran yang lebih berpotensi dan sebenarnya merupakan golongan perusahaan kenderaan ataupun pembuatan kereta yang mempunyai masa depan yang lebih baik daripada Korea ataupun Jepun ataupun syarikat Eropah. Apa pandangan kementerian? Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Johor Bahru. Kalau kita lihat dari segi industri automotif dunia sebenarnya dari segi pengeluaran dan permintaannya *stagnant* lebih kurang 50 ribu, 50 juta unit dikeluarkan di seluruh dunia dan pertumbuhannya tidak besar 0.5 peratus, satu peratus dan ini dijangka akan berubah dalam tempoh lima tahun akan datang kerana ada duanya negara ini Yang Berhormat, India dan juga China, dijangka penjualan kereta akan bertambah antara lima peratus hingga lebih kurang *plus minus*, lima peratus lepas itu dan terus meningkat daripada pasaran tersebut. Masalah dengan *Volkswagen* tempoh hari kerana *Volkswagen* hendak memegang ekuiti besar dalam Proton yang mana kita tidak bersetuju.

Walau bagaimanapun dari segi Proton sebagai strategi mereka terus mempunyai ikatan dengan *Volkswagen* dalam bentuk-bentuk tertentu, kerjasama tertentu dan sekarang sedang berunding dengan *Mitsubishi* dan mempunyai kerjasama untuk tujuan mengeluarkan model-model baru. Dari segi China saya difahamkan bahawa Proton memang ada strategi untuk mempunyai *present* dengan izin, di China dan mempunyai rakan-rakan di sana. Sila.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya cuma nak sambung balik yang semalam saya tanya kepada Yang Berhormat, hari ini kita telah menembusi pasaran antarabangsa dan MITI hanya sekadar membantu untuk mempromosikan Proton. Saya ingin bertanya apakah kurangnya sambutan ke atas kereta nasional kita ini di luar negara. Tentang pelantikan *distributor* ini tadi. Apakah hanya dikontrol atau dikawali oleh Proton tanpa kita memikirkan kehendak-kehendak dalam negara-negara berkenaan?

Kalau ini berlaku sampai bila pun kereta nasional kita ini tidak dapat dipasarkan. Saya setuju dengan Johor Bahru tadi, kenapa kita tidak berusaha sama dengan negara-negara yang baru merdeka umpamanya. Saya pergi ke Uzbekistan, mereka bertanya Proton, mana rupa Proton. Apakah pandangan Yang Berhormat dari segi kementerian Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, apabila satu operasi perniagaan hendak menembusi satu-satu pasaran mereka akan membuat kajian *feasibility*. Mungkin sebuah negara membangun menyatakan minat kepada membeli kereta. Tapi, saiz pasarnya:

- i) saiz pasaran mungkin tidak besar untuk memberi *viability* kepada penembusan tersebut;

- ii) ada pasaran-pasaran yang mereka telah terikat dengan kereta-kereta tertentu dan bukan mudah kita melakukan *market penetration*.

Jadi, balik kepada apa Yang Berhormat bagi Larut nyatakan tadi tentang *distributor* ini. Ada *distributors* yang dilantik dahulu, yang tidak menepati kehendak umpamanya di Turki, *distributor* akhirnya masuk jel. Jadi, ada *distributor* yang tidak sampai pada ke peringkat yang sepatutnya. Dan kedua, saya dapati ada pasaran tertentu terutama *gulf country* macam di Qatar umpamanya. Kereta Proton laku tetapi model yang kita keluarkan lambat, kerana dari segi *taste* dan *market expectation* orang-orang di sana mereka kerap menukar model. Jadi, apabila kita masuk kereta model yang pertama pembelian banyak. Dan model kedua datang dua tahun kemudian manakala orang lain pula memperkenalkan model lain, jadi dia hilang pasaran. Jadi, ada berapa perkaralah faktor yang sekarang ini telah diambil perhatian oleh pihak Proton. Kita berharap di bawah pengurusan baru ini lebih objektif lagi, pelantikan akan lebih lagi diberi perhatian kajian, *market* lebih elok dibuat dan kita tengok nanti macam mana akan terjadi pada masa akan datang.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa *networking* Proton ini begitu lemah, tidak 'up to date'. Ini kita perlu telus. Kita mesti memikirkan kalau ini yang perlu beritahu kepada Proton, kita beritahu supaya perkara ini dapat diperbaiki.

Kalau benda ini kita tidak cerita kepada Proton di mana masalah dan apakah solution yang boleh kita selesaikan, sampai bila pun kita tidak boleh selesaikan masalah ini. Kita hanya ceritakan masalah-masalah. Apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa *networking* proton itu sendiri begitu lemah dan ini perlu diperbaiki mengikut kaedah-kaedah rangkaian sebagaimana yang dilakukan oleh negara-negara lain dari segi pemasaran. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa, tadi saya nyatakan Proton sekarang ini mempunyai *management* baru, pengerusi daripada pengurusannya dan perkara-perkara ini telah diambil perhatian. Tidak perlu kita beritahu mereka sudah tahu, masuk *jail* itu mereka tahu dan mereka telah membuat pelantikan baru. Di Australia umpamanya, *distributomya* kuat begitu juga di Singapura, bila pihak Proton hantar Gen2 mendapat pasaran, begitu juga di UK. Malah di UK *distributomya* lebih hebat lagi.

Mereka membuat kerja-kerja yang lebih, memberi insentif kepada pembeli-pembeli Proton. Jadi, apa Yang Berhormat bangkit tadi, apa Yang Berhormat rasa begitu penting untuk dikemukakan memang perkara ini telah diambil tahu oleh pihak-pihak Proton.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat panjang lagi?

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Saya ada empat minit sebenarnya kalau saya baca ini empat minit habislah.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Kepong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Yang Berhormat tadi ada sebutkan mengenai *Mitsubishi*. Apakah jenis hubungan dengan *Mitsubishi* kerana kita tidak nampak *Mitsubishi* selain daripada itu produk, akan membantu kita untuk *networking*, untuk eksport kepada mana-mana pun. Ini kerana kepada Jepun sendiri kita tidak dapat, kerana Jepun dia ada *peculiarity* dia tidak benarkan produk kita masuk ke Jepun. Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada kita, syarikat apakah syarikat *internationallah*, yang kita boleh berkongsi sebab kita sendiri walaupun berikhtiar macam mana pun, susah hendak berjaya di dalam bidang *peculiar* ini.

Mengapa *KIA* ataupun *Hyundai* berjaya? Ini kerana mereka kalau kita kira sejarahnya dia baru sahaja. Kadangkala lebih baru daripada Malaysia tetapi dia berjaya, berjaya menembusi pasaran Amerika Syarikat. Bolehkah kita kira macam mana kita berkongsi dengan *KIA* ataupun *Hyundai*? Kerana mereka mempunyai keistimewaan untuk berjaya, kita tidak. Dan, kalau kita *Volkswagen* tidak berminat memang tidak berminat dia hendak sekurang-kurangnya 51%. Bolehkah kita mempertimbangkan macam mana *KIA* atau *Hyundai* boleh berjaya tetapi Malaysia tidak boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah cukup.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Johor Bharu, Yang Berhormat maknanya untuk dari segi masa depan Proton, mereka mesti mendapatkan rakan-rakan, kita bukan kata rakan kongsi, *alliances* mesti buat *alliances* dengan gergasi baru dia akan dapat kemudahan dari segi, pertama, R&D, daripada segi *funding*, dari segi pasaran, dari segi pembuatan model, kualiti, standard dan sebagainya. Jadi memang perkara-perkara itu, Yang Berhormat katakan itu memang betul kita lihat dari segi industri automatif. *Alliances* di bawah *Ford*, *Volkswagen*, *Renault*, *Toyota* dan *Hyundai* ada satu *groupnya*.

Memang betul cakap Yang Berhormat, jadi pandangan-pandangan yang dikemukakan ini akan terus saya beritahu kepada Proton. Sebenarnya dari segi Proton, pemiliknya Khazanah, ya Yang Berhormat bukan MITI. Pemiliknya Khazanah and Khazanah kena buat keputusan tentang masa depan Proton.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Jasin.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih, Timbalan Menteri. Saya hendak tanya, mungkin soalan terakhir kerana ada beberapa minit lagi. Berkenaan dengan AP terbuka, yang mana mengikut daripada NAP yang baru diumumkan bahawa AP-AP terbuka ini akan dimansuhkan pada tahun 2010 dan dari dahulu kita membincangkan soal AP terbuka ini melibatkan 77 syarikat bumiputera. Yang anehnya, kuota yang dikeluarkan sehingga 1 Mac, AP

sebanyak 7,303 telah dikeluarkan kepada 77 syarikat. Malangnya masih ada lagi raja-raja AP yang dapat bilangan yang besar. *[Disampuk]*

Daripada 77 syarikat bumiputera ada satu syarikat yang dapat 38%, yang bakinya dibahagi kepada 76 syarikat yang lain, itu yang pertama. Yang kedua, mengapa tidak kerajaan oleh sebab melibatkan 77 syarikat, bahagi sama rata sahajalah AP itu. Barulah mereka ini daya saing.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sebenarnya perkara ini tidak timbul, tadi dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi, cukuplah, cukuplah.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Saya tidak ada tadi, Tuan Yang di-Pertua, itu *sorry*.

Nombor dua, Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya kementerian kaji balik AP terbuka ini dan diberi kepada syarikat-syarikat ini untuk mengimport kereta-kereta yang berumur 1 hingga 5 tahun. Mengapa disekat? Kalau hendak jaga pun kereta *Honda*, kereta-kereta yang hendak dilindungi mereka tidak bawa kereta baru, yang terlibat ini kereta *second hand*. Hari ini orang kampung saya, Tuan Yang di-Pertua, orang kampung saya, Kulai pun macam itu, harga getah sudah naik, harga kelapa sawit sudah naik. Dia pun hendak pakai *Honda Civic*, hendak beli yang baru walaupun sudah diumumkan oleh kerajaan bawah NAP, harga pun tidak turun sangat.

Jadi, kita hendak pakai yang umur satu dua tahun ini. Tetapi kalau yang dapat AP terbuka ini tidak boleh bawa kereta-kereta *second hand* ini, apa *chance* lagi orang kampung kita, Tuan Yang di-Pertua untuk pakai? Apa pendapat Timbalan Menteri? *[Disampuk]*

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi AP terbuka sebagaimana kata Yang Berhormat 7,300 dan satu *Naza Konsortium* dapat 1,297, betul kata Yang Berhormat ia mendapat besar tetapi ini konsortium bukannya dia mengandungi banyak syarikat, ini satu konsortium. Kita mesti ingat semasa penjualan kereta dahulu susah di bawah AP terbuka. Kemudian dalam perbincangan antara MITI dengan pemegang AP terbuka ini telah ada perbincangan.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Bukit Bintang. Yang Berhormat....

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Nanti, nanti. Telah ada perbincangan di mana mereka bersetuju untuk mengadakan konsortium. Ini adalah konsortium.

Kedua mengenai dengan isu sama rata. Kita boleh tengok daripada banyak konteks. Kalau kita tengok dari sudut, salah satu prinsip kata banyak pemimpin, yang menjadi senjata besar kepada negara, dengan izin, "*to provide a proper incentive system, that means you reward the hard work, are you punish*", yang tidak baik ini. Jadi, dalam konteks kita memberi AP ini kita berteraskan kepada *performance*. Makna kalau dia *perform*, kita bagi. Kalau dia tidak *perform*

kita bagi, katalah orang yang tidak *perform* dia setakat jual 50, kita bagi sama rata dia dapat 300, jadi yang 250 ini akan jadi rugi.

Jadi, apa yang kita buat berdasar kepada *performance*. Yang kita buat yang *exercise* baru ini, kita bagi sebahagian, kita belum bagi sepenuhnya kerana sepenuhnya kita akan bagi 52 ribu untuk tahun ini. Jadi, kita bagi sebahagian dan ini kita buat berteraskan kepada statistik pada tahun 2004 kerana pada tahun 2005 belum lagi statistik itu dikemas kini kerana kita membenarkan pengimportan sampai bulan Mac. Jadi, belum lagi, jadi kita gunakan pada tahun 2004. Berdasarkan kepada prestasi tersebut kita bagi untuk sementara sebanyak itu dahulu.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Kita minta kalau boleh kementerian bagi minimum, satu tahun 200 kepada satu syarikat barulah syarikat itu boleh maju. Tetapi kalau satu tahun dapat 30, Tuan Yang di-Pertua, satu bulan dua biji, hendak berniaga apa? Terima kasih, Timbalan Menteri.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Orang lain dapat ribu-ribu.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Saya tengok macam ini, kita selalu bercakap dalam senarai itu kita tengok yang 30, yang 50, kita tidak tengok secara purata sebenar yang dapat banyak. Banyak yang dapat. Jadi, ada beberapa individu yang *performancenya* kurang. Macam mana kita hendak *deal*, kita terpaksa bagi mengikut keperluan dia. Kita telah mengadakan perbincangan, saya sendiri sebagai peribadi saya bincang dengan AP holders terbuka, bincang apa masalahnya dan mereka menghadapi masalah penjualan. Apabila masalah penjualan macam mana kita hendak bagi dia lebih.

Apa Yang Berhormat nyatakan itu, saya tahu, saya faham. Maksudnya dari segi saya terutama melibatkan bumiputera....., kita memang nak bagi lebih. Tapi kalau orang itu tidak ada *performance*, macam mana kita nak bagi lebih? Dan apabila kita bincang, kita beritahu kepada mereka, lakukan *performance* dan kita akan bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Fong Kui Lan [Bukit Bintang]:** [Bangun].

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Nanti, saya nak tanya Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat nak minta, nak bantu tak perlulah. Kalau minta penjelasan boleh, nak bantu Menteri tak payahlah.

**Tuan Fong Kui Lan [Bukit Bintang]:** Penjelasan, penjelasan.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Nanti saya tanya kepada Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua buat *rolling*, adakah kita nak bincang perkara ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya ingat tak payahlah.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Terpulang kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukup, cukup.

**Tuan Fong Kui Lan [Bukit Bintang]:** Satu soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sepatutnya tak timbul, kalau saya buka, semua .ulang.... sekali, tak boleh habis, lagi satu jam, cukup, cukuplah. Sudah habis ke Yang Berhormat?

**Tuan Fong Kui Lan [Bukit Bintang]:** Penjelasan, penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah, jawapan sudah habis?

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Ada 3 minit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, habiskan.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya menyentuh mengenai dengan industri halal. Jawapan saya, kerajaan telah memutuskan bahawa hanya logo halal JAKIM digunakan sebagai Logo Halal Malaysia sementara sijil halal boleh dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri mengikut prosedur standard yang dikeluarkan oleh JAKIM. Kerajaan juga telah memutuskan bahawa syarikat pengeluar, pengilang dan juga penyedia perkhidmatan termasuk restoran tidak dibenarkan membuat pengisytiharan halal secara persendirian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Rantau Panjang.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Biar saya habis dulu. Dengan izin *self-declaration*, halal ke atas produk mereka tanpa kelulusan JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri. JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri akan bekerjasama dalam proses pengeluaran sijil bagi memastikan keseragaman *harmonization* dengan izin proses dalam kaedah persijilan.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berkaitan dengan sijil halal. Pertama sekalinya saya nak minta keyakinan jawapan supaya semua pengusaha-pengusaha makanan yang telah mendapat sijil halal negeri masing-masing di *convert* kepada sijil halal JAKIM yang akan diselaraskan oleh pihak Kementerian.

Keduanya, saya nak tahu setakat hari ini, mana lebih banyak, pengeluar makanan yang halal dengan yang tidak halal? Dan kalau sekiranya banyak makanan yang tidak halal di Malaysia hari ini, saya rasa sesuai dengan kita mengenakan sijil halal kepada makanan yang halal. Tapi kalau sekiranya di Malaysia yang mewakili sebagai negara Islam Hadhari ini, yang pengeluar makanan Islam, pengeluar makanan halal lebih banyak daripada makanan yang tidak halal, lebih baik kita mengeluarkan sijil tidak halal kepada makanan-makanan tidak halal seperti mana Kerajaan Malaysia buat kepada projek-projek Kerajaan Barisan Nasional. Oleh kerana banyak projek ataupun kurang projek Barisan Nasional buat, maka ditulis inilah satu lagi projek kerajaan Barisan Nasional. Dia tidak tulis itu adalah bukan hak kerajaan Barisan Nasional.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Ya, Tuan Yang di-Pertua sebenarnya isu sijil halal ini tidak pernah timbul sebelum ini daripada dulu mana-mana syarikat letak halal,



halallah. Isu logo halal wujud lebih kurang dua tiga tahun lalu kerana kerajaan nampak industri halal ini besar di dunia, dari segi makanan, *pharmaceutical*, bidang-bidang kosmetik termasuk *banking* sekali, besar. Jadi kerajaan berpendapat mengapa tidak kita *liberation*, kita menggunakan pendekatan memperluaskan logo halal ini supaya kita dapat menembusi pasaran antarabangsa, itu objektif-objektif dia.

Dan untuk mencapai tahap lebih tinggi dari segi halal di Malaysia, kita tidak melihat dari segi hukum semata-mata, kita juga kaitkan dengan standard. Di sini kita ada Malaysia Standard, kita letak dalam *general manufacturing practice*, *general hygienic practice* dan sekarang ini kita minta pula syarikat untuk menentukan mereka mempunyai gazet..... dan dalam pengeluaran halal tersebut diletak di, diisytiharkan mempunyai sijil .gazet..... sekali supaya halal ini tidak semata-mata dibeli oleh orang Islam, juga oleh orang bukan Islam kerana mereka yakin bahawa produk yang ada sijil halal itu adalah produk yang mempunyai standard yang tinggi.

Ahli Yang Berhormat menyentuh mengenai dengan ..

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Minta penjelasan.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Nanti kejap. Yang Berhormat menyentuh tentang sijil halal tadi, semua saya dah jawab. Jadi keputusan ini telah dibuat. Maknanya kita akan seragamkan satu sahaja sijil halal iaitu "Halal JAKIM". Tetapi oleh kerana kuasa pengeluaran sijil halal ini dilakukan oleh kerajaan negeri, jadi kuasa ini masih lagi oleh kerajaan negeri tetapi kerajaan negeri hanya meluluskan halal setelah buat ujian makmal dan sebagainya, keluarkan sijil halal tetapi sijil halal yang digunakan Sijil Halal JAKIM, itu telah diputuskan oleh kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih, Yang Berhormat, setelah melihat potensi... bahawa negara kita berupaya mengeluarkan makanan-makanan halal di seluruh dunia. Jadi apakah langkah-langkah ataupun strategi yang telah disusun oleh Kementerian untuk mempromosi barang-barang halal Malaysia ini dan ianya sentiasa berada dalam kualiti yang baik. Saya mempersoalkan perkara ini sebab saya bingung. Pada satu ketika barang keluaran kita Orkid Malaysia di eksport ke negara luar, negara seberang, jiran kita. Kemudian dia gunakan orkid itu, dia eksport ke UK pula dengan menggunakan label negara Singapura. Buah-buahan Malaysia dihantar ke Singapura, dia keluarkan balik buah-buahan Singapura. Telur Malaysia dia keluarkan balik telur Singapura.

Jadi apa peranan Kementerian untuk mengatasi supaya mungkin barang-barang kita ini sentiasa terkawal dan tidak diguna pakai, barang kita dipakai oleh negara luar sebab ini merugikan. Kita jual dia murah, dia jual lagi tinggi. Jadi apa peranan Kementerian ini untuk mempromosikan perkara-perkara ini untuk memastikan perkara seumpama ini tidak berlaku sebab ini merupakan bukan men *ciplak* tetapi menggunakan perniagaan secara memanipulasikan keadaan. Minta pandangan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, pertama Yang Berhormat menyentuh mengenai soal barang mentah Malaysia dihantar ke Singapura. Dan Singapura eksport sebagai *trading nation*. .... Saya ingin nyatakan kepada Yang Berhormat sebenarnya ini berlaku sekarang ini dalam dunia industri dan ekonomi dunia. Kita juga terlibat, kita beli *intermediate* produk, bidang-bidang elektronik bawa ke sini, umpamanya syarikat-syarikat kita, kita pasang dan kita jual. Makna ini dia sistem ekonomi dunia.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Itu kita pasang, ini *original*, tidak disentuh pun, bungkusan pun sama.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Saya nak jelaskan kepada Yang Berhormat, ini sistemnya macam itu. Macam umpamanya kita nak halal di sini, kita akan bawa daging, yang dibuat sekarang daging daripada Australia, kita buat pembungkusan, kita jual. Ini memang sistem, yang mana-mana kerajaan tidak boleh halang, tidak ada satu undang-undang yang sistem ini tidak boleh dilakukan. Yang boleh kita buat di antara *private sector* kita, syarikat kita dengan syarikat, dia tidak ada kerjasama, itu boleh. Maknanya dia tidak buat sebarang perjanjian untuk *supply* kepada itu ataupun kita membina daya mampu kita sehingga kita menjadi pengeluar terakhir, bukan peringkat *intermediate*, itu yang boleh dilakukan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat, itulah saya tanya peranan Kementerian untuk mempromosikan benda-benda, barang-barang seumpama ini supaya tidak ada orang tengah mengambil kesempatan, itu yang saya tanya.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Saya jawab Yang Berhormat, dia ada beberapa isu yang kita perlu jelas. Pertama Yang Berhormat kata kita nak halal itu, tak halang ya. Lepas itu saya nak pergi kepada, dia ada dua aspek, satu promosi, satu pembangunan kapasiti. Kita buat promosi. Kita mempromosikan produk kita melalui *Trade Fair*, lima enam *trade fair* yang ..carve..... *food* di China yang mempunyai keperluan-keperluan halal. Ini semua kita buat dan kita juga mempromosi melalui MIHAS, *Malaysia International Halal Showcase* yang terbesar di dunia yang dibuat di sini dan tiap-tiap kali bila *showcase* ini diadakan penjualan, ini pada tahun kedua dan sekarang akan pergi ke tahun ketiga, penjualannya lebih daripada RM200 juta dari segi penjualan yang dapat dibina.

Satu lagi isu mengenai dengan pembangunan, pembangunan ini dilakukan oleh sektor swasta, kerajaan mengadakan ...

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** [Bangun].

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]:** Minta penjelasan.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Nanti kejap, biar saya habis dulu. Kerajaan mengadakan dasar-dasar dan mengadakan insentif dalam pelbagai bentuk insentif dari segi SME, dari segi pembangunan halal, ada kewangan dan sebagainya. Tapi akhirnya ini akan ditentukan oleh pihak swasta yang akan menjalankan perniagaan tersebut termasuk kita mengadakan bengkel untuk memperkenalkan terutama kepada bumiputera tentang halal, apa

yang dibeli oleh kerajaan. Jadi apa yang perlu dilakukan sekarang ini adalah dari segi pembangunan kapasiti industri ini yang perlu dipertingkatkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Pasir Mas.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mengucapkan terima kasih kepada usaha-usaha yang telah dilaksanakan setakat ini kepada kementerian yang telah berusaha memperkenalkan logo halal dan haram supaya orang Islam di negara kita ini dan pengguna-pengguna Islam tidak terlibat dalam perkara-perkara haram dan perkara-perkara subahat.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua iaitu setakat manakah pemantauan yang telah dilakukan oleh kerajaan bagi memastikan pengguna kita tidak terjebak dengan halal dan haram ini kerana setahu kita secara umumnya bahawa halal dan haram ini walaupun hukumnya tetap tetapi dari segi penggunaannya tidak statik. Dia boleh berpindah kerana keadaan semasa yang berlaku di seluruh dunia ataupun di negara kita khususnya dalam menggunakan benda-benda ini.

Saya bagi contoh, saya menerima satu maklumat daripada bekas pegawai JAKIM yang sudah pencen dia balik ke Kelantan. Dia beritahu kepada saya, Ustaz pernah satu ketika kita buat *rush* di sebuah hotel, bila kita sampai di hotel itu penguasa hotel itu minta kita *stop* dalam beberapa minit dan selepas 10 minit kemudian baru dia bawa masuk ke dapur dan sebagainya untuk melihat. Sepuluh minit kemudian rombongan ini masuk melihat. Betullah keadaannya baik, yang halal nampak halal dan yang tidak halal nampak tidak halal.

Selepas daripada itu kita pergi lagi ke hotel itu dengan tidak memberi apa-apa maklumat. Kita tidak bagi *permission* awal pada dia, kita masuk. Kemudian kita terus ke dapur kerana kita mengesyaki ada sesuatu yang tidak kena. Bila kita masuk ke dapur kita dapati daging lembu dengan daging khinzir ini sebelah-menyebelah dan menggunakan tempat yang sama, pisau yang sama dan barangkali juga gorengnya dalam kualiti yang sama. Jadi terus kita buat bantahan dan buat amaran.

Jadi perkara-perkara begitu yang berlaku, yang tidak statik. Apakah jawatankuasa pemantau ataupun pegawai-pegawai pemantau ini selalu turun untuk membuat pemantauan supaya benda-benda sedemikian tidak berlaku lebih kerap di hotel-hotel dan di tempat-tempat yang terdedah kepada orang Islam khususnya. Apa tindakan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa peringkat yang dapat kita kaji dari segi halal. Pertama kita bawa daripada luar negara - daging. Yang ini pihak JAKIM bekerjasama dengan badan-badan persijilan luar negara untuk menentukan yang masuk adalah halal.

[Tuan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Kedua, dari segi sistem penentuan halal. Sekarang kita menggunakan sistem makmal untuk menentukan halal ataupun tidak. Di samping itu kita menetapkan bahawa bagi operasi kecil mesti ada beberapa bilangan pekerja Islam supaya ini menjadi sebagai pemantau kepada orang Islam dan bagi syarikat-syarikat SME dan lebih besar satu jawatankuasa penentuan hukum ini mesti ada.

Kemudian mengenai dengan penguatkuasaan di mana Yang Berhormat maklum pihak JAKIM telah menambahkan kakitangan. Di samping itu kerjasama dengan pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mereka mempunyai ramai lagi penguat kuasa untuk melakukan kerja-kerja tersebut. Sekiranya didapati bahawa ada syarikat-syarikat yang melanggar syarat-syarat, halal mereka akan ditarik balik. Walaupun kita ada cukup dari segi pekerja kita tapi masih lagi, saya percaya kita masih perlu juga individu masyarakat. Sekiranya mereka merasa waswas terhadap sesuatu produk untuk melaporkan kepada pihak JAKIM, JAKIM menyediakan kemudahan untuk *email* kepada mereka.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]:** Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kudat, *last* ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Petrajaya.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan persijilan, saya telah dimaklumkan pendekatan yang diambil oleh JAKIM berkaitan dengan standard yang kita tetapkan ialah berdasarkan hukum syarak yakni kita berpandangan dalam mazhab syafie. Tapi kalau kita hendak membawa keluar negara standard JAKIM kita makna persijilan dari segi JAKIM, adakah kita mengambil kira pertamanya berkaitan dengan mazhab-mazhab yang lain seperti Hanafi, Maliki dan sebagainya yang mempunyai pandangan berbeza tentang beberapa perkara. Jadi adakah ini telah diambil kira oleh JAKIM dalam kita membina persijilan JAKIM, itu yang pertama.

Kedua, dari segi pendekatan kita untuk mempromosikan persijilan JAKIM itu sendiri. Di Malaysia misalnya, apakah usaha kita ke arah menggalakkan orang memohon persijilan ini. Jadi kalau tidak ada sijil bagaimana kita hendak mengambil tindakan terhadap orang-orang yang menjual kononnya barang halal tapi tidak halal. Misalnya di hotel tadi. Apakah kedudukan dan tindakan yang kita ambil setakat ini.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Yang kedua, Yang Berhormat bila dia letak logo halal itu kalau dia tidak mengikut peraturan tindakan boleh diambil terhadapnya. Maknanya dia tidak boleh sewenang-wenangnya letak halal dan sekarang kita seragamkan logo halal sahaja digunakan. Maknanya mesti guna yang itu. Katalah individu mana dapati bahawa satu hotel guna logo lain, dia boleh laporkan kepada kerajaan.

Mengenai dengan persijilan Yang Berhormat menyatakan tentang sama ada mengikut hukum mazhab-mazhab. Seperti mana kita maklum bahawa logo halal Malaysia telah menerima pengiktirafan daripada OIC. Saya ambil kes mengenai cara pemotongan tempoh hari, kita tahu ada perbezaan pendirian di mana dari segi negara kita, kita kata *water bath stunning*, *electrical stunning* dan *thoracic sticking* itu boleh. Manakala *captive bolt stunning*, *mushroom stunning* dan *pneumatic stunning* dengan izin, tidak boleh.

Manakala daging yang diimport daripada Australia yang pergi ke Timur Tengah tidak ada *problem*. Di sini tidak boleh ..... Kemudian pihak JAKIM telah membawa beberapa orang ahli Jawatankuasa Fatwa untuk pergi melihat tentang *captive bolt*, *mushroom* dan *pneumatic stunning* dan akhirnya mereka bersetuju bahawa sistem itu boleh. Maknanya dari segi penyeragaman penggunaannya tidak berbeza antara mana-mana mazhab.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** [*Bangun*]

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Standard itu isu lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Larut Yang Berhormat.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Standard - kita naikan standard makanan yang keluar itu kepada standard antarabangsa.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Boleh saya sambung sedikit? Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak bertanya tentang ketegasan jaminan. Yalah, Jawatankuasa Fatwa kita ada, jawatankuasa JAKIM pun kita ada. Tentang daging-daging yang diimport, tentang jaminan bahawa benda-benda halal, saya hendak lihat satu ketegasan. Walaupun barang import itu didapati tidak halal kita bimbang oleh kerana ketakutan, bimbang kerugian yang akan dialami oleh pembawa masuk daging tersebut kita terus bertolak-ansur.

Saya lihat di negara Jepun tentang import ayam baru-baru ini yang mereka tolak daripada Amerika kerana tidak mengikut syaratnya. Walaupun syarikat berkenaan akan mengalami kerugian yang besar tapi dia tolak mentah-mentah. Tapi saya hendak tahu ketegasan kita tentang perkara halal ini dari segi penguatkuasaannya apakah benar-benar satu jaminan dibuat ke atas segala daging import daripada luar negara ini yang benar-benar diperiksa dari segi pemeriksaannya. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, bila melibatkan soal hukum kita tidak melihat kepada *profitability* sebagai asas penting. Sebagai contoh, apabila Jawatankuasa Fatwa kita mendapati bahawa pada pandangan mereka ketika itu cara penyembelihan daging daripada Australia tidak mengikut hukum, maka kita buat keputusan tidak membenarkan masuk daging tersebut yang menjejaskan perniagaan kita. Jadi maknanya kita tidak tolak-ansur dalam soal ini. Kalau dia sengaja tidak mengikut syarat....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Maknanya kalau dia tidak ikut walaupun dia rugi banyak mana pun, kita tidak bertolak-ansur?

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Ini telah kita lakukan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Ya, jaminan. Kita hendak jaminan. Kita tidak hendak nanti oleh kerana kita berasa simpati oleh kerana daging yang dibawa masuk itu mengalami kerugian begitu besar berjuta-juta ringgit...

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Saya tahu, saya tahu Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Kita tidak mahu ada satu kompromi dalam hal ini. Tidak ada tolak-ansur. Yang haram tetap haram. Jadi apakah jaminan?

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Saya bagi tahu kepada Yang Berhormat tadi, kita telah membuat tindakan begitu. Apakah itu bukan jaminan.

Maknanya kita telah *banned* daging daripada Australia untuk masuk berdasarkan hukum yang kita rasa tidak menepati hukum yang telah kita tetapkan. Kita telah *banned*. Dan ini menjejaskan peniaga-peniaga kita. Maknanya kita tidak kompromi daripada soal itu. Maknanya, hukum akan diutamakan, bukannya kepada perniagaan.

**Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Yang Berhormat daripada Kudat, salah satu lagi tempat..

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya hanya sekadar barangkali memberi sedikit peringatanlah. Contohnya, negara Amerika ini dan negara-negara barat, dia memperdayakan kita. Dia mempermainkan kita. Usahkan kita, Saudi Arabia itu pun dia mainkan lagi. Contoh yang saya bawa pada tahun lepas, di waktu saya belajar di sana. Ayam ini, betullah dia disembelih dengan cara Islam. Bagaimana dia tipu ini, di atas kotak ikan pun dia tulis. Ikan disembelih dengan cara Islam. Ikan ditulis, “[*menyebut dalam bahasa Arab*]”, “ikan ini ditulis dengan cara Islam, disembelih, dipotong dengan cara Islam”. Mana ikan disembelih dengan cara Islam? Ikan tak pernah disembelih dah. Tapi nak ceritanya, dia tipu. Saudi itu pembekal, menerima bekalan ayam begitu banyak, dia tipu lagi dengan beribu bilion ayam daripada Amerika. Kita yang negara kecil ini, barangkali dia boleh tipu hari-hari, kita.

Kerana itulah cara kita, saya rasa saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat, apakah cara lain yang kita boleh atasi? Misalnya, ladang kita luas, tanah kita luas. Negara kita ini, Alhamdulillah Allah SWT bagi dari segi pertanian. Mengapa tidak kita usahakan sendiri? Ayam kita, boleh kita ternak. Ayam di sini banyak, cukup kita ada 26 juta. Bukan tiap-tiap orang makan ayam, tidak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tak apa Yang Berhormat, itu di bawah Kementerian Pertanian.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Ya lah . Saya punya cadanganlah ini. [*Menyampuk*].

**Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Awal, terlampau awal Yang Berhormat. Awal sangat. Menterinya belum jawab lagi.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Nak mengatasi masalah ini. Jangan kita diam. Kita ditipu Yang Berhormat. Percayalah, saya setuju dengan Larut itu. Kita ditipu sekian lama. Makan perkara yang haram. Yang tidak disembelih dengan cara Islam. Yakin tak disembelih dengan cara Islam. Kita pergi sekali, dia disembelih dengan cara Islam. Balik kita, dia disembelih dengan cara tidak Islam. Dia tahu dah, upah disembelih dengan cara Islam ini, mahal. Kos pengurusan disembelih cara Islam ini mahal daripada cara tidak Islam. Maka dia daripada Islam cara tak Islam, usah kan itu Yang Berhormat. Saya nak cerita yang betul ini.

**Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Di Kelantan. Ini cerita di Kelantan. Masyarakat Kelantan, orang Kelantan itu. Ceritanya begini.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Orang Pasir Mas.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Tak, kawasan Bachok.

**Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Panjangkah Yang Berhormat?

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Bachok, Bachok betullah. Bachok ke Pasir Puteh, begitulah.

**Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kalau nak cerita, panjang Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Dia ini orang bukan Islam. Dia kata, disembelih ayam ini sah kerana baca Bismillah. Dia bukan orang Islam. Dia disembelih ayam, dia baca Bismillah hirrahmannirrahim, dia disembelih. Dah sudah. Dia kata, "kita dah baca Bismillah dah, mengapa tak sah lagi?" dia kata. Orang bukan Islam, disembelih ayam baca Bismillah sahaja. Dia ingatkan baca Bismillah itu sah disembelih ayam. Dalam keadaan begitu pun tertipu lagi, bagaimana dengan Amerika? Dia boleh tipu kita. Pagi dia tipu, besok dia tipu, petang dia tipu, malam dia tipu. Dia tipu kita hari-hari.

Jadi, saya merujuk kepada yang Larut sebut tadi, kita kena berusaha cari jalan alternatif bagaimana kita tidak akan ditipu sepanjang masa. Sekali kena tipu tak apa, tapi kalau tiap-tiap hari kena tipu? Yang Berhormat Menteri-menteri kitalah yang bertanggungjawab. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Macam PAS lah bertanggungjawab, semua tanggungjawab. Yang cerit Yang Berhormat cerita tadi, sebenarnya saya sudah dengar lama dah Yang Berhormat. Dari segi *authentic* nya, saya dah tahu. Logiknya, katakanlah saya dengan Yang Berhormat ada seorang bukan Islam, disembelih Bismillah hirrahmanirrahim. Kita makan atau tidak? Ini satu *joke* yang saya dengar, banyak kali dah.

Tapi saya ingin nyatakan kepada Yang Berhormat, satu kenapa kita selalu ada sikap *inferiority complex*? Kita sebut Amerika, Eropah dan kita gerun hidup dalam dunia ini. Kenapa tidak kita rasa kita yakin? Kerajaan kita buat kerja tak semacam mana Yang Berhormat buat. Kita tak import daging daripada Amerika, daripada Europe. Kita hanya bersetuju atas sijil-sijil beberapa negara sahaja. Saya tidak ingat berapa, 20, 30, tidak banyak. Malah, dalam satu-satu

negara itu kadang perlu banyak. Kalau China itu, banyak badan-badan persijilan. Itu yang kita buat. Maknanya dari segi kita, kita akan *minimisekan*. *Minimisekan* masalah dari segi soal hukum ini. Dikompromi oleh orang atau tidak, atau mempermainkan kita.

Jadi saya harap, jangan kita ada *inferiority complex* sampai kita rasa tak boleh nak hidup dalam dunia ini. Kita ditipu sentiasa, padahal kita tak begitu. Kita buat kerja berhati-hati. Malah bila kita nak iktiraf yang luar negara punya itu, kita akan hantar syarat-syarat kita, apakah syarat-syarat nya? Ada sebuah negara dahulu yang kita bagi gunakan JAKIM punya halal, dia tidak mengikut syarat, kita tarik balik. Itu sebabnya logo Halal JAKIM tidak dikeluarkan kepada negara lain. Kalau kita hendak daripada sudut hendak cari keuntungan, kita bagi 1, 20 sen atau seringgiti kita boleh dapat logo kita ini. Tapi kita tidak buat, kerana kita tidak mahu orang salah gunakan logo kita.

**Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Pasir Puteh.

**Dato Haji Che Min bin Che Ahmad:** Terima kasih Timbalan Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dalam bab halal ini, Sebenarnya saya hendak tanya satu sahaja. Dulu sebelum halal ini datang, Halal hub ke Halal apa ke? Apakah tok nenek kita makan dulu? Siapa kawal? Sebenarnya soal makan minum ini adalah tanggung jawab kita. Walaupun kita tahu, restoran itu halal ditulis. Tapi kita mesti masuk. *make sure*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, halal. Maka satunya Pasir Mas tadi rasa ragu. Dia kata Pasir Puteh yang sembelih itu, sebenarnya tidak Pasir Puteh. Pasir Puteh halal lama dah.

Sebenarnya, cerita tempat dia, kita ambil di Australia. Australia itu beberapa tempat sahaja yang ditanggung halal. Kemudiannya kita ada *spot check*, kita ada wakil *muslim* di sana. Yang kita boleh iktiraf. Di China pun begitu juga. Kita tidak ambil dari Amerika. Kita cuba tengok di India. India ini sebab banyak yang Islam. Jadi sebab itulah bagi saya tempat kita tentukan. Cara penyembelihan kita tentukan tadi, halal. Kemudian *packaging*. *Packaging* ini kadangkala dia bertukar. Yang dikatakan sembelih ikan di Amerika itu sebenarnya dia tidak ada. Dia sebenarnya yang ada di Australia. Dia tulis di situ, *packagingnya* yang halal, yang tidak halal. *Non* halal itu tidak ada di kilang kita.

Sebab itulah bagi saya tidak ragu Tuan Yang di-Pertua, mana yang masuk masa saya di JAKIM dahulu. Yang masuk daripada Singapore pun, yang dicampur antara daging khinzir dengan daging lembu, kita hantar balik. Walaupun rugi banyak. Kita terpaksa tegas dalam soal ini. Kerana “[*Menyebut dalam bahasa Arab*]”. Itu kita kena pegang. Tapi *implementationnya* ialah mesti tegah dalam pemantauan. Kastam diberi arahan secukupnya, supaya kontena yang masuk, kawal betul-betul. Itu sahaja. Di hotel-hotel kita buat serbuan. Jangan kita cerita nak pergi. Cerita nak pergi, dia bagi lagi dekat kita. Benda-benda barang balik sahaja. Jadi kita hendak supaya ada *spot check*. Jadi inilah yang saya yakin apa Timbalan Menteri komen. Ada tidak cukup tenaga kita?



**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat telah memberi input tambahan mengenai dengan pengesahan halal tersebut. Saya telah sentuh tadi mengenai dengan penguat kuasa. Pihak JAKIM telah menambahkan pegawainya. Kita minta kerjasama daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang mempunyai lebih ramai lagi pegawai. Dan akhirnya, suka saya nyatakan yang saya bersetuju dengan Yang Berhormat individu, yang dia rasa was-was, dia harus laporkan. Kerana kita kena harus terima hakikat. Tidak ada satu sistem ataupun organisasi yang *perfect*. Dan inilah perlunya satu hubungan antara rakyat dengan kerajaan dalam proses tersebut. Saya ada dua minit lagi Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, habiskan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Yang Berhormat daripada Kudat mencadangkan supaya suatu pusat perdagangan ataupun *trade centre* dibina bagi membolehkan *exposition* diadakan sepanjang tahun secara lebih teratur dan sistematik bagi membolehkan pedagang-pedagang mengunjungi pusat ini setiap masa. Untuk makluman apabila MATRADE berpindah ke bangunan baru ini pada awal 2007 kelak, ia akan mempunyai kemudahan untuk mengadakan pameran statik dan berjadual di peringkat antarabangsa setiap tahun.

Pameran secara berjadual ini akan memberi peluang kepada syarikat-syarikat Malaysia untuk mempamerkan barangan dan merundingkan jualan secara langsung dengan pembeli-pembeli dari luar negara. Selain dari itu, pihak swasta juga menganjurkan pelbagai pameran bagi sektor-sektor tertentu setiap tahun seperti pameran perabot dan Malaysia Internet, Malaysia *International Halal Showcase* khasnya dengan izin. Kerana ini khususnya melalui agensi-agensi MITI akan memberi sokongan dan bantuan terhadap pameran-pameran tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja penjelasan yang ingin saya berikan kepada beberapa isu penting yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sekarang giliran Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani. Saya jemput Yang Berhormat Menteri, silakan.

**12.19 tengah hari.**

**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada sebegitu ramai Ahli-ahli Yang Berhormat, seramai 16 orang yang telah pun bangkit menyentuh isu-isu berkaitan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani semasa perbahasan usul Menjunjung Kasih ke atas Titah di-Raja baru-baru ini.

Yang Berhormat bagi Larut telah membangkitkan mengenai kelemahan *delivery system* di dalam MOA Inc bagi mendapatkan kelulusan pinjaman bank Pertanian. Yang Berhormat bagi Jasin telah juga membangkitkan isu yang sama tetapi dari segi pengagihan bajet 2005, yang katanya tidak sampai kepada petani. Demikian juga Yang Berhormat daripada Permatang Pauh.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa dari segi kelemahan *delivery system* yang dikatakan dalam penyampaian pinjaman oleh Bank Pertanian sehingga 31 Disember 2005 sebanyak RM37 juta telah pun dikeluarkan oleh Bank Pertanian Malaysia untuk projek-projek yang besar MOA Inc. Pihak jabatan dan juga agensi di bawah kementerian saya sentiasa memberikan bantuan kepada pengusaha-pengusaha yang terlibat, terutamanya dari segi penyediaan *business plan* yang boleh dilaksanakan supaya ia dapat meyakinkan pihak bank untuk memberikan kemudahan pinjaman.

Walaupun jabatan dan agensi memberikan perakuan bahawa projek-projek ini *viable* untuk dilaksanakan, tetapi kelulusan pinjaman masih tertakluk kepada kriteria yang ditetapkan oleh pihak bank. Walau bagaimanapun kerjasama dengan pihak bank akan kita tingkatkan melalui keanggotaan pihak bank dalam Jawatankuasa MOA Inc. di peringkat ibu pejabat dan juga di peringkat negeri. Melalui jawatankuasa ini pemantauan berterusan akan dibuat dan bantuan teknikal yang diperlukan oleh pengusaha akan dapat diberikan untuk menjayakan projek pertanian mereka ini.

Dari segi *delivery system* dalam pengagihan Bajet 2005, kementerian saya sentiasa berusaha untuk memperkukuhkan lagi sistem penyampaian kementerian, jabatan dan agensi di bawahnya supaya program dan projek-projek yang dirancang, terutamanya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan akan dapat mencapai matlamat yang ditetapkan. Dalam tahun 2005 kementerian saya telah pun diluluskan peruntukan pembangunan sebanyak RM1.3 bilion dan daripada jumlah ini sebanyak 91.1% telah pun dibelanjakan bagi membiayai pelbagai projek pertanian di seluruh negara.

Bagi projek-projek yang tidak dapat disiapkan dalam tahun 2005, ia insya-Allah akan kita teruskan pada tahun ini dan seterusnya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Di antara langkah-langkah yang dilaksanakan oleh kementerian untuk memastikan supaya masyarakat petani di kawasan luar bandar mendapat faedah daripada program dan projek-projek kementerian ini ialah:

- (i) menjalankan secara berterusan pengembangan kepada petani-petani mengenai amalan pertanian baik supaya produktiviti dan kualiti produk-produk pertanian akan dapat dipertingkatkan;
- (ii) menjalankan kursus-kursus dan latihan yang berbentuk amali supaya petani-petani memperolehi kemahiran yang diperlukan;
- (iii) memperkukuhkan peranan pertubuhan-pertubuhan peladang kawasan supaya pertubuhan ini akan dapat meningkatkan pengeluaran dan

- menyediakan perkhidmatan sokongan bersepadu kepada peladang-peladang;
- (iv) memupuk semangat keusahawanan dan menjadikan pertanian sebagai suatu *business* ataupun perniagaan di kalangan petani dan juga peladang;
  - (v) menggiatkan penyelidikan dan pengeluaran benih ataupun baka yang baik untuk kegunaan petani yang dapat menyumbang daya saing petani-petani negara kita; dan
  - (vi) menyediakan kemudahan pembiayaan kredit dan pinjaman yang sesuai dengan kemampuan petani ataupun pengusaha oleh Bank Pertanian Malaysia dan juga pertubuhan peladang kawasan.

Bagi memperkemas lagi sistem penyampaian ini juga, pihak kementerian saya pada tahun 2006 akan mewujudkan sistem pemantauan projek-projek yang dilaksanakan dan juga menetapkan petunjuk prestasi utama ataupun *key performance index* kepada jabatan dan agensi dalam melaksanakan projek-projek di bawah kementerian dan usaha ini diharap akan dapat memberikan impak dan juga manfaat kepada golongan sasaran, terutamanya petani, penternak dan nelayan di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2006 pihak kementerian telah pun diluluskan peruntukan sebanyak RM1.7 bilion dan peruntukan ini akan digunakan untuk meningkatkan seterusnya taraf hidup petani, penternak dan nelayan di seluruh negara. Di antara projek yang akan dilaksanakan ialah Projek Kelompok, Program Dana Nelayan, projek-projek pemprosesan, projek untuk *magnisasi* ladang, program penambahan pendapatan, pemodenan nelayan, peningkatan pengeluaran daging dalam negara, Projek Integrasi Sawah, Projek Dusun Nukleus, bantuan peralatan dan sebagainya.

Yang paling penting adalah program untuk mengubah sikap dan minda golongan sasaran. Dengan mengadakan kursus-kursus motivasi, program-program pembangunan usahawan dan kursus peningkatan diri untuk golongan sasaran ini supaya mereka dapat menghargai dan juga memanfaatkan segala bantuan yang telah pun diberikan oleh pihak kerajaan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Minta penjelasan sedikit. Terima kasih Yang Berhormat. Bunyi nampak sedap kalau didengar oleh orang kampung, mungkin kita tidak menghadapi masalah tetapi permasalahan yang kita hadapi iaitu masih juga di peringkat *delivery system*. Jadi kalau ini tidak diperbetul, akhirnya hasrat kita, pengumuman berbilion-bilion ringgit ini tidak kesampaian dan banyak nelayan kita tercicir, terutama sekali di luar bandar. Jadi kita meminta kerajaan dan Tan Sri sendiri selaku menteri, kuasa yang ada itu gunakanlah untuk memastikan bahawa petani, nelayan dan penternak kita di luar bandar ini tidak terpinggir, tidak cuma mendengar berbilion-bilion ringgit tetapi tidak pernah sampai. Pegawai kita di mana pun tidak tahu, hendak dihubungi pun tidak boleh.

Jadi inilah yang mengakibatkan kita terperangkap dalam situasi yang kita tidak suka. Jadi hasrat dan niat yang baik itu tetapi pelaksanaannya tidak baik akan dialahkan oleh sedikit kemungkaran yang dilakukan oleh tangan-tangan manusia. Saya meminta Tan Sri supaya memastikan bahawa berbilion-bilion ringgit ini sampai ke sasarannya dan sampai pilihan raya, kita mendapat kemenangan yang besar sebab rakyat mengingati jasa baik kita. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]:** Minta penjelasan, Tan Sri.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Ya?

**Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]:** Minta penjelasan, Kuala Kedah.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Jadi saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kuala Terengganu.

**Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]:** Kuala Kedah, Kuala Kedah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kuala Kedah ya.

**Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tan Sri, saya mohon untuk penjelasan, sambung daripada yang diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya hendak minta penjelasan daripada Tan Sri, apakah langkah-langkah yang akan dilaksanakan oleh kementerian Tan Sri untuk mempercepat prestasi dan memastikan prestasi kerja daripada perkhidmatan awam dalam kementerian Tan Sri untuk memastikan supaya projek-projek dalam Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini dapat dilaksanakan dan sampai kepada akar umbi dengan sempurna. Terima kasih Tan Sri.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya baru mula ucapan saya. Saya hendak menjawab kepada banyak perkara yang telah pun dibangkitkan oleh ramai Ahli Yang Berhormat yang telah pun membahaskan dalam sesi perbahasan awal, jadi apa yang dibangkitkan tadi sebenarnya adalah tokoh tambah daripada perkara yang ramai juga telah membangkitkan lebih awal dan saya telah pun menyediakan jawapan. Kalau boleh beri saya *chance*, sedikit peluang untuk jelaskan dahulu dan kalau ada yang kurang, saya fikir boleh kita bangkitkan untuk dijelaskan.

Semua apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan Yang Berhormat bagi Kuala Kedah itu saya tidak nafikan, memang saya akui dan saya akan jelaskan secara lebih terperinci selepas daripada ini.

Yang Berhormat bagi Kuala Lipis dalam perbahasan telah membangkitkan mengenai pegawai pengembangan yang dikatakan tidak mencukupi di peringkat akar umbi. Ini satu daripada perkara yang memang kita anggap penting dan ini penting bagi memastikan supaya perkhidmatan pengembangan ataupun *extension service* yang diberikan kepada golongan sasaran kita iaitu petani, penternak dan nelayan kita ini adalah yang berkesan. Maka kementerian saya akan mengambil langkah untuk menambah bilangan pegawai pengembangan ini dan mempunyai bidang-bidang kelayakan yang jauh lebih tinggi...

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** Minta penjelasan.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** ...berbanding dengan yang ada sekarang ini. Ini saya anggap adalah satu perkara yang penting supaya segala ilmu kepakaran dan kemahiran yang ada hendaklah diletakkan di peringkat akar umbi di mana terdapatnya petani, nelayan dan penternak yang memerlukan bantuan perkhidmatan kepakaran seperti ini dan ini juga melibatkan penstrukturan semula.

Sebenarnya banyak organisasi di peringkat jabatan dan agensi di bawah kementerian saya dengan penambahan jawatan-jawatan baru. Untuk memastikan semua pegawai kita memainkan peranan, maka langkah-langkah memperkukuhkan aspek pengurusan sumber manusia akan sentiasa dibuat dari semasa ke semasa melalui pelbagai program dan aktiviti, latihan dan kursus ke arah meningkatkan kualiti, produktiviti kemahiran dan juga kebolehan pegawai. Antara program yang berterusan ialah penekanan ke atas pelaksanaan dasar sains organisasi yang bersesuaian ataupun *right sizing*, dengan izin, bagi menyokong pembangunan sektor pertanian negara. Penyusunan semula struktur organisasi, memperbanyakkan program latihan serta laluan kemajuan kerjaya yang lebih jelas untuk pegawai dan kakitangan.

Penstrukturan semula organisasi mengambil kira penetapan semula program dan aktiviti supaya penggunaan tenaga kerja secara optimum, pengurusan kerja secara teratur dan mempercepatkan proses membuat keputusan melalui struktur organisasi yang agak lebih fleksibel. Kerajaan telah pun meluluskan penyusunan semula struktur organisasi kementerian saya, Jabatan Pertanian Malaysia, Jabatan Perikanan Malaysia, MARDI, FAMA, Lembaga Pertubuhan Peladang dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Dari kenyataan ini membuktikan bahawa langkah-langkah untuk memperbaiki sistem penyampaian sedang pun dilaksanakan dengan penyusunan semula dan juga penstrukturan organisasi agensi yang saya sebutkan tadi.

Sektor pertanian, Tuan Yang di-Pertua....

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jasin bangun Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan penstrukturan, saya lihat supaya Lembaga Pertubuhan Peladang di bawah Yang Berhormat Menteri, kita hendak bantu peladang. Kalau ketua pengarahnya bukan ahli pertanian, MPK pun tidak berapa kenal, bagaimana dia hendak bantu peladang. Yang kedua, sasaran. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada kementerian kerana program untuk menambah pendapatan peladang, dia minta kami wakil rakyat Ahli Parlimen tandatangan. Saya tengok yang saya balik hujung minggu, Tuan Yang di-Pertua, orang yang dapat borang yang datang jumpa kami ini, bukan petani pegawai kerajaan, orang-orang berniaga dan apabila kita balik ke kampung tanya JKK, tanya orang kampung, dia pun tidak tahu. Bermakna sasaran itu tidak kena.

Yang akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya pun kecil hati sebab itu malam semalam saya tidak bercakap. Saya memang banyak di dalam Dewan ini mengkritik dan juga memberi pandangan kepada Kementerian Pertanian. Apa yang berlaku baru-baru ini Ketua Pengarah, Yang Berhormat Menteri datang ke Melaka, berjumpa dengan pegawai-pegawai di Melaka, dia kata, "*Engkau orang tidak tahu hendak jaga MP Jasin itu, hantarkan buah-buah dekat stesen itu ke rumah dia. Dia duduk dalam Dewan ini asyik kritik pertanian sahaja*". Adakah kami 'ini', Tuan Yang di-Pertua? *[Disampuk]* Kita di sini memberitahu, memberi jalan bagaimana untuk perbaiki sistem penyampaian Kementerian Pertanian supaya orang kampung dapat faedah. *[Disampuk]* Tetapi, adakah maruah saya, Ahli Parlimen Jasin, Tuan Yang di-Pertua dengan dua biji durian hendak hantar ke rumah saya. *[Disorak]* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Yassin:** Terima kasih, Yang Berhormat. Ini pasal mungkin kesungguhan pegawai kita, tetapi walaupun begitu saya memang mengikuti dengan dekat banyak kenyataan Yang Berhormat bagi Jasin yang saya fikir menyentuh perkara-perkara pokok di bawah kementerian kita. Saya tidak menafikan perkara-perkara itu, tetapi kadang-kadang perlu juga lebih spesifik, tidaklah umum pada perkara-perkara yang disebutkan itu.

Yang disebutkan berkenaan Lembaga Pertubuhan Peladang ini satu daripada agensi yang memang kita anggap penting, Yang Berhormat pun terlibat di beberapa peringkat dan saya tahu bahawa kalau organisasi pertubuhan peladang ini dapat kita perkukuhkan dan format yang kita punyai sekarang ini perlu kita pinda dan ubah suai kerana ia dilihat mungkin agak ketinggalan sedikit kalau dibandingkan dengan perkembangan sektor pertanian di negara kita sekarang ini.

Maka, saya jangka mungkin kita dapat mengerakkan jentera petani di bawah, yang ada menerusi pertubuhan peladang kawasan sebagai contoh secara lebih hebat lagi, dan sebab itu kita telah mengambil langkah supaya Lembaga Pertubuhan Peladang ini disusun semula. Keduanya, akta mengenai Pertubuhan Lembaga Pertubuhan Peladang itu dikaji kerana kita dapati ada beberapa perkara yang perlu kita perbaiki dan inilah langkah-langkah yang sedang pun kita ambil di peringkat kementerian untuk menangani masalah-masalah yang berbangkit dan isu-isu yang dihadapi oleh ramai petani kita di negara kita ini.

**Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Hulu Langat.

**Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan Pertubuhan Peladang Kawasan BPK. Daripada pengalaman saya, Yang Berhormat Menteri, pertubuhan peladang kawasan ini tidak dikelaskan sebagai pertubuhan Melayu dan tidak layak memiliki atau memohon tanah-tanah yang dikelaskan sebagai tanah rizab Melayu dari bawah pemberian kerajaan negeri.

Biasanya dalam keadaan sebegini tanah-tanah ini mestilah *alienate*, diberi kepada Lembaga Pertubuhan Peladang yang dipegang atas amanah Pertubuhan Peladang Kawasan dan apabila ini berlaku, soal pemilikan secara amanah ini berlaku, Lembaga Pertubuhan Peladang mempunyai bidang kuasa yang cukup besar seluruh negara dan akibatnya mereka tidak dapat memberi tumpuan serta perhatian kepada pertubuhan-pertubuhan peladang kawasan yang kecil.

Boleh atau tidak kementerian mengambil langkah tertentu bagi memastikan bahawa PPK kawasan ini didaftarkan atau dikelaskan sebagai pegangan Melayu dan boleh memegang tanah-tanah rizab Melayu secara individu, secara sendiri bagi memastikan pengurusan tanah-tanah pertanian terutama sekali diuruskan dengan cara yang terbaik. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong apa yang disarankan oleh Yang Berhormat tadi. Tetapi, ini terletak pada bidang kuasa kerajaan negeri. Kalau langkah kita boleh buat bawa kepada pihak kerajaan negeri untuk menimbang dan memberikan taraf Melayu kepada PPK, maka soal pemilikan tanah dan hartanah dan sebagainya tu tidak menjadi masalah. Apa pun ini di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Tetapi umunya saya bersetuju kerana ini mungkin akan mempermudah lagi supaya badan yang mewakili kepentingan peladang secara berkelompok di kawasan-kawasan itu mempunyai hartanah yang mereka boleh usahakan sendiri, dan tidak perlu mungkin merujuk kepada pihak-pihak lain, termasuklah umpamanya agensi-agensi kita untuk mendapatkan bantuan-bantuan. Ini kerana kalau dia ada hak milik sebagai contoh, dan ada *tittle* yang agak mempunyai nilainya, dia boleh menggunakan itu sebagai cagaran untuk mendapatkan modal dan sebagainya.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** *[Menyampuk]*

**Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Boleh minta sedikit penjelasan, Yang Berhormat?

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan bawa kepada pihak kerajaan negeri untuk pertimbangan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Yang Berhormat, boleh saya tanya sedikit pasal peladang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada tiga yang bangun, Yang Berhormat. Hendak bagi kepada siapa?

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Yassin:** Yang Berhormat bagi Larut.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya setuju dengan ketegasan Yang Berhormat tentang hendak dikaji balik Akta Pertubuhan Peladang, hendak disusun semula. Walaupun begitu, soalnya di sini yang dihadapi

oleh masalah pertubuhan peladang ini, Yang Berhormat, kalau kita turun ke bawah, di peringkat akar umbi yang menjadi sasaran, mereka tidak ada peruntukan. Satu bentuk bantuan kewangan untuk mengusahakan tanah-tanah yang masih terbiar yang begitu luas di peringkat kampung untuk menyahut segala saranan kerajaan.

Jadi, apakah pihak kementerian boleh menimbang untuk menjadikan satu peruntukan khas kepada pertubuhan-pertubuhan peladang kawasan bagi membantu mereka untuk mengusahakan tanah-tanah, umpamanya tanah terbiar. Mungkin Yang Berhormat boleh memberi satu geran untuk pembelian jentolak kerana di situlah mereka boleh menggunakan peralatan ini untuk diberikan kepada petani-petani, pengusaha-pengusaha, unit-unit peladang yang ada ini untuk menjalankan segala usaha sebagai memenuhi impian pihak kerajaan. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua mengatakan bahawa Pertubuhan Peladang kawasan tidak diberikan bantuan tidak tepat. Saya kira hampir semuanya mendapat bantuan. Tiap-tiap kali saya turun ke kawasan Yang Berhormat tertentu pun dia minta Menteri sampaikan RM200,000, RM300,000 saya mula-mula jadi Menteri pun agak terperanjat macam itu banyak peruntukan secara geran langsung dan tiap-tiap tahun kita dapat peruntukan dan kita salurkan kepada Lembaga Pertubuhan Peladang untuk diagih-agihkan. Jadi soal untuk umpamanya memberi kemudahan untuk membeli alat-alat jentera, saya telah pun mengambil pandangan ini kerana daripada maklumat yang dimaklumkan kepada saya oleh Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), dia memaklumkan bahawa hanya 14% sahaja daripada seluruh petani di negara kita menggunakan alat-alat jentera. Macam Yang Berhormat sebutkan tadi hendak sama jentolak ke ataupun hendak adakan traktor untuk membajak. Peratusan ini adalah satu kadar yang rendah jadi sebab itu saya telah pun mengarahkan pada Lembaga Pertubuhan Peladang untuk memulakan satu Skim Pinjaman Mudah. Dan saya kira mungkin telah diperuntukkan empat ataupun lima juta untuk tahun ini supaya peladang dan pertubuhan peladang-peladang yang tidak memiliki jentera boleh menggunakan pinjaman mudah untuk membelikan jentera-jentera yang diperlukan oleh mereka.

Di samping itu di bawah Bank Pertanian juga kita telah pun menyediakan satu peruntukan hampir RM10 juta jadi kalau dengan bank dengan Lembaga Pertubuhan Peladang, maka petani di kawasan mana sahaja sekalipun yang ada diwakili oleh Pertubuhan Peladang kawasan boleh mendapat bentuk-bentuk bantuan. Itu dari segi alat mesin atau untuk tujuan mengorganisasikan ladang sahaja jadi kalau hendak dikirakan berbagai-bagai bentuk bantuan-bantuan lain pun boleh kita sampaikan. Dan bukan sahaja untuk tujuan katalah pertanian untuk ternakan pun boleh juga, untuk tanaman pun boleh juga dan untuk pemeliharaan ikan pun boleh juga kerana dalam konsep MOA Inc. yang kita telah mulakan sekarang. Ini bermakna agensi-agensi yang lain boleh membantu petani termasuk Industri Asas Tani untuk menyediakan



beberapa peruntukan tertentu supaya mereka boleh gunakan wang ini untuk memajukan Industri Asas Tani yang berkenaan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jerai bangun Yang Berhormat.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Daripada Tangga Batu.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Lama tidak dapat ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tangga Batu.

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tan Sri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tengok Tan Sri telah menyebutkan beberapa mekanisme dan sistem bagi menjanjikan masa depan yang begitu cerah kepada petani-petani. Tan Sri, saya mungkin akan bercakap bagi tujuan menggalakkan kegiatan pertanian ini di kalangan orang muda dan belia-belia Tan Sri. Dan kita dapati hari ini, ramai di antara siswazah-siswazah yang menganggur dan mereka tidak menunjukkan minat ke arah kegiatan pertanian ini.

Tan Sri, apa yang dapat saya lihat hari ini kita tengok harga minyak naik dan apa juga industri yang berkait dengan harga minyak ini akan menampakkan masa depan yang cerah. Bagi pertanian Tan Sri contohnya, dokong. Dokong masa awal-awal dahulu kita kenal dokong ini satu kilo RM15.00. Hari ini harga minyak naik, dokong turun satu kilo RM3.00 Tan Sri. Jadi fenomena ini mungkin telah menyebabkan para orang muda kita, belia kita tidak berani hendak melibatkan diri mereka dengan pertanian kerana pertanian tidak menjanjikan masa depan yang cerah untuk mereka. Jadi apakah Tan Sri mempunyai rancangan bagi *marketing arm* Kementerian Pertanian ini untuk mengawal serta mempunyai satu mekanisme kawalan akan memantau kedudukan-kedudukan harga seperti ini supaya mereka orang-orang muda ini minat ke arah kegiatan pertanian, Tan Sri.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh jawab Tan Sri sekali, ada hubung kait dia. Ya saya bersetuju Tan Sri bahawa ada kelemahan dalam sistem di kementerian kita dalam industri pertanian ini. Sebab saya melihat bahawa Tan Sri memaklumkan dengan kemudahan-kemudahan pinjaman dan sebagainya. Tetapi beberapa peladang kita, penternak kita, petani kita berjumpa dengan Bank Pertanian dan sebagainya tetapi menemui jalan buntu, malang. Dan itulah sebab saya awal-awal tadi saya bunyi yang kita dengar nampak bagus. Kalau dengar itu bunyi tidak payah cakap lah semua macam okey sahaja, macam datang terus dapat. Tetapi masalah yang kita hadapi seperti kegagalan kita memasarkan buah-buah kita. Kita meminta petani kita berladang, bercucuk tanam mengeluarkan hasil tetapi seperti Tangga Batu kata buah-buah kita dahulu harga baik sekarang turun, durian turun, langsung turun, duku turun. Jadi kita ini macam bola sepak semua benda naik, diesel naik, petrol naik, tambang naik,

tiket kapal terbang naik, harga buah turun, bola sepak turun ini sahaja tidak pandai naik, dua benda ini [Ketawa].

Jadi tidakkah Tan Sri boleh melihat bagaimana situasi ini boleh kita pertingkatkan supaya buah-buah kita ini boleh dipasarkan oleh FAMA ke luar negara dengan harga yang baik. Jadi Singapura tidak mengaut keuntungan di atas buah kita. Kalau Taiwan boleh mengeksport durian ke Amerika, kenapa kita tidak boleh? Kalau musim durian, durian kita harga empat puluh sen satu kilo Tan Sri. Jadi ini kena di fikir oleh kementerian ini minta FAMA supaya melaksanakan tanggungjawab ini sebab negara kita nanti akan menuju kepada era pertanian. Jadi bagaimana kita menuju era pertanian ini kalau persiapan kita tidak ada. Terima kasih Tan Sri.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Lipis bangun. Yang Berhormat hendak bagi jalan?

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua biar saya jelaskan dahulu. Ini berkenaan dengan hendak menarik penyertaan belia menceburkan diri dalam sektor pertanian ini memang bagi kita penting sekali. Kerana sekarang ini pun nampaknya umur petani kita purata hampir 60 tahun. Jadi kalau kira tahap produktiviti semakin menurun. Keduanya minat yang generasi muda untuk menceburkan ke sektor pertanian agaknya kurang dan ini terbukti daripada institusi pendidikan sebagai contoh tidak ramai yang hendak ambil kursus-kursus pertanian. Cuma dalam tempoh setahun yang lepas ini, nampak ada minat baru kerana kita mempromosikan pertanian nampaknya. Jadi oleh sebab itu saya fikir memang kita di peringkat kementerian memikirkan bagaimananya kalau kita tidak dapat menarik generasi muda mencebur ke sektor ini, pertanian akan lebih tertinggal jauh di belakang. Tetapi hendak menarik orang muda yang ada pengalaman baru, teknologi yang lebih pakar daripada kita, ICT yang dia lebih mahir daripada kita, dia memerlukan satu pendekatan yang agak berbeza daripada contoh masa waktu pak tok nenek kita menceburkan diri dalam bidang ini.

Jadi sebab itu, pertama ialah untuk pendedahan mereka. Bahawa sebenarnya pertanian bukan suatu yang dianggap industri terbenam ataupun matahari terbenam "*sun set industri*" kerana banyak contoh-contoh industri pertanian yang berjaya. Banyak juga petani-petani kita yang mencapai tahap kejayaan yang begitu memberangsangkan. Banyak petani di negara maju mencapai tahap kemajuan dan pendapatan yang tinggi. Jadi kalau kita boleh dedahkan mereka ini dengan teknologi baru contoh tanaman tidak semesti cara sistem lama, sistem ....., *precision farming* menggunakan teknologi dan bahan-bahan yang dikatakan teknologi tinggi. Maka ini boleh menarik penyertaan mereka dan saya kira dengan bantuan dan sokongan yang kita telah sediakan kepada sektor pertanian umpama dengan skim yang ada dalam Bank Pertanian sebagai contoh untuk Siswazah Tani. Dan dengan program di bawah Kementerian Belia dan Sukan yang kita akan gerakkan bersama dengan Kementerian Pendidikan untuk mendedahkan anak-anak muda kita tentang bidang pertanian ini, maka saya kira dalam satu

tempoh yang tidak terlalu lama. Kita harapkan adalah minat untuk mereka mengambil bahagian dalam bidang pertanian. Bercakap tentang soal pemasaran ini tadi.....

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** Minta izin.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Biar saya minta jelaskan dahulu. Ini sebenarnya ada dalam jawapan saya kerana juga dalam perbahasan awal telah dibangkitkan langkah-langkah yang kita perlu ambil untuk menangani masalah ini. Yang Berhormat tadi dari Kinabatangan menyebutkan ada yang naik ada yang turun, itu biasa lah Yang Berhormat. Tetapi soal hasil-hasil pertanian yang dikatakan sukar untuk dipasarkan itu. Pertamanya ikut daripada trend yang kita lihat sekarang ini ialah musiman bukan sepanjang masa umpama musim buah-buahan. Durian yang sekarang ini agaknya berlebihan daripada yang kita perlukan. Kita perlu melihat dari segi pendekatan bagaimana produk-produk yang dikeluarkan secara besar-besaran ini harus kita pasarkan dalam satu tempoh yang lebih lama dengan teknologi baru. Umpamanya seperti contoh durian. Kita sejuk bekukan untuk dieksport, ini sebagai satu cara untuk mencari laluan-laluan baru supaya produk-produk kita tidak hanya dipasarkan dalam negara kita.

Industri pemprosesan bahan-bahan buah-buahan sebagai contoh yang perlu kita bangunkan. Dan saya akan mulakan sebagai satu contoh di kawasan di Daerah Muar. Satu kawasan memproses buah-buahan durian dalam musim mana durian itu berlambak. Ia tidak hanya dijual dalam bentuk yang segar, ia boleh diproses dalam bentuk bahan-bahan makanan lain, dodol ataupun kuih-muih yang menggunakan bahan-bahan durian sebagai contoh. Jadi ada strategi dan langkah yang saya akan jelaskan Tuan Yang di-Pertua dalam jawapan kita selepas daripada ini.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Tan Sri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Mana Tan Sri hendak bagi yang mana?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya Pasir Mas.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya memang tertarik dengan pandangan-pandangan dan apa yang telah dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian dan saya minta terima kasih kerana Yang Berhormat Menteri Pertanian ini selalu borong ke Kelantan sehingga saya rasa di bandar di kampung saya pun, Yang Berhormat pergi di Kampung Slow Machang tidak silap.

**Seorang Ahli: [Menyampuk]**

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Jarak dia tidak jauh daripada tempat rumah saya sendiri. Tapi malangnya saya tidak dijemput....

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Apa yang saya hendak timbulkan di sini ada dua tiga perkara. Pertama sekali Yang Berhormat Menteri sebut amalan pertanian yang baik, dan kedua pemantauan yang dibuat oleh kementerian pada tahun 2006. Dalam kedua-dua aspek ini saya sungguh tertarik, apa yang saya hendak sebut di sini iaitu amalan pertanian yang baik.

Pertama sekali saya rasa petani-petani kita tidak didedahkan dengan cara pertanian semasa, sehingga mereka tertinggal, sivik mereka terlalu rendah, yang perlu sangat Kementerian Pertanian terus ke akar umbinya supaya mereka ini disedarkan bagi menghadapi dunia dalam persaingan yang begini hebat. Apa lagi bila Malaysia terlibat dengan barang dagangan luar yang masuk ke negara kita.

Apa yang saya hendak sebut di sini iaitu bagaimana pertanian kita, petani-petani kita akan menjadi petani baik sekiranya mereka tidak dibekalkan dengan keperluan-keperluan semasa. Selain yang disebut oleh sahabat-sahabat kita tadi, saya melihat di Kelantan misalnya. Baja padi, mengapa baja padi tidak diagih kepada petani-petani kita mengikut sepatutnya? Masih lagi saya dengar bahawa ramai petani-petani yang tidak dapat baja padi. Saya tidak menuduh kerajaan mempunyai dasar diskriminasi. Saya berada di Parlimen ini saya mendengar daripada menteri-menteri bercakap bahawa kita tidak ada dasar itu. Dan saya sendiri pun kalau ada orang sebut saya menolak, tidak ada dasar diskriminasi.

Tapi di peringkat bawahnya, di peringkat akar umbinya JKK nya benda ini, Yang Berhormat Menteri, masih ada berlaku di kampung-kampung sehingga membabitkan kerajaan negeri terpaksa membelanjakan wang sebanyak RM 4juta bagi menampung petani-petani kita yang tidak mendapat baja. Mengapa benda ini masih berlaku sedemikian? Saya kira 2000 dalam bajet kita depan ini tidak ada, tidak berlaku lagi kerajaan negeri terpaksa membiayai RM4 juta untuk bajet padi sahaja. Kalau kerajaan negeri dapat menyelamatkan RM4 juta ini, dia dapat menumpukan kepada benda-benda lain. Sepatutnya ini adalah kerja ataupun usaha-usaha yang dijalankan oleh kementerian, bukan oleh peringkat kerajaan negeri. Yang kedua saya melihat bahawa dalam pemantauan projek ini juga, bagaimana baja-baja padi salah guna. Tidak tahulah satu, dua tahun ini, kalau sebelum daripada ini saya tahu sangat bahawa baja-baja padi ini mereka memohon baja padi begitu banyak. Akhir sekali baja padi ini di longgok di bawah-bawah rumah, taruh di bawah rumah ini sehingga menjadi tongkat pada rumah itu sendiri. Baja padi yang patut dihabiskan pada tahun itu, tahun yang kedua masih ada lagi. Kemudian datang lagi pada tahun yang ketiga begitu banyak sekali. Satu ketika dahulu Yang Berhormat Menteri, baja padi ini dijual sampai ke selatan Thailand. Entah macam mana baja padi ini boleh menembusi sempadan ini.

Contohnya beg-beg baja padi ini kerana ditulis 'Projek Barisan Nasional', di beg baja padi itu ada gambar dacing, ada gambar apa, kelihatan beg baja padi ini di tengah-tengah bendang di selatan Thailand. Bagaimana baja padi ini boleh masuk selatan Thailand? Ini perkara betul ini!

Satu, dua tahun ini saya tidak dengar, tapi sebelum daripada itu saya memang dengar. Yang Berhormat Rantau Panjang barangkali boleh *confirm* apa yang saya katakan.

**Seorang Ahli:** Rantau Panjang jual.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Orang PAS tidak jual, fasal PAS tidak dapat baja padi. Sebab itulah kita terpaksa menampung RM4 juta. Jadi bagaimana benda ini boleh sampai ke sana? Ini menunjukkan bahawa dari segi pemantauan, saya tidak mengatakan si fulan, si fulan. Tapi bagaimana boleh benda ini boleh berlaku? Baja padi kita dilihat - sumpitnya dilihat di sana. Jadi tidak mungkin kalau tidak pecah benda ini ke sana dan ada orang bawa. Barang ini barangkali dijual dengan harga murah tapi oleh sebab dapat *free* daripada kerajaan maka dijual dengan harga RM 4.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jangan panjang sangat Yang Berhormat, dia faham lah itu.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Jadi saya cadangkan supaya kerajaan tidak dituduh. Saya tidak menuduh sebenarnya, supaya kerajaan tidak dituduh oleh mana-mana pihak; dituduh sebagai ada diskriminasi dan sebagainya. Saya rasa ada baiknya pemantauan ini lakukan kerja-kerja sampai ke akar umbi setidak-tidaknya mendaftar, siapa sebenarnya yang membuat padi. Kita ada penghulu; penghulu kita ada dua. Di Kelantan kita ada dua penghulu, ada penghulu daripada kerajaan negeri dan ada penghulu daripada Kerajaan Pusat. Kita ada satu Imam, ada Iman dua penghulu kemudian agensi-agensi lain lagi.

Pertanian daftarkan dengan cara betul, siapa yang petani dan siapa tidak bertani. Ada masa dua, tiga bulan saya kira pendaftaran ini dapat diselesaikan. Dan hasil daripada itulah baja mesti dibagi kepada semua tanpa melihat PAS atau UMNO. Jadi kalau kita dapat laksanakan ini sebenar-benarnya, maka selesailah apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi iaitu pemantauan projek pada tahun 2006 untuk menyelesaikan pembahagian baja dan segala subsidi kepada rakyat kita sehingga hasil pertaniannya betul-betul dapat dimanfaatkan oleh negara kita.

Ketiga, Yang Berhormat Menteri, saya pernah sebut di Dewan ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat berucap lagi sekaligus, Yang Berhormat?

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Tidak, soalan. Bukan. Perkara ini forum kita, buat yang terbaik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya cepat, segerakan.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Dua tahun lepas - setahun lepas saya sebut, apakah kita masih lagi berpegang kepada import beras, import padi daripada negara-negara jiran kita khususnya Thailand. Apa kita tidak terfikir satu ketika nanti ada krisis sempadan dengan Thailand? Bila saya sebut ini wakil daripada Barisan Nasional terus menentang ucapan saya

dengan katanya bila akan berlaku? Tidak mungkin akan berlaku kerana kita dalam Asia ini kerana kita berbagai-bagai.

Contohnya baru ini, mujurlah kita bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. dan kita berterima kasih kepada pemimpin-pemimpin negara kerana cepat mengambil daya inisiatif dan tindakan segera di mana kekacauan yang berlaku di sempadan Thailand baru ini tidak merebak ke Kelantan dan lain-lain negeri. Kalau takdirilah benda ini berpanjangan, maka saya kira orang Kuala Lumpur yang pertama sekali menghadapi kekurangan bekalan beras, bukan orang Kelantan.

**Seorang Ahli:** Pasir Mas.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Pasir Mas tidak mungkin kerana Pasir Mas simpanan (*stock*) beras banyak. *[Ketawa]* Pasir MAS stok berasnya banyak di ladang, saya tahu.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah, Yang Berhormat. Cukuplah.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Jadi...

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** *[Menyampuk]*

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Jadi kalau kita tidak benar-benar meningkatkan operasi pertanian kita, barangkali satu ketika nanti berlaku krisis sempadan, kita rakyat Malaysia ini teruk menghadapi keadaan itu nanti. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya tidak ada diskriminasi dari segi pembahagian baja ini. Saya pernah turun ke banyak majlis dan di majlis itu penyampaian dibuat umpamanya di Kelantan, di Kedah baik terutama kawasan padi. Ada orang kita di sana beritahu, "Orang itu orang PAS." Tidak apalah, dia PAS, dia miskin kita bagi juga duit. Mudah-mudahan dia jadi UMNO kemudian esok. Jadi soal itu, tadi Yang Berhormat pun bercakap pun ada bercanggah juga. Kata tidak dapat baja, yang kedua baja boleh menongkat rumah sampai jual ke Siam.

Jadi itu sudah bercanggah itu, sebenarnya kita bagi bantuan banyak. Cuma masalahnya - saya setuju tadi, dia tidak memahami cara tanaman padi yang terbaik. Saya pergi sewaktu saya kempen, sebab itu saya pergi ke Slow Machang itu, dan saya jumpa dengan petani dekat situ dan duduk bersila dengan dia, tengok sawah terbentang di depan. Saya tanya dia, berapa satu hektar hendak pakai baja. Pegawai saya beritahu, "Entah. Lima puluh atau enam puluh kilo baja." Tapi saya tanya dia, dapat atau tidak baja? Berapa pakai? Dia kata, dua puluh kilo sahaja. Kenapa? "Ekonomi", katanya. Jadi maksud dia itu, dia tidak berapa faham apa tujuan kita berikan bantuan supaya dia gunakan sepenuhnya. Apa lagi kalau niat dia itu, agaknya untuk diselewengkan dijual tempat lain hendak dapatkan keuntungan jangka pendek. Itu masalahnya.

Jadi saya bersetuju tentang soal amalan pertanian yang baik, ini memang satu perkara yang kita sedari dan di peringkat kementerian kita sudah mula lancarkan tahun lepas “Kempen Amalan Pertanian Baik”, yang saya lakukan dan saya masih teruskan program ini sehingga kita lihat petani kita sudah faham teknik-teknik, teknologi, cara penggunaan benih, baja, cara menguruskan ladang tidak ditanam, ditinggal kemudian di tebas begitu sahaja ataupun terbiar dengan tidak diusahakan. Ini satu daripada fenomena yang saya lihat berlaku di negara kita dengan sebab itu produktiviti daripada galangan petani di negara kita ini masih di tahap yang amat rendah.

Soal kerajaan negeri bagi bantuan, saya hendak sebutkan, sebenarnya soal pertanian ini bukan soal hak Kerajaan Pusat. Dalam Perlembagaan, Yang Berhormat pun tahu, inilah bidang kuasa sama ataupun yang dikatakan *common responsibility* di antara kerajaan negeri dengan Kerajaan Pusat. Jadi eloklah sebab di Kelantan itu PAS menguasai dia harus bantu juga petani-petani. Jangan menyerahkan bulat-bulat kepada Kerajaan Persekutuan sahaja.

Soal yang ketiga ini soal dasar beras dan keluaran padi di negara kita. Ini arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk Rancangan Malaysia Kesembilan ini supaya polisi yang sedia ada ini dapat kita pinda. Yang sekarang ini ialah 65 peratus pengeluaran dalam negara, 35 peratus import dan dengan langkah yang telah kita buat selama ini sudah naik kita punya pengeluaran lebih kurang 72 peratus. Arahan Perdana Menteri, dasar ini kena pinda. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kita naikkan ke tahap 90 peratus pengeluaran dalam negara, 10 peratus sahaja diimport. Mungkin kalau kita dapat pertingkatkan hasil pengeluaran kita sampai 100 peratus, Insya-Allah.

Ini sudah pun menjadi dasar Kerajaan, jadi tidaklah statik sebagaimana dasar dahulu kerana kita memang memahami, satu, keupayaan kita ada. Tanah kita yang ada itu masih boleh kita tingkatkan umpamanya kenaikan satu hektar tambah daripada enam, kepada tujuh metrik tan satu musim. Ini sudah pun kita buat dan terbukti berjaya, boleh kita lakukan dalam jangka panjang. Kalau itu dapat kita teruskan saya kira satu masa nanti Malaysia boleh jadi pengeluar beras, *net exporter of rice*, Insya-Allah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Menteri, boleh sambung petang?

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini di tangguh sehingga 2.30 petang.

**[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah har]**

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Tuan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani untuk menyambung, menggulung ucapan beliau.

**2.32 ptg.**

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung jawapan dalam perbahasan mengenai dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, menyebutkan tentang soal perlunya kita mengerakkan, menyusun semula organisasi kementerian kita. Di sektor pertanian ini kita lihat memang penting kita mengambil perspektif baru dan juga pemikiran baru, khususnya di kalangan pegawai untuk hendak memastikan supaya gerakan kerja kita dan jentera pengurusan tentang pembangunan pertanian kita dapat berjalan dengan lebih berkesan lagi.

Oleh sebab itu, saya telah pun mengambil beberapa pendekatan dan menekankan betapa pentingnya pegawai-pegawai kita mematuhi kod etika yang telah pun ditetapkan di kementerian, memantau supaya para pegawai kita mengamalkan nilai-nilai yang baik, cekap, bersih dan amanah. Di samping itu, menyarankan supaya mereka dapat membangun dan juga mengekalkan budaya kerja yang berorientasikan prestasi.

Dengan ini kita yakin dapat membentuk suatu jumlah pegawai yang dianggap berprestasi cemerlang dan memiliki tingkah laku yang beretika dan juga bermoral tinggi untuk mengutamakan pelanggan di kalangan petani, penternak dan juga nelayan di negara kita. Oleh sebab itu, saya juga telah mengambil langkah supaya kita membuat pendekatan turun ke padang untuk memastikan supaya setiap program yang kita lakukan dan laksanakan terutama di peringkat bawah dapat dilaksanakan mengikut perancangan dan mencapai sasaran sebagaimana yang kita kehendaki. Yang ini saya telah sebutkan di peringkat awal tadi memang kita anggap penting supaya tidak adalah program-program kita yang tersalah sasar, yang menyebabkan masalah terhadap petani, nelayan dan penternak di negara kita.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh tanya sikit Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Tan Sri, saya berterima kasih kepada kerajaan kerana pertamanya telah menambah tenaga kerja kepada kementerian Tan Sri, kerana kita sedia maklum bahawa kementerian Tan Sri ini kekurangan tenaga kerja. Jadi satu Tan Sri, sebenarnya kita kena menghayati petani-petani ini Tan Sri. Nelayan dan juga peladang kita ini. Sedangkan manusia



dengan pokok pun Tuan Yang di-Pertua kita kena bercakap. Tidak, sungguh. Ini, Yang Berhormat bagi Arau, betulkah tidak?

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** *[Mengangguk-anggukkan kepala]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya. Kadang-kadang pokok durian. Ini, yang saya punya sendiri pengalaman. Tanam pokok durian belakang rumah Tan Sri, dia tidak mahu berbuah. Satu petang saya bebai, saya kata "Hang tidak berbuah tahun depan, aku terbang buang." Tau, tau tahun itu jadi.

**Seorang Ahli:** Tahun itu jadi?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tidak, sungguh Tan Sri. Ini dia pun makhluk juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tan Sri lebih faham Tan Sri kan. Ini makhluk juga. Jadi pegawai-pegawai yang akan kita *recruit* dan yang ada hari ini Tan Sri, saya berharap mereka ini akan menghayati tugas dan tanggungjawab mereka Tan Sri. Saya ingat pak tani ini depa kadang-kadang hala tuju dia depa tidak faham ini. Yang Tan Sri dok cerita di Parlimen ini, depa di bawah tidak faham Tan Sri. Bila depa tidak faham, depa mula kata macam-macam. Jadi kita kena pertamanya fokus, memahami pak tani-pak tani, nelayan-nelayan ini masalah yang kerajaan hendak bawa dasar pertanian negara.

Saya minta Tan Sri kalau boleh dasar pertanian kita ini patut diperbaharui Tan Sri, kerana kita agak ketinggalan Tan Sri dari segi hendak bandingkan dengan jiran kitalah. Bukan tanah itu, sama juga. Bukan kata berbeza, cuaca pun sama. Tetapi jiran kita di sebelah utara sempadan Kedah itu Tan Sri, lebih maju dari segi pertanian ini. Sempadan belah Perlis, Padang Besar pun macam itu juga, lebih maju. Jadi apakah kita ini masih ketinggalan Tan Sri, yang harus saya ingat kita perbaharui dasar pertanian negara kita ini supaya ia benar-benar sampai ke akar umbi dan dapat menolong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baik.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Hari ini Tan Sri....

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi saya sedikit lagi fasal saya belah negeri Kedah, pertanian Tan Sri. Saya tidak bercakap nanti orang kampung balik, dia mai ..... kementerian tidak mahu bercakap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya okey, terus. Baik terus.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ya. Jadi saya berharap Tuan Yang di-Pertua pertamanya macam pemasaran. Setiap agensi di bawah kementerian Tan Sri ada *marketing* amnya, sedangkan kita wujud FAMA untuk pemasaran. Sepatutnya LPPkah, lain-lainkah semua ini, pemasaran FAMA buat.

Saya memahami kerana saya biasa jadi Pengerusi FAMA Tan Sri. Kita pergi jual buah di luar negara, balik mai depa *order* dua, tiga kontena kita tidak boleh hantar. Hendak hantar macam mana, Pak Long Mat tanam rambutan lekang nyiur, yang Mak Timah tanam rambutan budak sekolah, yang orang Putih hendak rambutan jenis budak sekolah. Yang kita hantar lekang nyiur. Lekang nyiur dia makan, dia batuk. Dia kata *no good*. Jadi FAMA hendak memasarkan ini tidak boleh fasal benda tidak ada. Jadi macam mana? Tan Sri kena fikir maknanya kita kena *go to big farming* supaya kita boleh mengeksport dan saya difahamkan Tan Sri di China, buah betik ini *consider* orang yang kaya sahaja makan buah betik kita dan kita *the biggest exporter to* China, buah betik.

Tetapi buah lain semua negeri Siam mengatasi. *Star fruit* Tan Sri, dahulu Malaysia *the best, the biggest exporter overseas*, sekarang ini sudah boleh ke Thailand. Durian tidak usah kiralah. Jadi Tan Sri saya berharap kalau boleh *farming* kita ini kalau kita hendak memasarkan harus kita buat secara sistematik. Saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Arau Tan Sri, dia kata pokok jarak dia. Dia dok kira pokok jarak. Pokok jarak boleh buat minyak Tan Sri. Jadi universiti sudah buat kajian dan didapati berjaya. Jadi apakah kita akan menuju ke arah itu supaya kita tidak payah pakai minyak, minyak diesel banyak itu. Cucuh buah biji jarak dia menyala. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baik.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Jadi yang ini ya Tan Sri, bercakap yang ini Tan Sri. Setakat la ini Tan Sri ya. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Tentang soal pegawai dan juga kakitangan di peringkat kementerian, terutama agensi-agensis yang ada kaitan secara langsung di peringkat bawah ini, yang disebutkan awal tadi LPP, LKIM, Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, memang saya anggap penting sebagai organisasi yang ada hubungan langsung dengan petani. Dengan sebab itu, perlulah ada satu sifat pegawai yang memang tekun, dedikasi, bersungguh, komited dan mesti mesra dengan petani, penternak kita supaya mereka tahu masalah, ambil pendekatan yang terbaik untuk menyelesaikan masalah, berdamping rapat dan menangani apa isu yang berbangkit daripada sumber.

Isunya memang banyak. Yang Berhormat pun tahu. Dalam kawasan padi pun ada banyak isu, dalam kawasan pertanian lain pun banyak masalah. Sebab itu antara perkara yang kita berikan tumpuan ialah tentang soal membina keupayaan *human capital* dalam kementerian, di kalangan pegawai dan kakitangan. Kursus baik, penjelasan, taklimat dan kita adakan *retrieve* untuk *brainstorm*, bincang pendekatan-pendekatan yang terbaik, yang perlu kita ambil untuk menangani masalah ini. Jadi ini, langkah ini sudah dimulakan dahulu tetapi saya bersetuju supaya kita pertingkatkan lagi kerana hendak wujudkan satu kelompok orang kata tenaga yang boleh menggerakkan. Umpamanya untuk Rancangan Malaysia Kesembilan. Harapan Perdana

Menteri untuk prestasi sektor pertanian ditingkatkan hampir tiga kali ganda dalam tempoh lima tahun. Ini Yang Berhormat akan bincang dan bahaskan nanti. Ini satu saya fikir *benchmark* baru yang telah diletakkan.

Jadi saya sedar kalau soal keupayaan tenaga manusia ataupun *human capital*, modal manusia tidak dapat kita selesaikan dan kita perbaiki mutu dan kualiti mereka, itu menjadi satu halangan besar. Jadi ini memang jadi satu daripada perkara yang saya berikan tumpuan. Yang Berhormat telah pun sebutkan, biar saya jelas di situ.....

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** ..... yang dibangkitkan itu belum dijawab lagi. Yang tentang soal dasar pertanian negara ini sekarang sudah masuk dasar pertanian ketiga. Bermakna sudah dipinda dan diubah untuk menyesuaikan dengan keadaan dan keperluan. Saya tidak fikir ada perlu hendak dipinda dan diubah dasar itu. Yang sudah sedia ada pun cukup molek. Cuma bagaimana yang biasa disebutkan, bagaimana hendak melaksanakan, menterjemahkan dasar itu menjadi suatu yang agaknya realistik memberi kesan untuk hendak mengubah, *transform* sektor pertanian menjadi sektor yang berdaya maju. Ini cabaran besar bagi kami di kementerian. Kita memerlukan dukungan bukan sahaja soal pegawai tetapi juga sikap petani, kelompok sasaran kita yang kita anggap masih agak sebahagian besarnya tidak orang kata, bergerak mengikut sasaran kita.

Umpamanya amalan pertanian baik, belum sampai tahap Yang Berhormat sebutkan tadi, setanding dengan banyak negara-negara yang sudah jauh ke depan daripada kita. Jadi masih terdapat ruang yang luas, jurang yang besar yang perlu kita perbaiki. Jadi ini bagi saya, soal dasar penting tetapi dasar itu sudah pun dipinda dan diubahsuai mengikut keadaan. Masih boleh kita gunakan tetapi dalam segi pendekatan, bagaimana hendak melaksanakan, ini satu cabaran besar bagi kita.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Yang Berhormat, penjelasan. Yang Berhormat Menteri....

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Soal pemasaran....

**Tuan Yang di-Pertua:** Kuala Terengganu, ya.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cukup tertarik tadi apabila Yang Berhormat Menteri sebut tentang perkataan transformasi, membina modal manusia, membina kapasiti manusia itu. Sejauh manakah sekarang ini agensi-agensinya yang berada di bawah Kementerian Pertanian itu sendiri seperti FELDA, FELCRA, LKIM itu benar-benar memanfaatkan pusat-pusat mereka itu untuk menjana tenaga kerja yang bermutu dengan pengkaedahan yang baru untuk kita menambahkan warga kerja di bidang sektor pertanian yang memerlukan satu reformasi, satu penganjakan pemikiran mereka itu. Sejauh manakah pusat-pusat ini dipergunakan sepenuhnya? Bukan dalam bentuk pengkaedahan yang lama tetapi dalam bentuk pendekatan yang baru, diadun dengan kemahiran-kemahiran teknologi

semasa untuk kita benar-benar dapat menggandakan penyertaan dalam sektor pertanian ini. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Ya. FELDA, FELCRA tidak di bawah kementerian saya tetapi ia sektor pertanian jugalah. LKIM dan sebagainya itu. Itu memang perkara yang kita sentiasa fikirkan. Apa caranya untuk kita tingkatkan mutu dan kualiti pegawai, kakitangan kita dan sebagainya. Kursus memang ada disediakan. Tetapi lebih daripada itu ialah pemahaman, *mind set*. Yang ini, tentu Yang Berhormat lebih faham susah untuk kita orang kata “jelmakan” kalau mereka tidak begitu memahami apa tujuan, falsafah sebagai dasar pertanian, apa sasaran kerja mereka dan sebagainya. Sebab itu saya masukkan dalam program di kementerian, program motivasi.

Kita masukkan program umpama untuk menjelaskan bahawa pertanian itu adalah suatu perniagaan. *Agriculture is business*, bukan pertanian adalah pertanian semata-mata. Jadi untuk hendak membantu supaya bila mereka melaksanakan tanggungjawab di peringkat bawah, kumpulan sasar petani tadi memahami bahawa dia bukan sahaja bercucuk tanam untuk tujuan makan di sini. Hari ini sudah agak ketinggalan masa. Semua mesti menjurus kepada soal menghadapi keperluan pasaran. Kalau untuk keperluan pasaran, tentu mengeluarkan produk yang berkualiti tinggi dengan hasil pengeluaran yang bermutu tinggi, hasil yang tinggi, harga yang baik dan sebagainya. Jadi banyak aspek-aspek dari segi soal perniagaan yang perlu diambil kira. Jadi kalau tidak dibimbing di peringkat awal, pegawai kita yang hendak dibawa ke bawah untuk membantu petani, itu akan menjadi masalah.

Saya kira itu satu langkah yang kita ambil sudah kita mulakan. Berapa lama dia akan mengambil masa saya fikir kita semua boleh tafsirkanlah. *It is question of time* tapi perlu kita mulakan. Dan saya kira kita sudah mulakan pada tahun-tahun yang lepas.

**Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]:** Minta penjelasan. Tan Sri Speaker tentang pemasaran yang dikatakan tadi khususnya pemasaran untuk tujuan eksport. Saya berikan satu contoh tentang pengusaha-pengusaha bunga orkid di kawasan saya, kawasan Tebrau. Khususnya di Pan Fu dan Sungai Tiram. Saya dapati banyak pengusaha-pengusaha bunga orkid itu adalah orang Singapura. Luasnya ladang-ladang orkid itu lebih kurang 300 ekar. Pengeksportan bunga orkid itu hampir 100% diusahakan oleh rakyat Singapura. Orkid-orkid *farm* itu dimiliki oleh orang-orang Singapura.

Soalan saya mengapa FAMA tidak masuk untuk melatih rakyat Malaysia supaya mereka berkemampuan mengambil alih pemasaran orkid itu keluar negeri. Adakah kerajaan masih menganggap industri orkid itu tidak merupakan satu *area* yang lumayan. Saya difahamkan bahawa penanam-penanam orkid itu mereka mengalami masalah teknik. Misalnya isu *culture* dan juga mereka kekurangan modal. Oleh sebab itu mereka tidak dapat masuk ke dalam industri orkid di Johor untuk bersaing dengan orang Singapura. Jadi apakah rancangan FAMA atau pun

kementerian untuk membantu rakyat tempatan supaya kita boleh sama-sama menyertai dalam industri orkid.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Sebenarnya FAMA sudah bantu. Dan kita sudah usahakan supaya orkid Malaysia ini dapat pasaran bukan sahaja ke Singapura tetapi ke luar negara kita. Di Australia sudah diterima dan di Eropah sudah banyak di terima tetapi masih lagi banyak ruang pasaran yang belum dapat kita tembusi. Jadi langkah-langkah untuk mendapatkan kelulusan *sanitary* dan *phyto sanitary requirement* daripada negara-negara ini masih kita teruskan. Yang Berhormat sebutkan tadi memang benarlah. Di Johor banyak kontrak *farming* dibuat dengan pelaburan yang banyak dari pihak Singapura. Sebahagian juga diusahakan sendiri oleh orang-orang mereka menerusi kontrak pekerja-pekerja kita sendiri. Jadi oleh sebab ...

**Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]:** Tan Sri saya rasa hairan kenapa begitu lama itu eksport orkid itu diusahakan oleh orang Singapura sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tahu, faham.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Soalnya orang kita tidak usaha sekuat orang Singapura. Mungkin orang Johor kena kerja lebih kuat lagilah. Tapi saya fikir tidak jadi masalah itu kerana yang di Johor mungkin banyak dari pihak Singapura. Kita pergi ke utara umpama di Cameron Highlands, pengusaha-pengusahanya adalah orang tempatan sendiri. Jadi kita ada kepakaran. Kita ada teknologi cuma soalnya Yang Berhormat sebutkan tadi soal pasaran tadi yang daripada Jerai pun sebutkan soal pasaran produk-produk pertanian. Ini satu perkara tajuk yang memang penting bagi kita. Soal isu barangan Malaysia yang sudah dikeluarkan begitu banyak tapi harga masih rendah. Atau pun tidak mendapat pasaran dari peringkat luar di peringkat antarabangsa kerana ada isu-isu yang menghalang kita untuk mengeksport.

Oleh sebab itu kita sudah mengambil langkah terutamanya untuk menyusun semula FAMA ini. Dulu Yang Berhormat jadi pengerusi pun tahu ada FAMACO dan sebagainya. Kita hendak melihat sama ada peranan FAMA ini perlu dipertingkatkan lagi. Kalau ikut dalam akta FAMA yang diluluskan oleh Parlimen dia adalah *Buyer a flus resort*. Peranan dia bukan untuk menjual. Peranan dia untuk *facilitate* petani untuk menjual. Tetapi persepsi sekarang inilah FAMA mesti membantu menjual. Jadi FAMA menjadi badan pemasaran. Bukan agensi untuk membantu pemasaran. Jadi bermakna peranan dan *ekspertasi* baru boleh Ahli Yang Berhormat sendiri kepada FAMA sudah berbeza. Jadi sebab itu saya fikir memang wajar bagi kita untuk hendak menggerakkan lebih hebat. Ini tidak boleh dilakukan oleh FAMA sendiri. Saya telah menjelaskan pengurusan FAMA supaya *network* kita mesti perluaskan. Kita tidak boleh berniaga sesama kita sahaja kerana di luar sana masih terdapat ruang pasaran yang diusahakan oleh pengusaha-pengusaha swasta. Mereka ada pasaran ke negara luar, ke antarabangsa. Kalau ada sistem *networking* di antara agensi FAMA, petani, pengeluar, bahan-bahan seperti pertanian

tadi dengan pihak mereka maka kita akan dapat satu kemudahan untuk access ke pasaran yang lebih luas.

*[Yang Berhormat Cameron Highlands bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Yang Berhormat Cameron Highlands.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Amat Berhormat Tan Sri. Saya ucapkan terima kasih kerana menyebut Cameron Highlands sebagai golongan petani berjaya. Saya hendak tanya sedikit Tan Sri, mengenai *mindset* perubahan *mindset* yang telah diperkatakan tadi. Saya rasa *mindset* ini bukan senang untuk diubah. Mengambil masa yang begitu panjang sekali. Dua perkara yang mungkin saya hendak penjelasan daripada Tan Sri.

- (i) Mungkin pegawai-pegawai kita terlalu dalam jentera pentadbiran. Saya rasa benda ini sudah di *brainstorm* kan di dalam peringkat kementerian. Mungkin mereka perlukan pengalaman satu. Saya tengoklah di Cameron Highlands, petani yang berpengalaman dengan pegawai yang menjalankan tugas.
- (ii) Mendekatkan diri daripada petani-petani dalam tugas harian. *As a group* sebagai satu kumpulan bukan *two different identity's* dengan izin.

Seterusnya baru-baru ini harga pasaran untuk kubis daripada 16-26 hari bulan hari ini 30 sen satu kilo di Cameron Highlands. Sedangkan kos pengeluarannya adalah 63 sen. Maka ini adalah satu kadar yang begitu teruk sekali. Kalau kita tengok bawang daripada RM1.10 pada 16 hari bulan dalam tempoh sepuluh hari turun sampai 50 sen. Dalam keadaan begini petani-petani di Cameron Highlands sekarang gundah gulana. Sudah tidak tahu apa hendak buat. Saya minta tolong. Ini mengikut mereka adalah kerana keluaran AP dari negeri China bawa barang daripada China, Thailand, Indonesia.

Saya minta jasa baik Tan Sri untuk melihat kembali mekanisme harga anjal yang begitu dahsyat sekali. Ini akan memberi kesan kerana ada orang yang tidak mahu menanam sayur sekarang ini. Mereka sudah sedar sekarang beralih kepada bunga yang lebih stabil harganya dan ini akan memberi impak kepada pengeluaran sayuran di Malaysia kerana Cameron Highlands mengeluarkan lebih 3,700 tan jumlahnya. Saya minta supaya salah satu cara bantu adalah bantuan daripada Tan Sri untuk subsidi diesel. Kalau kita tengok nelayan sudah dapat subsidi, pengangkutan sudah dapat, traktor sudah dapat tapi pekebun-pekebun sayur, bunga dianaktirikan. Mintalah supaya jasa baik supaya bantu untuk bekerjasama dengan kementerian pengguna untuk memberi bentuk subsidi khas untuk petani-petani khususnya sayuran.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Saya mintalah pandangan pada Tan Sri.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Terima kasih Yang Berhormat. Soal harga kubis jatuh ini memang sudah pernah kita dengar dulu. Sampai orang Cameron

Highlands terpaksa memusnahkan lebih kubis Waktu itu sebelum saya menjadi Menteri Pertanian sudah berlaku. Dan masih berulang lagi. Jadi satu soalnya perancangan bagi pengeluaran itu mungkin satu kita ambil kira. Yang keduanya saya bersetuju tentang pengimportan sayur seperti kubis dari luar negara. Saya telah tetapkan dasar supaya AP untuk import hanya perlu kalau ada kekurangan dalam negara. Jadi ia menambah mana yang kurang bukan menambah lebih lagi dari apa yang sedia ada. Yang ketiganya ialah bagaimana petani ini perlu kita galakan untuk memikirkan cara-cara lain. Umpama pemprosesan bahan tadi.

Pernah saya pergi Cameron Highlands, saya tanya Yang Berhormat ke.. siapa.. saya kata tak boleh ke kubis jadi *kim chi*? Perdana Menteri pernah sebutkan *value adding*. Kalau ada satu cara dan ada satu teknik di bawah MARDI sebagai contoh, di mana bahan-bahan pertanian boleh dikeringkan atau pun diproses untuk jadi bahan-bahan yang lebih bernilai tinggi. Mungkin dia memerlukan satu bimbingan, fasal petani ini dia hanya pandai menanam dia tidak reti memproses. Jadi kalau ada langkah sebegitu saya fikir lebih tadi tidak harus kita musnahkan begitu atau pun dijual dengan harga tinggi kerana ada pilihan lain dan bahan itu boleh digunakan dan dipasarkan dengan harga yang lebih baik. Ini pendekatan bukan sahaja untuk tujuan tanaman kubis, yang lain juga yang saya fikir perlu kita ambil kira.

Soal subsidi diesel ini biarlah saya sebutkan di sini memang kita berpendapat wajar supaya kes ini ditimbang oleh kerajaan dan di bawah Jawatankuasa yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

**Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy [Cameron Highlands]:** Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Kita sedang meneliti cadangan kertas yang telah disediakan oleh kementerian saya. Dua hari lepas kita telah mesyuarat tetapi banyak perkara yang perlu dihalusi. Dan apakah wajah semua petani mendapat subsidi atau pun kelompok-kelompok petani yang tertentu sahaja ikut saiz dia dan kalau hendak dibahagikan bagaimana bentuk bantuan subsidi yang dimaksudkan tadi perlu disampaikan kepada petani. Yang Berhormat daripada Jerai juga pernah sebut bantuan untuk traktor dan sebagainya.

Jadi kita kena meneliti perkara ini kerana implikasi kepada kerajaan kalau kita laksanakan kerana hampir setengah bilion ringgit satu tahun secara kasarnya. Jadi ini kita bagi kita satu beban besar. Tetapi prinsip itu pada dasar kerajaan fikir ada wajar bagi beberapa kategori petani yang agak menanggung beban kos yang tinggi itu dapat dibantu dalam bentuk-bentuk seperti itulah. Insya-Allah ini akan kita timbangkan dalam tempoh yang terdekat ini.

Tuan Yang di-Pertua saya hendak menyambung satu ialah perkara yang telah disebutkan Yang Berhormat bagi Jasin berkenaan dengan subsidi diesel kepada para nelayan dan menyarankan supaya pegawai-pegawai LKIM turun padang, mendaftar nelayan tanpa menunggu mereka datang ke pejabat.

Saya hendak sebutkan di sini, semuanya telah hampir dapat kita selesaikan Yang Berhormat. Saya hendak sebut di sini banyak langkah diambil oleh pegawai. Umpamanya kita

telah pun memberi notis. Kita telah memberi surat pemberitahuan kepada semua persatuan nelayan seluruh negara. Kita akan berikan majlis penerangan. Kita adakan pemberitahuan dalam semua media cetak, kita adakan iklan dalam media elektronik. Kita membuka kaunter 24 jam untuk mana-mana nelayan mendaftar secara *walk in*. Kita adakan pusat-pusat diesel subsidi untuk menjadi wakilnya. Kita juga membekukan cuti semua pegawai kita waktu mana kita mula mendaftar nelayan-nelayan di seluruh negara ini.

Di samping itu kita juga menyediakan borang-borang permohonan di pejabat Persatuan Nelayan kawasan dan boleh di buat secara *on line* bagi mendapat kelulusan dalam tempoh yang segera. Jadi saya hendak katakan di sini, bahawa sebanyak 12,964 *vesse/* telah pun kita daftarkan. Bagi negeri Melaka ada 116 buah *vesse/* berjentera dalam, yang menggunakan diesel dan daripada jumlah itu 114 telah pun diluluskan dan dikeluarkan kad pintar e-diesel. Bagi pangkalan nelayan Sungai Rambai mungkin kawasan Yang Berhormat, ada 7 buah *vesse/* lesen berdaftar. Sebanyak 5 buah telah pun diluluskan. Saya kurang pasti kenapa dua itu tidak didaftarkan.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Tan Sri, yang saya hendak pertikaikan itu, daripada Sungai Rambai ke tempat yang diesel itu disimpan. Nelayan itu terpaksa pergi ke tempat itu 20 batu, 30 batu hendak dapatkan subsidi. Ini masalah nelayan di Sungai Rambai itu kerana yang ada *storage* diesel di Padang Temu, di Bandar Melaka. Jadi subsidi baru 50 sen. Kalau hendak sewa lori pun Sungai Rambai ke Melaka RM60. Jadi tidak ada maksud subsidi itu. Tiada makna. Habis tengah jalan sahaja. Oleh demikian macam Tan Sri katakan tadi, ada wakil di tempat itu. Atau pun kalau boleh *fleet card* ini, membolehkan nelayan-nelayan mengambil *supply* diesel ini dekat pam minyak sahaja. Tidak payah kepada persatuan nelayan, yang jauh daripada pengkalan nelayan. *Fleet card* boleh diambil di stesen minyak masalah ini tidak timbul Tan Sri. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Terima kasih Yang Berhormat kita tidak pakai *fleet card*. *Fleet card* itu di bawah Dato' Shafei Afdal, kita pakai *smart card* e-diesel nelayan tadilah, tak apalah. Yang keduanya kalau ikut sistem itu tidak semestinya pergi kepada jati tertentu umpamanya di Sungai Rambai. Di mana-mana sahaja kerana kita sudah *computerise*. Dia ada kuota. Jadi kalau dia pergi ke mana pengkalan sekali pun dia boleh dapat dan tidak menjadi halangan bagi pembekal di situ untuk membekalkan kepada dia. Jadi saya hendak minta kalau ada *detail* masalah tertentu di kawasan Yang Berhormat beritahu kepada kita. Sebenarnya kita tidak dapat aduan sebegitu. Mereka sudah dapat pun bayar RM1.00 bagi satu liter ...sudah puas hati, cuma kita hendak mempermudah lagi.

Kita melantik persatuan nelayan kawasan ini kerana umum nelayan kata patut diuruskan oleh PNK bukan di stesen minyak itu. Sedikit faedah dia dapat, jadi sebab itu kita lantik Cuma dia tidak dapat menyediakan kemudahan semua sekali jadi kalau nelayan itu bertabur di satu



kawasan banyak dan jauh sedikit itu menjadi masalah. Tetapi kalau ada masalah tertentu saya minta Yang Berhormat boleh sampai kepada saya dan kita akan atasi masalah ini, Insya Allah.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Beluran.

**Datuk Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah ramai dan banyak kapal-kapal nelayan yang telah didaftar. Saya cuma ingin tahu apakah mekanisme Kementerian untuk memantau agar subsidi diesel ini tidak disalahgunakan oleh nelayan. Kalau kita lihat sekarang ramai nelayan yang ketawa di belakang Kementerian mereka mendapat lebih minyak dan lebih diesel daripada keperluan. Sebab itu mekanisme untuk menentukan berapa banyak diesel per vessel ini. Apakah mekanisme yang telah diambil oleh Kementerian juga untuk menentukan volume diesel per vessel yang boleh diambil oleh nelayan dan juga mekanisme untuk memantau agar ini tidak disalahgunakan?.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Terima kasih Yang Berhormat kita sedari bahawa ini satu perkara penguatkuasaan yang memang penting kita laksanakan kerana dengan pemberian subsidiya bermakna kerajaan menanggung hampir setengah bilion kos setiap tahun untuk nelayan sahaja. Jadi oleh sebab itu, pertama kita mesti bagi pada yang layak sahaja. Itu sebab kita menggunakan sistem kad e-diesel tadi.

Keduanya ialah *enforcement*, dan saya ingin menyebutkan memang adalah satu, dua kes di mana berlakunya penyelewengan. Mereka hendak menjual diesel yang ditukarkan untuk nelayan itu kepada pihak yang lain. Pihak penguat kuasa di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri sudah mengambil tindakan. Jadi saya dah ingatkan kepada semua peserta nelayan kawasan. Mereka mendapat faedah tetapi kalau mereka tidak jaga dan dibiarkan kepada pihak-pihak tertentu untuk menyelewengkan penggunaan itu mungkin lesen itu akan ditarik balik dan kerugian ditanggung oleh ahli dalam kawasan itu. Itu kita telah beritahu kepada mereka. Jadi mekanisme yang ditetapkan oleh pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia ialah menentukan kategori bot tadi. Kalau bot itu dikatakan bot di dalam zon A, B, C, D itu ada dia punya jumlah disebutkan kuota dan kuota ini berdasarkan kepada apa yang biasa diketahui oleh pihak lembaga. Kegunaan dan peluang kegunaan diesel bagi setiap bot pada satu bulan dan setahun, jadi itu yang telah ditetapkan. Tetapi walaupun begitu kita sedari ada setengah pun mungkin tak pun pergi ke laut langsung. Dia gunakan sedikit tetapi ada lagi stok subsidi yang dia boleh gunakan. Kalau ada kes-kes penyelewengan, kita akan ambil tindakan.

Ini kadang-kadang susah hendak dilaksanakan. Tetapi sekarang ini kita hendak adakan satu sistem tambahan dan ditimbang oleh pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia iaitu sistem e-endaratan iaitu setiap kali dia pergi ke laut. Dia mesti bawa bukti, bawa bukti itu ialah dia sudah ke laut dan menangkap ikan dan ini mesti daftarkan berapakah amaun tangkapan yang diperolehi supaya kita hendak orang kata bandingkan sama ada pemberian subsidi itu dapat

dikaitkan dengan hasil tangkapan mereka. Ini sebagai satu langkah untuk kita, orang kata membuat pemantauan bahawa hasil pemberian subsidi kerajaan itu dapat dinikmati dalam bentuk tangkapan ikan yang bertambah. Saya sedang memonitor ini kerana dengan sistem yang kita ada sekarang ini kita boleh dapat ketahui setiap hari situasi penggunaan diesel dan kita dapat nanti Insya Allah dengan e-endaratan. Berapa amaun tangkapan ikan yang kita perolehi supaya dapat kita bandingkan. Yang ini langkah-langkah yang kita ambil dalam tempoh yang terdekat ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Jasin juga telah pun mencadangkan supaya lembaga kemajuan nelayan ini....

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** *[Bangun]*

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Sebentar Yang Berhormat, Lembaga Pendidikan ditukar kepada Lembaga Kemajuan Nelayan Malaysia. Saya bersetuju tentang itu. Dan saya kata yang patut i hendak kita majukan bukan ikan, kita hendak majukan nelayan. Jadi pegawai pun bersetuju. Kita akan bawa ke parlimen pindaan kepada akta lembaga ini dalam sesi insya-Allah, pada tahun ini kalau selesai semua sekali. Di samping itu beberapa pindaan-pindaan lain supaya fungsi dan peranan Lembaga Kemajuan Ikan ini dapat kita perkukuhkan lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, Bagan.

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan minyak diesel di kawasan saya iaitu di Bagan ada beberapa bot nelayan. Mereka perlu pergi ke Kuala Muda dekat sempadan Kedah dengan Sebarang Perai untuk mengisikan diesel tetapi di Butterworth tidak ada langsung pangkalan untuk isi diesel. Jadi apabila mereka hendak pergi ke Pulau Jerjak iaitu sebelah selatan untuk tangkap ikan, mereka perlu pergi ke utara itu dan isi minyak lepas itu balik ke selatan. Itu jarak yang jauh dan membelanjakan diesel serta membazirkan diesel juga. Mereka minta bolehkah mereka dapat satu "e-diesel" kad supaya mereka boleh beli diesel dari stesen minyak yang berdekatan sebab bilangan perahu bukan banyak. Lebih kurang ada 4 yang jenis B itu dan yang lain mungkin ada 12 atau 13, mereka itu cuma nelayan air cetek. Jadi mereka menghadapi masalah ini dan kadang-kadang yang perahu B itu memasuki Kuala Muda, kalau air surut pun tidak boleh masuk dan kena tunggu air pasang baru boleh masuk, itu masalah.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, kita akan menghantarkan pegawai kita ke kawasan Yang Berhormat hendak tengok sejauh mana masalah itu kerana tidak disampaikan kepada kita tentang kes-kes seperti itu. Sebenarnya dengan sistem dengan sistem kad *e-diesel* itu dia boleh pergi ke mana-mana sahaja. Dia tidak semestinya pergi tempat mana dia datang, mana-mana sahaja tetapi kalau jauh juga Yang Berhormat bercadang dia pergi ke stesen minyak ini belum ada lagi orang kata *arrangement* yang kita buat kerana di stesen minyak dia hanya terimakan "*fleet*" kad bukan *e-Diesel*. Jadi kita

kena lihat kalau ada cara untuk membaiki keadaan yang sedia ada dengan sistem yang ada, jadi kita tidak perlu mengubah keadaan hendak pergi ke stesen minyak itu mungkin akan menghadapi masalah baru. Insya-Allah kita akan cek perkara itu di sana nanti.

Tuan Yang di-Pertua, daripada Arau bercadang supaya kita memperluaskan atau menggunakan pokok jarak ini Yang Berhormat Jerai pun sudah sebutkan dahulu sebelum saya jawab tadi, ini satu cadangan yang baik. Ikut MARDI, dimaklumkan bahawa memang pokok ini sesuai untuk digunakan sebagai sumber bekalan bio-diesel yang sekarang ini memang hangat kita bincangkan dan MARDI sudah pun membuat kajian. Tadi pun pihak universiti tetapi MARDI pun ada membuat kajian bersama dengan sebuah syarikat multinasional kerana dia hendak lihat bukan sahaja dia boleh mengeluarkan bio-diesel tetapi sama ada recovery rate adalah setimpal untuk menjadikan dia *viable*.

Dia boleh keluar minyak tetapi *viable* itu tidak kerana apabila kita hendak jadikan dia sebagai program komersial dan tanam besar-besaran tentu dia ada buat perbandingan sama ada 'jarak' ini boleh dibandingkan dengan kelapa sawit ataupun bahan-bahan yang lain. Jadi sebab itu dari bidang agronomi mungkin boleh kita laksanakan tetapi bidang-bidang skop pemasaran dan juga bidang daya maju ini kita kena ambil kira juga. Jadi langkah ini sudah pun dibuat, saya tidak tahu berapa lama benda ini dapat diselesaikan sebelum dia dicadangkan untuk pergi secara komersial tetapi perkara ini kita ambil perhatian kerana cadangan ini adalah agak sesuai untuk kita lanjutkan pada masa-masa yang akan datang.

Yang Berhormat dari Arau juga telah membangkitkan isu penanaman padi 10 tan dan saya ingin menyebutkan di sini bahawa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya telah sebutkan tadi pengeluaran padi di negara kita akan kita tingkatkan daripada 72 peratus kadar sara diri kepada 90 peratus pada tahun 2010. Ini satu *benchmark* baru yang saya fikir cukup tinggi tetapi Insya Allah saya fikir boleh kita capai. Perdana Menteri memberitahu kepada saya, kalau setiap penanam padi dengan jumlah hektar yang sedia ada, boleh menambah satu tan sahaja. Kalau dua jadi tiga, empat jadi lima, tujuh jadi lapan, sembilan jadi sepuluh dan kita boleh dapat penuh lebih 100 peratus keperluan negara kita. Secara teorinya, tetapi tentu ini tidak mudah untuk kita capai. Jadi rancangan yang akan kita jalankan ialah untuk kawasan 10 tan sehektar semusim ini diperluaskan daripada 20, 742 hektar pada tahun 2004....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** [Bangun]

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putera Jamalullail [Arau]:** [Bangun]

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** ...kepada 94, 698 pada tahun 2010.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Arau.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Ya, Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan bin Syed Putera Jamalullail [Arau]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan padi, saya dengar ini, alhamdulillah, daripada 72 ke 90. Saya harap juga dengan itu kenaikan hasil kita daripada padi ini mekanisme hendak proses padi kita pula itu mesti orang kata selaras dengan pengeluaran padi. Jangan pula kita terlalu banyak sangat padi, kilang-kilang kita pula tidak cukup. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ambil perhatian perkara ini kerana kita tahu kapasiti kilang yang ada di negara sudah pun kita lesenkan masih terdapat orang kata akses kapasiti dalam musim-musim tertentu kerana padi ini tidak banyak masa. Kita hendak lihat, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi supaya waktu mana hasil meningkat, maka tidak ada timbunan ataupun lambakan yang boleh menyebabkan harga padi turun ke paras yang agak rendah. Ini kita ambil perhatian, insya-Allah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Sedikit, sedikit sahaja Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan padi ini 10 tan satu hektar, saya duduk di dalam kawasan bendang, saya tahu. Saya tengok pokok padi naik, kita sudah tahu tidak boleh pergi 1 tan sepuluh hektar, terutama sekali di kawasan MADA.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** 10 tan satu hektar!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** 10 tan satu hektar dengan syarat kita kena, macam telah saya katakan, kita kena pertingkatkan sistem perairannya dan sebagainya. Begitu juga dalam kawasan di luar MADA, perlu dipertingkatkan juga. Sekarang ini mereka tanam setahun sekali bercampur hujan dan sebagainya. Kalau kita buat yang ini semua, dari jangka masa panjang, kita akan menyelamatkan kos kita mengimport beras dari luar negara.

Apa salahnya kita berkorban, zaman Almarhum Tunku Abdul Rahman, membuat MADA dahulu kita pun susah. Malaysia pada masa itu lagi susah, Tuan Yang di-Pertua. Almarhum Tunku Abdul Rahman pergi cari duit untuk membuat MADA. Dahulu orang-orang Melayu membuat bendang setahun sekali, azab orang Melayu hidup susah, sekarang ini senang, alhamdulillah. Tetapi kalau sudah kerajaan hendakkan 10 tan, mereka kata, kami tabur baja macam mana pun tidak boleh pergi, mereka kata. Air datang tidak betul, mereka kata.

Orang kampung, mereka fahamlah sebab mereka yang tanam padi. Jadi, bolehkah atau tidak kita ikhtiar cari duit bagi kepada MADA dan mempertingkatkan sistem perairannya, insya-Allah, dalam jangka masa panjang kita selamatlah. Sekarang ini kalau tidak silap saya RM400 juta kita mengimport beras masuk ke negara ini. Tetapi kalau kita pakai RM1 bilion untuk sistem perairan kawasan MADA, akhirnya kita *recover* balik.

Tuan Yang di-Pertua, negeri Kedah kami berkorban. Kami berkorban, rakyat juga berkorban menanam padi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baik.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya hendak merintah, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baik, cukuplah, duduk.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Minta *up-grade*, sudahlah kami susah, Tuan Yang di-Pertua, bagi orang kaya makan. Negeri Kedah susah, kalau kami bubar tanam pokok kelapa sawit? Arau macam ini tentu *hotlah*, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Cukuplah. Menteri sudah faham.

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri sudah faham. Bagi beliau jawab.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Arau]:** Faham, Tan Sri?

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Faham.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tolonglah, Tan Sri, ya? *[Ketawa]*

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Saya faham, Tuan Yang di-Pertua. Bahasa orang Kedah pun saya faham walau pun saya orang Johor. Memanglah Yang Berhormat bercakap tadi benar, kalau boleh harapan kita begitu. Pengurus Besar MADA yang ada di belakang itu mengganggu itu kerana kalau ikut perkiraan MADA, dia kata kalau kerajaan boleh belanja RM1 bilion dan sediakan infrastruktur untuk bekalan air supaya sampai sama rata, sama masa dalam satu tempoh yang semusim, kita boleh capai mudah. Tetapi kalau hendak RM1 bilion itu merupakan suatu amaun yang besar.

Tetapi kalau Yang Berhormat boleh bisik kepada Perdana Menteri yang orang Kedah bawa jumpa Perdana Menteri, kata bagi RM1 bilion kepada MADA, alhamdulillah. *[Ketawa]* Itu kalau diperuntukkan. Saya tidak tahu bagaimana pendekatan ini kalau mengikut ambil langkah sekarang ini boleh tetapi masa untuk sampai tahap semua kawasan MADA memenuhi sasaran kita itu, agaknya lebih panjang sedikitlah. Yang Berhormat bagi Muar.

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Terima kasih, Yang Berhormat Tan Sri. Ramai orang ingat padi hanya dikeluarkan oleh Kedah dan Selangor sahaja. Tetapi saya rasa Tan Sri juga maklum bahawa daerah Muar merupakan pengeluar padi terbesar bagi negeri Johor dan 30% daripada pengeluaran itu datang dari tempat saya, di Sungai Balang.

Yang ingin saya bangkitkan begini, kawasan padi yang jauh daripada punca saliran dan punca saliran diputuskan oleh JPS. Yang disalurkan ataupun yang diputuskan oleh JPS itu mengambil sumber air dari kawasan yang mempunyai 'H' kemasaman yang terlalu rendah iaitu lebih kurang 3.5, yang mana kita tahu untuk padi ialah 5.5.

Bila kita jumpa dengan jabatan untuk dialihkan sumber air daripada tempat yang lain, kerjasama tidak diberikan. Sudahnya, kawasan ini tidak dapat dibangunkan dan petani tidak ada pilihan. Kawasan di Sungai Balang tanahnya khusus untuk padi. Sebab itu bila saya balik dan memberitahu kementerian sudah menghapuskan istilah 'jelapang' dan 'jual jelapang', mereka

gembira. Tetapi jika air masih tidak masuk ke kawasan padi, sekarang ini sudah berlaku kelewatan dekat satu hingga dua bulan dan hanya 20% daripada kawasan yang luas itu dapat dimulakan tanaman dan yang lain masih lagi tidak mempunyai bekalan air. Bagaimana agaknya kementerian boleh membantu dalam hal ini? Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Terima kasih Yang Berhormat, kawasan saya pun ada juga padi sedikit, tidak sebanyak seperti kawasan di Sungai Balang. Tetapi memang benarlah keperluan untuk infrastruktur di kawasan tanaman padi ini begitu besar. Memang kita jangka kalau hendak semua sekali, berbilion perlu diperuntukkan.

Dasar kerajaan ini ialah memberi perhatian kepada kawasan-kawasan jelapang dahulu. Di luar jelapang, kita sudah, orang kata perluaskan konsep subsidi harga yang kita sudah bahagikan baja di kawasan itu dan pernah dibangkitkan oleh banyak pengusaha-pengusaha di luar kawasan, jadi ini untuk mengurangkan beban mereka.

Tetapi saya setuju kalau kita dapat peruntukan besar walaupun dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, harapan kita begitu, tetapi tidak sebesar yang dikehendaki oleh pihak kementerian walaupun akan dibahaskan, insya-Allah diluluskan tetapi tidak sebesar itu. Saya hendak cakap terus terang. Jadi, dengan sebab itu tidak dapat kita laksanakan sepenuhnya apalagi bukan sahaja di luar jelapang, dalam jelapang pun, yang menjadi kawasan sasaran dan tumpuan utama, lahan kawasan itu tidak dapat kita sempurnakan sepenuhnya.

Masalah ini saya fikir akan mengambil masa walaupun saya bersimpati dengan orang Muar, saya pun orang Muar tetapi masalah kita kerana kita tidak dapat membekalkan secukup-cukupnya infrastruktur yang ada. Yang perlu ialah mungkin memperbaiki mana yang boleh dan ini mungkin tidak memuaskan tetapi mahu tidak mahu kita akan laksanakan mengikut keupayaan kita, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya banyak lagi hendak jawab. Kalau mengurangkan *intervention* mungkin boleh selesai jawapan.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pari Mas]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasar Mas]:** Yang Berhormat, satu lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ada satu, dua perkara yang terpaksa saya bangkitkan di sini kerana kita melihat bahawa kepentingan rakyat sebahagian besar daripada petani-petani kita yang melibatkan hasil negara.

Saya lihat Yang Berhormat Menteri bahawa untuk mendapat 90% *target* kita dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, hasil padi dan hasil beras negara kita, saya melihat bahawa di sana ada suatu perkara yang mesti kita selesaikan di antara lain iaitu saya melihat jentera pembajak yang digunakan di sawah-sawah kita tidak bersesuaian sekarang ini. Sama ada Yang Berhormat Menteri sedar ataupun tidak, tetapi itulah pengamatan yang saya dapat lihat di kawasan-kawasan bendang padi.

Pertama sekali dia terlalu berat, yang menyebabkan bila ia masuk ke kawasan-kawasan padi tadi, sawah padi semakin rosak dengan beratnya kerana tidak setanding dengan keperluan tanah yang menjadikan tahun hadapannya terpaksa ditinggalkan kerana sudah menjadi bukan lagi boleh dicocok tanam dengan padi sebab airnya begitu bertakung kemudian sawahnya rosak. Maksud saya iaitu kerajaan mesti fikir bagaimana jentera pembajak juga mesti diselaraskan dengan keperluan-keperluan semasa.

Yang kedua, sistem perairan kita tidak juga sesuai sekarang ini. Contohnya sistem perairan di Lemal, Pasir Mas, kerajaan terpaksa mengambil tanah yang begitu luas untuk membawa air dari Sungai Lemal, Sungai Kelantan kepada pelosok di tengah-tengah bendang. Saya rasa tidak perlu sebenarnya tanah begitu luas. Pertama sekali merugikan. Tanah yang luas merugikan Tanah Rizab Melayu, satu. Yang kedua, pula membazirkan air. Yang ketiga pula, tanaman yang bersebelahan rosak disebabkan air yang dibawa masuk melencong bukan sahaja ke sawah padi tetapi masuk ke tanaman-tanaman lain yang merosakkan.

Jadi saya rasa bahawa kerajaan mesti fikir bagaimana saluran air ini, sistem digunakan mengikut keperluan semasa dan airnya benar-benar sampai ke sawah. Sekarang ini saya lihat bahawa kalau kita bandingkan sedikit dengan negara-negara lain mereka tidak lagi menggunakannya yang mana tali airnya begitu luas membazir air dan tanah. Di waktu yang sama orang tidak lagi dapat menanam tanaman sampingan di sebelah kiri dan kanan saluran air tadi. Bagi sayalah kalau boleh kerajaan kambus semula kemudian fikirkan yang lain dan melihat bagaimana berjayanya sistem pengairan di Timur Tengah misalnya. Di padang pasir, di Mesir, daripada Sungai Nil mereka membawa air ke tengah-tengah bendang gandum dan padi. Mereka menggunakan saluran yang tidak luas sangat tetapi mereka konkrit di bawah dan airnya dibawa ke tengah-tengah kampung sehingga air itu boleh digunakan untuk perkara-perkara yang lain.

Yang ketiga yang hendak saya bangkitkan di sini, bagaimana beras Thailand lebih baik daripada beras Malaysia. Ini mesti diselesaikan segera - beras Thailand, yang diimport daripada Thailand. Saya berada di sempadan Thailand iaitu di Pasir Mas. Beras yang dibawa masuk dari Sungai Golok, daripada pangkalan-pangkalan haram dan sebagainya jauh lebih baik daripada beras Malaysia. Beras Malaysia ini merah, patah, tidak tahan lama, dimakan ulat dan berbagai-bagai lagi tetapi beras Thailand panjang dan elok. Betul, betul. Ini bukan main-main.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat makan beras Siam atau beras Malaysia?

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Banyak daripada beras Thailand yang masuk.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Jadi Yang Berhormat makan beras Siamlah?

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Orang Pasir Mas makan beras Thailandlah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ooo, macam mana jiwa Malaysia, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Beras dah masuk, beras kita tak elok. Jadi terpaksa kita memikirkan bagaimana hendak mengatasi masalah itu. Bagaimana hendak mengatasi masalah beras kita tidak seelok dan tidak setanding dengan beras Thailand.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat. Sampai masa dah.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Ya. Jadi saya nampak bahawa mesin yang digunakan di Malaysia ini, mata mesin itu tidak baik, tidak setanding dengan mata mesin daripada Thailand. Kita tahu bahawa Thailand berasnya dieksport kepada Malaysia dan mereka makan beras dari Kemboja. Dia beli padi murah daripada Kemboja dia mesin di Thailand, dia makan beras Kemboja. Beras Thailand sendiri dia mesin dengan mesin yang baik kemudian dia hantar ke Malaysia. Malaysia juga mengeluarkan beras tetapi beras Malaysia tidak setanding dengan beras Thailand. Apakah usaha-usaha yang dirancang dan akan dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia sehingga beras ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Beras Siam itu baik kerana mesin itu baik?

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Ya, mesinnya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Bukan kerana benihkah Yang Berhormat?

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Itu selain daripada benih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Beras Siam panjangkah Yang Berhormat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Biar menteri jawab.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Saya fikir beras Malaysia jauh lebih baik berbanding dengan beras Thailand. Tetapi saya tahu orang Kelantan banyak makan beras Siam. Sebahagian besarnya haram fasal diseludup. Saya pergi ke pasar Siti Khadijah, saya tanya dengan peniaga-peniaga dia senyum sahaja. Saya tanya, "Beras daripada mana?" "Dari Siam." "Macam mana Siam datang?". Hem, dia tak jawab.

Minta maaf, tetapi hendak katakan beras Malaysia tidak berkualiti adalah tidak betul kerana Ketua Pengarah MARDI pun ada di sini. *Research* yang kita sudah buat beberapa jenis *variety* baru adalah setanding Yang Berhormat. Cuma masalah orang kita ini apabila dijual dia campur beras kategori A++ tu sudah jadi sahaja A sahaja kerana suka campur dengan yang hancur. Jadi beras yang berkualiti sudah menjadi separuh kualitinya. Ini sedang kaji balik sistem penggredan dan caranya supaya orang Malaysia apabila melihat beras Malaysia dia tidak kata beras kita kurang baik daripada beras Siam.

Ini saya fikir satu perkara yang memang saya sedari tetapi kenyataan mengatakan beras kita tidak baik kita sudah perkenalkan *variety* baru umpamanya di Utara sana sudah mula ditanam tetapi belum meluas. Yang lain pun yang sudah dikeluarkan oleh MARDI selama ini pun sudah ditanam secara meluas dan boleh dikatakan setanding dengan beras yang dikeluarkan oleh Siam.



Soal penggunaan jentera di dalam kawasan sawah di Kelantan yang dipanggil “kerbau besi”, kalau tidak silap saya. Jadi soal sama ada alat sesuai atau tidak sesuai ini saya fikir menteri tidak berapa faham sangatlah tetapi pakar di bawah pun ada dan kita pun ada pegawai-pegawai kita yang faham tentang bagaimana. Kalau jentera-jentera yang terlalu berat sehingga tidak boleh hendak dikerjakan tanah secara efisien ada banyak jenis jentera yang lain yang boleh kita gunakan. Pertubuhan Peladang boleh memberikan nasihat - kalau di kawasan MADA boleh diberikan nasihat tetapi setakat yang saya tahu jentera yang sama juga digunakan di MADA. Banyak juga masih boleh dikerjakan secara baik.

Jadi soal jentera satu, soal cara menggunakannya itu, soal amalan petani baik itu. Mungkin itu satu perkara yang perlu kita ambil kira supaya kesan ataupun hasil daripada mereka itu tidaklah kurang nilainya atau tidak sebaik mana kalau diusahakan oleh pihak-pihak yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bera ada membangkitkan soal monopoli beras oleh Bernas.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Biar Menteri jawab dahulu.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Biar saya terangkan sedikit.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** Isu sebelum ini, Tuan Yang di-Pertua, isu pengairan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti, nanti, sekejap, sekejap.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Ini tentang kelemahan yang dikatakan berlaku masalah lambakan beras di pasaran kerana import yang banyak. Ini tidak betul kerana Bernas hendak mengimport pun dia tidak boleh mengimport sewenang-wenangnya, ada had yang telah kita tetapkan dan mengikut dasar tadi sejauh mana yang boleh diimport itu sahaja yang diimport supaya tidak ada lebihan. Kalau ada pun lebihan itu sebahagian besarnya adalah disebabkan ada penyeludupan yang dibawa masuk. Dahulu saya lihat di Kelantan bertimbun-timbun sedangkan kita import juga beras menerusi Bernas. Itu masalah dan kita kawal supaya tidak berlaku penyeludupan secara meluas.

Peranan Bernas sebagai mana yang kita ketahui ialah kerana telah termaktub dalam Perjanjian Penswastaan. Ia menyimpan, mengekal, mengurus stok padi dan beras nasional (*national stockpile*) ini dan dia membeli padi dengan harga yang terjamin oleh pihak kerajaan. Ini pun telah pun ditetapkan. Ia bertindak sebagai *buyer plus resort* dengan izin kepada petani, bertanggungjawab untuk menguruskan dan menyelia pengagihan subsidi harga padi kepada petani dan juga menguruskan skim pengilang padi bumiputera.

Jadi mengikut apa yang kita tafsir dan nilaikan bahawa Bernas sudah berperanan secara efektif dan masih lagi terikat dengan peraturan yang kita ada dalam perjanjian dan oleh sebab itu kita harap tidaklah berbangkit seperti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi masalah bahawa ia dengan kuasa monopoli tadi tidak memberikan satu faedah kepada negara.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Yang Berhormat, minta penjelasan sikit, sebelum Yang Berhormat pergi jauh. Ini Yang Berhormat, cukup serius ini, fasal Yang Berhormat Pasir Mas ini. Dia makan beras haram, beras yang diimport. PAS selalu bercakap benda-benda yang halal. Jadi apakah tindakan yang perlu diambil oleh Kementerian Pertanian supaya tidak diselewengkan, seolah-olah beras yang ada dalam negeri kita ini tidak cukup. Jadi Kementerian Pertanian perlu melihat perkara ini tentang beras-beras yang dibawa masuk secara haram ini. PAS selalu bercakap tentang halal tetapi benda yang haram dia senyap-senyap. Hari ini ada hikmahnya apabila PAS sendiri yang membongkar kesilapan yang telah mereka lakukan. Jadi apa pandangan Yang Berhormat tentang tingkah laku PAS ini yang telah memakan benda-benda yang haram? Minta sikit pandangan Yang Berhormat, terima kasih.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Biar Menteri jawab.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Biar jawab dahulu. Panas telinga ke? Biar Menteri jawab dahulu.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak kata begitu fasal Yang Berhormat bagi Pasir Mas sendiri mengatakan dia makan beras Siam. Kita tahu memang kita ada import beras Siam tetapi saya sebutkan tadi banyak yang berlaku penyeludupan ialah di Kelantan. Ini bukti dari sejarahnya. Soal hukum itu saya fikir serahkan kepada Yang Berhormat bagi Pasir Mas untuk menjelaskannya.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri. Saya rasa Yang Berhormat Menteri bercakap benar kerana kerajaan Malaysia mengimport beras terlalu banyak daripada Thailand. Saya tidak kata bahawa kita makan beras haram, beras curi dan beras seludup. Yang Berhormat Menteri bagus dan terima kasih. Malaysia merupakan negara yang banyak mengimport beras dan benda-benda lain lagi daripada Thailand. Jadi tidak timbullah dan saya minta tarik balik tuduhan yang melulu dan tuduhan yang tidak betul.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Saya tidak tuduh. Saya berdasarkan fakta mengatakan beras itu diseludup, kalau tidak maka tidaklah.

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** Tidak, bukan, Tuan Yang di-Pertua. Malaysia sebagai mana yang saya katakan tadi mengimport beras terlalu banyak jadi orang Kelantan makan beras yang eloklah dan yang baik. Yang tidak baik dihantar ke Malaysia Barat biar orang Malaysia Barat makan yang tidak elok. Yang elok orang Kelantan makan. Campur dengan budu pula sedaplah, Yang Berhormat. *[Ketawa]* Budu ini sebenarnya orang tidak tahu sahaja, tetapi bagi orang yang tahu budu ini hebat kerana budu ini, bila dicampurkan keduanya budi dan berdaya kerana itulah orang Kelantan berbudaya tinggi. Sebab dia makan budu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah perkara lainlah.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Saya fikir saya tak nak teruskan Yang Berhormat polemik halal haram, saya fikir serahkan kepada Allah S.W.T. Ini saya.....

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Kuala Selangor bangun Yang Berhormat, Kuala Selangor ini.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Ya! Tuan Yang di-Pertua, tentang....

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kuala Selangor, Yang Berhormat belum.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** Saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat Menteri dan juga Kementerian Pertanian mengenai sistem pengairan air di kawasan sawah padi, khususnya jelapang padi Tanjong Karang. Seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa pusat pelupusan pepejal dan sampah di Bukit Tagar baru-baru ini menggemparkan negara Malaysia apabila melepaskan sisa kumbahan ke Sungai Selangor. Saya difahamkan mengikut perancangan asal, sisa kumbahan yang telah dirawat di Bukit Tagar akan dilepaskan ke Sungai Tinggi dan juga ke Hutan Simpan Hulu Tinggi, yang akhirnya akan masuk ke sistem pengairan sawah padi di Tanjong Karang.

Saya bimbang kalau perkara ini berlaku ia menjejaskan masa depan petani di kawasan berkenaan. Saya harap jurutera JPS, Projek Barat Laut Selangor dapat mengadakan siasatan awal supaya perkara ini tidak terjadi.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Terima kasih Yang Berhormat kita ambil perhatian. Saya pun pandang berat kalau kawasan tanaman padi kita terjejas, kawasan itu adalah kawasan jelapang saya fikir. Ini akan membawa kesan kepada hasil kita pada masa akan datang. Jadi sistem bagaimana hendak memastikan supaya air yang daripada kawasan itu tidak termasuk dan menjejaskan kawasan padi kita itu kita kena ambil perhatian beratlah. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kubang Kerian.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, saya hendak pergi kepada promosi beras tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam setahun ada tiga kali cuti sekolah. Di saat inilah rakyat Malaysia mengadakan kenduri-kendera, kenduri kahwin dan seumpamanya, dan bila mereka mengadakan kenduri-kendera ini, orang Johor sebagai contoh. Saya orang Johor, Yang Berhormat juga orang Johor, dan kebanyakan negeri-negeri pantai barat, amalan masyarakat Melayu adalah mereka masak nasi beriani dan bila mereka menggunakan nasi beriani ini beras yang digunakan ialah beras dari luar negara, dari Pakistan. Dan, kita telah terpedaya membeli beras, beras mati yang panjang itu, panjang dan sedap dan ini digunakan oleh berjuta rakyat Malaysia, kenduri kahwin, berkhatan dan seumpamanya.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan mesyuarat*]

Adakah Kementerian Yang Berhormat bercadang untuk mempromosi beras tempatan negara yang bermutu ini? Kita promosi besar-besaran dan RTM sebagai contoh, TV3 perlu secara besar-besaran mempromosi jenama beras negara nombor satu ini supaya menjadi pilihan rakyat. Mereka tidak beli lagi beras-beras dari Pakistan ini, bukan kita anti tetapi ini cara untuk kita. Kalau mereka hendak masak nasi beriani maknanya Bernas promosikan satu jenama yang setanding dengan beras-beras dari Pakistan ini. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat?

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Saya setuju, Tuan Yang di-Pertua, memang Bernas sudah pun buat. Dalam televisyen pun masih ada dikeluarkan iklan ataupun promosi tentang beras-beras tempatan dan memang kita galakkan begitu. Tetapi hendak mengatakan bahawa sebahagian besar orang kita membeli beras macam jenis beras mati dari Pakistan, India itu saya fikir tidak betul kerana dia mahal. Sebahagian besar masih guna beras-beras tempatan untuk tujuan kenduri-kendera kerana ia lebih sesuai harganya lebih berpatutan.

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Lipis.

**Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini berkaitan dengan beras dan padi juga. Sebagai contohnya di kawasan saya yang bukan kawasan jelapang. Satu masa dulu banyak sawah yang ditanam dengan padi tetapi sekarang ini mungkin kerana kekeringan air dan sebagainya telah banyak sawah-sawah yang terbiar. Jadi, dengan kos pengangkutan yang meningkat dan mungkin kos import yang meningkat, adakah pihak Kementerian hendak menggalakkan balik petani atau tuan-tuan tanah ini untuk menanam padi semula di kawasan-kawasan yang sedemikian untuk menambah pendapatan penduduk. Mohon penjelasan.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Kita kalau boleh tak nak galakkan. Kalau pun ada kawasan itu kawasan tanah terbiar sawah dulu kita tak nak galakkan kalau boleh tanam lain. Tanaman yang boleh memberikan hasil lebih baik nilai tinggi, macam-macam jenis produk-produk pertanian yang boleh kita tanam di situ supaya masalah macam tadilah, kalau mula besok ada masalah bekalan air tidak cukup, harga padi selepas itu tanah saiz kecil. Jadi, kalau ada saya hendak cadangkan Yang Berhormat bawa kepada pihak kita supaya cadangan itu dijadikan untuk ternakan sebagai contoh, untuk ternakan air sebagai contoh ataupun tanaman-tanaman yang mempunyai harga yang lebih tinggi daripada harga padi sebenarnya kerana padi kalau ikut dengan jumlah keluasan tanah yang sedia ada pun sudah mencukupi. Tidak perlu hendak ditambah baru, yang terbiar itu dibugarkan balik untuk tanaman-tanaman yang lain. Itu yang saya hendak cadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Papar dalam ucapan beliau telah pun meminta supaya kerajaan mewujudkan satu koridor jelapang padi di Sabah dan saya hendak memaklumkan bahawa pewartaan satu kawasan sebagai jelapang padi ini tertakluk kepada perancangan dan keputusan kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, pihak kementerian saya telah pun memperakukan satu jumlah peruntukan yang saya tidak boleh hendak umumkan di sini dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk menyediakan infrastruktur tanaman padi di kawasan Kota Belud di Sabah seluas 10 ribu hektar dan kawasan Paloh di Sarawak seluas 6000 hektar. Ini kawasan jelapang padi sebenarnya di Sabah dan di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bagan ada membangkitkan tentang sejauh mana kejayaan buku hijau. Sebagaimana yang telah diketahui, ini adalah satu program baru yang kita lancarkan beberapa bulan yang lepas oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tujuan kita ialah untuk membantu menangani masalah kenaikan kos dan menambahkan peluang supaya penduduk-penduduk yang tidak memiliki kawasan tanah yang besar boleh menghasilkan hasil-hasil pertanian, mengurangkan perbelanjaan pasar dan sebagainya.

Kita jangka kalau 500 ribu peserta program kita ini menyambut program buku ataupun sekarang ini kita hendak namakan sebagai bumi hijau atas kadar RM4 seorang. Katakan sebulan kita boleh menjimatkan hampir RM700 juta dari segi bahan makanan setahun. Jadi, ini cadangan kita sudah mula kita gerakkan dan saya telah minta kerjasama semua Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk daripada pihak pembangkang untuk membantu supaya di kawasan-kawasan Parlimen mana yang ada usaha seperti ini dapat digalakkan dan kita harap program ini akan mencapai kejayaan dalam tempoh yang akan datang.

**Puan Rosnah bt Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** *[Bangun]*

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Yang Berhormat bagi Papar.

**Puan Rosnah bt Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, adakah peruntukan yang disalurkan itu akan dapat merangkumi perbelanjaan program yang akan dilaksanakan di negeri Sabah tersebut?

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Program kalau buku hijau maksud Yang Berhormat?

**Puan Rosnah bt Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]:** Koridor jelapang padi.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Oh, ya. Koridor tadi yang satu itu ialah untuk di Sabah, di kawasan Kota Belud, saya pernah lawat kawasan itu dan memang ada permohonan untuk sistem pengairan dan sebagainya. Itu kawasan yang kita fikir sesuai. Jadi, peruntukan itu akan kita berikan untuk membantu bangunkan kawasan itu. Insya-Allah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya tertarik tadi apabila bumi hijau, dulu buku hijau masih berjalan buku hijau masa arwah Tun Abdul Razak. Kemudian masa Yang Berhormat Menteri ini, *highlight* satu lagi benda penting ialah bumi hijau. Bagi kaedah sedikit, dengan izin, *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*, “*Kerajaan buat sesuatu mengambil kira tentang masalah umum*”. Maka, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan menteri sendiri sebut beberapa kali berulang-ulang kali bahawa pertanian ini adalah penting, cukup penting, walaupun Pasir Mas kata dia makan beras dari Siam. Saya Pasir Puteh *clear*, saya makan beras Pasir Puteh. *[Ketawa]*

Saya ada jelapang padi namanya Cherang Rotan, saya tidak makan beras Siam, saya haramkan, pasal apa siapa yang menyeludup cukai haram hukumnya. Jadi, tidak kata Pair Mas makan. Dia makan yang import. Jadi saya hendak bercakap di sini Yang Berhormat, apakah cukup dengan peruntukan yang ada 2006 ini, apakah 2006 ini juga rangka peruntukan dalam RMK-9 walaupun tidak boleh jawab RMK-9, kita harus berjuang, saya menyokong habis-habisan kerana mati hidup kita makan minum adalah beras. Tanpa beras kita tidak boleh hidup dengan roti capati, roti nan. Yang itu adalah sampingan sahaja.

Bagi saya, walaupun beras comel tidak comel beras. Maka sebab itu saya hendak supaya peruntukan bagi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini walaupun dapat sebanyak mana, kita gunalah sebanyak-banyaknya dan kita cuba *revise* semula, tambah semula. Bagi saya inilah hidup mati kita kerana Yang Amat Berhormat hasrat dia hendak supaya pertanian ini dihebatkan. Dulu industri dihebatkan sekarang pun industri hebat juga tetapi pertanian. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri, cukup tidak peruntukan yang ada?

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tidak cukup Yang Berhormat, tapi sebenarnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sejak memimpin negara ini telah memberi tumpuan kepada bidang pertanian dan saya hendak maklumkan, kita umpama tahun lalu sahaja mendapat lebih daripada biasa hampir RM800 milion. Tahun ini Yang Berhormat sudah luluskan di Parlimen RM1.7 bilion, makna jauh lebih besar daripada tahun yang lepas. Tapi pertanian ini adalah satu program penting, dia katakan enjin pertumbuhan ekonomi ketiga negara, tetapi pertanian adalah melibatkan kos yang banyak. Tadi soal padi sahaja kita sebutkan berbilion, jadi kalau pun RM1.7 bilion Yang Berhormat, saya fikir kalau kita habis belanja pun memang tidak cukup. Jadi kalau dapat sokonglah, bagi kita lebih peruntukan pada masa akan datang, Insya-Allah banyak kawasan yang membangkitkan isu infrastruktur, kemudahan dan sebagainya dapat kita laksanakan secara lebih meluas lagi, Insya-Allah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat Tan Sri, sikit sahaja. Tan Sri dok berucap pasal kerajaan bagi tak cukup wang dan sebagainya. Saya nak tanya sejauh manakah pihak swasta juga melibatkan diri untuk membantu kerajaan dari segi pertanian ini. Kita tengok banyak syarikat-syarikat besar, dia tak berapa mahu terlibat dalam

pertanian, tapi dia mahu projek yang lain-lain. Saya nampak macam Bernas sendiri, sepatutnya juga selain dari bagi subsidi kilang dan sebagainya, dia patut juga *divide* kan perniagaannya ke bidang pertanian.

Jadi semua *farmers* ini menjadi bantuan sokongan kepada syarikat-syarikat yang besar ini dalam pengeluaran apa sahajalah, buah-buahan dan sebagainya. Jadi setakat hari ini berapa banyak Yang Berhormat Tan Sri Menteri syarikat swasta yang telah melibatkan diri dalam pertanian? Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Jawapannya lebih banyak sekarang daripada dulu. Umum pun kalau kita lihat dari segi petani pun boleh kata dia swasta juga, petani yang kecil pun dia swasta tapi swasta kecil. Mungkin Yang Berhormat sebutkan syarikat-syarikat besar, penyertaan sekarang ini sudah agak bertambah, minat pun sudah meningkat. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kita jangka swasta memainkan peranan lebih utama. Kerajaan membantu dengan perbelanjaan yang Yang Berhormat sudah luluskan dalam Parlimen tapi pelaburan swasta mesti lebih besar daripada itu. Kita jangka lebih kurang RM25-26 bilion pelaburan swasta dalam sektor pertanian dalam tempoh lima tahun akan datang. Bermakna peranan swasta memang penting tetapi untuk swasta melibatkan dalam sektor pertanian, dia mengambil kira kos perbandingan dan pendapatan dan sebagainya. Sama ada pertanian lebih menarik ataupun tanaman lain ataupun perumahan ataupun industri lebih menarik. Kadang-kadang kita menghadapi persaingan di sini dan lihat buat projek perumahan lebih menguntungkan maka pertanian itu agak dikurangkan.

Jadi kita kena lihat dari segi insentif, galakan-galakan, lain cukai dan bukan cukai yang perlu kita sediakan supaya mereka lihat pertanian ini setanding dari segi hasil dan dia punya *viability* berbanding dengan sektor-sektor yang lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Panjang lagi ke Yang Berhormat?

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Kalau tak ada itu mungkin dalam masa setengah jam tapi kalau ada *interjection* dua jam lagi Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mungkin tidak akan mengambil masa banyak. Ini hendak menyebut tentang soal isu khinzir dan *pig farming area* dengan izin yang dibangkitkan oleh ramai Ahli Yang Berhormat, Bagan, Kota Melaka, Seputeh, Serdang, Kuala Langat, ini tentang soal isu khinzir. Saya tidak mahu mengulas panjang lebar perkara itu kerana ini telah menjadi isu yang banyak dibangkitkan dalam media, semua pihak terutama masyarakat bukan Islam, Cina terutamanya melihat perkara ini sebagai satu perkara yang penting.

Saya hendak sebutkan di sini, pertamanya banyak isu-isu ini adalah perkara yang lama yang belum dibereskan, itu satu. Keduanya, telah ada satu dasar yang jelas oleh kerajaan, waktu mana kerajaan negeri dan persekutuan sepakat bagaimana nak menangani begitu banyaknya kawasan-kawasan ternakan khinzir di seluruh negara yang tidak terurus yang

menyebabkan masalah alam sekitar, masalah sensitiviti, agama dan sebagainya. Jadi sudah ada keputusan itu sejak tiga, empat tahun dulu, tapi nampaknya tidak dilaksanakan secara bersungguh-sungguh. Dan ini bukan sahaja beban kepada pihak kementerian sesiapa. tapi terletak di atas tanggungjawab kerajaan negeri umpama tentang soal kawasan mana yang hendak ditempatkan semula, soal menyediakan tapak sebagai contoh dan soal kelulusan-kelulusan lain yang banyak bergantung kepada pihak kerajaan negeri.

Jadi saya hendak sebutkan di sini secara ringkas, cadangan pihak Kementerian supaya kita membawa semula pada kerajaan-kerajaan negeri di bawah Majlis Persidangan Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri, bincang secara terperinci. Dan kalau ada pandangan daripada industri, daripada penternak dan wakil-wakil badan politik sekali pun tentang cara bagaimana perkara itu hendak kita selesaikan, mungkin dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, maka mereka boleh kemukakan cadangan. Saya hendak jelaskan di sini saya tidak mahu memanjangkan banyak perkara-perkara yang agak sensitif yang telah timbul. Saya faham banyak pihak berminat untuk hendak cari penyelesaian tapi saya dapati pendekatan yang mereka gunakan itu mungkin agak berbeza-beza. Dengan sebab itu ada pihak yang bersetuju, ada pihak yang tidak bersetuju dan berbagai-bagai isu berbangkit.

Jadi ini saya kira tidak elok berterusan, mesti ada satu pendekatan yang komprehensif diambil. Dasar sudah ada, keputusan telah dibuat tapi pelaksanaan tidak dapat dijalankan. Ini yang saya sebutkan tadi perlu kita atasi dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan ini.

Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Serdang bangun Yang Berhormat.

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Tan Sri.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Yes.

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dalam memberi satu penjelasan dan pendirian dasar berkaitan dengan khinzir di negara kita ini. Tapi satu masalah dihadapi industri khinzir ialah satu keputusan oleh kerajaan supaya ladang khinzir akan ditutup pada hujung tahun ini, ertinya pada 31 Disember 2006. Ertinya melalui 1hb. Januari 2007, akan berhenti operasinya. Ini dasar, itu sebab sebelum *pig farming area* diwujudkan, bolehkah dilanjutkan tempohnya supaya mereka, penternak-penternak tidak akan rasa bimbang buat waktu ini. Ini satu isu yang penting, kalau Yang Berhormat dan Kabinet akan menimbang untuk melanjutkan tempoh itu maka saya ingat ada masa lagi untuk mencadangkan pelaksanaan projek tersebut.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Terima kasih Yang Berhormat, saya tidak ada kuasa untuk membuat keputusan kerana ini keputusan Kabinet dan kerajaan negeri, Yang Berhormat pun faham. Jadi yang saya sebutkan tadi, kita bawa semula, sebelum *date line* tadi 2007 kata tarikh nak *effective* kuat kuasa itu, kita hendak bawa dalam tempoh yang



terdekat, kalau pihak kerajaan negeri dan persekutuan melihat situasi keadaan ini didapati mungkin tidak realistik tarikh itu untuk digunakan sebagai tarikh mula berkuat kuasa dan menyebabkan masalah, maka terserah kepada pihak majlis untuk memutuskan. Hendak lanjut lagi setahun, dua, itu terserah kepada mereka. Insya-Allah kita akan bawa perkara ini kepada pihak kerajaan negeri dan persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga Yang Berhormat yang telah membangkitkan tentang kos input pertanian yang tinggi. Ini memang sudah diambil perhatian tentang masalah beban kos yang ditanggung oleh petani kita, kenaikan harga input pertanian, banyak yang mengaitkan dengan soal harga minyak dan sebagainya. Tetapi kita ada juga mengambil beberapa langkah untuk menangani selain daripada soal subsidi tadi, soal bantuan untuk nelayan dan sebagainya. Ini untuk petani yang bercucuk tanam, umpama kita cadangkan penggunaan baja organik secara meluas, dengan menggunakan baja kompos yang memang terdapat banyak tetapi kita tidak usahakan. Jadi berbanding dengan Thailand sebagai contoh, mereka usahakan dengan cara kos yang agak rendah dan ini boleh menjimatkan perbelanjaan.

Penggunaan baja-baja tempatan daripada campuran yang kita buat sendiri, ini agak mengurangkan kos. Di samping itu, pembelian baja secara kelompok supaya dapat menjimatkan perbelanjaan, pemuliharaan tanah, pemantauan pengambilan nutrien tanaman, amalan pengurusan perosak bersepadu, skim insentif yang kita fikir perlu kita cadangkan umpamanya dengan Skim 10 tan yang kita sebutkan dalam industri tanaman padi. Jadi beberapa pendekatan yang kita ambil, selain daripada kita melihat sebagaimana kita hendak mengurangkan kos dengan subsidi minyak sebagai contoh yang isu sektor pertanian yang belum dapat kita selesaikan, Insya-Allah kita akan selesaikan.

Ini soal pemasaran tadi telah pun disebut panjang, bagaimana kita mengatasi lambakan tadi, saya tidak perlu di ulang, memang perkara itu kita anggap penting. Jadi saya hendak sebutkan sini, FAMA agensi yang utama tetapi saya lihat ada keperluan untuk kita rombak balik supaya langkah-langkah yang telah kita ambil ini dapat kita mempertingkatkan. FAMA sebagai contoh menganjurkan pesta jualan, ada *track sale* dan *hyper market*, pasar tani, karnival jualan, belian oleh FAMA sendiri dan di samping itu untuk jangka panjangnya, kita akan menubuhkan Jawatankuasa Pemasaran Produk Pertanian Negara. Kita akan menggalakkan proses sejuk beku, kita akan mempelbagaikan penggunaan buah-buahan tempatan kita.

Kita akan memperbaiki pengendalian proses lepas tuai dan penyimpanan kita. Kita akan menggunakan teknologi untuk dapat memastikan pengeluaran tidak serentak sebagai contoh dalam bidang pertanian....

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Seputeh Yang Berhormat.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** ....dan di samping itu pengembangan secara intensif dari segi pelaksanaan program-program yang kita hendak laksanakan di seluruh negara.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sebenarnya hendak beralih ke belakang tadi yang saya tidak sangka jawapan Yang Berhormat Menteri begitu singkat tentang masalah yang dihadapi oleh penternak babi di negeri Melaka.

*[Dewan menjadi gamat seketika]*

Saya tahu Yang Berhormat bagi Ketereh dan Yang Berhormat bagi Sri Gading mereka memang Ahli Parlimen yang berfikiran terbuka. Jadi mereka tidak ada masalah tentang isu ini. Saya sebenarnya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, apakah pendirian kementerian terhadap penternakan babi. Kita lihat penternak-penternak ini memang menghadapi banyak masalah. Yang saya tahu ladang penternakan babi di Negeri Sembilan semuanya sudah ditutup. Sekarang di Melaka mereka menghadapi masalah. Tapi kita mesti mengiktiraf bahawa ini adalah satu bidang yang boleh memberi peluang ekonomi kepada pekerja dan juga pengusaha. Malah kita boleh eksport ke Singapura dan dapat dana asing.

Jadi apakah bantuan yang boleh dihulurkan oleh pihak kementerian terhadap industri ini supaya kita tidak sampai kepada tahap semua ladang penternakan babi ditutup dan kita di sini terpaksa mengimport daging babi dari luar negeri. Apakah pandangan Yang Berhormat?

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan kita agak bersikap pragmatik. Walaupun saya tidak makan daging babi tetapi saya tahu ada orang suka makan daging babi. Kalau sekiranya tidak boleh ada ternakan ada juga yang membuat ternakan secara haram. Jadi kita pragmatik dan realistik dalam soal ini. Tetapi isu-isu yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi memang kita sudah sedar. Saya tidak hendak ulas lagi. Di Dewan Negeri Melaka pun saya lihat laporan tentang perbahasan hebat, berdebat antara DAP dengan MCA. Tetapi MCA buat macam-macam, DAP cuma bercakap sahaja. Tidak buat apa-apa.

*[Dewan menjadi gamat seketika]*

Dia tidak buat apa-apa. Jadi dalam pertimbangan di peringkat kerajaan negeri dia mengambil kira situasi keadaan itu dan dia benarkan juga cuma dalam bentuk yang terkawal. Saya dapat faham Kerajaan Negeri Melaka umpamanya melanjutkan kerana dia tahu kalau hendak dipindahkan ke mana hendak dipindah. Masalah tidak selesai.

Jadi oleh sebab itu dia mengambil langkah yang agak realistik. Tapi yang saya nak sebut tadi dan saya sebut ringkas tadi kita kena bawa balik. Nampak mudah. Saya tahu macam di Negeri Sembilan sudah ada tanah, tapi tidak boleh pindah juga dan ada orang yang tidak hendak pindah kerana takut bila sudah pindah ke situ dengan kos membina dan sebagainya bila dia jual daging khinzirnya di pasaran daging khinzirnya jauh lebih mahal daripada kawasan-

kawasan yang lain, dan ini mungkin menyebabkan mereka tidak *viable*. Itu pun ada juga masalah.

Jadi saya lihat Tuan Yang di-Pertua isunya bukan *straight forward* begitu. Jadi berbagai-bagai perkara yang perlu ditangani dan ini saya fikir perlu dibawa balik dibincang secara terperinci dan pendekatan dan penyelesaian bukan soal dasar kerajaan sahaja. Mungkin pihak industri itu sendiri hendak berfikir bagaimana pendekatan yang terbaik, bagaimana caranya supaya dia dianggap *viable* dan menyebabkan kita tidak perlu hendak mengimport babi sebanyak mana yang diperlukan kerana boleh dibekalkan oleh pengeluar dalam negara ini. Isu-isu ekonomi dan isu-isu dari segi peraturan dan perundangan yang saya kira perlu diselesaikan kalau hendak diselesaikan dari segi jangka panjang.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bangun]*

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri saya ingin hendak tanya macam dalam kes di Melaka semua sekarang terima notis penutupan. Kalau kerajaan hendak pindahkan mereka ke satu pusat penternakan babi bukankah semua infrastruktur harus dibina dahulu lepas itu suruh orang pindah. Sekarang mereka disuruh tutup gerai dan tunggu pusat penternakan khinzir itu dibina. Ini memang tidak patut kerana ini melibatkan 5,000 orang pekerja dan juga pengusaha penternakan babi. Bukankah ini....

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** *[Menyampuk]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** .....adalah amat tidak adil. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menghulurkan bantuan kepada mereka, biar dibina dahulu baru cakap hendak dipindahkan ke sana. Saya rasa ini adalah pendekatan yang lebih berperikemanusiaan dan juga lebih adil.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Pihak Kerajaan Barisan Nasional memang selalu berperikemanusiaan. *[Tepuk]* Ini memang pun telah kita amalkan cuma masalah seperti yang disebutkan Yang Berhormat tadi di Melaka Ketua Menteri dan EXCO sudah memahami perkara itu. Saya percaya mereka ada kebijaksanaan untuk menyelesaikan masalah itu. Saya tidak fikir ada usul untuk menutup. Belum ada lagi pihak, PAS pun tidak ada hendak cadangkan hendak tutup pun di Kelantan. Jadi tidak timbul soal itu. Saya fikir kebijaksanaan di peringkat kerajaan negeri boleh menyelesaikan masalah itu insya-Allah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat Menteri, saya rasa ada negara Yang Berhormat tidak bela lagi khinzir ini di tanah negaranya. Dia pun import juga dan yang makan khinzir ini pun ramai. Tidak ada pun masalah. Jadi Yang Berhormat bagi Seputeh tidak payahlah sibuk. Ada contoh yang terdekat Yang Berhormat Menteri.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan, penjelasan. Satu sahaja. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkara ini melibatkan kejayaan matlamat kerajaan untuk mengadakan pertanian sebagai enjin ketiga pertumbuhan ekonomi dan biarlah kita membincangkan masalah ini tanpa emosi rasional. Oleh kerana ada beberapa negeri sudah timbul masalah dalam perkara ini, adakah Kerajaan Persekutuan atau kementerian yang berkenaan rela mengadakan satu unit atau jawatankuasa *steering committee*, di mana boleh berhubung kait dengan kerajaan negeri supaya boleh menyelesaikan masalah.....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Jawatankuasa Babilah!

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Khinzir atau apa-apa tapi ini adalah *fact of life*. Kita tidak boleh lari daripada itu. Malaysia ialah satu negara yang berbilang kaum dan bangsa dan kita menghadapi realiti inilah. Elak daripada emosi dan lain-lain supaya masalah ini boleh diselesaikan tanpa *extraneous circumstances*.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya telah menyebutkan saya akan bawa perkara itu. Hendak komiti atau tidak saya fikir boleh kita timbangkan tetapi saya sendiri akan bawa. Jadi pegawai kita akan bincang dengan wakil-wakil peringkat negeri dan sebagainya supaya satu kertas disediakan untuk dibincangkan di peringkat tertinggi, iaitu Majlis Persidangan Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri yang waktu empat tahun dahulu membuat keputusan tentang soal PFA.

Jadi sekarang ini kerana sudah ada keputusan kita hendak bawa balik bukan setakat untuk mendapat arahan baru, tetapi bagaimana penyelesaian jangka panjang komitmen yang hendak dibuat dan mungkin tiap-tiap kerajaan negeri perlu menyediakan perancangan tertentu. Soal pokok umpama tanah saya dapat maklumat daripada banyak wakil-wakil yang dibawa kepada saya di mana kami hendak pindah, siapa yang hendak membiayai kos perpindahan. Banyak isu-isu yang saya lihat bukan soal dasar sahaja tetapi hendak melaksanakan program itu.

Saya tidak emosional. Saya tidak langsung merasa janggal hendak bercakap tapi ini soal isu yang perlu kita selesaikan dengan pendekatan yang boleh diterima oleh semua pihak bukan oleh kehendak kerajaan. Tapi industri juga perlu kita ambil kira kerana saya tahu dia melibatkan sara hidup, dia melibatkan pendapatan, dia melibatkan peluang untuk ekonomi dan sebagainya. Jadi ini yang menyebabkan pihak kita rasa bertanggungjawab supaya satu keputusan yang agak lebih jelas tentang bagaimana pelan hendak melaksanakan program itu dapat dilaksanakan. Insya-Allah kita akan bawa ke pihak kerajaan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Terima kasih. Adakah ini bererti bahawa tidak ada apa-apa atau arahan bahawa untuk menutup ladang penternakan babi kerana kita tahu ada masalah-masalah yang perlu dihadapi seperti *environment* dan ini satu masalah yang perlu kita atasi. Tapi seperti di Melaka, di Bertam Hulu ladang penternakan babi itu pada akhir tahun 70-an ada dipuji oleh DOE (*department of environment*) boleh sebagai model *farm* untuk menternak

babi kerana menggunakan sistem pengaliran air yang baik boleh menjaga *environment*. Tetapi juga menghadapi notis mahu ditutup. Sebab itu menimbulkan masalah dan bolehkah semua ini diselesaikan.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Kalau saya hendak ambilkan contoh satu keputusan yang dibuat oleh Kabinet baru-baru ini waktu mana kes di Selangor berbangkit dan ada rayuan daripada wakil MCA dalam Kabinet, kerajaan memberikan nasihat kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk menangguhkan dan tidak membuat apa-apa keputusan memindahkan kerana ada isu yang belum selesai.

Jadi kalau pendekatan itu digunakan bermakna selagi belum ada lagi formula penyelesaian yang agak boleh diterima, maka bagi saya adalah wajar sementara perkara itu diselesaikan. Dia tidak dialih ataupun dipindahkan. Itu pandangan kita. Walau apa pun keputusan ini agak banyak bergantung kepada pihak kerajaan negeri. Mereka harus menimbang dan kita harap mereka akan mengambil panduan daripada keputusan Jemaah Menteri itu untuk membuat keputusan yang bijaksana.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada sedikit sahaja untuk nak gulungkan perkara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bukit Mertajam, hendak balik jalan?

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ulang kepada tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan kebijaksanaan kerajaan negeri. Saya nak beri contoh di Ulu Yam, di mana kerajaan negeri Selangor telah mengarahkan mereka berpindah dan kemudian kementerian campur tangan dalam perkara ini dan dia ditetapkan adalah kerana tanah itu adalah sesuai untuk menanam sayur. Saya rasa perkara sekarang yang dihadapi di Melaka mungkin adalah sama juga. Bukan setiap kali kerajaan negeri.. mereka bijak juga. Tetapi kadang-kadang mungkin mereka tidak melihat perkara yang lebih besar lagi seperti tujuan Kerajaan Persekutuan untuk memajukan pertanian.

Jadi, saya hendak mengucapkan syabas kepada kementerian kerana telah berjaya mengekalkan tanah itu untuk menanam sayur. Jadi saya harap dalam perkara ini juga kementerian juga akan memperjuangkan perkara ini kerana *industry agriculture*, keperluan *agriculture* di negara ini. Jadi saya harapkan, mereka berkepentingan ini, sektor ini juga dipelihara, terima kasih.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Terima kasih Yang Berhormat. Sayur lain, babi lain, Yang Berhormat. Dia punya *sensitivity*, walaupun soal itu soal pertanian, tetapi isu sayur itu agak lagi mudah nak selesai. Isu babi ini lebih *complicated*, Yang Berhormat pun faham. *[Menyampuk]*. Jadi, saya sudah jelaskan tadi, kita akan cari pendekatan yang terbaik untuk menyelesaikan masalah itu.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali ini perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat daripada Sabak Bernam. Dalam perbincangan mencadangkan supaya racun Paraquat diberikan

kelonggaran untuk digunakan di ladang-ladang nanas dan pisang kerana terbukti berkesan. Kabinet telah buat keputusan pada bulan 29 Mei 2002, daripada syor yang dibuat oleh Lembaga Racun Makhluk Perosak bahawa kita terpaksa mengharapakan penggunaan ini atas banyak sebablah. Dan kita telah membuat keputusan atas rayuan pihak-pihak tertentu untuk menundakan pelaksanaannya pada 1 Julai 2007 untuk memastikan bekalan racun alternatif mencukupi supaya tidak timbul kesulitan kepada petani-petani di negara kita. Jadi sebenarnya sudah ada banyak racun-racun alternatif yang dianggap kurang berbahaya kepada kesihatan manusia yang boleh digunakan, walaupun ada setengah pihak yang mengatakan ia kurang berkesan tetapi dari segi jangka panjangnya ia masih berkesan.

Dan oleh sebab itu, kita berpendapat, umpamanya untuk racun perosak Paraquate yang dikatakan diperlukan untuk tanaman nanas. Ada banyak jenis racun rumpai yang lain yang sesuai yang boleh digunakan. Ini yang disebut 'Trichlorpyr'.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Apa itu Yang Berhormat?

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Oleh sebab itu, saya fikir keputusan itu telah dibuat oleh pihak kerajaan dan masih kekal sehingga sekarang inilah. Bermakna untuk tahun 2007, tidak boleh lagi menggunakan Paraquat. Memang ada pihak pekebun-pekebun kecil, banyak penanam-penanam yang merayu perkara itu, tetapi keputusan ini dianggap sudah muktamadlah. Rayuan itu sudah dibagikan tempoh untuk dilanjutkan sedikit, tetapi tahun hadapan kita akan kuat kuasakan sepenuhnya.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Tan Sri. Tidak ada satu yang tak boleh gosan balik. *[Menyampuk]*. Yang tidak boleh ubah ini hukum Allah! Suka tak suka, dalam industri kita tahu. Dalam industri kita tahu, Paraquat, masih digunakan di dalam negara, tapi seludup. Di Singapore, daripada Singapore pun seludup ada. Daripada Thailand pun ada. *[Menyampuk]*. Yang terakhir ini Indonesia. Dan memang kita tahu, ini Paraquat ini Tan Sri, racun orang susah. Yang ada gantian ini lebih kurang itu juga. Namanya sahaja lain!

Jadi, saya tengok-tengok, kebanyakan kita ini oleh kerana rayuan daripada NGO. Ini Irene Fernandes yang kuat kempen ini. Saya pun tahu Tan Sri dalam industri ini. Ini fasal dua, tiga orang yang telan racun. Dah tahu racun, sendiri telah buat apa? *[Menyampuk]*. Kalau dia tahu racun, tikus pun mati. *[Menyampuk]*. Jambatan Pulau Pinang, orang bunuh diri, terjun mati. Kita kena robohkan jambatan Pulau Pinang? *[Menyampuk]*. Orang terjun bunuh diri rumah flat, kita haramkan rumah flat? Disebabkan membunuh diri makan racun, kita haramkan racun. Menyusahkan orang kampung, Tan Sri. Fikir-fikirkanlah balik oleh kementerian. Ini permintaan orang kampung Tan Sri, terima kasih. Timbanglah balik. *[Tepuk]*.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Terima kasih Yang Berhormat. Dah kita timbang dah. Dan dah kita buat keputusan dah. Tapi kita akan bantu petani. Saya fikir masalah, fasal banyak daripada bantuan-bantuan ini, kerajaan bagi juga. Dan kita akan bagi jaminan, walaupun tidak boleh gunakan Paraquat, dan kita bagi jenis racun yang lain, kita akan

pastikan ia seberkesan Paraquat. Itu jaminan yang kita akan berikan. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ucapkan terima kasih.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *[Bangun].*

**Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ipoh Barat, apa lagi, Ipoh Barat?

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ini Paraquat belum habis. Saya setuju kepada pandangan Yang Berhormat Menteri bahawa Paraquat patut diharamkan. Saya setuju penuh. Tapi satu perkara yang saya bangkit belum dijawab adalah mengenai *Foot And Mouth Disease* kepada lembu-lembu di negeri Perak baru-baru ini. Di mana pampasan telah dipersetujui akan dibayar. Adakah ia betul?

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Minum samsu pun mati.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Apakah ia akan dibayar? Dan juga pampasan di mana ayam baru-baru ini yang kena *Avian Flu*. Bilakah pampasan itu akan dibayar?

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** *Finish* sebelum ini?

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Siap.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Ya, Yang Berhormat Menteri. Selepas menjawab hujah-hujah Yang Berhormat Ipoh Barat, harap..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Bukan, soalan saya yang ditimbulkan pun belum dijawab mengenai pelabur arak di Johor itu. Kerugian besar yang dialami oleh..harap dijawab juga.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Yang pertama fasal pampasan tentang lembu yang mati kerana penyakit kuku dan mulut itu, saya akan siasatlah apa kesnya. Dan sama ada polisi bayar ganti rugi ataupun tidak? Tapi untuk kes selesema burung di Perak, memang semuanya layak. Macam di Perak yang saya kira itu, sebahagian daripadanya 231 ribu arahan saya untuk diselesaikan dalam tempoh seminggu. Dan ada baki lagi, lepas daripada itu kawasan lain agak merebak. Ini semuanya akan dibayar pampasan ikut kadar yang telah diluluskan oleh kerajaan. Jadi soal itu tidak harus berbangkit.

Yang Berhormat berkenaan dengan kes Arab yang bawa masuk ikan, yang kita rampas pada tahun 2005, ikan Kelisa. Ini oleh Jabatan Perikanan Johor. Untuk makluman, pusat kuarantin Jabatan Perikanan Johor telah pun menjalankan pemeriksaan rutin ke atas aktiviti import ikan hidup dari Singapura melalui Kompleks Sultan Abu Bakar di Tanjong Kupang.

Pemeriksaan telah dijalankan di atas *consignment* membawa ikan Arowana hidup yang diimport oleh syarikat Majestic Fish Trading Sdn. Bhd. Permit telah dikeluarkan kepada syarikat tersebut bagi membenarkan membawa masuk sebanyak 331 ekor ikan Arowana bernilai RM139,955.00. Setelah diperiksa menggunakan alat pengesan penanda ikan "KAIT" didapati ada ikan yang tidak memenuhi syarat CITES. Hanya sebanyak 300 ekor disahkan mempunyai

penanda dengan nombor siri yang sama seperti dalam sijil CITES yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa Singapura. Bermakna yang lain itu tidak ada.

Manakala sebanyak 16 ekor ikan Arowana, mempunyai penanda tag, tetapi tiada dalam senarai. Ia ada tag, tetapi tak ada dalam senarai CITES. Dan sebanyak 19 ekor lagi ikan Arowana didapati tidak mempunyai penanda tag. Ikan Arowana yang memenuhi syarat dikembalikan kepada pemiliknya. Manakala ikan yang tidak memenuhi syarat telah pun ditahan, dan kesalahan tersebut telah ditawarkan kompaun sebanyak RM2,000.00.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada 6 Disember 2005, pihak jabatan telah pun memaklumkan kepada Encik Isamul Bala a' tentang prosedur import, eksport ikan di bawah CITES mengikut senarai sijil yang dibenarkan sahaja dan ikan yang tidak mengikut syarat ini akan disita. Beliau juga telah pun dimaklumkan bahawa pemeriksaan ke atas ikan di bawah CITES adalah 100% mengikut penanda ataupun tag dan sijil CITES bagi setiap ikan Arowana yang diluluskan oleh, untuk diimport.

Pada 8 Disember 2005, pihak jabatan telah menunggu untuk membuat pemeriksaan ke atas *consignment* yang dijangka tiba pada pukul 11.00 pagi. Tetapi *consignment* telah tiba pada pukul 6.30 petang. Dan pemeriksaan ke atas *consignment* telah pun dijalankan bagi memastikan bahawa ikan Arowana yang diimport mematuhi syarat yang telah pun ditetapkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, pemandu lori, orang yang kena tuduh telah membayar kompaun sebanyak RM2 ribu bersabit dengan kesalahan di bawah seksyen 40(1A) Akta Perikanan 1985 iaitu mengimport 35 ekor ikan hidup *arowana* ke dalam Malaysia tanpa permit yang sah dan semua barang kes yang ditahan dikembalikan kecuali 35 ekor ikan *arowana* dilucut hak dan dilupuskan secara penyerahan kepada Pusat Penyelidikan Ikan Air Tawar Jelebu, Negeri Sembilan bagi tujuan penyelidikan di bawah seksyen 413 KAJ oleh Mahkamah Majistret Johor Baru.

Pada pandangan kita, pihak yang terlibat sengaja mengambil kesempatan untuk memburuk-burukkan anggota yang menjalankan pemeriksaan setelah mendapati beliau melakukan kesalahan yang menjejaskan reputasinya sendiri. Di samping itu, tidak ada laporan kematian ikan pada hari pemeriksaan dan beliau membangkitkan isu itu lebih sebulan selepas kejadian itu berlaku.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja...

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bangun, Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Ya? Okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Penghabisan.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tan Sri. Sabak Bernam ada membangkitkan dua perkara, Tan Sri, satu



mengenai racun *paraquat* dan satu lagi ialah mengenai AP kelapa dari Indonesia yang telah menyebabkan harga kelapa turun, khususnya kelapa kopra, kelapa kering. Jadi, Sabak Bernam minta supaya perkara ini dikaji dan kalau perlu AP kelapa itu dibatalkan supaya harga kelapa itu naik kembali untuk kepentingan rakyat, khususnya petani kelapa. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Tan Sri.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Insya-Allah, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini akan kita ambil perhatian. Jadi itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, ulasan saya tentang perkara yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Mungkin semua telah dapat saya sentuh tetapi kalau ada perkara yang masih tertinggal yang tidak dapat saya jelaskan, insya-Allah saya akan ambil perhatian dalam laporan yang telah pun disediakan oleh pegawai saya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kementerian Luar Negeri. Yang Berhormat Menteri dijemput.

#### 4.12 ptg.

**Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Yang Berhormat bagi Ledang, Yang Berhormat bagi Muar, Yang Berhormat bagi Jerai, Yang Berhormat bagi Kinabatangan, Yang Berhormat bagi Pontian dan Yang Berhormat bagi Gombak di atas penglibatan mereka mengambil bahagian dalam perbincangan yang menyentuh bidang tugas kementerian saya.

Saya akan cuba menjawab persoalan-persoalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dan diharap penjelasan yang diberikan akan dapat memuaskan Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengemukakan persoalan-persoalan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pembangkang, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor membangkitkan mengenai hubungan diplomatik di antara Malaysia dengan Amerika Syarikat kononnya telah terjejas kerana pendekatan bekas Perdana Menteri, Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir yang lantang mengkritik pentadbiran Kerajaan Amerika Syarikat. Akibatnya Malaysia tidak termasuk mengikutnya, dalam senarai ketua-ketua negara yang dijemput untuk melawat *White House*.

Kononnya perjumpaan akhirnya berlaku di antara Tun Dr. Mahathir dengan Presiden Bush melalui penggunaan ejen pelobi dengan pembayaran USD1.2 juta. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, hubungan dua hala Malaysia dengan Amerika Syarikat sentiasa berada pada tahap yang menggalakkan dan kita percaya akan terus berkembang. Amerika Syarikat melihat Malaysia sebagai rakan penting dalam pelbagai bidang, khususnya dalam bidang perdagangan dan pelaburan, membanteras keganasan antarabangsa, keselamatan

rantau dan mereka juga melihat Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang mengamalkan Islam sebenar iaitu dengan penuh kesederhanaan.

Adalah satu tuduhan melulu dan tidak berasas untuk mengatakan yang kerajaan telah membayar mana-mana pihak untuk mendapatkan temu janji di antara bekas Perdana Menteri dan Presiden Bush. Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir melawat Amerika Syarikat pada tahun 2002 di atas jemputan Presiden Amerika Syarikat. Lawatan tersebut telah menghasilkan hubungan yang membina di antara Malaysia dan Amerika Syarikat.

Berkenaan penggunaan perkhidmatan lobi di Amerika Syarikat bagi membantu memperbaiki dan meningkatkan imej serta kepentingan negara. Ini adalah satu amalan yang lumrah yang sering dilakukan sama ada menggunakan firma konsultan pemasaran ataupun pelobi untuk membantu negara-negara di dalam memperbaiki imej dan nama baik negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor juga telah mempertikaikan keberkesanan Tan Sri Ghazzali Sheikh Abdul Khalid sebagai duta besar Malaysia ke Washington. Dikatakan juga Tan Sri Ghazzali mempunyai hubungan persaudaraan dengan Tun Daim Zainuddin. Ingin saya menegaskan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Tan Sri Ghazzali Sheikh Abdul Khalid adalah seorang duta yang telah dapat menjalankan tugas beliau dengan baik dan sempurna dan beliau adalah seorang yang dihormati dan disanjung tinggi di kalangan masyarakat diplomat di Washington, Amerika Syarikat.

Beliau telah memberikan perkhidmatan lebih 30 tahun dan ianya tidak langsung mempunyai hubung kait kepada hubungan persaudaraan beliau dengan mana-mana pihak ataupun dengan Tun Daim Zainuddin.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Beliau memegang peranan tersebut semata-mata di atas kemampuan dan kebolehan beliau sendiri.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, penjelasan. Nampaknya Yang Berhormat Menteri tidak menafikan bahawa pertemuan bekas Perdana Menteri dengan Presiden Bush di *White House* pada Mei 2002 ialah akibat daripada usaha lobi yang sekurang-kurangnya menelan USD1.2 juta. Soalannya ialah kenapa perlu, Yang Berhormat Menteri kata ini adalah amalan yang biasa tetapi kenapa amalan yang biasa untuk Malaysia sahaja. Adakah Yang Berhormat Menteri berkata bahawa untuk lawatan Perdana Menteri atau presiden negara-negara yang lain termasuk dalam serantau sama ada Singapura, Thailand, Filipina dan negara-negara yang lain perlu usaha lobi, perlu bayaran berjuta-juta ringgit.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Apa soalnya, Yang Berhormat?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Soalnya, bukankah Yang Berhormat Menteri pada masa itu pun Menteri Luar Negeri, adakah Yang Berhormat Menteri memberi *sanction* usaha lobi ini di mana *way/lay* kedutaan kita di US. Ini menunjukkan bahawa Kedutaan US tidak relevan.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Saya fikir kalau Yang Berhormat mengikut tadi, mula-mula saya telah cakapkan adalah satu tuduhan melulu kalau mengatakan bahawa kita menggunakan lobi untuk mendapat temu janji di antara Presiden Bush dengan Tun Dr. Mahathir. Tetapi penggunaan lobi digunakan bukan sahaja oleh Malaysia, oleh semua negara untuk meningkat dan menaikkan imej atau mengadakan perhubungan yang lebih baik secara keseluruhan dengan masyarakat di Amerika Syarikat.

Tidak betul untuk kita mengatakan kita bayar, "*Ini tolong buat perjanjian, temu janji di antara Presiden Bush dan...*" Kalau orang yang menjadi pelobi itu melakukan sesuatu kesalahan mengikut undang-undang Amerika, itu bukan kesalahan kita. Itu adalah kita melaksanakan tugas kita mengikut undang-undang dan kita telah tidak melanggar mana-mana undang-undang negara Amerika ataupun di Malaysia di dalam kita menggunakan pelobi. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak betul...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** [*Bangun*]

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Nanti, Yang Berhormat, bila saya.... Adalah tidak betul untuk Yang Berhormat mengatakan bahawa saya mengatakan menggunakan lobi untuk temu janji.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Betul! Kita di sini bukan hendak berbincang mengenai sama ada *super lobbyist*, Jack Abramoff, salah atau tidak salah.. Itulah masalah US, politik US tetapi di sini adalah cukup bukti daripada siasatan US Congressional dan ada juga dalam laman *web* mengenai resit-resit, mengenai dokumen-dokumen yang menunjukkan bahawa pertemuan bekas Perdana Menteri kita dengan Presiden Bush di *White House* pada Mei 2002 adalah akibat daripada usaha-usaha lobi itu, dan ada dokumen di mana ada *invois* dihantar kepada Dr. Fauziah Mohd Taib, *Deputy Head of Mission*. Semua ini ada. Kenapa ini dibenarkan oleh Yang Berhormat Menteri sebagai Menteri Luar Negeri masa itu oleh kerana kita ada kedutaan kita sendiri.

**Dato' Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Yang Berhormat kita bertujuan apabila kita membuat temu janji di antara Presiden Bush dengan Tun Dr. Mahathir Mohamed ia adalah mengikut saluran diplomatik. Melalui kedutaan kita berhubung dengan pihak State Department atau Jabatan Negara Amerika untuk diatitkan pertemuan. Dan selepas itu ada surat jemputan dari Presiden Bush kepada Tun Dr. Mahathir Mohamed dan sebagai hubungan dua hala ini adalah amalan biasa untuk kita menerima jemputan dan jemputan itu kita respons dengan secara positif. Tetapi kalau Yang Berhormat hendak beri maksud yang seolah-olah kita membayar untuk pertemuan, ini kepada saya, saya mengatakan adalah tidak betul dan tidak benar. Sama ada Yang Berhormat hendak terima atau tidak terima itu soal lain. Kita yang menjalankan tugas, kita tahu kita membuat *appointment* mengikut saluran diplomatik.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Yang Berhormat Menteri, itu saya boleh terima pada peringkat terakhir bahawa semua melalui saluran diplomatik. Tetapi sebelumnya ialah melalui saluran lobi yang digunakan barulah mencapai saluran diplomatik dan ini semua. Sebab itu ada invoice yang ditujukan kepada Dr. Fauziah Mohd Taib, *Deputy Head of Mission daripada American International Center satu Abramoff front...* dan bukankah ini bukti dalam penyiasatan *congressional..* mungkin lebih bukti-bukti akan timbul, sebab itu saya ada tanya, kalau kita ada seorang duta yang patutlah boleh mengadakan jemputan itu atau penemuan itu tanpa usaha-usaha lobi. Usaha-usaha lobi tidak dinafikan, USD1.2 juta tidak dinafikan dan kalau begitu bukankah masa sudah sampai untuk *recall* Tan Sri Ghazali oleh kerana beliau sudah gagal usaha sebagai ambasadur Malaysia di US.

**Dato' Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Kadang-kadang Yang Berhormat pun ada tanya soalan-soalan yang mungkin Yang Berhormat terlupa apa yang dikehendaki oleh Yang Berhormat punya rakyat di tempat Yang Berhormat wakili. Dia sebagai Duta menjalankan tugas beliau dengan baik dan sempurna, berkesan. Bermakna orang lain atau jawatan-jawatan lain, pelobi-pelobi lain melaksanakan tugas untuk membantu Malaysia, itu tidak menjadi satu kesalahan. Yang Berhormat telah membuat andaian. Saya mengatakan di dalam laporan itu, mereka mengatakan bahawa pelobi itu telah melanggar undang-undang Amerika Syarikat. Saya tidak ada maklumat yang menunjukkan ini saya hendak jelas, saya tidak ada maklumat yang menunjukkan bahawa kita bayar duit untuk tujuan mendapatkan temu janji atau lawatan rasmi bagi Bekas Perdana Menteri. Itu yang saya jawab, itu adalah tidak benar apa yang Yang Berhormat bawa.

Jadi itu cukup. Untuk pengetahuan ahli Yang Berhormat, kita akan berinteraksi dalam hal ini, tidak berakhir kerana Yang Berhormat sudah membuat keputusan. Ingin saya mengatakan berkenaan Tan Sri Ghazali ini. Beliau telah bekerja dan berkhidmat sebagai Duta, Ahli Diplomat lebih 30 tahun dan rekod beliau adalah satu *trek* rekod yang cemerlang. Sebab itu beliau dianugerahkan Tan Sri dan beliau dianugerahkan pelbagai lagi anugerah di atas kejayaan beliau dan keupayaan beliau untuk meningkatkan hubungan dua hala di antara Malaysia dan negara-negara lain. Untuk makluman Yang Berhormat, Tan Sri Ghazali selaku Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat telah pun berakhir pada 20 Mac 2006. Saya percaya beliau sendiri pastinya bangga dengan pencapaian-pencapaian beliau dalam meningkatkan hubungan diplomatik di antara Malaysia dan Amerika Syarikat di sepanjang tempoh beliau berkhidmat di Kedutaan Besar Malaysia di Washington, jadi terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, Yang Berhormat Menteri kata bahawa beliau tidak ada bukti bahawa adalah wang digunakan untuk usaha lobi ini supaya penemuan diadakan. Tetapi ini sudah diakui oleh Bekas Perdana Menteri, kenapa Yang Berhormat Menteri tidak tahu? Former bos beliau sudah mengakui secara terbuka. Ini benar sungguhpun dia kata tidak tahu

sumber wang dari mana, kita mahu tahu ialah sumber wang dari mana oleh kerana yang melibatkan ialah seorang bekas Menteri, Megat Junid.

**Dato' Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Yang Berhormat, ok saya akan.....  
Yang Berhormat .....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Your former boss is admitted.

**Dato' Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Listen, I think dengan izin, saya fikir ada masanya kalau kita menutup mata dan telinga kita, kita akan mengandaikan sesuatu yang berbeza. Apa yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir di dalam dia punya itu, dia kata betul, dia menggunakan lobi. Tetapi dia tidak bercakap dia menggunakan lobi untuk mendapat *appointment*. Ini yang susah ini. Dia tidak pernah.... kalau Yang Berhormat baca di dalam .....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Ipoh Timor ini tidak faham, dia tidak pernah faham.

**Dato' Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** ..... itu yang menjadi susah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Itulah soalan, itu sudah isi sudah ditanya dan diakui.

**Dato' Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Saya kata tidak. Yang Berhormat, membuat andaian. Pasal Yang Berhormat sudah membuat keputusan, saya hendak cari kesalahan ini, saya hendak putuskan begini keadaannya. Yang saya boleh jawab selaku Menteri yang bertanggungjawab, tidak ada apa-apa maklumat yang menunjukkan bahawa kita menggunakan wang untuk mendapat temu janji. Yang saya tahu selaku Menteri Luar, kita ada jemputan daripada Presiden Bush dan kita menerima jemputan beliau untuk Dr. Mahathir pergi ke Amerika Syarikat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** You are of the look, you out of the look.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang Berhormat, tidak payah jawab Yang Berhormat. Dia memang tidak faham Yang Berhormat.

**Dato' Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Saya buang masa sahaja jawab cuba to answer you. [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, teruskan.

**Dato' Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Yang Berhormat, ok. Tuan Yang di-Pertua, jadi saya ingin pula pergi berkenaan dengan..... saya fikir tidak perlulah kita adakan apa-apa kertas putih, hantar audit oleh kerana audit ini memang kita sentiasa pantau kedutaan kita dan disemak oleh pihak Jabatan Akauntan Negara, Jabatan Audit Negara serta bahagian audit dalam Kementerian Luar Negeri, bagi memastikan bahawa segala urusan yang membabitkan kewangan dijalankan mengikut tatacara yang telah ditetapkan. Tuan Yang di-Pertua, ramai antara ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu dua hala tertunggak di antara Malaysia dan Singapura. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada persoalan-persoalan yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Jasin, Yang Berhormat bagi Sri Gading, Yang Berhormat

bagi Ledang, Yang Berhormat bagi Muar, Yang Berhormat bagi Jerai, Yang Berhormat bagi Kinabatangan, Yang Berhormat bagi Pontian dan Yang Berhormat bagi Gombak. Ini menunjukkan keprihatinan Yang Berhormat terhadap isu-isu yang dianggap penting yang melibatkan masa depan dan kepentingan negara.

Biar saya jelaskan di sini Tuan Pengerusi. Hubungan dua hala di antara Malaysia dan Singapura di bawah kepimpinan baru kedua-dua negara adalah semakin mesra dan rapat. Suasana yang semakin positif dan mesra ini telah membolehkan kedua-dua negara meningkatkan kerjasama di dalam pelbagai bidang untuk kepentingan bersama seperti dalam bidang ekonomi, pertahanan, keselamatan, pendidikan pelancongan, kesihatan, pertanian dan kebudayaan. Asas kerjasama Malaysia dan Singapura adalah untuk mencari persamaan dengan izin *common ground* yang boleh membawa manfaat kepada kedua-dua negara. Saya yakin kepentingan Malaysia dan Singapura lebih terpelihara melalui kerjasama. Walau bagaimanapun, adalah tidak dapat dinafikan yang dari masa ke semasa akan timbul perbezaan pendapat terhadap perkara atau isu-isu tertentu di antara Singapura dan Malaysia. Namun ia tidak seharusnya melahirkan suasana permusuhan dan persengketaan.

Saya menghormati segala pandangan dan teguran ahli-ahli Yang Berhormat kerana isu hubungan dua hala dengan jiran terdekat semestinya rapat dengan hati kita masing-masing. Walau apa pun perbezaan Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang politik yang dihadapi, hubungan ekonomi dan perdagangan adalah baik dan positif di antara Singapura dan Malaysia dan Singapura.....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Maaf Yang Berhormat menteri. Sedikit Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya.

**Dato' Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Sila. Saya tidak nampak, jauh sedikit Yang Berhormat bagi Jerai, terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya kita ini bukanlah ..nak tahu mana sangat. Tetapi kita hendak Singapura itu pun berlembutlah, cakap bagilah ada tertib sedikit. Kita pun hendak pertahankan maruah negara kita, hendak berjaga juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, hendak jaga Menteri Luar kita. Kalau depa duk buli, duk kata lebih kurang, kita rasa tidak seronoklah Yang Berhormat Menteri. Jadi bukan bermaknanya kadang-kadang apabila kita deras, kita geram. Dia ini kadang-kadang ibarat kita ini macam orang bisu kena gigit tebuhan. Dia hendak "teriau".. tak boleh, dia hendak habaq.. pun tidak boleh, ini penyakit kita.

[Ketawa]

**Dato' Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Yang Berhormat kena gigit tebuhan?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Orang bisu kena gigit tebuhan, dia tidak tahu cerita kat orang.

**Dato' Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tidak baik menghina orang bisu.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tidak, tidak. Dia sakit dia hendak sebut pun tidak boleh, dia hendak habaq.

**Dato' Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Ini semua kejadian Allah Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya, saya tahu. Jadi ibarat kami macam itu. Peribahasa Yang Berhormat Menteri. *[Ketawa]* Jadi yang kita duk ini fasal kita hendak Singapura, tertiblah dengan kita sedikit. Hormatlah kita sebagai abang. Kita bukan harap apa kat dia, dia yang dok harap banyak kat kita. Yang itulah Yang Berhormat menteri. Jadi bukanlah makna kita tidak mahu ini, kita mahu Yang Berhormat Menteri keras dan lembut pada waktu dan ketika Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh jawab sekali, Datuk Menteri?

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Jawab sekali?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Pepatah Melayu ada menyatakan, orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa. Ini kita asyik beri, beri, beri dia tidak rasa sekali. Kita tidak pernah menyakiti hati mana-mana pemimpin dan mana-mana masyarakat tetapi kita juga minta mereka menghormati pemimpin negara kita. Dalam soal ini kita memang memberi ucapan tahniah kepada Kementerian Luar dan pemimpin negara kita sebab berjaya menangani isu-isu antara jiran dengan jiran.

Walau bagaimanapun selaku wakil rakyat kita melihat apabila pemimpin kita dihina, negara kita dicabar kita akan bangkit menentang segala penghinaan ini sebab bagi kita untuk mempertahankan maruah negara kita adalah tanggungjawab kita bersama dan kebijaksanaan Menteri Luar, Datuk Seri ini memang bukan calang-calang orangnya memang kita puji. Tetapi pada masa akan datang kita mahu perancangan yang kita susun ini di bincang dengan jiran kita ini harus mendapat penghormatan dan apa yang kita mahu akan kita perolehi. Kita boleh memberi tetapi bagi orang yang ada penghormatan. Kita tidak boleh terus memberi kepada mereka yang tidak boleh menerima penghormatan itu. Sebab pada saya kita ada kedaulatan kita, kalau kita hendak masak apa jua masakan dalam rumah kita, kenapa perlu kita memaklumkan kepada jiran kita apa yang kita mahu masak. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Jawab sekali Yang Berhormat, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Terpujang pada Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi prosedur tidak berapa tepat. [*Ketawa*].

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Tidak apalah, dasar kita yang buat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Terpulang pada Yang Berhormat hendak bagi jalan tidak.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Tahniah Yang Berhormat, tahniah Yang Berhormat. Saya hendak ucap tahniah jugalah kepada Yang Berhormat sebagai Menteri Luar. Sebenarnya apa pandangan yang kita bagi, apa yang kita luahkan di sini merupakan prinsip kita. Kita tidak mahu hendak bermusuh dengan sesiapa. Jadi itulah harapan kita apa juga pandangan kita, cadangan kita, teguran kita adalah semata-mata untuk mempertahankan maruah bumi kita. Cuma kita takut di sini ada orang-orang lain, pihak-pihak lain mungkin mengambil kesempatan untuk mengeruhkan lagi keadaan.

Oleh sebab itu biarlah kata-kata itu keluar daripada mulut kita sendiri seperti tidak ada orang lain yang mungkin ada perhubungan sulit dengan negara jiran. Itu sahaja Yang Berhormat terima kasih.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat boleh jawab sekali.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Biar fikir biar saya jawab ini dululah.

**Seorang Ahli:** Singapura juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekejap, sekejap.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Nanti selepas itu saya akan bagi Yang Berhormat. Saya daripada awal tadi telah menyebutkan bahawa pandangan dan teguran Ahli Yang Berhormat dalam isu hubungan dua hala dengan Singapura, saya menghormati dan saya menghargai. Tetapi di dalam saya menangani isu ini saya berharap Yang Berhormat dapat menghayati bahawa jangan sangka kita lemah. Kalau kita memberi gambaran kepada dunia dan mengutuk kita punya cara kita menguruskan seolah-olah kita lemah - tidak bersetuju dengan Singapura itu soal lain tetapi untuk mengata bahawa pengendalian kita lemah bermakna kita memberi senjata pada orang lain untuk memandang rendah selaku kita sebagai menteri dan pegawai-pegawai saya dalam berurusan dengan Singapura, itu sahaja.

Yang Berhormat mempunyai hak untuk berkeras. Saya pun suka keras tetapi soalnya di dalam suasana kalau saya juga menggunakan bahasa yang sama, maka dia tidak akan dapat menjadikan satu suasana yang berlainan. Saya ambil kira pandangan dan perhatian Yang



Berhormat, “orang berbudi kita berbahasa” sebab itu saya berbudi kita pun kena berbahasa dengan menteri juga. Jadi dua-dua hala tetapi jangan pula kerana kita marah dengan Singapura, Kementerian Luar Negeri dikutuk teruk-teruk. Jadi saya fikir, saya minta keadilan sahaja. Kita akan buat apa yang terbaik. Yang Berhormat menjadi penentu kepada pendekatan kita, cara kita hendak menguruskan isu kita dengan Singapura tetapi akhirnya ialah kita duduk berjiran adalah tidak betul untuk kita mengatakan kita buat apa kita suka. Kalau dengar apa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kata, kalau jiran beli gambar dia bawa balik ke rumah teres dia, gambar yang cantik dia syok betul dengan gambar itu, Tuan Yang di-Pertua. Gambar itu cantik, malam itu dia bawa balik, dia buka. Oleh kerana cantik dia hendak pasang dekat tembok dia. Pukul satu malam dia ketuk dia punya tembok, adakah jiran mesti senyap? Tidak, tidak boleh senyap.

Sebab itu kita akan bercakap bila perlu bercakap. Yang Berhormat akan bercakap untuk memberi ingatan kepada kita. Itu saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih di atas ingatan yang diberikan supaya dia menjadi *check and balance* dengan izin, kepada apa juga tindakan dan langkah yang kita ambil. Jadi jangan ingat kita ketepikan pandangan Yang Berhormat. Hanya saya minta izin daripada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya tidak seolah-olahnya kita ini tidak bersama di dalam mahu mempertahankan kedaulatan, mahu mempertahankan maruah, seolah-olah kita yang duduk di sini yang saya selaku Menteri Luar juga adalah Ahli Parlimen sebagaimana Yang Berhormat. Tugas utama saya ialah untuk mempertahankan maruah, nilai, digniti negara. Sama. Saya berkongsi dengan Yang Berhormat tetapi cara saya sampaikan persoalan itu mungkin berbeza. Tetapi jangan kita bersengketa kerana kita berbeza cara, kaedah kita menyampaikan. Jadi saya cukup faham berkenaan dengan ‘kena gigit tebuhan’, yang bengkak Tuan Yang di-Pertua sakit.

**Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat, sebenarnya begini Yang Berhormat. Kita ini hendak beri semangat kepada menteri, hendak beri semangat supaya jangan lemah semangat. Fasal di Parlimen Singapura depa dok kutuk kita juga dan menteri dia pula ‘terre’ kita lagi. Menteri dia kata kalau buat titi ini terima akibat dia. Bolehkah kata macam itu? Kalau pi ni dia hendak bawa ke mahkamah dunia. Apa ini? Dia paku gambar waktu malam kita hendak senyapkah? Bising. Kita tidak boleh tidur. Jadi kita ini Datuk, bukanlah kita hendak ini - kita hendak beri semangat kepada Datuk sebagai menteri ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Terima kasih.

**Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ha, yang itu, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Kalau kita sayang, kita peluk jangan sampai lemas. Dia ada cara untuk memeluk. Jadi kalau kita peluk sampai saya tidak dapat

bernafas ...*[Ketawa]* maka menyusahkan saya di dalam melaksanakan tugas saya. Bukan saya tidak ini tetapi soalnya 'terre'... Saya tidak tahu bahasa ini, 'terre' *[Ketawa]*.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Itu bahasa Datuk Nazri. *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** 'Terre' maknanya pukul.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Oh!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Depa pukul kita. Depa hentam kita.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, bahasa, ini, saya fikir ...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Kalau sebelah Kedah panggil 'tala', Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baik.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Jadi kita pun kena 'tala' balik.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Pukullah kan?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ha, pukul.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Jadi kalau hendak buat macam itu Yang Berhormat, saya fikir saya dengarlah apa Yang Berhormat kata. Tetapi dia pun baca kita punya *Hansard*, kita baca dia punya *Hansard*. Dua-dua negara rakyat dia ada perasaan. Jadi apabila ada perasaan, dia balas kita balas, dia balas kita balas, ke arah mana akhirnya akan kita tiba? Tetapi kita punya perniagaan bukan main tinggi di antara satu sama lain, pelaburan kita tinggi di antara satu sama lain. Dua negara kedua terbesar dalam dunia yang kita berdagang - Singapura. Pelabur, salah satu pelabur yang terbesar nombor dua terbesar pelabur dia. Malaysia juga melabur besar di Singapura.

Jadi ini semua, pelancong dia 60% daripada pelancong, ini tidak bermakna kita perlu menjual maruah dan digniti kita. Tidak. Itu saya akan mempertahankan di sepanjang masa. Jadi bila Yang Berhormat bagi saya semangat ....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Hendak dengar yang itulah Datuk. Kita hendak dengar itu sahajalah tidak apalah. Tidur lena dah malam ini. *[Ketawa]*

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Terima kasihlah jangan mimpi salah sahaja. *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat. Saya faham kerana saya tahu fasal isu ini adalah sesuatu isu yang memang sensitif dan saya cukup prihatin terhadap pandangan-pandangan yang diberikan.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Sila.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kubang Kerian.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dalam sejarah dunia ini dia ada beberapa *landmark*,

contohnya Tembok Berlin. Tembok Berlin ini menceritakan bagaimana permusuhan German Barat dan German Timur walaupun dia telah menjadi sejarah. Bila terbinanya jambatan baru ini, kalau Singapura tetap berkeras dengan pendirian untuk menuntut pasir dan ruang udara dengan Malaysia, jambatan itu akan bengkok. Jambatan bengkok itu esok akan dibaca oleh generasi akan datang begitulah bengkoknya.

Begitulah bengkoknya, begitulah bengkoknya hubungan dua hala antara Malaysia dengan Singapura. Saya boleh bersetuju secara objektif dengan Yang Berhormat Menteri bahawa kita perlu menjaga hati, kita perlu melihat *big picture*, hubungan dagangan, investment dan seumpamanya. Tapi kalau dalam sepanjang sejarah isu tertangguh ini tidak pernah berpihak kepada kita, ini apa maknanya? Isu air, isu Pulau Batu Putih, isu CIQ, sekarang mereka mahu pasir dan ruang udara.

Kalau di sepanjang sejarah kita tidak pernah menang dalam hubungan diplomatik ini, apa yang boleh kita harapkan kepada masa yang akan datang. Dan jambatan yang bengkok itu besok akan dibaca oleh generasi, begitulah bengkoknya hubungan kita dengan Singapura. Jadi saya mahu jaminan pada hari ini Yang Berhormat Menteri bahawa kita perlu pertahan maruah kita, digniti kita, integriti kita, dan saya mahu satu jaminan bahawa ruang udara dan pasir tidak akan sekali-kali diserahkan kepada Singapura. Saya mahu jaminan itu. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, saya kadangkala susah hendak dapat sokongan daripada PAS. Dan hari ini saya berterima kasihlah kepada Yang Berhormat kerana bagi sokongan dan memang pun kita tidak hendak jambatan bengkok. Fasal ia menggambarkan kita punya perhubungan, tapi ada masanya Yang Berhormat kalau susah untuk kita runtkaikan sesuatu. Biar saya jelaskan banyak perkara-perkara yang berlaku di antara Singapura dengan Malaysia adalah hasil daripada peninggalan sejarah. *This is historical baggage* dengan izin, warisan bagasi sejarah.

Jadi kita bagaimana kita hendak keluar daripada warisan itu. Untuk kita keluar daripada warisan itu kita kena mendapat yang terbaik dan untuk mendapat terbaik sudah tentu kita perlu membetulkan persepsi kita dan pendekatan kita. Kita tidak akan bertolak ansur di dalam soal digniti, maruah, kedaulatan Malaysia. Apakah bentuk perjanjian yang terperinci? Saya tidak boleh bincangkan fasal kita belum ada persetujuan lagi, belum ada perjanjian yang dimuktamadkan. Misal Yang Berhormat mengatakan berkenaan isu air, isu air itu diputuskan dalam tahun 1960 dan 1961. Pada masa itu perjanjian itu dibuat bukan oleh Kerajaan Persekutuan, sekarang baru kita mengambil kerana kita hendak mempertahankan kedudukan kita supaya kita dapat perundingan yang terbaik.

Ini yang dilakukan oleh kerajaan, jadi di sepanjang masa Yang Berhormat tanpa Yang Berhormat berkata berkenaan Tembok Berlin. Kalau Yang Berhormat tengok Tembok Berlin akhirnya Tembok Berlin runtuh, German Timur dan German Barat jadi satu. Soalnya begitulah

perkembangan masa, kalau kita terperangkap dengan beban sejarah, kita tidak akan keluar daripada kelompang yang menyusahkan kita. Saya tidak pernah bertolak ansur di dalam kita berunding, kita mahu yang terbaik untuk Malaysia. Dan ini bermakna kita akan mencari pendekatan yang boleh mendatangkan kebaikan. Kalau kita hendak membuat jambatan, apakah kesan yang kita hendak membuat jambatan itu? Adakah keperluan-keperluan tertentu? Kalau Yang Berhormat mengikuti kes Pulau Batu Putih misalnya, Pulau Batu Putih kita berunding. Bila kita tidak dapat keputusan muktamad untuk berunding, kita dua-dua bersetuju supaya perkara itu dirujuk kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa untuk diputuskan.

Ini stail Malaysia, bukan kerana kita lemah tetapi kerana ada tuntutan bertindih. Tuntutan bertindih bukan bermaksud kita lemah, tapi kita mahu menentukan hak kita diputuskan mengikut peruntukan undang-undang. Dan saya fikir kadangkala mungkin generasi sebelum daripada kita membuat beberapa pendekatan yang tidak tepat pada kita pada hari ini. Pada masa itu mungkin mereka menganggap ianya sesuai dan kita kena, di dalam kita mewarisinya mengambil tindakan yang sewajarnya. Jadi saya berharap Yang Berhormat, saya ingin menyatakan bahawa rundingan di antara Malaysia dan Singapura bagi menyelesaikan isu dua hala yang tertunggak adalah bertujuan untuk merapatkan lagi hubungan yang sedia ada di antara kedua negara, tetapi tanpa menggabai dan menggadaikan kepentingan dan kedaulatan Malaysia.

Berkenaan dengan rundingan telah terhenti sebagaimana Yang Berhormat tahu pada tahun 2002, semasa zaman Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir, kerana kita tidak bersetuju di antara perkara itu dan kita telah membuat keputusan yang sedemikian. Berlatarbelakangkan situasi beginilah, saya hendak kita ada situasi yang *very difficult*, Tuan Yang di-Pertua dengan izin yang begini maka kita mahu diadakan rundingan. Ini bukan satu perkara yang mudah, saya tidak akan mengatakan ia mudah ataupun ia senang, boleh selesai lebih lagi untuk merungkai isu-isu lama. Ia adalah satu perkara yang perlu kita lihat dengan berhati-hati supaya kita tidak berhadapan dengan masalah.

Saya ingin mengatakan setelah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, mengambil alih jawatan Perdana Menteri, keputusan telah dibuat pada mesyuarat Jemaah Menteri yang pertama, yang beliau pengerusikan untuk memulihkan hubungan dua hala dengan Singapura. Dan tidak membenarkan bebanan silam ataupun dengan izin, *historical baggage*, menjejaskan hubungan kedua-dua negara. Jemaah Menteri juga menyarankan agar kedua-dua pihak memandang ke hadapan untuk menjalin hubungan yang baik demi kepentingan bersama. Yang pentingnya kunci kepada kedudukan ini ialah semangat yang berdasarkan kejujuran, setia kawan dan kejiranan.

Tuan Yang di-Pertua, bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan kita cuba mencari penyelesaian. Hakikatnya ialah beliau telah menyatakan bahawa semua isu dua hala

tidak bermakna boleh diselesaikan dengan serentak secara berpakej. Isu-isu ini perlu dibincangkan satu persatu.

Yang lebih mudah dan yang mana boleh diselesaikan dengan segera hendaklah disegerakan penyelesaiannya. Sementara yang lebih rumit dan yang memerlukan masa yang lebih lama boleh diselesaikan kemudian. Saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah diterima baik oleh pihak Singapura. Berdasarkan persetujuan ini, dua pertemuan telah diadakan di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kanan Goh pada 13 Disember 2004 dan 1 Mac 2005.

Kedua-dua pertemuan tersebut telah menggariskan beberapa pandangan untuk mencapai penyelesaian. Mandat diberikan oleh kedua-dua kerajaan supaya rundingan diteruskan di peringkat menteri dan pegawai kanan. Mandat yang diberi oleh kerajaan kedua-dua negara adalah berasaskan arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta keputusan-keputusan mesyuarat Jemaah Menteri yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan mandat dan arahan yang diberikan kepada mandat tersebut, sebanyak 5 rundingan peringkat pegawai kanan telah diadakan pada 7 September 2005, dan 19 Oktober 2005 di Putrajaya, 24 November 2005 di Singapura, 26 dan 27 Februari 2006 di Kuala Lumpur dan 10, 11 Mac 2006 juga di Kuala Lumpur. Rundingan-rundingan di peringkat pegawai kanan ini lebih tertumpu pada isu pembinaan jambatan penuh yang lurus bagi menggantikan Tambak Johor. Dalam kesemua rundingan Kementerian Luar Negeri hanyalah melaksanakan apa yang diputuskan oleh kerajaan.

Dan kita akan menjaga kepentingan dan kedaulatan negara tidak diketepikan dan diabaikan. Jika kerajaan memutuskan bahawa rundingan tidak harus diteruskan dan kita akan melaksanakan arahan yang diputuskan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya juga jelaskan pada peringkat awal Singapura pada mulanya tidak bersetuju untuk membina jambatan lurus kerana kos pembinaannya yang dianggap tinggi. Jambatan ini dianggap oleh Singapura sebagai lebih membawa manfaat kepada Malaysia berbanding dengan negara tersebut. Dari segi ekonomi, pembangunan rekreasi dan pelancongan. Singapura juga perlu menjalankan kerja-kerja pengubahsuaian ke atas CIQ Singapura di *Woodland* untuk membina jambatan ini di sebelah Singapura. Sehubungan dengan ini rundingan diadakan agar kedua-dua pihak dapat berkompromi berasaskan prinsip menang-menang untuk mendapatkan persetujuan ke atas pembinaan jambatan penuh tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, apa juga bentuk jambatan terakhir yang akan kita bina, sini ataupun yang lain bergantung pada keputusan kerajaan, Kementerian Luar Negeri, hanya melaksanakan keputusan yang diambil dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga menerima tiada negara yang dapat hidup bersendirian, tambahan lagi di antara negara jiran yang saling memerlukan. Kita tidak akan mendapat apa-apa

manfaat jika kita berbalas **retorik** dan tuduhan-tuduhan yang boleh menjejaskan dan memburukkan hubungan dua hala di antara negara bersama negara.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan Singapura saya fikir setakat itu yang ingin saya jelaskan berkenaan Singapura.....

**Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menghargai sikap kementerian yang sedang berunding dan juga meletakkan kedaulatan negara dan maruah negara di tahap yang atas sekali. Yang Berhormat Menteri, apakah pandangan kementerian tentang ada pihak yang menjadi jurucakap, kononnya menjadi jurucakap pada pihak negara. Sebagai contoh kontraktor ataupun syarikat yang telah diberikan tugas untuk membina jambatan ini. Apakah pandangan kementerian kepada kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan yang menampakkan seolah-olah mereka berada di hadapan di dalam isu ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.....

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tangga Batu di atas soalan yang dikemukakan. Biar saya mengatakan bahawa soal perundingan ini adalah di antara kerajaan dan kerajaan. Lebih baik dari segi kontraktor oleh kerana mereka adalah pelaksana daripada keputusan kerajaan untuk tidak turut terlibat kerana ini akan menjadikan isu itu lebih berhadapan dengan persengketaan yang mengeluarkan kerajaan daripada kedudukan itu dan menggantikannya dengan kontraktor. Kontraktor mahu tentukan dia berjaya. Berjaya untuk melaksanakan keputusan kerajaan. Kalau ada pula pihak yang akan memikirkan bahawa kontraktor yang menentukan keputusan yang diambil oleh kerajaan, ini menyulitkan segala usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Namun demikian, negara kita adalah negara yang bebas. Kita bebas bersuara, bebas memberi pandangan. Yang akhirnya saya harap, suara dan pandangan yang kita berikan supaya ianya tidak dapat diterjemahkan oleh orang lain sebagai kita sesama kita bersengketa, berselisih pendapat yang akan memperkukuhkan kedudukan orang lain ataupun negara lain. Itu amat penting. Jadi saya tidak fikir saya perlu pergi dengan lebih jauh lagi dalam hal ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada....

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Satu lagi sebelum Yang Berhormat Menteri beralih kepada tajuk lain. Saya rasa kita di Dewan telah diberi penjelasan dengan begitu tepat, begitu padat dan kita tidak mempersoalkan kredibiliti Wisma Putra untuk mengepalai rundingan. Cuma kadang-kadang, yang kerisauan kita seperti yang berlaku di negara jiran di belah utara, sengketa tunjuk perasaan, membantah apa yang berlaku tindakan negara Singapura di negara Thailand, supaya tidak berlaku di dalam negara kita. Jadi saya rasa, soal bagaimana kita sama-sama meraih keuntungan, RM134 bilion rakan dagang dari Singapura, 9 juta pelancong. Saya rasa ini

tetap akan berlaku sebab kita berada dalam negara berjiran. Cuma soalan saya, di samping kita mengharapkan yang terbaik kepada rakyat, mengharapkan terbaik kepada negara, saya ingin bertanya, ada tidak kemungkinan untuk kerajaan menimbangkan untuk tidak meneruskan pembinaan jabatan jika kepentingan negara, kepentingan rakyat tidak dapat kita perjuangkan. Terima kasih.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Muar. Hanya saya berharap di dalam penyampaian kita, kita tidak menggalakkan rusuhan atau kalau tidak setuju dengan pandangan kita, yang terbaik kita merusuh, sebagaimana berlaku di negara jiran. Saya fikir andaian ini amat berbahaya sekali untuk kita oleh kerana kita selalu beradab dalam kita bersetuju dan tidak bersetuju dengan kerajaan, kita mengambil pendekatan yang menggunakan *law and order*, undang-undang dan peraturan.

Alhamdulillah, di negara kita keadaan begitu akan dikawal dan kerajaan kita dari segi *track record* tidak pernah mengambil tindakan yang membebankan dan menyusahkan rakyat jelata. Sebelum kerajaan membuat keputusan, ia akan melihat kepentingan rakyat. Daripada segi ini, kita hanya menterjemahkan keputusan yang dibuat oleh kerajaan dengan jelas, dengan terang untuk kita berunding. Maka, kita melakukan perundingan. Jika akhirnya dianggap bahawa perundingan ini tidak menguntungkan Malaysia, boleh membebankan Malaysia, tidak ada sebab mengapa kita perlu terus rundingkan. Hanya sebagai maruah sebuah negara, perlu kita membuat keputusan awal-awal.

Kalau kita menganggap, kita tidak berkepentingan ataupun kita tidak mahu sesuatu, apabila kita sudah bergerak ke sesuatu langkah, nama baik, imej negara kita mungkin akan orang pandang sebagai negara yang sentiasa berubah-ubah pendiriannya dan apabila dia pergi setengah jalan, dia berundur. Itu sahaja kita punya kekhuatiran. Tetapi Kementerian Luar Negeri hanya menjadi agensi yang mengepalai agensi-agensi lain untuk berunding. Kalau kerajaan memutuskan berasaskan maklumat yang ada, bahawa ini adalah bertentangan dengan kepentingan dan masa depan negara dan rakyat, kerajaan memutuskan ini menjadi tugas dan tanggungjawab Kementerian Luar Negeri untuk memberitahu kepada Singapura, mengikut saluran yang biasa kita gunakan, kita tidak lagi berminat untuk berunding.

Selagi tidak ada arahan sedemikian, kita akan berunding dan selepas itu kita kemukakan. Tidak ada perjanjian pun, *broad political understanding* dengan izin, yang kita telah capai. Itu pun perlu diluluskan oleh kerajaan. Dia bukan satu perjanjian yang muktamad. Dia hanya prinsip-prinsip yang ditentukan, yang perlu dikemukakan kepada kerajaan dan akhirnya terpulang kepada kerajaan, Jemaah Menteri untuk memutuskan apa yang dikehendaki. Saya fikir ini adalah satu perkara yang menjadi amalan di Malaysia tetapi di masa yang sama, kita mesti memberikan ketentuan apa di dalam juga rundingan yang kita lakukan ataupun hubungan yang kita lakukan. Kita adalah golongan yang boleh dirundingkan, yang boleh dipercayai untuk

berunding. Jadi jangan kita khuatir, kerajaan akan melihat kepada pandangan dan perhatian rakyat dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya mencelah?

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Ya.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjangkah itu?

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]:** Yang Berhormat Menteri, saya merasa begitu hairan kerana isu jambatan ini boleh timbul dan menjadi masalah seperti begini kerana kita telah pun bekerjasama dengan Singapura untuk membuat laluan kedua dahulu dan laluan kedua itu telah siap tanpa apa-apa masalah. Saya pasti bahawa ketika itu perundingan telah berjalan dengan lancar. Bolehkah tidak Yang Berhormat Menteri menjelaskan, kenapa sekarang ini jambatan ini menjadi masalah dan timbul beberapa perkara yang telah menjadi isu, ada permintaan-permintaan daripada Singapura yang dianggap tidak boleh diterima oleh rakyat di Malaysia.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok dari segi kerapatan, dari segi kita punya kerjasama yang sering terjalin. Kalau kita bercakap berkenaan ruang udara misalnya, penggunaan ruang udara di masa, di zaman cyber ini bukan sesuatu yang aneh kerana melalui satelit, kita boleh cover seluruh negara dengan kadar dan mendapat maklumat yang terperinci tanpa kita mempunyai apa-apa perjanjian.

Melalui AWACS misalnya, kita akan dapat cover segala pergerakan-pergerakan yang dilakukan dengan segala maklumat dan kita telah pun menjalin persahabatan dan kerjasama yang erat di dalam 'Eye In The Sky' di mana Singapura dan Malaysia bekerjasama untuk menjalankan kerja-kerja menentukan pelanunan dan juga soal keganasan antarabangsa di Laut Selat Melaka tidak berlaku. Sudah ada kerjasama yang sedemikian. Berkenaan penjualan pasir, ruang udara ini dahulu ada enam, ruang udara Malaysia dan Singapura. Saya semasa itu sebagai Menteri Pertahanan telah membatalkan semua penggunaan ruang udara dan kita telah mengatakan bahawa ia perlu dilihat dalam bentuk dan konteks yang lain. Oleh itu, ini bukan perkara baru. Perkara ini timbul semula dan apabila perkara ini timbul semula, kita perlu berhadapan dengannya.

Berkenaan dengan soal pasir pun, ini bukan perkara yang baru. Ia menjadi salah satu perkara yang telah dilakukan sejak 1980, kita telah menjual pasir. Hanya pada kali ini, perbezaannya ialah kita hendak menentukan kalau ada penjualan ini, saya bercakap kalau ada. Kalau ada penjualannya, ianya perlu diberikan peraturan yang sewajarnya, yang ketat supaya kepentingan Malaysia terjamin dan selamat, iaitu ia tidak lagi di dalam perairan wilayah Johor tetapi ianya patut dilakukan di Laut Besar *in the maritime area of the continental Shelf* dengan izin, pelantar benua.



Jadi kita buat beberapa kemungkinan-kemungkinan, senario. Dalam kita berunding, mesti kita ada senario. Kalau kita tidak ada senario, kita minta satu itu bukan berunding. Jadi kita ada senario tetapi senario ini perlu diputuskan oleh kerajaan dan sebab itu saya mengatakan mungkin yang mendorong kita semua untuk bekerja ke arah ini, oleh kerana sudah ada terjalin perkara-perkara yang menunjukkan kita bergerak ke arah mengakrabkan lagi, memperkukuhkan lagi hubungan dua hala di antara Malaysia dan Singapura. Begitu juga dengan pembelian-pembelian yang berlaku kepada syarikat-syarikat Malaysia dan syarikat-syarikat Malaysia juga membeli syarikat-syarikat di Singapura.

Jadi inilah perkara-perkara yang berlaku. Kalau kita hendak mengawal kita punya kedaulatan, integriti kita, maruah kita, kita boleh kawal di dalam konteks yang lain, yang boleh kita tentukan iaitu kita tidak sewenang-wenangnya mengambil atau menerima apa jua pandangan yang diberikan oleh negara lain terhadap kewibawaan kita. Oleh itu perkara ini menjadi perkara yang biasa Tuan Yang di-Pertua yang berlaku dan kita akan melaksanakan, dan saya pun mula-mula memang kurang faham mengapa perkara ini boleh ..... ini mungkin ada perkara-perkara yang telah menyebabkan keadaan ini berlaku terus begini. Tetapi kita perlu tangannya dengan bijak dan sempurna.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Menteri Luar. Saya hendak bertanya kepada Menteri Luar. Kalau kita meneliti perkembangan di Parlimen Singapura. Kita sentiasa mendengar Ahli Parlimen di Singapura juga mengeluarkan hujah-hujah yang agak tegas. Mereka juga mempersoalkan kenapa kerajaannya dan kerajaan kita melakukan ini dan itu. Dan saya hendak minta Yang Berhormat untuk memberi keterangan lanjut. Apa yang sebenarnya berlaku apabila media menyiarkan perkataan “ruang udara dan juga tuntutan untuk menjual pasir itu”.

Kalau saya mendengar ucapan Yang Berhormat tadi, seolah-olah dia dalam konteks yang berlainan. Bermakna kita hendak menyempurnakan sistem. Kita hendak jual pasir yang telah berlaku sejak sekian lama dan mungkin tafsiran perkataan itu bila dikeluarkan orang akan menghubungkaitkannya dengan maruah bangsa dan sebagainya. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat, dalam proses rundingan ini, apakah cara yang boleh digunakan supaya memastikan situasi menang-menang dan negara kita tidak rugi dalam rundingan ini. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat apa caranya dan apakah iktibar yang diambil daripada rundingan semasa kita buat laluan yang kedua. Di mana ketinggian yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak adalah 25 meter. Saya tidak rasa itu satu isu. Dan ia dapat diuruskan begitu mudah. Bagi kawasan ini saya rasa untuk Tambak Johor ini hendak dirobuhkan masalahnya yang satu lagi mungkin tidak ada seorang pun timbulkan berjuta-juta orang merentasi Tambak Johor dengan berjalan kaki. Kalau dengan jambatan bengkok ini bagaimana ia boleh dibuat? Saya rasa itu satu perkara yang mungkin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat untuk memperincikan oleh sebab ini persetujuan oleh kedua-dua pihak supaya tidak diperincikan perkara-perkara yang masih tergantung di dalam perundingan. Laluan kedua adalah soal yang berbeza langsung. Itu untuk membina jambatan di antara dua negara. Ini adalah isu-isu tertunggak di antara dua negara yang mempunyai sentimennya yang berbeza dan berlainan. Mungkin dari soal ini ia menarik perhatian yang lebih. Masalahnya saya fikir tidak ada menjadi kesalahan atau silap atau tidak tepat untuk Ahli-ahli Yang berhormat daripada Parlimen kita untuk tegas, untuk menyuarakan pandangannya dan memberikan perhatian kepada kerajaan dari segi tindak tanduk yang kita ambil. Itu tidak menjadi masalah tapi jangan pula kita beri gambaran seolah-olah kita sesama sendiri tidak bersetuju di dalam perkara-perkara mempertahankan soal maruah.

Kita tidak punya keyakinan kepada pihak-pihak yang berunding bagi pihak negara. Mereka tidak pernah mempertikaikan berkenaan perunding-perunding mereka. Mereka mempertikaikan dari soal kepentingan. Singapura menganggap kepentingan mereka tidak perlu kepada jambatan. Tambak mencukupi. Kita pula mengatakan jambatan perlu untuk mengindahkan kawasan itu dan peraliran air supaya alam sekitarnya lebih baik. Jadi ini dulu kita mesti dapat pertemuan. Di antara pertemuan pemikiran kita. Kedua-dua pihak boleh bersetuju untuk mencari *ground* bersama. Ataupun persefahaman yang membolehkan kita bergerak selanjutnya. Jadi isu ini lebih kompleks. Saya tengok ada minat kumpulan-kumpulan tertentu untuk membangkitkan persoalan. Oleh sebab perkara ini telah dirundingi sekian lama, maka tidak mungkin untuk kita mengatasi pada masa ini. Sebab itu kalau saya fikir berkenaan satu masa dahulu orang tidak fikir India dengan Pakistan duduk bercakap. Peperangan yang telah berlaku di antara Pakistan dengan India tidak menyelesaikan masalah mereka, tapi akhirnya kini India bercakap di antara India dan Pakistan untuk mencari kerapatan dan keakraban yang baru, pendekatan yang baru tanpa menggadaikan maruah dan *dignity* sesebuah negara itu. Saya rasa perkara ini akan mengambil masa yang agak panjang sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Parlimen Gombak telah membangkitkan berkenaan dengan isu *caricature* dan isu *caricature* ini OIC telah pun menyuarakan pandangannya, kita membantah isu *caricature* ini bukan di atas asas kita membantah soal kebebasan akhbar atau kebebasan bersuara, tetapi kita menganggap dia telah menyentuh *sensitivity* dan soal agama. Soal agama dan *sensitivity* seharusnya diberikan tumpuan sebagaimana kita tidak mahu menyentuh soal anti *Semitism*, dengan izin ataupun *holocaust*, begitulah juga ke atas kehormatan dan *dignity* sesuatu agama ataupun Rasulullah S.A.W dengan kita memandang berat. Kita akan mengambil tindakan kemudiannya kerana kita menganggap bahawa Denmark di peringkat awal telah tidak mengendahkan teguran pada bulan Oktober oleh OIC, selepas kejadian keganasan baru perkara ini diberikan perhatian. Tapi malangnya keganasan itu mengakibatkan keburukan yang berlaku di dalam negara Islam. Kematian orang-orang Islam

sendiri. Jadi saya fikir kita perlu bijak di dalam tindakan kita. Mereka khuatir sekarang dan telah mengambil tindakan kerana mereka khuatir ia boleh menjejaskan kedudukan ekonomi Denmark dan negara-negara Eropah. Jadi kita mahu jelaskan kepada mereka, kita tidak menentang kebebasan tetapi kebebasan itu mempunyai had dan dia tidak mutlak sehingga boleh membawakan penghinaan. Kita mahu penghinaan menjadi satu kesalahan, penghinaan terhadap agama menjadi satu kesalahan antarabangsa. Tuan Yang di-Pertua, saya fikir setakat itu saya harap saya telah dapat menyentuh perkara-perkara yang telah dibawa oleh Yang Berhormat dan secara keseluruhannya saya telah dapat menjawab sedikit sebanyak dengan apa yang telah dikemukakan. Insya-Allah apa juga...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan. Sebelum Yang Berhormat Menteri mengakhiri ucapan menggulung. Oleh sebab mengenai kepentingan hal ehwal luar negeri, Yang Berhormat baru-baru ini telah buat lawatan ke Myanmar. Bolehkah satu laporan yang lengkap, yang pendek diadakan. Oleh sebab ini mengenai kepentingan hal ehwal luar negeri yang kita bincang.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ipoh Timor. Saya fikir isu Myanmar ini adalah satu isu yang akan mengambil masa. Dan ini adalah pertama kali untuk ASEAN berinteraksi dengan Myanmar dan memberikan pandangan rantau dan juga pandangan masyarakat antarabangsa, terhadap proses demokrasi dan *road map*, dengan izin yang mereka katakan mereka sedang laksanakan.

Saya telah dapat bertemu dengan Perdana Menteri selepas itu dengan parti politik mereka USDA dengan Menteri Luar mereka, dan juga dengan pengerusi konvensyen, peguam negara, membincangkan perkara-perkara dan ketidakpercayaan masyarakat antarabangsa terhadap apa yang mereka katakan sedang mereka lakukan ke arah demokrasi. Oleh itu saya fikir di pertemuan ini, dia menjadi satu pembuka jalan yang membolehkan saya untuk memberitahu pihak Myanmar cara telus, cara *transparence* dengan terbuka, apakah pandangan dan hasrat kita. Dan saya meminta untuk berjumpa Aung San Suu Kyi dan saya meminta juga berjumpa dengan pemimpin-pemimpin parti-parti politik yang lain, tapi buat masa ini Myanmar menganggap itu akan mencampuri hal ehwal dalaman mereka dan akan menyusahkan dan kita akan digunakan oleh pihak pembangkang terhadap mereka. Oleh itu mereka *not willing yet* Tuan Yang di-Pertua, mereka tidak mahu lagi kita dibuka ruang seluas-luasnya untuk kita berinteraksi.

Saya berharap apabila saya melaporkan kepada Menteri-menteri Luar ASEAN secara lisan nanti di Bali di hadapan Menteri Luar Myanmar mereka akan dapat mengetahui pandangan-pandangan Menteri Luar negara-negara ASEAN yang lain. Sebelum saya pergi ke Myanmar, saya telah bercakap dengan beberapa orang Menteri Luar negara-negara ASEAN berkenaan pendirian kita. Pendirian kita mahukan supaya Aung San Suu Kyi dibebaskan dan proses

demokrasi Myanmar lebih ketara, dan lebih *tangible* lagi adalah pendapat yang boleh dikatakan dikongsi oleh semua negara-negara ASEAN. Jadi ini kita perlu terus berusaha untuk mencapai maksud dan matlamat kita tanpa mencampuri hal dalaman negara Myanmar.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** [*Bangun*] Satu sahaja hendak penjelasan. Dalam lawatan yang begitu singkat dan dipendekkan oleh Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri menyampaikan kepada pihak-pihak yang dijumpai atau *authority* yang berkenaan di Myanmar, bahawa apa yang mereka katakan *road map to democracy* - tujuh langkah, nampaknya sudah tiga tahun, satu langkah pun belum diambil dan ini adalah satu keadaan yang tidak boleh diterima oleh ASEAN dan bolehkah ini *dihighlight* dalam *retreat* Menteri-menteri Luar serta keengganan Duta *Military* Myanmar membenarkan Yang Berhormat Menteri untuk jumpa insan suci dan NLD pun satu sikap, yang tidak boleh diterima dan mungkin memerlukan satu sikap yang lebih keras oleh ASEAN.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, kita telah memberitahu Myanmar bahawa tindakannya dan *road map*nya sekarang, dia ada tiga bab. Dia mengambil satu tahun untuk habiskan tiga bab Perlembagaannya. Sekarang telah mencapai sembilan bab dan ada lagi enam *chapter* Perlembagaannya. Ini bermakna, pada perkiraan saya ianya akan mengambil masa sampai 2008 untuk habis Perlembagaan. Saya telah memberitahu kepada Pengerusi Suruhanjaya Perlembagaan bahawa ini dianggap sebagai terlalu perlahan dan ia membangkitkan persoalan berapa serius pemerintah mereka ke arah itu. Tetapi mereka memberikan penegasan bahawa mereka serius. Tetapi saya fikir, saya perlu bincangkan seterusnya. Kalau kita hendak berbincang dalam soal-soal Myanmar, biar kita bincangkan dalam satu suasana untuk menyuarakan pendapat yang diberikan oleh Yang Berhormat dan pendapat yang diberikan oleh Yang Berhormat adalah pendapat kita sendiri telah suarakan dan kita akan terus bincangkan di peringkat ASEAN, pada bulan April ini di Bali, Insya-Allah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Dan mengenai... bab *progress* yang begitu lambat dan mengenai langkah pertama sahaja, kalau kita ambil kira, tujuh langkah untuk *road map to democracy*, itulah *paste* mungkin kita perlu 50 tahun. Bukankah ini semua satu proses dan sudah tentulah tidak boleh diterima.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Saya fikir kita sudah menyuarakan itu dan terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat sebab kita tidak mempunyai perbezaan dari segi bagaimana dia patut buat ini dan berapa perlahan dan boleh berjalan dan ini mungkin akan menghilangkan keyakinan masyarakat antarabangsa. Saya mengambil pandangan Yang Berhormat dan pandangan itu juga adalah pandangan kita dan kalau Myanmar mahu kita membantu mereka, mereka mesti memberikan kita keupayaan untuk membantu dengan melihatkan dengan cara lebih ketara lagi pergerakan demokrasi di Myanmar.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan. Saya berharap daripada

penjelasan tersebut ia dapat menjawab soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Sekali lagi izinkan saya mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian ke atas perbincangan Titah Di-Raja yang menyentuh Kementerian saya. Saya juga ingin meyakinkan kepada Yang Berhormat bahawa Kementerian Luar Negeri akan mengambil perhatian ke atas pandangan, cadangan dan usul yang bernas yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dewan yang mulia ini semasa Kementerian menggubal dan melaksanakan dasar luar negara dari masa ke semasa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya jemput Menteri Sumber Manusia untuk memulakan jawapannya.

#### **5.12 ptg.**

**Menteri Sumber Manusia [Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu mengenai Kementerian Sumber Manusia di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Larut dan Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Gantang telah mencadangkan supaya lebih banyak pusat asuhan kanak-kanak ditubuhkan di tempat kerja bagi membantu golongan wanita serta mengurangkan masalah penjagaan anak semasa mereka bekerja. Sukacita dimaklumkan bahawa pertubuhan pusat asuhan kanak-kanak telah dikenal pasti sebagai salah satu cara untuk menarik penglibatan tenaga kerja wanita untuk memasuki pasaran buruh negara. Sehubungan dengan itu Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja sentiasa mempromosi dan menggalakkan para majikan di sektor swasta menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak di tempat pekerjaan untuk kemudahan pekerja.

Ke arah ini, Kementerian ini telah menubuhkan jawatankuasa kebangsaan dan menggalakkan pertubuhan pusat asuhan kanak-kanak di sektor swasta pada tahun 1992 bagi menyelaras pertubuhan tersebut. Jawatankuasa ini dianggotai oleh agensi-agensi yang berkaitan dengan memberi kelulusan bagi pertubuhan pusat asuhan. Kementerian ini juga berusaha mempertingkatkan publisiti mengenai Skim Galakan Cukai yang diperkenalkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi menggalakkan majikan menubuhkannya.

**Tuan Yang di-Pertua,** Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Pilah telah membangkitkan isu bantuan kepada kaum wanita dan optimumkan peranan dan produktiviti mereka...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Penjelasan, penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh?

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Sila.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ini mengenai jabatan asuhan untuk kanak-kanak. Adakah Yang Berhormat tahu bahawa di banyak kilang-kilang dan di tempat-tempat swasta, majikan-majikan enggan menyediakan ini walaupun ada permintaan dari persatuan-persatuan pekerja dan juga pekerja-pekerja. Jadi dalam proses ini apakah yang dibuat oleh kementerian supaya tempat-tempat ini mesti diadakan ruang untuk kanak-kanak itu berada di sana semasa ibu bapa mereka bekerja.

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, daripada maklum balas didapati bahawa di tempat pekerjaan di kilang ada banyak kilang yang tidak sesuai untuk dijadikan sebagai asuhan kerana dalam keadaan tersebut adalah isu-isu berkaitan dengan keselamatan kanak-kanak dan sebagainya. Namun demikian, Kementerian Sumber Manusia akan cuba, selalunya berdialog dengan kilang-kilang supaya mereka boleh menubuhkan satu asuhan wilayah zon. Satu tempat asuhan untuk semua kilang-kilang dan mereka boleh adakan satu asuhan luar dari kilang untuk menjaga anak-anak dan juga pekerja-pekerja di kilang-kilang tersebut ini.

Ahli Yang Berhormat Kuala Pilah telah membangkitkan...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Boleh minta penjelasan sedikit atau tidak Yang Berhormat?

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:**

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat. Boleh atau tidak pihak kementerian mencadangkan kepada majikan ini sekiranya mereka tidak ada tempat untuk mengadakan *nursery* ini dengan izin, mungkin mereka boleh memberi satu peruntukan atau elaun untuk orang lain menjaga anak-anak mereka ketika mereka bekerja. Kerana kita tidak mahu masalah ini akan timbul kerana mereka terlalu bimbangkan anak-anak mereka. Mungkin ini boleh dijadikan satu cadangan baru, kalau kita dengar masalah ini bila-bila tidak selesai Yang Berhormat, terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Ya, saya rasa cadangan Ahli Yang Berhormat bagi Larut itu adalah amat wajar, kementerian saya kita akan naikkan itu sebagai satu perkara yang boleh di bincang apabila mereka tentukan dengan izin *collective agreement* yang baru untuk pekerja-pekerja di sesuatu tempat. Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Pilah telah membangkitkan isu bantuan kepada kaum wanita berkaitan dengan peranan dan produktiviti mereka dengan kemudahan *tele-working* atau lebih dikenali sebagai *virtual office* iaitu pejabat maya. Beliau juga meminta *class ceiling* yang menghadkan peluang-peluang wanita memegang jawatan yang lebih tinggi dihapuskan. Kementerian saya sedang menggubah peraturan kerja separuh masa melalui kaedah kerja separuh masa waktu pekerja-pekerja wanita akan mudah disesuaikan mengikut keadaan semasa. Pekerja wanita yang lazim menguruskan rumah tangga pada waktu siang masih boleh bekerja pada masa petang dan sebaliknya. Di samping itu kementerian ini

menggalakkan majikan memperkenalkan waktu kerja yang lebih flexible bagi pekerja wanita yang berkeluarga.

Kementerian juga menggalakkan para majikan melaksanakan amalan konsep pekerjaan secara *tele-working* atau *home working*. Melalui konsep ini, kaum wanita yang mempunyai halangan untuk keluar bekerja masih boleh bekerja dan mencari pendapatan walaupun bekerja dari rumah.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia berpendapat tidak ada apa yang disebut sebagai '*glass ceiling*' yang mengehadkan peluang wanita memegang jawatan yang lebih tinggi. Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk menghapuskan segala diskriminasi sama ada perkauman atau gender daripada berlaku di tempat kerja. Kalau ada apa-apa dakwaan kita akan siasat dan kita ambil tindakan yang tegas.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Mohon penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Batu Gajah, sila.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Menteri, sering kali kita dengar pihak kementerian menggalakkan *flexi working hour* kepada wanita. Saya percaya Yang Berhormat tadi berkata asuhan kanak-kanak adalah suatu aspek yang sangat penting. Yang Berhormat tadi kata galakan kepada majikan untuk bagi satu *flexible working hours* kepada kaum wanita. Tetapi saya nampak majikan mereka kurang terima seruan kementerian. Apakah kementerian akan bagi sebarang insentif atau galakan selain daripada kata-kata galakan, insentif kepada mereka agar mereka lebih jurus untuk menyambut seruan lagi satu *flexible working hours* dan juga *setting up* asuhan kanak-kanak di dalam bangunan tempat kerja tersebut juga. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Yang Berhormat bagi Batu Gajah menyentuh tentang insentif ini. Memang itu merupakan suatu perkara, kementerian saya akan terus berbincang dengan jabatan-jabatan berkenaan supaya kita boleh ambil langkah-langkah insentif ini. Namun demikian pada masa sekarang ini mengikut data-data yang kementerian saya ada, ada banyak kilang guna menjadikan *flexi hour* tersebut sebagai salah satu ciri untuk kilang tersebut. Mereka ada mengasingkan bahagian-bahagian tertentu di mana keluaran atau *production machinery* tersebut dikendalikan oleh pekerja-pekerja yang bekerja sebagai *part time*. Misalnya di kilang-kilang pakaian, di kilang-kilang plastik dan sebagainya dan kementerian saya akan terus berbuat demikian untuk galakan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini juga menyediakan peluang latihan kepada kaum wanita lepasan sekolah melalui institusi-institusi kemahiran di bawah kementerian saya seperti Institut Latihan Perindustrian, Pusat Latihan Teknologi Tinggi dan sebagainya. Enrolment pelatih wanita di pusat-pusat latihan tersebut telah meningkat dari 1,700 orang pada tahun 2001 kepada 3,800 orang pada tahun 2005. Pada tahun 2005, kaum wanita merupakan 23.3% daripada jumlah pelajar di institusi-institusi ini.

Ahli Yang Berhormat bagi Tuaran ingin ketahui langkah-langkah untuk mempertingkatkan dan memperbanyakkan peluang pekerjaan di semua sektor. Beliau mendapati banyak peluang dan pekerjaan telah diwujudkan di sektor perladangan dan perkilangan tetapi untuk pekerja asing. Beliau juga ingin tahu apakah sebenarnya masalah orang-orang tempatan yang tidak mengambil peluang pekerjaan yang diwujudkan.

Kerajaan sedar bahawa penglibatan warga tempatan dalam sektor-sektor khususnya sektor perladangan dan sektor perkilangan adalah terhad. Pada masa yang sama teknologi yang canggih yang boleh beroperasi tanpa berhenti dan pasangan barang-barang keluaran yang perlu dipenuhi dalam masa yang singkat berkehendakkan pekerja yang *flexible*, berdaya tahan dan berdaya saing.

Walau bagaimanapun, sesetengah pekerja tempatan tidak dapat menyesuaikan diri mereka dengan perubahan ini. Bagi makluman Dewan yang mulia ini, dasar kerajaan secara menyeluruh adalah untuk memberi keutamaan untuk menggaji warganegara kita. Penggajian pekerja asing hanya dibenarkan bagi menyambung kekurangan pekerja tempatan. Bagi mencari hasrat ini, kementerian melalui Jabatan Tenaga Kerja telah memperkenalkan satu lagi skim iaitu Karnival Pekerjaan untuk rakyat Malaysia untuk membolehkan pencari kerja dengan majikan yang memerlukan pekerja tertentu.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Jasin.

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Juga semua majikan yang memerlukan pekerja asing dikehendaki menggunakan sistem perijodohan pekerjaan atau JCS. Kementerian ini sebelum mereka diberi kelulusan oleh Jabatan Tenaga Kerja untuk memohon pekerja asing, ini bagi memastikan ruang pekerjaan kepada rakyat Malaysia dan seterusnya mengurangkan pergantungan negara kita kepada pekerja asing.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Penjelasan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Kita lihat pada hari ini dengan kenyataan-kenyataan dan apa yang telah disebut dalam surat khabar bahawa 500,000 orang berdaftar dengan JPA untuk mencari pekerjaan dalam negara. Baru-baru Ketua Puteri UMNO telah memberitahu hampir 400,000 wanita muda tidak bekerja.

Saya difahamkan bahawa akhir-akhir ini Jawatankuasa Kabinet berkenaan dengan buruh asing telah menetapkan bahawa tiap-tiap permohonan kilang-kilang ataupun mereka yang perlu perkhidmatan pekerja asing harus melalui Kementerian Sumber Manusia dahulu untuk menentukan sama ada perlu ataupun tidak pekerja asing diambil di sesuatu tempat.

Saya hendak tahu daripada Yang Berhormat, apakah langkah kementerian untuk menguatkuasakan kerana pada saya pada hari ini Yang Berhormat, saya selalu bercakap tentang pekerja asing, sudah terlampau ramai dalam negara kita. Sudah terlampau ramai, malah banyak peluang-peluang tempatan, peluang-peluang pekerjaan untuk orang tempatan terjejas



kerana kilang-kilang yang mereka ini mengambil kesempatan kerana dengan adanya pekerja asing, mereka tidak payah membayar EPF, tidak bayar ..... dia boleh memeras pekerja-pekerja asing ini.

Itulah sebabnya pada hari ini kita lihat banyak di antara orang-orang kita tidak diberi peluang pekerjaan oleh kilang-kilang ini, dan saya dapati pula kerajaan negeri pun takut juga. Takut kerana diugut oleh kilang, kalau tidak dapat pekerja asing, dia akan pindahkan kilang dia ke negeri China, pindah ke tempat lain. Oleh yang demikian kita sorokkan dia dengan pekerja asing. Akhirnya, kita lihat rezeki yang ada dalam negara kita ini dinikmati oleh orang asing, anak negara kita tidak dapat makan. Apa pendapat Yang Berhormat Menteri?

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasihlah kepada Ahli Yang Berhormat bagi Jasin ini. Memang Kementerian Sumber Manusia, memang peranan kita ialah untuk memenuhi segala kekosongan yang ada, kita tawarkan kepada pekerja-pekerja tempatan dahulu sebelum kita izinkan majikan untuk mengambil pekerja asing.

Baru-baru ini kita telah mendapat persetujuan daripada Jemaah Menteri yang menentukan bahawa sebelum seseorang majikan diizinkan untuk mengambil pekerja asing mereka perlulah tawarkan kekosongan tersebut melalui *electronic labor exchange* supaya pencari-pencari kerja tempatan dapat diisi.

Untuk sektor perladangan, kita tawarkan kekosongan tersebut selama tujuh hari, untuk sektor perkhidmatan selama dua minggu dan untuk kilang-kilang 30 hari. Dengan itu, kita yakin sekurang-kurangnya boleh membantu majikan mengisi kekosongan tersebut. Berdasarkan kepada rekod, kita dapati bahawa semua kekosongan yang telah ditawarkan, kita dapati bahawa ada dengan izin, *25% success rate* iaitu empat kekosongan yang ditawarkan kita boleh mengisi sekurang-kurangnya satu kekosongan dengan pekerja tempatan.

Saya yakin melalui skim ini, kerana baru sahaja mula kita akan tentukan bahawa lebih ramai pekerja tempatan akan ditolong untuk mengisi kekosongan tersebut.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Lagi sedikit Yang Berhormat. Saya hendak tanya tentang ..... mungkin Yang Berhormat tidak boleh .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau tidak boleh, harus.

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** *[Ketawa]*

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Saya hendak tahu jumlah sebenarnya pekerja asing yang ada dalam negara kita ini daripada negara mana. Kalau Yang Berhormat tidak boleh bagi jumlahnya mungkin selepas ini, tetapi saya rasa Yang Berhormat mesti tahu sebagai seorang Menteri. Angka sebenarnya pekerja yang telah datang ke negara kita ini dan kita hendak tahu negara-negara mengikut pecahannya dan mungkin kita sedar

ataupun tidak bahawa dengan terlalu ramainya pekerja asing sebagaimana yang telah Yang Berhormat gambarkan tadi, faktor-faktor yang menyebabkan kita terpaksa bergantung kepada pekerja asing ini.

Bahawa pengaliran wang kita yang telah dibawa balik oleh pekerja asing ini mungkin menjangkau berbilion-bilion RM5 bilion mungkin satu tahun mungkin lebih. Jadi selama mana kita hendak bergantung kepada mereka ini. Apakah kita setakat menceritakan memberitahu masalahnya sahaja tetapi apakah *solution*nya, apakah jalan penyelesaiannya, apakah institusi-institusi yang kita telah bina ini, dari segi vokasionalnya selalunya yang biasa kita lakukan ialah menjelaskan masalahnya tetapi apakah penyelesaiannya. Mungkin Yang Berhormat boleh memberi sedikit penjelasan tentang penggantungan kita ini terhadap buruh-buruh asing atau pekerja-pekerja asing ini. Apakah kita ini seolah-olah tidak mampu untuk mengatasinya? Kita hanya membandingkan kekurangan kita dengan pekerja-pekerja asing ini. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Soalan dari Yang Berhormat Larut itu amatlah sesuai. Ingin saya menerangkan bahawa memang keadaan ekonomi Malaysia dalam keadaan di mana ada bidang-bidang tertentu, kita mesti terus terang cakap, susah diisi oleh pekerja tempatan. Contohnya di sektor perladangan, setiap tahun kita perlu lebih kurang 400 ribu orang pekerja tetapi tidak ada orang tempatan yang mahu jadi *rubber tappers*, dengan izin, dan sebagainya. Kita mesti berterus terang dan menerima hakikat tersebut.

Pembantu rumah, kita sekarang ini memerlukan lebih kurang 300 ribu pembantu rumah. Susah cari orang tempatan, jadi daripada jumlah 1.5 juta pekerja asing ada lebih kurang 700 ribu ini boleh dikatakan sebagai *inflexible*. Jadi yang Kementerian Sumber hendak menggalakkan ialah di sektor perkhidmatan di mana kita ada lebih *fleksibiliti* supaya restoran-restoran kita tidak payah pakai pekerja asing dari India sebab pekerja tempatan kita boleh bekerja. Di Jepun dan Hong Kong pun pekerja restorannya adalah orang tempatan.

Juga di kilang-kilang kalau kita galakkan majikan untuk menggunakan sistem yang lebih canggih memang kita akan galakkan pekerja tempatan. Ke arah inilah kementerian saya ingin berusaha supaya boleh transformasikan Malaysia kepada satu sistem yang lebih canggih sesuai dengan keadaan sekarang ini.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** *[Bangun]* Sabak Bernam.

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** *[Ketawa]*

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Menteri. Saya hendak khusus kepada isu pekerja di kilang dan di restoran-restoran. Kita dapati sangat jelas bahawa kebanyakan restoran khususnya yang kita pergi ia tidak ada pekerja tempatan. Kita pernah mencadangkan supaya restoran ini memberikan satu bentuk insentif. Mungkin dalam bentuk 20% ke, lebih daripada yang lain dan dalam masa yang sama pihak kerajaan mungkin memberikan satu bentuk insentif kepada pemilik restoran sebab yang

penting di sini gambarannya sebenarnya tidak begitu baik. Kita lihat di kebanyakan restoran tidak ada pekerja kita langsung. Jadi gambaran itu macam kita membiarkan tempat itu dihuni oleh pekerja asing sepenuhnya, itu perkara yang pertama.

Dan, perkara yang kedua, kita dapati macam Yang Berhormat Menteri juga menyebut di ladang-ladang. Sepatutnya di tempat-tempat ini pekerja-pekerja kita dengan insentif tertentu boleh maknanya boleh bekerja di ladang-ladang itu. Kerana sekarang ini kita dapati, yang saya hendak tanya ialah koordinasi antara Kementerian Sumber Manusia dengan umpamanya kementerian yang lain seperti Kementerian Belia dan Sukan yang menunjukkan kepada kita begitu ramai belia yang tidak mempunyai pekerjaan. Bagaimanakah kerjasama antara kementerian itu dapat dijalin? Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. *Point* yang pertama ialah berkenaan dengan pekerja-pekerja restoran, hotel dan sebagainya. Memang kita nampak sekarang ini ada banyak restoran-restoran yang menggunakan pekerja asing. Namun demikian, kita galakkan restoran-restoran tersebut menggunakan tenaga lepasan sekolah, pelajar-pelajar di universiti tempatan supaya mereka boleh bekerja secara *flexible* untuk membantu restoran tersebut. Banyak hotel khususnya hotel-hotel *five star* ini yang telah menggunakan cara-cara tersebut, mereka gunakan pelajar-pelajar dari universiti tempatan untuk menjaga *functions* yang besar di hotel tersebut dan kita akan teruskan sistem tersebut.

Bagi menggalakkan pekerja-pekerja tempatan di sektor ladang, satu syarat yang penting ialah kita mesti menggalakkan *mechanization* atau menggalakkan majikan ladang-ladang tersebut menggunakan proses *mechanization*. Namun demikian kita mesti menerima hakikat ....

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kuala Terengganu.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Tadi ada Yang Berhormat menyentuh mengenai ELX iaitu *System Electronic Labour Exchange* itu, saya rasa saya mengucapkan tahniah sebab ini juga merupakan satu kaedah untuk memastikan generasi yang sedang mencari pekerjaan itu mendapat maklumat. Kita mahu sebuah masyarakat yang bermaklumat terutamanya generasi siswazah kita yang sedang mencari pekerjaan. Cuma persoalan saya sekarang ini sejauh manakah dan setakat manakah ELX ini telah dioptimumkan, membolehkan pencari-pencari pekerjaan itu dengan mudah *accessible* kepada sistem yang dimanfaatkan oleh kementerian Yang Berhormat.

Dan, satu perkara lagi di sini ialah sejauh manakah pula majikan-majikan mendedahkan kepada pencari pekerjaan dengan seluas-luasnya segala peluang yang ada. Saya kira sistem ELX ini adalah cukup baik tetapi sejauh manakah ia telah benar-benar sampai kepada sasarannya. Dan, satu perkara yang cukup penting ialah masyarakat kita harus bermaklumat tahu tentang di mana adanya pekerjaan dan *matching* yang sesuai dengan keperluan mereka. Kalau boleh sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Memang sistem *electronic labour exchange* ini kementerian saya dalam usaha untuk memperluaskan pengetahuannya dan meluaskan *accessibility*, dengan izin. Salah satu cadangan yang dikaji oleh kementerian saya ialah mengadakan *outlets* tersebut sebagai *cushy* ke atau sebagai *lap top* di mana mereka boleh mengisi berinteraksi dengan *electronic labour exchange*. Ia boleh didapati di *outlets* tersebut di *shopping Mall* dan di tempat-tempat yang ramai orang muda berkumpul supaya mereka boleh dikenali dan boleh berinteraksi dengan ELX. Dengan itu kita boleh mempertingkatkan *outreach electronic labour exchange* tersebut.

Ahli Yang Berhormat bagi Tangga Batu dan Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu telah membangkitkan isu berkenaan pekerja berilmu atau *k-workers* yang mereka berharap pekerja dapat dilatih tentang daya kreativiti. Ke arah ini kementerian saya telah wujudkan dan menjalankan kursus-kursus kemahiran jangka panjang dan kursus-kursus jangka pendek sama ada dijalankan pada hujung minggu melalui pakej syarikat, kelas malam dan sebagainya. Kementerian Sumber Manusia juga menawarkan kursus-kursus peringkat tertinggi bagi membolehkan pekerja-pekerja yang layak untuk melanjutkan pelajaran mereka ke tahap yang lebih tinggi seperti Diploma Teknologi dan Diploma Lanjutan. Kementerian saya secara purata telah berjaya melatih bakal pekerja dalam latihan kemahiran antara 17,000 hingga 18,000 orang setahun.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu Kementerian Sumber Manusia melalui ....

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kuala Terengganu.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Penjelasan. Terima kasih, Yang Berhormat. Telah sebut tadi tentang latihan tetapi bukan sekadar mendapat latihan tetapi latihan semula sebab dalam *k-workers, scenario k-worker, knowledge worker* ini bukan sekadar kita perlu belajar tetapi apa yang kita telah pelajari itu kita kena belajar semula. *We have got to learn, unlearn and re-learned*, dengan izin. Jadi, dalam konteks ini Yang Berhormat, sejauh manakah tindakan telah diambil untuk memastikan pekerja-pekerja itu mendapat latihan semula untuk menuju kepada tahap peningkatan kemahiran mereka. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Terima kasih. Kita mahu masuk *point* itulah. Di samping itu, Kementerian Sumber Manusia melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad atau PSMB telah berusaha untuk menggalakkan majikan di sektor swasta supaya melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja mereka selaras dengan pembangunan negara.

Bagi maklumat Ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini, sejak Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia dilaksanakan pada tahun 1993, ia telah berjaya mendorong majikan bergiat aktif dalam aktiviti melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja sehingga 28 Februari 2006, bantuan kewangan sebanyak RM1.88 bilion dan 4.93 juta tempat latihan telah diluluskan untuk melatih semula pekerja dalam berbagai-bagai bidang kemahiran

seperti kualiti produktiviti pengurusan, bidang-bidang kemahiran teknikal dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Ampang dan Bukit Gantang telah membangkitkan isu mengenai *part-time workers* mendapat benefit yang sama dengan mereka yang bekerja sepenuh masa.

Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Sumber manusia sedang mengubah peraturan mengenai pengajian pekerja separuh masa termasuk faedah yang perlu diberi berdasarkan faedah yang sedia ada bagi pekerja sepenuh masa. Menurut peraturan berkenaan, pekerja separuh masa akan menikmati faedah atau Dasar .pro- rata. daripada faedah penuh yang diberi kepada pekerja sepenuh masa. Sehubungan dengan itu pandangan daripada pihak majikan dan pekerja sedang diperoleh mengenai peraturan yang baru ini. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Ipoh Timor telah membangkitkan isu mengenai kes tertunggak di Jabatan Buruh dan Mahkamah Perusahaan.

Dalam usaha untuk menyelesaikan kes-kes tertunggak ini, seramai tujuh orang pengerusi telah dilantik secara kontrak untuk tempoh dua tahun bermula dari 1 hari bulan September 2004. kesemua mereka telah dilantik secara berperingkat dan kesemuanya ditempatkan di Mahkamah Perusahaan Kuala Lumpur dan kehadiran mereka telah banyak membantu menyelesaikan kes-kes yang dikendalikan oleh Mahkamah Perusahaan. Bagi makluman Dewan yang mulia ini, terdapat 28 jawatan Pengerusi Mahkamah Perusahaan termasuk Yang di-Pertua dan hanya tiga kekosongan sahaja pada ketika ini.

Kekosongan ini adalah kerana kematian dan tamat kontrak kerana mencapai umur 65 tahun. Usaha sedang diambil bagi mengisi kekosongan tersebut dan dijangka dapat diisi pada bulan April ini. Sukacita dimaklumkan bahawa Mahkamah Perusahaan telah berjaya menyelesaikan kes-kes pertikaian perusahaan yang dirujuk bagi tahun 2004 sebanyak 1788 kes dan tahun 2005 sebanyak 2209 kes berbanding kes yang diterima pada tahun 2004 sebanyak 3400 kes dan bagi tahun 2005 sebanyak 1895 kes. Ini menunjukkan prestasi yang membanggakan dalam usaha kita menyelesaikan kes-kes tertunggak di Mahkamah Perusahaan.

Tuan Yang di-Pertua di samping itu, sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Tenaga Kerja telah mengendalikan 11410 kes pada tahun 2003.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Ipoh Barat.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]:** *Finish this* dan berjaya menyelesaikan 8976 kes atau 78.7% setelah perintah dikeluarkan. Bagi tahun 2004 sebanyak 12000 kes dikendalikan dan 9800 kes atau 80% dengan izin telah diselesaikan. Manakala bagi tahun 2005, peratusan berjaya diselesaikan ialah 83%.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua saya hendak tanya mengenai Pengerusi Mahkamah Perusahaan. Walaupun pelantikan-pelantikan baru telah dibuat, tetapi mari kita alih kepada apakah mereka dikhaskan untuk dibuat,

mereka dikhaskan untuk menentukan dengan izin *security of tenure* dalam negara ini tetapi mereka sendiri tidak ada *security of tenure*, hairankan? Seorang pengerusi Mahkamah Perusahaan ditugaskan dari segi undang-undang untuk meneliti dan membuat keputusan, macam mana seorang pekerja disingkir dan macam mana dia boleh mendapat kerja balik dan apakah pampasan yang perlu diberi, iaitu dari segi undang-undang, *security of tenure* tetapi untuk pengerusi Mahkamah Perusahaan, *there is no security of tenure*.

Ini adalah beberapa perkara yang telah diberitahu oleh pengerusi-pengerusi kepada saya. Mereka mendapat kontrak-kontrak dua tahun, saya tahu. Perkara ini berlanjutan dari tahun 1967 tetapi saya rasa masa telah datang untuk membuat satu strategi untuk mengalih sistem kepada lain-lain pelantikan di negara ini. Itu adalah satu perkara. Perkara yang kedua, mengenai kes-kes yang patut diselesaikan oleh Pengerusi Mahkamah Perusahaan. Walaupun banyak kes telah diselesaikan tetapi banyak kes telah diselesaikan tetapi kalau kita tengok objektif akta ini, kes-kes patut diselesaikan dalam tempoh masa kalau boleh dalam tempoh enam bulan.

Tidak pernah perkara ini boleh jadi dan kes-kes yang telah difailkan tahun dahulu akan dibicarakan pada tahun 2007 ini dengan izin mendefitkan objektif di mana kes-kes perusahaan dan dalam kes bila satu kes difailkan dirujuk oleh menteri ke Mahkamah Perusahaan, adakah menteri dalam kes-kes di mana tidak merujuk kepada Mahkamah Perusahaan. Adakah alasan-alasan diberi, atau tidak diberi kalau tidak diberi kenapa tidak diberi? Terima kasih.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua, tiga perkara. Perkara pertama berkaitan dengan *security of tenure* untuk Pengerusi Mahkamah Perusahaan. Memang kementerian saya berusaha ke arah tersebut dan kita sekarang ini dalam perbincangan dengan jabatan-jabatan berkenaan bagaimana kita boleh dengan izin, menentukan bahawa Pengerusi Mahkamah Perusahaan ini juga boleh menikmati *security of tenure* ini dan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Ipoh Barat ini, kita telah *inherit* dengan izin sistem ini sudah lama. Namun demikian saya akan terus berusaha untuk menyelesaikan kes tersebut.

Perkara kedua tentang tempoh untuk menyelesaikan kes-kes ini. Untuk memendekkan tempoh untuk penyelesaiannya, baru-baru ini kita telah memperkenalkan sistem "*mediation and reconciliation*" dengan izin dan saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, dengan cara tersebut kita sudah selesai banyak kes dalam satu tempoh yang singkat kerana dengan melalui proses tersebut, pengerusi-pengerusi mahkamah dapat bincang secara peribadi dengan kedua-dua pihak dan dapat satu penyelesaian yang cepat. Berkaitan dengan kes-kes yang perlu dirujuk, memang dalam undang-undang menteri ada kuasa tentukan sama ada kes tersebut perlu dirujuk atau tidak.

Dalam keadaan tersebut kita selalu rujuk banyak kes, lebih dari 95% kes yang kita terima kita rujuk kepada Mahkamah Perusahaan. Namun demikian memang ada kes-kes tertentu di mana kes tersebut merupakan dengan izin, fabulous atau tidak ada asas langsung yang kita tidak rujuk. Namun demikian dalam kes tersebut pekerja-pekerja mempunyai kuasa untuk pergi ke

mahkamah yang tinggi untuk mencabar keputusannya dan dengan itu memang ada *outlet* untuk mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Ipoh Barat bangun lagi.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Penjelasan.

**Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]:** Sudah habis.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Mengenai perkara Mahkamah Perusahaan. Beberapa tahun dahulu kerajaan telah mengesyorkan supaya kajian dijalankan yang mana dikatakan bahawa satu mahkamah yang khas akan ditubuhkan sebagai Mahkamah Rayuan.

Dan asas ini adalah kerana:

- (i) *Specialized judges will be sitting to deliberate* dengan izin, dalam kes-kes Mahkamah Perusahaan kerana pada masa sekarang kes-kes Mahkamah Perusahaan, jika dirayu dari Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan akan ambil masa bukan dua tahun, tiga tahun, ada kes-kes yang sampai 15 tahun pun. Jadi apakah proses dan apakah terjadi kepada cadangan menyediakan satu mahkamah Rayuan Perusahaan dalam hal ini?
- (ii) Apakah terkini mengenai cadangan Yang Berhormat Menteri mengenai untuk menghadkan kes-kes ke Mahkamah Perusahaan jikalau seorang pekerja itu mendapat gajinya lebih dari RM10 ribu, dan jika ada haknya apakah alasannya?

Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Tentang, dengan izin Mahkamah Rujukan untuk kes-kes berkaitan dengan perusahaan ini, memang sistem tersebut kita sudah bincang secara mendalam dan ada *pros and cons*nya. Kementerian saya sekarang dalam perbincangan secara mendalam dengan jabatan-jabatan yang terlibat khususnya AG, *Bar Council* dan sebagainya supaya kita boleh dapat satu konsensus sebelum kita tubuhkannya.

Berkaitan dengan had gaji yang kita boleh tentukan dari segi merujuk kepada Jabatan Buruh ini, perkara itu masih dalam perbincangan dan kita akan laksanakannya selepas kita dapat persetujuan dari semua pihak, khususnya daripada pihak Kesatuan Sekerja dan juga dari pihak majikan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, Kubang Kerian.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tentang Mahkamah Perusahaan, saya menerima satu kes yang dilaporkan kepada saya iaitu Encik Yusof bin Osman, seorang pramugara yang telah berkhidmat dengan MAS.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, adakah berkaitan dengan perkara yang sedang kita bincangkan?

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Ya, Mahkamah Perusahaan - tentang bagaimana kes-kes yang dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan ini. Dia telah bekerja dengan MAS lebih daripada 20 tahun. Kemudian di atas satu kesalahan kecil di Australia, dia telah dipecat oleh MAS dan kehilangan kerja dengan kes yang begitu kecil. Untuk dia pergi kepada Mahkamah Perusahaan, dia perlu mendapat satu kelulusan daripada Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia. Surat yang ada di hadapan saya ini, di mana Yang Berhormat telah mengatakan kes beliau ini tidak perlu dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan.

Jadi saya telah meneliti kes ini dan tidak patut sebenarnya, bekerja lebih daripada 25 tahun, dengan satu kesalahan kecil, hilang kerja dan ke mana beliau nak merayu hari ini? Nak merayu pada menteri, dan menteri juga tidak memberikan peluang untuk kes beliau didengar di Mahkamah Perusahaan. Jadi apa pandangan Yang Berhormat terhadap aduan ini?

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada kes-kes yang lain. Kalau Ahli Yang Berhormat boleh berikan saya butir-butir, bolehlah saya bagi penerangan secara lisan supaya kita boleh dapat persetujuan.

Ahli Yang Berhormat bagi Lipis telah meminta kerajaan mengkaji pengambilan pengawal keselamatan yang terdiri daripada warga asing yang tidak fasih berbahasa Melayu. Beliau juga mencadangkan penetapan gaji minimum bagi pengawal keselamatan ini. Sukacita dimaklumkan bahawa kerajaan telah menetapkan supaya setiap pekerja asing yang ingin bekerja di Malaysia perlu menjalani kursus induksi, lulus ujian dan memperolehi *certificate eligibility* di negara sumber sebagai satu syarat untuk memohon visa dengan Jabatan Imigrasi Malaysia. Kursus induksi ini mempunyai modul utama iaitu bahasa, adat resam dan budaya dan dengan mengendalikan sistem tersebut, kita yakin boleh atasi masalah yang telah disebut oleh Ahli Yang Berhormat.

Berhubung dengan cadangan penetapan gaji minimum bagi pengawal keselamatan, kerajaan telah bersetuju dengan penubuhan Majlis Penetapan Gaji bagi pengawal keselamatan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Majlis Penetapan Gaji tersebut merupakan satu badan untuk menentukan gaji berkenaan dan syarat-syarat minimum bagi pekerja dalam industri tersebut. Saya yakin dengan adanya Majlis Penetapan Gaji tersebut, masalah yang dibangkitkan dapat diselesaikan.

Ahli Yang Berhormat Rembau telah mencadangkan supaya Kementerian melalui institut latihan seperti ILP menggalakkan masyarakat untuk mendapatkan pembelajaran seumur hidup (*life long learning*). Sukacita dimaklumkan bahawa bagi menjadikan hasrat kerajaan untuk menggalakkan masyarakat untuk mendapatkan pembelajaran seumur hidup dan mempertingkatkan lagi peluang-peluang tersebut kepada masyarakat sebagai menyahut strategi kerajaan program Pembangunan Sumber Manusia. Memang kita di antara ...



**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Boleh tanya sikit Yang Berhormat? Terima kasih Yang Berhormat. Saya nak tanya sikit pada Yang Berhormat, tentang penubuhan Tabung Kemahiran Kebangsaan ini yang nak membantu pelajar-pelajar kita yang mungkin tercicir daripada SPM untuk melanjutkan lagi bidang pengajian mereka di peringkat yang lebih mahir, yang kita telah pun lulus di Dewan ini. Tapi sehingga ke hari ini belum lagi nampak bayang-bayang tentang pelaksanaan.

Apakah masalah sebenarnya Yang Berhormat? Tak ada makna kalau kita sudah lulus sesuatu di sini, kita masih belum melaksanakan lagi. Tabung ini amat penting supaya tadi Yang Berhormat menyebut tentang tenaga buruh yang masih lagi perlu kita bergantung untuk pengambilan buruh asing ini. Buruh asing ini Yang Berhormat, menimbulkan banyak masalah. Memanglah bagi orang yang berniaga nak bawa buruh-buruh asing ni memang seronoklah, gembira sebab boleh mengambil sedikit keuntungan dengan pengambilan pekerja asing ini. Tapi masalahnya ialah kita mesti juga memikirkan tentang masalah yang kita hadapi pada masa ini. Jadi saya ingin tahu tentang Tabung Perbadanan Kemahiran ini, di manakah ianya sekarang? Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat Larut. Memang Dewan yang mulia ini telah meluluskan undang-undang untuk Perbadanan Tabung Kemahiran Kebangsaan pada tahun, kalau tidak silap saya pada tahun 2004. Selepas itu kita telah gazet undang-undang tersebut dan kita telah bincang dengan JPA untuk mewujudkan kekosongan yang tertentu, yang diperlukan untuk badan tersebut. Saya dengan sukacitanya ingin memaklumkan baru-baru ini pada bulan Februari, kementerian saya dapat kelulusan daripada JPA untuk mewujudkan jawatan-jawatan untuk badan tersebut dan saya sedang dalam usaha untuk mewujudkan perbadanan tersebut yang dijangka akan berfungsi pada bulan April ini.

Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh telah mendesak supaya dasar kerajaan harus memberi peluang yang adil kepada semua kaum untuk menikmati pembangunan dan membuka peluang latihan dan pekerjaan bagi orang Melayu yang berkelayakan untuk mendapatkan latihan dan pekerjaan dalam bidang-bidang kegiatan ekonomi yang dikawal atau dinikmati oleh kaum Cina. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Tenaga Manusia merupakan sebuah agensi kerajaan yang menyediakan latihan kemahiran negara dan kita memang galakkan berinteraksi di antara kaum, khususnya dalam kursus latihan semula untuk graduan-graduan didapati bahawa melalui skim latihan tersebut, kita dapat menempatkan ramai siswazah-siswazah daripada universiti tempatan kepada majikan-majikan bukan bumiputera, majikan multi nasional, majikan kaum Cina dan sebagainya. Itulah merupakan saya rasa satu ciri yang dibanggakan dalam skim tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu kementerian ini melalui ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Parit.

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** *[Memandang ke kiri dan kanan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Di hadapan Yang Berhormat.

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Oh.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri ya. Saya hendak ke belakang sedikit. Tadi Yang Berhormat menyebut tentang Institut Latihan Perindustrian yang banyak ditubuhkan di negara bagi melatih pekerja-pekerja mahir dan kita menyambut baik apa yang telah dibuat oleh pihak kementerian ini dalam usaha melatih pekerja-pekerja mahir ini. Tapi saya mendapat laporan bahawa kos belanja pemakanan di ILP ini begitu rendah katanya dalam sekitar RM9 satu hari. Jadi....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, laporan baru terimalah.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Ya. *[Ketawa]* sudah lama Tuan Yang di-Pertua. Jadi ada kesempatan untuk tanya kepada Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sebab lambat tanya saya ingat baru terima.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Jadi sedangkan kita berkehendakkan tenaga mahir yang cekap pemikirannya dan satu daripada aspek penting minda ini ialah pemakanan seperti yang disebut oleh Profesor Diraja Ungku Aziz dia menyatakan bahawa kecerdasan otak ini bermula daripada makanan yang baik. Jadi adakah Yang Berhormat bercadang untuk mengkaji semula belanja makanan di ILP ini khususnya. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Saya bersetujulah dengan Yang Berhormat bagi Parit ini. Memang saya akan kaji semula supaya pelatih-pelatih kita makanannya adalah lebih banyak daging, lebih banyak susu dan sebagainya boleh jadi sihat dan menjadi pekerja mahir yang lebih sempurna.

Ahli Yang Berhormat bagi Rantau Panjang telah menyentuh mengenai penutupan pusat-pusat bertauliah MLVK. Ingin dimaklumkan bahawa sebanyak 301 pusat bertauliah MLVK telah ditamatkan pada tahun 2005. Di antara faktor-faktor yang menyebabkan pusat-pusat bertauliah tersebut ditutup adalah pusat bertauliah tidak beroperasi lagi, pusat bertauliah tidak berminat untuk meneruskan program latihan, pusat bertauliah tidak wujud pada alamat yang didaftarkan dan juga kemudahan latihan tidak mencukupi syarat-syarat yang ditetapkan sebagai premis, peralatan, tenaga pengajar dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh ingin tahu tentang tindakan yang diambil untuk membantu 5,000 orang pekerja ladang ternakan khinzir di Melaka yang kehilangan pekerjaan akibat penutupan. Sehingga kini kementerian saya tidak menerima sebarang aduan berhubung dengan 5,000 pekerja tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah habiskan Yang Berhormat?

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Ha?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah habiskah?

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Tidak, tidak. Akan habis ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sudah habis boleh duduklah.

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Okay. Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor telah membangkitkan isu mengenai kenaikan harga minyak dan pembayaran elaun COLA sebanyak RM150.00 sebulan kepada pekerja di sektor swasta. Sukacita dimaklumkan bahawa kerajaan memang memahami masalah yang dihadapi oleh golongan pekerja berpendapatan rendah dan sederhana ekoran daripada kenaikan harga minyak. Dalam masa yang sama majikan yang beroperasi di negara kita ini turut juga mengalami nasib yang sama kerana terpaksa menanggung kos operasi yang semakin tinggi.

Dengan itu adalah penting bagi kita membuat perubahan dalam gaya hidup kita dan menyesuaikan diri kita dengan keadaan semasa. Kerajaan tidak boleh memaksa mana-mana pihak khususnya pihak swasta untuk membayar COLA kepada pekerja. Sehubungan dengan itu, kementerian ini telah mengadakan pertemuan dengan MTUC dan MEF pada 10 Mac tahun ini di mana telah dipersetujui agar satu pasukan perunding khas ditubuhkan untuk mengkaji cadangan yang akan dikemukakan oleh MTUC supaya bersama-sama kita boleh cadangkan langkah-langkah yang terbaik sekali untuk mengatasi masalah tersebut.

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** *[Bangun*

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Sekian sahaja....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan mengenai....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat sudah jawab tadi!

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Penjelasan, penjelasan mengenai isu ini. Yang Berhormat Menteri ada kata bahawa beliau dan kerajaan faham masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat kerana kenaikan harga minyak petrol, diesel dan LPG. Tapi faham sahaja tidak guna. Faham sahaja tidak boleh selesai masalah yang dihadapi oleh rakyat. Apa yang diperlukan ialah tindakan-tindakan dan cara-cara penyelesaian. Yang Berhormat ada menyebutkan bahawa tunggu satu cadangan konkrit daripada MTUC. MTUC sudah buat satu cadangan untuk COLA RM150.00 untuk dibayar.

Kalau saya tidak silap Yang Berhormat Menteri pun ada buat pengumuman bahawa kementerian ini sudah menggubal satu cadangan untuk membantu rakyat khususnya pekerja-pekerja untuk mengatasi masalah ini. Kenapa sekarang nampaknya sudah hilang, *disappear into thin air*. Mana cadangan itu untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat dan mungkin akan dikemukakan kepada Kabinet.

Adakah sekarang ini sudah hilang *disappear* dan tunggu sahaja cadangan daripada MTUC dan kedua apa Yang Berhormat Menteri ada cakap ialah bahawa perlulah rakyat untuk mengubah *life style*. Adakah Yang Berhormat Menteri rela buat satu Kabinet *paper* supaya Menteri-Menteri kabinet akan menjadi teladan untuk menukar dan mengubah *life style* mereka. Mengurangkan belanjawan dan cara kehidupan mereka supaya barulah boleh buat seruan dan

cadangan kepada rakyat untuk tukar *life style*. Ada orang yang *life style* yang sudah *busy* tidak boleh tukar lagi. *Already bottom line*. Tetapi untuk Menteri-Menteri banyak boleh ubah. Adakah Menteri-Menteri rela untuk ubah *life style* mereka dan bagaimana Kabinet *paper* kalau perlu pihak Pembangkang pun boleh bantu mengenai Kabinet *paper* itu.

**Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]:** Ipoh Timor tukar dululah *life style*!

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Boleh ubah *life style* itu.

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian saya telah ambil inisiatif khususnya dalam masa sekarang di mana ada banyak kualiti *agreement* yang telah dirunding di antara pihak majikan dan kesatuan. Kementerian saya cadangkan bahawa majikan-majikan tersebut mengambil kira kenaikan harga minyak. Baru-baru ini saya sendiri telah menyaksikan dua perjanjian bersama yang telah ditandatangani. Satu ialah di kilang Guinness Stout..

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Guinness Stout.

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Ha?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Guinness Stout.

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Guinness Stout. Ahli Yang Berhormat suka ini saya dengar.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Taklah. Sukalah. Mahu minum? Boleh nanti....

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** [Ketawa] Yang Berhormat suka ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Laporan, laporan kata minum Milo sekarang.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Stop Milo. [Ketawa]

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** ... dalam perjanjian bersama tersebut majikan telah bersetuju menaikkan *transport* elaun daripada RM0.34 kepada RM0.60 dan itu dengan mengambil kira kenaikan harga minyak. Baru-baru ini Proton juga ada satu perjanjian bersama yang baru, di mana mereka bagi *expresser payment* kepada pekerja-pekerja untuk menanggung kenaikan harga minyak ini dan kita akan terus berusaha supaya hakikat ini diambil kira oleh majikan.

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Sri Aman.

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** Tuan Yang di-Pertua sebenarnya saya berdiri kerana saya takut Menteri menghabiskan huraian beliau. Oleh kerana saya ada menyentuh dan memohon diadakan di *register* kemudahan untuk orang yang hendak memohon pembantu rumah separuh masa. Jadi ini belum dijawab oleh pihak Menteri.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Akan dipertimbangkan.

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** Hei, jangan kerana ini saya nampak ada permintaan daripada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Siapa jawab?

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Ahli Yang Berhormat bagi Sri Aman telah membangkitkan isu pengambilan pembantu rumah secara separuh masa. Sukacita dimaklumkan bahawa saya dan kementerian saya akan terus berbincang dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri supaya pelan tersebut dapat dijadikan sebagai realiti. Bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang telah membangkitkan isu-isu berkenaan dengan kementerian saya...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Sedikit, sedikit. Saya ada membangkitkan mengenai perkara...

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Sedang jawab ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia sedang jawab Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** SOCSO, SOCSO.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sekarang dia sedang jawab.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Sekarang dia jawab?

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Apa itu?

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** SOCSO, SOCSO.

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** *You* tidak tanya!

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Sudah tanya. Boleh saya bagi tahu apa yang saya tanya? Terima kasih Yang Berhormat.

Nombor satu Yang Berhormat, baru-baru ini Menteri datang ke kawasan saya membuka satu bangunan PERKESO. Tetapi dia [*Menyampuk*] menjemput semua orang dari MCA. Tapi Ahli Parlimen dari Ipoh Barat, dia sengaja tidak membawa, memberi.... [*Dewan riuh*] Tapi tak apa. Itu tak berapa mustahak. Tetapi yang lebih mustahak....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak pentinglah.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Lebih mustahak adalah di bangunan tersebut, adalah *in-house doctors*. Ini untuk perhatian Yang Berhormatlah. Ada *in-house doctors* yang ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, perkara ini ada bangkit semasa....

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Ada, ada bangkit, Ada, ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tapi ini, kawan saya dia mungkin boleh dapat.. Saya nak, saya nak,....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kita nak rujuklah. Rujuklah kawan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Rujuk, rujuk. Ada *in-house doctors* Yang Berhormat. *In-house doctors* mengenai klim-klim SOCSO. Di mana *in-house doctors* selepas

mendapat kes-kes di mana ia dirujuk kepada hospital besar, *in-house doctors* daripada PERKESO, daripada SOCSO memanggil doktor-doktor di Kementerian Kesihatan. Mengarahkan mereka memberi nasihat menolak, menolak kes-kes yang dirujuk kepada mereka. Itu satu.

Nombor dua, ada beberapa perkara SOCSO di mana mereka membuat permohonan. Di mana dirujuk kepada Jemaah Rayuan. Jemaah Rayuan bukan di Perak. Dia rujuk kepada Pulau Pinang ataupun di Kuala Lumpur. Kenapa perkara ini terjadi? Ramai di antara pihak-pihak yang layak untuk mendapat pampasan atau diliputi di akta tersebut dianiayakan. Saya harap Menteri akan mengambil perhatian. Jika mahu kes-kes yang spesifik, saya boleh beri.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** *[Menyampuk]*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, boleh dengar? Sebab saya takut Batu Gajah ada kacau sikit. Takut Yang Berhormat tak boleh dengar.

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Pertama ini, saya minta maaf kerana Ahli Yang Berhormat Ipoh Barat tidak dijemput merasmikan bangunan tersebut. Kalau Ahli Yang Berhormat ingin masuk Samy Vellu punya parti, saya boleh jemput lain kalilah. *[Dewan riuh]*  
*[Ketawa]*

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Di kawasan saya. Yang Berhormat datang kawasan saya, *very big speech was made Ipoh Barat and all that...* Tetapi sudah sengaja, sudah sengaja lupa.

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn:** Okey. *[Ketawa]* Berkaitan dengan *in-house doctors*, dan yang tolak, yang telefon Kementerian Kesihatan, saya rasa itu tak boleh jadi ini. Ini tak boleh jadi. Ini tak boleh jadi. Seorang para profesional tak boleh arah profesional yang lain itu buat sesuatu ini. Kalau Ahli Yang Berhormat ada bukti, bagi saya, saya boleh kajilah. Okey?

Bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan dengan kementerian saya yang tidak sempat saya jawab, saya mengucapkan terima kasih. Memang saya akan kaji rayuan-rayuan mereka, pandangan-pandangan mereka. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, terima kasih. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**6.15 ptg.**

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' S.G. Sothinathan]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, boleh saya dapat tahu kenapa Menteri tidak datang untuk menjawab hari ini?

**Dato' S.G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Kenapa, kenapa Menteri tak datang? Hari ini, patut dia baru mendapat jawatan sebagai Menteri.

**Dato' S.G. Sothinathan:** Tak apa, saya boleh jawab.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Saya tahu itu Timbalan Menteri. Tapi kenapa Menteri tidak ada? Kenapa Menteri tidak datang?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak apa, tak apa. Baik, baik. Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan itu nak jawabkah?

**Dato' S.G. Sothinathan:** Tak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Oh! Tak mahu jawab.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Oh! Tak ada jawapan.

**Dato' S.G. Sothinathan:** Tak ada jawapan untuk soalan tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia nak jawab. Jawab ini perkara-perkara yang bangkit semasa perbincangan. Ini terpulang kepada dia.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Menteri, mana Menteri?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ha, mana Menteri, tak datang?

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Semua Menteri datang. Tengok Menteri Luar Bandar pun tunggu berapa lama? *Some seriousness in word.*

**Dato' S.G. Sothinathan:** Menteri menghadiri satu persidangan yang penting di Brazil sekarang. Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang sudi memberi perhatian kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar semasa membahaskan Titah Diraja semasa merasmikan Dewan Rakyat Kesebelas, Penggal Ketiga Mesyuarat Pertama.

Yang Berhormat Sungai Petani, Yang Berhormat Mambong, Yang Berhormat Ledang, Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Kuala Selangor dan juga Yang Berhormat Ipoh Barat telah memberi keyakinan kepada kementerian ini untuk memberi tumpuan yang sepenuhnya kepada pengurusan sumber asli dan alam sekitar secara bersepadu dan berkualiti. Saya berterima kasih di atas kepercayaan serta perhatian yang telah ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan.

Ada beberapa Ahli Yang Berhormat yang menyentuh isu air busuk di Selangor dan banjir kilat di Shah Alam. Dan cadangan untuk menjalankan siasatan bebas mengenai faktor-faktor penyebab pencemaran alam sekitar, ini perlu dibuat. Berkaitan dengan isu air busuk di Selangor, Jabatan Alam Sekitar telah menjalankan siasatan ke atas punca-punca yang berpotensi menyebabkan pencemaran ke atas anak sungai dan Sungai Selangor susulan aduan air berbau busuk.

Hasil siasatan yang telah dijalankan, menunjukkan terdapatnya punca-punca yang berpotensi menyebabkan pencemaran air. Iaitu tapak-tapak pelupusan sampah, loji-loji

pengeluaran kumbahan, kilang-kilang pembuatan, kilang-kilang kelapa sawit, ladang-ladang ternakan dan kawasan komersial. Siasatan terperinci mendapati adanya pelepasan air resapan daripada tapak pelupusan sampah Bukit Tagar yang bertentangan dengan syarat kelulusan laporan penilaian kesan alam sekitar ataupun EIA yang tidak membenarkan pelepasan *leachate* mentah dan *leachate* terolah, ke mana-mana alur air termasuk Sungai Tinggi, Sungai Air Itam, Sungai Selangor dan kawasan paya gambut Raja Musa. Semua langkah kawalan perlu digunakan untuk mengelakkan *leachate* mentah dan *leachate* terolah dari memasuki alur air sama ada dalam keadaan biasa atau kecemasan atau luar biasa. Siasatan lanjut yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar juga menunjukkan pelepasan *leachate* dari tapak pelupusan Kundang juga turut menyumbang kepada pencemaran Sungai Selangor. Jabatan Alam Sekitar telah menyediakan kertas siasatan untuk mendapatkan ketetapan dan pandangan daripada Jabatan Peguam Negara. Berkenaan dengan isu banjir kilat di Shah Alam. Kejadian banjir kilat di sekitar bandar raya Shah Alam pada 20..

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Tuan Yang di-Pertua. Timbalan Menteri, Yang Berhormat. Ini berkenaan dengan pencemaran Sungai Selangor. Rata-rata orang tahu bahawa air busuk yang dihebahkan di Selangor itu adalah punca daripada pencemaran di pusat pelupusan sampah Bukit Tagar. Semua itu! Saya nak tahu pada hari ini daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kementerian Yang Berhormat bercadang untuk mendakwa mereka yang bertanggungjawab mencemarkan air itu?

Kerana saya difahamkan, saya difahamkan bahawa sepatutnya, *no water discharge* dengan izin daripada Bukit Tagar. Tetapi bagaimana benda ini boleh terlepas oleh kerana kesilapan pusat pelepas? Dan *blame* ini ataupun perkara ini pula disalahkan kepada SYABAS yang tak ada kena-mengena soal itu. Dan kita hendakkan supaya kementerian ambil tindakan tegas kepada mereka ini supaya jadi pengajaran kepada syarikat-syarikat lain. Setuju tak dengan saya? *[Menyampuk]*.

**Dato' S.G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, memang daripada siasatan yang kita telah jalankan daripada semua punca-punca, kemungkinan tentang pencemaran yang dilaporkan dalam surat khabar dan media massa, kita dapati bahawa memang satu daripada punca utama adalah sebenarnya dari tapak pelupusan Bukit Tagar. Dan kita memang memandang serius dan Menteri pun telah memberi satu amaran yang keras tentang perkara ini. Jadi kita setuju.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Yang Berhormat, tindakan Yang Berhormat. Supaya jadikan satu pengajaran. Yang bersalah..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak apalah Yang Berhormat. Habiskan jawapan itu Yang Berhormat. Biar dia habiskan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Mintalah Yang Berhormat, satu tindakan tegas supaya menjadi satu pengajaran kepada mereka yang bersalah.



**Dato' S.G. Sothinathan:** Memang sebagai satu agensi yang diberi amanah untuk menjaga alam sekitar, bahawa kita akan bertindak tegas terhadap mana-mana pihak yang melanggar. Jadi berkaitan dengan tapak pelupusan sisa pepejal di Bukit Tagar ini, memang mereka tidak menyediakan sistem untuk *leachate treatment plant* itu memang tidak ada. Jadi ini adalah satu pelanggaran berkaitan dengan kelulusan alam sekitar *EIA report* dan mereka telah pun dapat kelulusan. Ini adalah satu pelanggaran dan kita telah menghantar kertas siasatan ini kepada Jabatan Peguam Negara dan kita akan menunggu nasihat mereka tentang apakah tindakan seterusnya. Tetapi kita memang memandang dan kita bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Mambong.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Penjelasan. Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasihlah kerana memberi saya jalan. Tentang tapak pelupusan sampah Bukit Tagar ini, sudah tentu EIA telah pun dijalankan. [*Menyampuk*] Dan pihak yang memberi kelulusan EIA adalah Jabatan Alam Sekitar di bawah kementerian Yang Berhormat. Kenapa Yang Berhormat sebut tadi, Bukit Tagar ini tidak ada sistem rawatan air kumbahan?

Jika tidak ada sistem air kumbahan sudah tentu EIA tidak sepatutnya diluluskan dan sekarang saya mahu bertanya kalau EIA sudah diluluskan dan tidak ada sistem pelupusan air kumbahan ini, mengapa seharusnya laporan EIA itu diluluskan dan mengapa Bukit Tagar ini diwujudkan. Ini memang *double standard*, Yang Berhormat.

Saya ingin beritahu, saya tahulah Yang Berhormat memang mewarisi apa yang telah berlaku sudah lama dahulu tetapi di Sarawak, di Mambong, kerajaan negeri membelanja RM20 juta untuk sistem pelupusan air kumbahan. Kenapa di Bukit Tagar tidak? Hanya *oxidation pond*, hanya *clarifier*, mana mencukupi. Ini tidak cukup. Jadi ini juga di kawasan tadahan air Selangor, mengapa orang minum lagi? [*Disampuk*]

Ini adalah satu kesalahan jenayah, macam kesalahan jenayah, sengaja hendak meracun rakyat di Lembah Klang, [*Tepuk*] Yang Berhormat. Itu sahaja komen saya.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Ini amat serius, Yang Berhormat.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Kena ambil tindakan, Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak menyambung sedikit daripada Yang Berhormat bagi Mambong. Saya menyokong penuh cadangan Yang Berhormat bagi Mambong, kesilapan bukan kepada pihak pengurusan Bukit Tagar tetapi kepada Jabatan Alam Sekitar itusendiri. Boleh tidak kita bawa Jabatan Alam Sekitar ini ke mahkamah juga untuk dihukum?

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Bermakna tidak boleh salahkan orang lainlah, menuding jari.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Yang Berhormat, saya pun hendak tanya sedikit. Dari segi dasar alam sekitar, dari segi dasarnya, di bawah ada pusat rawatan air dan di atas ada pusat sampah. Jadi apakah dari segi dasar, boleh atau tidak tempat sampah dibuat di hulu sungai dan di bawah ada tempat rawatan air? *[Disampuk]* Jadi tiga juta orang hendak minum air ini. Ini persoalannya dari segi dasarnya macam mana. Kalau salah dari segi dasar, bolehkah ditutup tempat ini, Bukit Tagar ini?

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Ketereh hendak jawabkah?

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Tidak, hendak tambah, boleh tidak? Minta izin. *[Disampuk]* Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berniat hendak hentam. Kita bercakap mengenai tadahan air, *water catchments area*, bukan soal tempat ambil air sahaja, tadahan air. Apabila kawasan tadahan air, maknanya segala air yang turun dari langit, air yang datang dari hulu sungai, air yang datang dari mata air ditadah, kemudiannya diproses untuk menjadi bekalan manusia.

Jadi, saya hendak tanya kementerian yang jaga EIA, Kementerian Alam Sumber Asli dan Alam Sekitar, sama dengan Yang Berhormat bagi Bera tanya tadi, sekiranya kawasan itu sudah menjadi kawasan tadahan air, maka apakah dasar kita masih membenarkan perkara-perkara yang boleh mengotorkan tadahan air itu – boleh jadi pelupusan sampah, boleh jadi pusat penyembelihan, boleh jadi tempat pemeliharaan binatang, boleh jadi pelbagai benda – sebab setahu saya dalam ilmu hidrologi, ilmu pengumpulan air, ilmu perjalanan air, kawasan tadahan air mestilah bersih daripada sebarang bentuk pencemaran dan tanggungjawab itu adalah tanggungjawab Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar iaitu Jabatan Alam Sekitar.

Jadi kita mesti ambil tindakan ini dan kawasan tadahan air ini, Yang Berhormat, bukan sahaja di Hulu Selangor. Ianya ada di mana-mana. Jadi, saya hendak minta jaminan daripada kementerian, daripada hari ini perkara ini tidak seharusnya berlaku sebab 60% daripada bekalan air di Lembah Klang ini adalah berasal daripada kawasan tadahan air Hulu Selangor. Terima kasih.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Terima kasihlah kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun memberikan teguran dan pandangan. Sebenarnya Jabatan Alam Sekitar buat setakat ini apa yang kita buat ialah kita cuma beri kelulusan setakat laporan EIA sahaja. Projek itu bukan diluluskan oleh kementerian ataupun Jabatan Alam Sekitar.

Jadi, berkaitan dengan Bukit Tagar, kalau kita lihat sekiranya sistem *treatment plant* untuk *leachate* itu memang disediakan dan berfungsi, maka tidak ada kemungkinan untuk

berlakunya masalah ini. Memang projek itu bukan diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar. Kita cuma luluskan laporan EIA sahaja, mensyaratkan supaya semua ini mesti ada supaya projek kita boleh berjalan dengan baik. Tetapi projek itu memang tidak diluluskan oleh kementerian.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Tetapi Yang Berhormat...

**Dato' S. G. Sothinathan:** Kementerian cuma melihat laporan EIA sahaja tetapi yang...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Tetapi kelulusan bergantung kepada laporan daripada pihak Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Pihak Yang Berhormat. *[Disampuk]*

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Kementerian. Kalau kementerian kata tidak boleh, mereka tidak akan lulus. Ini yang berlaku.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat tetapi kalau laporan EIA itu mengatakan ada *leachate treatment plant* itu, maka kalau *leachate treatment plant* itu disediakan sebelum ianya berfungsi, maka tidak ada kemungkinan untuk berlakunya perkara ini. Jadi pihak berkuasa tempatan yang memberikan kelulusan untuk Bukit Tagar ini beroperasi mesti memastikan bahawa semua ini dilaksanakan. Bila syarat ini tidak dipenuhi, maka pihak yang bertanggungjawab tidak harus membenarkan mereka ini beroperasi.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Penjelasan, penjelasan.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Ya, Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Jerai, nanti sekejap. Terima kasih. *[Ketawa]* Sabar, sabar, sabar. Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak tahu, tidak apalah EIA buat *report* dan sebagainya tetapi Yang Berhormat, kawasan lain banyak lagi, luas ada lagi. Apa yang dok pergi cari tepi sungai itu? Yang pergi buat tempat-tempat macam itu, *treatment plant*, pembuangan sampah dan sebagainya. Jadi EIA pun kalau hendak buat laporan, ambillah kawasan yang jauh sedikit.

Macam contoh di kawasan saya itu. Saya sudah kata bukit itu jangan dok pergi tembak buat kilang batu, buat kuari, buat juga. EIA bagi juga syarat. Bayangkanlah lori batu keluar masuk, keluar masuk dalam kampung, Yang Berhormat. Jadi pasal apa kita pergi cari bagi susah rakyat? Bila susah rakyat, susah wakil rakyat. Bila susah wakil rakyat, wakil rakyat bagilah susah balik menteri dan kementerian. Kita hendak buat macam mana?

Jadi cari jalan supaya jangan ganggu yang melibatkan masyarakat. Kasihan kepada rakyat. Cuba tengok, Yang Berhormat, saya sudah ulang berapa kali dalam ucapan saya, saya pun kata bukit-bukit yang dok ada elok-elok ini, dok pergi tebuk buat apa? Buat rumah. Bila rumah runtuh, kita kata salahkan bukit. Bukit itu tidak kacau orang, orang pergi kacau dia.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Tidaklah, airlah. *[Ketawa]* Air turun mai ikut bukitlah. Jadi kalau bukit tidak ada, air itu pergi ke mana? Itulah banjir. Terima kasih, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Penjelasan. Daripada penerangan Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri tadi mengatakan bahawa EIA hanya menyediakan laporan. Sama ada ianya boleh atau tidak boleh, itulah tugas EIA. Penjelasan yang saya hendak tanya ialah kuasa meluluskan itu terletak kepada majlis tempatan, kerajaan tempatan. Apakah mungkin dalam negara ini, laporan yang negatif daripada EIA dipandang sepi begitu sahaja oleh majlis tempatan. Apakah mungkin perkara yang sama berlaku?

Kalau perkara ini berlaku, maknanya kita mesti betulkan perkara ini. Jabatan Alam Sekitar mesti ada kuasa sepenuhnya untuk memastikan bahawa keputusan yang dia buat, bahawa perkara ini tidak sesuai, mesti tidak boleh dilaksanakan. Kalau kebocoran ini berlaku, ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata, jabatan ini kata tidak boleh, mesti terus dijalankan. Saya hendak minta penjelasan seterusnya daripada Yang Berhormat.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Yang Berhormat, sebenarnya buat masa ini Jabatan Alam Sekitar memang diberi kuasa untuk menilai setakat laporan EIA sahaja. Jadi itulah sebabnya kita cadangkan untuk - Kita tidak ada kuasa untuk menolak mana-mana projek. Jadi, sama ada satu-satu projek itu diluluskan, satu syaratnya ialah mesti dapat kelulusan EIA. Jadi kalau kita tolak pun, kemungkinan juga ada dalam bentuk cadangan lain, mungkin mereka akan *modify* sedikit, dengan izin, dan memberikan bahawa ini adalah cadangan kita dan mereka minta kelulusan semula.

Jadi, apa yang kita cadangkan ialah pada masa akan datang, saya minta semua Ahli Yang Berhormat sokong supaya Jabatan Alam Sekitar diberi kuasa bukan sekadar untuk menilai laporan EIA sahaja tetapi diberi kuasa juga untuk menolak mana-mana projek yang dianggap sebagai sensitif, kita mesti diberi kuasa...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Penjelasan Yang Berhormat.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** *[Bangun]*

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** *[Bangun]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, kuasa macam mana diminta ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sekarang siapa yang berucap?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya hendak minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Laluan belum diberi.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya ingat dia bagi.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Silakan.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Dia tidak bagi. *[Ketawa]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kuasa macam mana hendak dicari lagi? Kuasa sudah ada. Ini yang saya pelik. Kuasa dalam tangan, dia kata tidak ada kuasa. Tetapi Jabatan Alam Sekitar tuduh macam-macam orang, pembekal airlah salah, itulah salah, sendiri salah. Jadi cuba perbetul Yang Berhormat, minta Jabatan Alam Sekitar memperbetulkan keadaan di dalam ini. Kalau mereka salah, akui salah dan perbetulkan kuasa apa lagi minta, kita bagi kuasa apa semua kalau dia suka, kuasa hendak potong orang pun kalau boleh kita bagi.

*[Ketawa]*

Tetapi, dia tidak laksanakan tugas-tugas dia, jadi minta dia jangan salahkan orang lain. Periksa diri sendiri apa masalah di Jabatan Alam Sekitar, mungkin pegawai-pegawai dia pun kita tidak menuduh. Tetapi mungkin terdedah dengan rasuah dan sebagainya, terima kasih.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Jawab....

**Dato' S. G. Sothinathan:** Ya, sila Yang Berhormat bagi Mambong.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Timbalan Menteri. Yang saya tahu EIA adalah satu *Legal Instrument*. Kalau EIA mengatakan tempat ini tidak sesuai, EIA harus menunjukkan bahawa *option* yang lain. Kalau EIA mengatakan proses ini tidak sesuai, mesti ada *option* yang lain. Di dalam perkara ini juga, ini haruslah bersama. EIA seharusnya tidak diluluskan jika tapak pelupusan sampah itu tidak ada *leachate plant, leachate treatment plant*. Jadi inilah EIA. Kalau EIA tidak diambil indah oleh PBT, ini bermakna tidak perlulah kita buat EIA. EIA adalah satu-satunya *legal instrument* yang kita mesti pakai untuk menentukan sama ada projek itu sesuai ataupun tidak sesuai. Kita menyokong di Parlimen, kita mesti menyokong bahawa EIA adalah satu *legal instrument* untuk menangkap orang yang tidak mematuhi perundangan EIA dan perundangan alam sekitar. Kalau tidak macam ini apa guna EIA, apa guna Jabatan Alam Sekitar? Kita mesti membuat Jabatan Alam Sekitar lebih kuat lagi untuk meningkat taraf EIA.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Potong kepala. *[Ketawa]*

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih. *[Ketawa]*

**Dato' S. G. Sothinathan:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** *[Bangun]*

**Dato' S. G. Sothinathan:** Ya, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat Ayer Hitam.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya meneliti jawapan Timbalan Menteri tadi yang mengatakan menilai sahaja AIA terpulang kepada pihak berkuasa. Saya hendak beritahu Yang Berhormat sebenarnya, tidak benar. Kuasa

Jabatan Alam Sekitar boleh menolak laporan EIA. Kalau sudah tolak, projek tidak akan berjalan. Kalau diluluskan, dalam sistem itu dinyatakan kena buat rawatan dia tidak buat. Dalam Jabatan Alam Sekitar ada , *post* EIA unit dan saya hendak tanya di manakah silapnya. Saya tidak tahu mungkin jawapan daripada Jabatan Alam Sekitar lebih tepat dan saya rasa dalam konteks ini saya tidak boleh terima yang mengatakan bahawa JAS tidak boleh buat apa-apa. JAS ada kuasa tolak EIA. Kalau sudah ditulis dengan jelas tidak dilaksanakan, tindakan yang setimpal boleh diambil termasuk mendakwa mereka ke mahkamah. Itu yang saya rasa perlu penjelasan pengesahan daripada Timbalan Menteri, terima kasih.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Ya, Yang Berhormat bagi Bera.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Sambung. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat semua hendak berucap semulakah?

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Tidak, tidak. *[Ketawa]*

Saya hendak minta penjelasan. Salah seorang yang minum air yang mengandungi ammonia baru-baru ini adalah saya.. *[Ketawa]* .. sebab saya duduk, tinggal di PJ dan PJ menerima air yang ada ammonia dan kita tidak mahu berlaku kali kedua. Sekarang ini jelas didapati bahawa pusat pelupusan sampah tadi tidak sesuai. Kita sudah akui, pihak JAS pun sudah mengakui bahawa tempat pelupusan sampah ini tidak sesuai dan tidak mengikut syarat-syarat yang dikeluarkan oleh AIA. Persoalan sekarang apakah cadangan yang dibuat oleh AIA kepada pihak kerajaan negeri ataupun pihak PBT. Adakah pihak AIA sekarang mengarahkan ataupun membuat laporan minta supaya pusat pelupusan sampah itu ditutup atau sebagainya? Sebab kalau dibiarkan, tidak mustahil banjir akan berlaku sekali lagi dan air akan timbul di masalah yang sama. Jadi saya hendak tahu setakat ini apa tindakan AIA? Apa tindakan JAS? Apa laporan yang dikeluarkan dan apa saranan yang diberikan kepada pihak kerajaan negeri dari segi soal tempat pelupusan sampah?

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Sedikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat semua hendak berucap, Yang mana Timbalan Menteri bila hendak jawab?

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Tidak, ini sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dia pun terminum air itu. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila Yang Berhormat.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai *treatment plant* untuk *leachate* kalau EIA *report* kata dia terpaksa buat ini, kalau dia tidak buat ini bermakna dia sudah melanggar syarat-syarat yang ditetapkan. Apakah tindakan daripada Jabatan Alam Sekitar? Tetapi saya secara umumnya...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Itu sudah tanya tadi.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Nanti ada... nanti, nanti...secara umumnya, Jabatan Alam Sekitar di Selangor saya ingat terpaksa untuk menggaji Karam Singh Walia lagi baik. Setiap kali Karam Singh Walia keluar TV3 baru ikut, ada tindakan susulan. Kalau Karam Singh Walia tidak keluar, dia tidak ada tindakan susulan. Kalau macam ini, lebih baik Jabatan Alam Sekitar menggaji Karam Singh Walia ...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Puchong Walia [*Ketawa*]

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** ... menjadi orang kata Ketua Unit Penguat Kuasa untuk Jabatan Alam Sekitar di Selangor. Apakah pendapat Ahli Yang Berhormat ini?

**Dato' S. G. Sothinathan:** Terima kasihlah Yang Berhormat semua. Sebenarnya kalau kita lihat tapak pelupusan Bukit Tagar ini, kalau mereka mematuhi semua syarat yang telah pun diletakkan oleh di bawah laporan EIA yang diluluskan maka kita tidak akan menghadapi masalah ini. Tetapi kerana ada pelanggaran syarat-syarat EIA, maka perkara ini telah pun dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara untuk tindakan iaitu kerana tidak menyediakan. Tetapi apa yang saya cuba maksudkan ialah saya hendak Ahli-ahli Yang Berhormat cuba faham, mengikut laporan EIA kalau *leachate treatment plant* itu ada memang kita boleh mengawal tetapi perkara-perkara sensitif kita boleh katakan mungkin *treatment plant* satu standard ataupun standard yang lain boleh diadakan untuk memastikan bahawa...

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Tutup sahaja.

**Dato' S. G. Sothinathan:** ... tetapi mungkin bagi perkara tempat-tempat yang sensitif, kita juga sedang meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling supaya bukan sahaja sekadar mengkaji laporan AIA, tetapi juga melihat seluruh projek secara menyeluruh. Kalau ianya dikatakan ada kawasan sensitif walaupun laporan itu dengan adanya teknologi moden, kita boleh meluluskan tetapi oleh kerana kesensitifan tempat tersebut, kita juga diberi kuasa untuk menolak projek itu secara menyeluruh. Itulah yang saya maksudkan tadi.

Jadi memang saya beri jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini bahawa memang seperti apa yang dijelaskan oleh menteri, kita tetap akan mengambil tindakan tegas tentang perkara ini. Ini bukan main-main, tidak kira siapa yang di bawah projek ini, tetapi memang perkara ini telah pun ada bukti-bukti tentang perkara ini dan juga adalah satu kesalahan di bawah undang-undang maka tindakan tetap akan diambil

**Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** [*Bangun*]

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, ada dua ahli Yang Berhormat bangun.

**Dato' S. G. Sothinathan:** ...tetapi kita tidak ada kuasa...

**Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** Itu Kerajaan Negeri, kalau salah pun dakwa juga.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Ya, memang, memang. Kita setuju.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, ada dua Ahli Yang Berhormat bangun. Hendak bagi jalan?

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mengikut kajian EIA sebelum Pusat Pelupusan Pepejal dan sampah Bukit Tagar diluluskan, rancangan asal Bukit Tagar setelah kolam merawat *leachate* atau air larut resap akan disalurkan ke sungai tinggi dan juga ke hutan simpan hulu Tinggi yang akhirnya akan masuk ke sawah-sawah padi sebagai sumber pengairan. Sebelum ini terjadi yang pernah saya bercakap dahulu jaminan yang serupa Timbalan Menteri berkenaan sebut bahawa pelanggaran syarat tidak akan berlaku, akhirnya berlaku. Hari ini bukan sahaja berpunca pencemaran sungai Selangor dan air busuk daripada Bukit Tagar, saya hendak tahu laporan siasatan Jabatan Alam Sekitar mengenai pusat penyembelihan babi yang berada di kawasan berkenaan yang saya difahamkan juga ada bangkai babi yang dibuang ke sungai Selangor yang mana dahulu dijanjikan bahawa kolam tapisan kumbahan...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Apa kita boleh buat?

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** ... lapisan di dasar dan di dinding tidak akan telus dengan air resapan kumbahan tetapi apa yang berlaku pada 26 Februari yang lepas, kolam takungan ini mengalami limpahan dan mengikut daripada buku laporan kajian alam sekitar sungai Sembah yang berada di bawah pusat penyembelihan babi ini, *semi-polluted* dengan izin, kotor dan sungai ini mengalir ke Sungai Selangor dan satu lagi yang saya sebut dalam perbahasan yang lepas, pusat pembuangan sampah di Kampung Hang Tuah, di Batang Berjantai yang tidak sampai 100 meter daripada Sungai Selangor. Apakah perakuan Jabatan Alam Sekitar kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk menutup dengan serta-merta pusat pelupusan sampah ini, terima kasih.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Ini serius ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi lah Timbalan Menteri jawab.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Berkaitan dengan rumah sembelihan, iaitu yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ini sebenarnya kita telah pun menjalankan siasatan dan apa yang kita dapati ialah tiada sebarang pelepasan dari rumah sembelihan babi Tip Top Meat Sdn. Bhd. Loji pengelolaannya berfungsi dengan baik. Rumah sembelih ini mula beroperasi daripada 1 Januari 2005 dan mempunyai kapasiti untuk 3,000 ekor sembelihan sehari, tetapi buat masa ini kapasitinya cuma daripada 1,000 hingga 1,500. Dan *effluent* daripada rumah sembelihan ini diolah ke standard A, bukan standard B, standard A dan ditakung ke dalam kolam seluas 10 ekar dan tidak dibenarkan dilepaskan ke alur air. Jadi kita telah pun memastikan tentang perkara ini, memang ini adalah satu yang kita *suspect* mungkin adakah ini punca? Tetapi kita dapati bahawa ini bukanlah punca pencemaran bagi Sungai Selangor. Jadi kita memang telah menjalankan siasatan, kalau Yang Berhormat



tidak berpuas hati mungkin saya boleh aturkan satu lawatan bersama dengan Yang Berhormat dengan Jabatan Alam Sekitar Selangor, kita lawat sendiri tempat itu.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri saya mencelah sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia belum bagi jalan Yang Berhormat.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** Saya minta jalan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Saya jelaskan dahulu. Kita sendiri, kita bersama, dua-dua kita akan pergi ke tempat itu kita lihat bagaimana keadaan dia dan kalau kita berdua boleh berpuas hati bahawa ianya bercanggah dengan laporan yang disediakan oleh pegawai-pegawai, maka kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya selepas itu, okey?

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** Okey.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Saya harap Yang Berhormat puas hatilah.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** *[Bangun]*

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** *[Bangun]*

**Dato' Yap Pian Hon Serdang]:** *[Bangun]*

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** Saya, saya hendak buat penjelasan.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Kuala Selangor.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ada tiga.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Jawatankuasa, Jawatankuasa Alam Sekitar Parlimen.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat yang mana satu hendak bagi jalan?

**Dato' S. G. Sothinathan:** Kuala Selangor.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** .....mesti dijemput nanti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kuala Selangor, yang lain sila duduk dahulu.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** Baru-baru ini saya buat lawatan mengejut, saya sudah dua kali masuk ke tempat-tempat yang berkenaan baik Bukit Tagar ataupun pusat penyembelihan babi. Cuba kita tengok gambar yang saya pameran *[Sambil menunjukkan gambar]* kolam takungan yang airnya nampak hampir separas dengan tebing yang dahulu dijanjikan supaya Jabatan Alam Sekitar akan minta kepada pihak pengusaha meninggikan tebing supaya kemungkinan air tidak melimpah. Daripada pemerhatian saya tidak

mustahil perkara ini boleh berlaku dan itu sebahagian, sebagai bukti Jabatan Alam Sekitar boleh ambil sampel air di kawasan bawahannya untuk membuktikan sama ada air mengandungi sisa kumbahan yang berkenaan.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Terima kasih Yang Berhormat, jadi apa yang saya syorkan itu dibuat satu hari satu *spot check*. Dalam masa sidang Parlimen ini kita tidak bagi tahu mana-mana, you bagi tahu dengan saya kita berdua akan minta pegawai pada hari itu juga kita pergi. Kalau kita maklumkan mungkin juga kita khuatir mereka mungkin telah ambil tindakan-tindakan yang betul.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau boleh saya mencadangkan Jawatankuasa Alam Sekitar Parlimen dijemput bersama.

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** Menyokong.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Saya akan turut jemput Yang Berhormat Mambong pun sama-sama kita tiga orang pergi bersama dengan pegawai pada hari itu kita tengok macam mana. Kita sendiri tengok dengan mata kita sendiri tengok macam mana keadaan.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat hendak bagi jalan ke Yang Berhormat?

**Dato' S. G. Sothinathan:** Ya, Yang Berhormat Mambong.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Tidak boleh tiga oranglah Yang Berhormat. Semua Ahli-ahli Jawatankuasa saya sebagai Pengerusi pun pergi juga, ahli-ahli yang lain pun mesti mahu pergi juga. Satu cadangan saya ingin cadanglah untuk perkara ini kalau tidak ditutupkan kita mesti menguatkuasakan bukannya *effluent* dan *sewage regulation*, tetapi menguatkuasakan *National Water Quality Standard*lah. Sebab ini adalah piawai untuk air minuman, jadi kalau kita menguatkuasakan NWQS dan Bukit Tagar mematuhi kelas 2B, itu lebih baik daripada *effluent* dan *sewage regulation* tahun 1979. Ini lebih berfungsi lagi kerana air yang di dalam Sungai Selangor itu memang air yang akan dirawat dan diminum oleh lebih tiga juta rakyat di Lembah Pantai.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Terima kasihlah Yang Berhormat. Seperti Yang Berhormat cadangkan kita akan buat satu lawatan bersama dengan Ahli Jawatankuasa Alam Sekitar Parlimen ini, kita sendiri lihat bagaimana proses dan buat masa ini saya difahamkan di Bukit Tagar ini pun *leachate treatment plant* pun telah mula berfungsi, jadi kita dapat lihat dengan mata kita sendiri sama ada ia memuaskan atau tidak lepas itu kita tengok apa yang harus dibuat. Tetapi buat masa ini saya rasa kita tidak boleh ambil apa lain-lain tindakan kecuali merujuk kepada Jabatan Peguam Negara atas kesalahan yang telah berlaku pada bulan yang lalu. Ya, Yang Berhormat Puchong.

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Serdang.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Serdang.

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Selepas ini pencemaran Sungai Selangor ini bukan perkara baru. Pemilikan konsesi merawat air mentah iaitu Puncak Niaga Sdn. Bhd. telah menyatakan pada tahun lalu sebanyak 123 kali telah berhenti operasi rawatan lojinya kerana pencemaran air sungai. Jadi dengan begitu banyak 123 kali telah berlaku dalam tahun lalu, ini satu rekod yang begitu serius terhadap pencemaran air, maka apa jaminan pihak kementerian supaya tahun ini tidak akan berlaku lagi pencemaran air sungai. Saya mintalah cara mana jaminan supaya tidak lagi berlaku sedemikian serius ke atas air minum di negeri Selangor ini.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Memang Jabatan Alam Sekitar telah pun diamanahkan, diberi arahan supaya membuat pemantauan yang lebih rapi tentang semua punca-punca pencemaran yang berada di kawasan-kawasan sungai yang menjadi punca air bagi rawatan ataupun bagi bekalan air. Tetapi saya tidak tahu macam mana dapat 131 lah, dapat 131 bermakna satu hari kita tidak ada air, satu tahun pun tidak ada air. Jadi mungkin ini *sampling*lah Yang Berhormat.

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Minta maaf Yang Berhormat, ini kenyataan daripada Puncak Niaga Sdn. Bhd. pada 10 Mac tahun ini di mana menyatakan 123 kali pada tahun lalu di mana berlaku pencemaran air sungai, itu sebab terpaksa berhenti operasi lojinya. Ini satu kenyataan ia bukan sebagai syarikat yang bertanggungjawab tidak akan buat kenyataan palsu itu sebab pentingnya untuk bagi jaminan bahawa rakyat negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya tidak akan menikmati begitu serius air minum tercemar.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Yang Berhormat mungkin 130 kali itu *sampling*lah saya ingat bukan 130 kali, 31 hari dalam setahun saya ingat tidak adalah.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat penjelasan, Yang Berhormat penjelasan.

**Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua bangun Yang Berhormat.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Ya silakan.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Apa yang diperkatakan oleh sahabat saya daripada Serdang adalah benar, saya ada laporan yang sama. Sebenarnya bukan *sampling* dia beritahu bahawasanya lojinya terpaksa diberhentikan – rekod, kerana air yang masuk ke dalam loji adalah kotor, dia berhenti 123 kali dan dia bukan ada satu loji dia ada tujuh loji, jadi loji ini berhenti, loji ini. Tetapi hendak ceritanya bahawa punca air yang masuk ke dalam loji itu kotor dan itu bukan kerja dia, sebab dia orang ini kerjanya ialah merawat air, tetapi kebersihan air dijamin oleh orang yang bawa air itu iaitu kerajaan negeri ataupun air sungai. Sebab itu macam saya katakan awal tadi kawasan tadahan air kalau kita sudah gazet kawasan itu menjadi kawasan tadahan air *water catchment area*, dia mestilah bersih dari sebarang bentuk pencemaran tidak kira pelupusan sampah, penyembelihan babi, pemeliharaan babi,

pemeliharaan lembu tidak kira asalkan mengotorkan kawasan tadahan air ia EIA mesti mengambil tindakan yang serta-merta. Terima kasih.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Terima kasih Yang Berhormat. Jabatan Alam Sekitar bukan EIA yang ambil tindakan. Jadi kita seperti yang saya kata tadi, kita telah pun minta Jabatan Alam Sekitar supaya dengan segera membuat siasatan terhadap semua punca-punca air di negara kita ini supaya kalau ada juga punca-punca pencemaran maka tindakan diambil khususnya tentang kawasan-kawasan pelupusan sampah, kilang-kilang ataupun kawasan ternakan yang menjadi punca, maka kita akan mengesyorkan kepada kerajaan negeri supaya mengambil tindakan yang sewajarnya.

**Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kelana Jaya, Kelana Jaya.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Ya.

**Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Berhormat Menteri. Hari ini, pada waktu ini kita hanya bincangkan sungai-sungai yang tercemar di Selangor telah pun menjadi heboh dalam Dewan ini. Tetapi di dalam jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri bahawa Jabatan Alam Sekitar akan mengambil tindakan mencari punca-punca pencemaran. Setahu saya seperti mana yang saya bentangkan masa perbahasan saya Menjunjung Kasih Titah di Raja, telah mengatakan bahawa sebenarnya kerajaan telah pun membuat kajian iaitu mengikut laporan *National Water Resources* tadi dalam tahun 2000 hingga 2050 telah pun membuktikan bahawa, kajian yang telah dijalankan oleh kerajaan menunjukkan bahawa 76 batang sungai di Semenanjung didapati 22 adalah tercemar, 44 batang sungai sederhana tercemar. Kajian ini telah dibuat, apakah tindakan yang telah diambil terhadap perkara ini? Kerana kajian telah pun di buat.

Sepatutnya bila kajian telah dibuat maka telah tahu apakah puncanya? Dan, sehingga sekarang tiada lagi tindakan yang diambil terhadap sungai-sungai yang tercemar itu. Bukan hanya di Selangor sahaja, tapi kita prihatin kepada semua seluruh rakyat, kebajikan rakyat di seluruh negara kerana 76 batang sungai di Semenanjung sahaja tidak termasuk sungai-sungai di Malaysia Timur. Sekian, terima kasih.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Yang Berhormat, saya sambung sedikit Yang Berhormat. Saya hendak cadang kepada Yang Berhormat Menteri Alam Sekitar kalau boleh keluarkan arahan semua kawasan tadahan hujan dan juga *water treatment* di seluruh negara ini tidak boleh mana-mana projek yang boleh melakukan pencemaran ini dibenarkan. Kalau boleh digazetkan, diwartakan serta-merta. Itu saya mintalah daripada pihak Alam Sekitar supaya lebih serius dalam perkara ini. Terima kasih.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Terima kasih Yang Berhormat, jadi kita akan mengambil saranan Yang Berhormat dan pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar pun ada di sini. Jadi saya harap mereka pun dapat memahami perasaan Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai wakil rakyat.

Jadi, sekiranya sesuatu projek itu walaupun terletak di kawasan yang sensitif tetapi sekiranya laporan itu menyatakan dengan teknologi moden mengizinkan tetapi kita juga harus mengambil kira tentang kemungkinan berlaku kesilapan.

Jadi bila berlaku kesilapan bermakna masa itu kita tidak boleh menyalahkan sesiapa. Jadi lebih baik kita .....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Dipastikan arahan dikeluarkan serta-merta, Yang Berhormat

**Dato' S. G. Sothinathan:** Ya...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tambahan, Yang Berhormat. Saya setuju dengan Yang Berhormat. Kita maklum bahawa setiap *water catchment* ataupun tadahan air ini memang telah di gazet bahawa tidak boleh diwujudkan apa jua bentuk aktiviti sama ada memelihara ternakan, sama ada mendirikan bangunan projek dan sebagainya. Dan ini sudah jelas dalam perundangan kita, cuma mungkin tidak dilihat oleh pihak-pihak yang melaksanakan amanah, dan kerajaan negeri juga harus dipantau akan aktiviti mereka. Kerajaan negeri ini saya juga bingung, *water catchment* dia tahu, kenapa bagi lesen?

Apa dia tidak nampakkah ini? Jadi, itu sebab kuasa yang ada di kementerian ini digunakan. Kerajaan negeri pun kalau dia salah, dakwa dia. Mungkin ada unsur-unsur penyelewengan terhadap pemberian lesen-lesen yang tidak munasabah berhampiran dengan tadahan-tadahan air. Terima kasih, Yang Berhormat .

**Dato' S. G. Sothinathan:** Terima kasihlah Yang Berhormat, saya memang bersetuju dengan pendapat-pendapat Yang Berhormat dan itulah juga pendirian kami di kementerian. Kami selalu mengarahkan Jabatan Alam Sekitar bukan sekadar lihat laporan penilaian alam sekitar sahaja. Lihat secara keseluruhan sekiranya berlaku kesilapan manusia. Masa itu kita tidak boleh katakan kerana kesilapan ini telah berlaku, jadi sekiranya berlaku kesilapan adakah ianya hanya memudaratkan kesihatan masyarakat? Jadi, dalam keadaan *suitable* itu kita mesti menolak biar dia hantar balik laporkan penilaian semula alam sekitar, sekali lagi pun kita tolak sahaja, tolak sampai habis. [Disorak] Saya punya pegawai-pegawai atasan Jabatan Alam Sekitar semua ada, jadi saya harap kita akan berikan nasihat kepada mereka supaya mengikut ini.

Tetapi memang dalam rancangan jangka panjang kita juga hendak pinda akta ini supaya kita juga boleh tolak projek itu sama sekali. Walaupun kerajaan negeri atau Kerajaan Persekutuan lulus pun Jabatan Alam Sekitar kalau dapati ianya tidak sesuai, sensitif kita tolak terus sahaja. Itulah yang saya minta Yang Berhormat semua sokonglah.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Cepat sedikitlah akta itu Yang Berhormat, jangan dilewat-lewatkan..

**Dato' S. G. Sothinathan:** Saya sedang menggubal pindaan akta tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Menteri sudah jawab, apa lagi?

**Dato' S. G. Sothinathan:** Okay, jadi saya pergi ke isu lainlah, Tuan Yang di-Pertua

**Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menambah sedikit, hendak membantu Jabatan Alam Sekitar. Bukan sahaja soal sungai, bukan sahaja kawasan tadahan air tapi anak sungai dan juga parit. Saya simpati dengan Jabatan Pengairan dan Saliran, yang bertanggungjawab menjaga parit, sungai tetapi kuasa tidak ada. Kuasa terletak kepada Jabatan Alam Sekitar dan juga kuasa kepada Pejabat Tanah dan juga pihak berkuasa tempatan.

Saya ambil contoh satu kes, pencemaran sisa toksik hasil daripada kilang kondom di Sungai Sembilang, Kuala Selangor. [*Disorak*] Mencemarkan sungai, mematikan bahan-bahan asas ikan. Nasihat dan arahan Jabatan Alam Sekitar kepada pihak berkuasa tempatan tutup kilang berkenaan tetapi arahan ini tidak dipatuhi, begitu juga kilang haram yang mencemarkan parit, berbau busuk, Jabatan Alam Sekitar minta pejabat tanah ambil tindakan tapi tidak dapat dikuatkuasakan. Inilah masalah penguatkuasaan di negara kita ini.

Jadi, saya hendak tarik perhatian Jabatan Alam Sekitar, khususnya kepada kerajaan-kerajaan negeri yang hendak menghalalkan kilang-kilang haram terutama yang mencemarkan parit, sungai dan sebagainya termasuk bau udara. Pastikan kilang-kilang yang mencemar tidak diperakukan untuk dihalalkan. Terima kasih.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Terima kasihlah atas pandangan Yang Berhormat. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada isu lain iaitu isu banjir kilat di Shah Alam.

Kejadian banjir kilat di sekitar Bandaraya Shah Alam pada 26 Februari 2006, adalah disebabkan oleh limpahan air banjir Sungai Damansara. Kawasan-kawasan yang terlibat ialah Lebuhraya Persekutuan berhampiran Batu 3, Kampung Kebun Bunga, Lebuhraya NKVE berhampiran persimpangan Shah Alam, Bukit Jelutong, Taman Tun Dr. Ismail, TTDI Jaya dan sekitar Stadium Shah Alam.

Sebanyak kira-kira 3,000 keluarga melibatkan 11 orang mangsa banjir terpaksa dipindah. Hujan lebat yang berlaku selama 3 jam pada awal pagi di 26 Februari dan melebihi 100ml adalah punca utama kejadian banjir kilat tersebut. Bagaimanapun faktor-faktor seperti yang disenaraikan di bawah juga telah mengakibatkan banjir tersebut iaitu:

- (i) aras *platform* sedia ada kawasan perumahan Taman TTDI Jaya yang lebih rendah dari aras banjir;
- (ii) paras air pasang tinggi di Sungai Klang;
- (iii) pembangunan yang pesat di kawasan Tadahan Lembahan Sungai Damansara yang menyebabkan kuantiti air aliran banjir bertambah kira-kira dua hingga tiga kali ganda.

Antara sebab lain ialah aras lebuhraya Persekutuan dan NKVE yang rendah dari aras banjir. Juga sistem saliran sedia ada di beberapa kawasan perumahan yang kurang sempurna dan keupayaan Sungai Damansara sedia ada yang jauh lebih rendah berbanding dengan kuantiti aliran banjir akibat hujan lebat pada pagi 26 Februari. Untuk mengatasi masalah banjir kilat di Shah Alam, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran akan melaksanakan pelan tindakan serta-merta dan pelan tindakan komprehensif seperti berikut.

Di antara tindakan-tindakan serta-merta ialah:

- (i) menyediakan satu pelan tindakan tempatan banjir untuk keseluruhan lembangan Sungai Damansara. Pelan tindakan ini akan menjadi sebuah dokumen rujukan utama bagi setiap aktiviti pembangunan dan usaha-usaha tempatan banjir di seluruh lembangan sungai;
- (ii) melaksanakan kerja-kerja membuang keladak muara hingga Taman TTDI Jaya serta membaiki serta memulihkan benteng-benteng di tempat-tempat yang kritikal di sepanjang Sungai Damansara;
- (iii) mempertingkatkan rangkaian hidrologi ramalan banjir dan menambah siren-siren amaran awal di kawasan perumahan yang terdedah kepada risiko banjir;
- (iv) mengubahsuai dan menaik taraf atau *retrofitting* kolam-kolam takungan sedia ada di lembangan Sungai Damansara untuk ianya berfungsi sebagai kolam-kolam takungan banjir. Sebagai pelan tindakan komprehensif ia bertujuan untuk mengatasi masalah banjir kilat untuk jangka masa panjang dan ianya akan berdasarkan kepada pelan tindakan tempatan banjir yang disediakan.

Kerja-kerja pembinaan akan meliputi menaik taraf sungai pembinaan atau meninggikan benteng sungai, kolam-kolam takungan banjir serta stesen pam struktur-struktur kawalan banjir dan sebagainya. Pelaksanaan kerja-kerja tersebut di atas cadangan untuk disiapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan yang akan datang. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab isu alam sekitar

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Yang Berhormat, sekejap. Selain dari di Shah Alam di tempat-tempat lain pun berlaku banjir. Sebenarnya, apakah sebab berlakunya banjir, dahulu tidak pernah berlaku dan sekarang ini berlaku. Tadi Yang Berhormat beritahu tentang masalah hujan yang berlebihan dan sebagainya. Selain daripada itu, saya hendak penjelasan juga daripada Yang Berhormat, apakah sebab musabab yang menyebabkan banjir-banjir ini berlaku, macam di Kuala Lumpur ini.

Kalau hujan sejam pun sekejap lagi kita hendak balik ke rumah, kadangkala pukul 8, 9 baru sampai ke rumah disebabkan oleh banjir kilat dan sebagainya. Jadi, saya faham hujan dan sebagainya, itu kerja Tuhan. Hujan ini kerja Tuhan, kerja manusia yang bagi rosak hak Tuhan ini apa benda, tolong bagi tahu sedikit dekat Dewan.

\$

**Dato' S. G. Sothinathan:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Sebenarnya kalau lihat masalah *climate change* ini adalah suatu masalah yang benar. Ada ramai yang ingat *climate change* ini tidak berlaku hanyalah saintis-saintis sahaja yang mereka dan ini cuma untuk menakut-nakutkan manusia. Tetapi perubahan iklim ini adalah suatu yang benar yang sedang berlaku di seluruh dunia dan kita mesti menerima dan kalau kita melihat *intensity* hujan yang berlaku pada masa kini dengan yang berlaku jika dibandingkan pada 20 tahun yang lalu memang telah banyak berubah.

*Intensity* yang berlaku sekarang adalah begitu kuat, begitu banyak sekali. Kedua ialah kerana pembangunan. Bila ada pembangunan yang pesat maka di situ semuanya dikongkritkan, akibatnya air tidak dapat meresap. Jadi, dengan serta-merta *concrete drain* terus mengalir ke sungai. Air berkenaan terus berkumpul dan boleh mengakibatkan banjir kilat di sesuatu tempat. Itulah sebabnya masalah ini semakin hari semakin mencabar bagi kawasan-kawasan seperti Kuala Lumpur dan juga di pekan-pekan kecil pun sama juga. Ia ada banyak kawasan perumahan.

Kalau kita lihat di kawasan-kawasan perumahan, kebanyakan tempat terbuka semuanya disimenkan. Jadi, bila air hujan turun, dia terus masuk ke longkang. Mereka tidak mengikut prosedur yang ditetapkan di bawah Manual Mesra Alam Sekitar pun dia tidak mengikut. Di kawasan luar rumah sepatutnya kita mesti menggunakan batu-batu supaya air boleh meresap ke dalam tanah. Tetapi semuanya dikongkritkan. Sebab itu air berkenaan terus mengalir ke alur parit sahaja.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ini bermakna kita tidak boleh salahkan kerja Tuhan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak kena panggil Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Sudah bagi, sudah bagi jalan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kinabatangan, Kinabatangan.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Yang Berhormat bagi Kinabatangan dahulu.

**Datuk Bung Moktar bin Raden:** Hah, Kinabatangan. Duduk dahulu ya? Yang Berhormat, terima kasih. Berhubung dengan banjir, Sungai Kinabatangan ini ialah sungai yang kedua terpanjang dan terbesar di Malaysia. Sungai ini memang diancam oleh banjir tiap-tiap tahun.

Tahun ini melibatkan lebih kurang 2,900 penduduk dipindahkan. Apakah Yang Berhormat boleh memberi jaminan untuk memberi sedikit peruntukan untuk membuat kajian kenapa banjir berlaku di Sungai Kinabatangan ini. Sebab kalau kita tidak buat kajian, akhirnya kita akan berhadapan dengan banjir tiap-tiap tahun dan kerajaan rugi dianggarkan satu kali banjir sebanyak RM400,000 atau RM500,000. Itu untuk bekalan makanan dan juga perubatan. Belum



masuk kehancuran dan juga termasuk perkara-perkara yang mustahak seperti jambatan, jalan raya semuanya menelan belanja lebih kurang RM30 juta.

Saya minta Yang Berhormat melalui kementerian ini menyalurkan peruntukan untuk mengkaji kenapa banjir ini boleh berlaku dan apakah punca-punca dia dan apakah caranya kita boleh mengelakkan daripada banjir ini boleh berlaku. Terima kasih.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Sebenarnya Jabatan Pengairan dan Saliran telah pun membuat satu kajian tentang lembangan-lembangan sungai di negara kita dan kita telah pun mengesyorkan semuanya dalam rancangan yang akan datang ini. Kita tunggulah kalau mendapat peruntukan yang besar mungkin kita akan salurkan lebih banyak lagi untuk memperbaiki keadaan di Sungai Kinabatangan. Kita pun belum tahu berapa banyak yang kita boleh dapat. Saya tidak berani hendak mengatakan serta memberi jaminan kepada Yang Berhormat.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Mambong bangun Yang Berhormat.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Memang kita telah membuat satu kajian tentang perkara ini. Yang penting ialah kita ambil tindakan susulan tentang perkara ini supaya dapat mengatasi masalah banjir. Sila Yang Berhormat bagi Mambong.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang mengapa banjir itu berlaku disebabkan faktor *climate change* dan sebagainya. Tetapi kita boleh melihat bahawa di kebanyakan kawasan, banjir memang tidak boleh dielakkan.

Oleh yang demikian, mengapa seharusnya *Structural Plan* diluluskan. Siapa yang meluluskan *Structural Plan*. Yang kedua, ini pun haruslah masuk di dalam Pelan Tindakan Tebatan Banjir daripada kementerian Yang Berhormat. *Flood Mapping* ini juga harus dibuat kerana kita ingin melihat dan ingin tahu mengenal pasti banjir di sesuatu kawasan. Ini adalah penting supaya pihak yang meluluskan *Structural Plan* ini dapat tahu dan kalau mereka tidak membuat tebatan banjir, itu kesalahan mereka, kesalahan *developer* dan juga jika pembeli membeli rumah di tempat yang akan mengalami banjir ataupun ada potensi banjir, mereka juga harus menyalahkan diri mereka. *Mapping* ini juga adalah penting untuk tindakan Yang Berhormat.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Memang JPS sebagai suatu agensi yang penting dalam perkara ini memang dari semasa ke semasa memberi input kepada mereka dan kepada semua pihak-pihak Berkuasa Tempatan semasa pelan struktur disediakan.

Yang penting ialah supaya semua pegawai-pegawai yang membuat keputusan dalam meluluskan pelan-pelan struktur ini memahami perkara-perkara ini dan juga supaya sesuatu

keputusan yang menyeluruh dapat dibuat sebelum sesuatu projek diluluskan ataupun pelan-pelan pembangunan diluluskan.

Kalau kita boleh mengambil kira faktor alam sekitar khususnya dari segi masalah banjir, kesannya kepada longkang-longkang yang sedia yang mengalir ke sungai dan sebagainya. Saya rasa mungkin kita dapat mengawal perkara ini dengan lebih baik. Beberapa tunjuk ajar dan juga cadangan-cadangan telah dikeluarkan oleh JPS kepada pihak Majlis-majlis Tempatan dan Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan dengan perkara ini.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *[Bangun]*

**Dato' S. G. Sothinathan:** Yang Berhormat bagi Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jeai]:** Yang Berhormat, saya berpendapat begini Yang Berhormat. Saya kasihan kepada JAS ini. Dok kena hari ini. Tetapi bukan apa, sebab kita pun sudah tidak tahu siapa kita hendak hentam, jadi kita beritahu sahajalah. Ini sebenarnya *gross human error* maknanya kesilapan manusia. Manusia mempunyai kuasa kadang-kadang telah melupai kuasa dan mementingkan keuntungan dan akhirnya menyebabkan masalah kepada rakyat.

Saya bersetuju supaya kata muktamad daripada JAS ataupun kementerian ini untuk sesuatu pembangunan harus diambil kira. Macam Yang Berhormat katakan tadi, supaya masalah kerosakan alam sekitar ini tidak berlaku. Saya bersetuju hujan lebat dan sebagainya, Tuhan hendak duga kitalah. Tetapi yang silapnya kita. Bukit itu elok-elok kita buat rumah.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** *[Bangun dan berjalan menuju keluar Dewan]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ingat Dato' yang terkena, terkejut saya *[Ketawa]* Pasal Shah Alam pun kena, kasihan dengan Dato' kita ini. Teruk kena Shah Alam ini, nasib baik Dato', dia boleh berenang *[Dewan riuh]*

Saya berharap Kementerian Alam Sekitar .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hendak cakap dia lemas Yang Berhormat?

**Dato' S. G. Sothinathan:** Okay, terima kasih Yang Berhormat. Saya sekarang menyentuh setakat isu alam sekitar sahaja mungkin Yang Berhormat boleh mencelah masa tersebut. Saya mohon izin untuk menjawab isu alam sekitar bersama isu yang dibangkitkan

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Bukit Mertajam, Yang Berhormat hendak beri jalan? Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya setuju dengan apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Sebenarnya ada masalah dalam pelaksanaan. Memang struktur pelan pun sudah ada. Semua *guideline* pun sudah ada tetapi dalam pelaksanaan atau silap yang mana.

Saya rasa salah satunya ialah kerana atau mungkin rasuah di Majlis Perbandaran kerana di Pulau Pinang iaitu di taman saya sendiri ialah Taman Sri Rambai di Bukit Mertajam. Ia tanah sepatutnya ditambun setinggi tujuh kaki tetapi hanya tambun empat kaki. Tetapi sekarang jadilah kolam selalu banjir.

Pemaju dia buat keuntungan mungkin beberapa puluh ribu tetapi sekarang apa yang menjadi masalah, mungkin perlu beberapa juta untuk mengatasinya. Saya rasa mungkin kementerian Yang Berhormat patut mengadakan Jawatankuasa Bersama di dalam Kementerian Perumahan supaya memastikan dalam pelaksanaannya. Ini patut dielakkan. Masalah seperti ini boleh dielakkan.

Saya juga minta kalau Yang Berhormat bagi Kinabatangan boleh diberi peruntukan juga berikan peruntukan kepada Pulau Pinang juga Bukit Mertajam. Kerana di Pulau Pinang walau pun JAICA sudah mengadakan suatu kajian dan sudah memberi proposal untuk tebatan banjir sejak 1990. Tetapi sampai sekarang hanya separuh daripadanya sahaja dapat dilaksanakan dan masalah sudah menjadi semakin teruk. Dia belum diselesaikan.

Walau pun boleh mengadakan kajian, tetapi mengadakan kajian, mengadakan rancangan tetapi kalau tidak dilaksanakan maka tiada gunanya. Saya rasa kerajaan perlulah mempertingkatkan keupayaan pelaksanaan dari segi ini. Apakah pendapat Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dato' S.G. Sothinathan:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kita telah membuat kajian tentang semua lembangan sungai di negara kita ini tetapi untuk mengatasi semua secara keseluruhan saya rasa kita memerlukan banyak wang berpuluh-puluh bilion untuk menyelesaikan masalah ini. Jadi kita terpaksa beri keutamaan kepada projek-projek yang kritikal kerana ada lagi lain-lain projek pembangunan yang perlu juga diberikan keutamaan oleh lain-lain kementerian.

Jadi walaupun ini adalah perkara yang penting tetapi ada perkara-perkara penting seperti kesihatan untuk pembinaan hospital-hospital pun sangat penting juga. Mana-mana yang kritikal itu memang Kerajaan Persekutuan memberi peruntukan untuk kita melaksanakannya. Di Pulau Pinang pun banyak peruntukan telah pun disediakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan juga banyak dipohon di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Kita akan lihat bagaimana kita boleh membantu masalah-masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Panjang lagi Yang Berhormat?

**Dato' S.G. Sothinathan:** Saya ada 10 minit lagi Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, sila.

**Dato' S.G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon ...

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Bolehkah sebelum alihkan ke tajuk lain. Saya minta penjelasan yang saya bangkitkan berkaitan dengan program tebatan banjir di Sungai Kuyuh di

Serdang di mana JPS telah membelanjakan RM13.8 juta itu dengan tempoh kontrak 2 tahun tetapi dilanjutkan kepada 3 tahun lagi jadi 5 tahun tetapi masih berlaku banjir di Serdang. Jadi apakah sebabnya masih berlaku banjir. Saya minta penjelasan. Saya telah membangkitkan isu ini dalam perbahasan. Mintalah penjelasan dari pihak kementerian apakah sebab berlaku demikian. Sehingga kini masih perlu diselesaikan Sungai Kuyuh ini daripada Wilayah Persekutuan kepada Selangor dan juga apa sebab pelan-pelan yang direka bentuk belum lagi diserahkan kepada pihak JPS Selangor. Minta penjelasan kerana ini adalah penting.

**Dato' S.G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan Sungai Kuyuh ini sebenarnya bahagian hilir Sungai Kuyuh ini terletak di kawasan Wilayah Persekutuan dan bahagian hulunya pula terletak di kawasan Selangor. Projek Sungai Kuyuh telah dilaksanakan dalam satu pakej dan dikawal selia oleh JPS Wilayah Persekutuan. Projek ini telah siap pada bulan Januari 2005. JPS Wilayah Persekutuan sedang dalam proses menyerahkan Sungai Kuyuh bahagian hulu kepada JPS Selangor yang akan bertanggungjawab ke atas penyelenggaraan sungai tersebut pada masa yang akan datang. Lebih kurang RM14 juta telah pun dibelanjakan untuk projek ini. Jadi saya rasa ....

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan lagi. Kalau projek ini siap pada Januari 2005 tanggungan kecacatan adalah satu tahun. Di antara pada tempoh ini berlaku banjir, apa sebab dengan perbelanjaan sebanyak RM14 juta itu apa sebab puncanya berlaku lagi. Ini tidak dapat diterima oleh rakyat di situ. Mintalah pandangan kementerian dan beritahu apakah sebenarnya masalah berlaku demikian.

**Dato' S.G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita juga ada lihat beberapa pokok masalah, seperti semak samun dan kolam-kolam takungan yang dibina oleh penduduk setempat. Selepas banjir semua ini telah dirobuhkan semua tempat-tempat. Kita akan lihat bagaimana kemajuan di Sungai Kuyuh ini selepas ini dan kalau ada mungkin kita akan mengambil tindakan susulan selepas itu.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa memerlukan sumber wang yang banyak itu saya faham. Ini menunjukkan bahawa kerajaan mesti lebih berhati-hati apabila meluluskan dan melaksanakan rancangan. Akibat ini semua kerana kegagalan sesetengah *government department* untuk melakukan melaksanakan projek dengan baik. Saya pun faham bahawa keadaan ini memerlukan wang tetapi bolehkah saya merayu supaya peruntukan untuk mengindahkan alam sekitar itu diijamatkan dahulu untuk tebatan banjir. Selepas kita mengatasi masalah banjir ini, barulah kita mengindahkan. Kalau tidak sekarang seperti seorang yang tidak sihat tetapi dia membelanjakan wang ke atas *make up*. Saya rasa itu perbelanjaan yang tidak munasabah. Dia sepatutnya mengutamakan kesihatannya dahulu. Bolehkah Yang Berhormat menyampaikan pandangan ini.

**Dato' S.G. Sothinathan:** Sebenarnya kita tidak banyak membelanjakan duit untuk mengindahkan alam sekitar. Cuma dengan tabiat kita sahaja kita boleh pastikan kita memelihara

alam sekitar yang sedia wujud. Jadi kita bukan membelanjakan duit untuk itu dan ini, tidak. Tetapi kalau di kawasan Yang Berhormat ada projek yang begitu kritikal mungkin kita boleh lihat tetapi kita tidak boleh menjamin tidak akan berlaku banjir. Di mana-mana negara maju pun di mana mereka sanggup berbelanja berbilion-bilion ringgit pun mereka tidak boleh selesaikan. Apa yang boleh kita boleh ialah dengan izin *mitigate the damages* kesan daripada banjir ini atau kalau terjadi banjir apa kesan-kesannya mungkin boleh dikurangkan. Tetapi kita tidak boleh cakap dengan berbelanja berbilion-bilion ringgit kita boleh mengelakkan banjir sama sekali, itu memang tidak boleh.

Saya mohon izin untuk mengalih kepada isu alam sekitar yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sungai Petani, Yang Berhormat bagi Mambong, Yang Berhormat bagi Sekijang, Yang Berhormat bagi Rasah, Yang Berhormat bagi Kuala Selangor dan Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 tidak memerlukan industri yang mengeluarkan buangan terjadual mendaftar dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Namun begitu kaedah kawalan yang dibuat oleh kementerian di bawah Akta berkenaan menetapkan supaya pihak industri memberitahu secara bertulis kepada Jabatan Alam Sekitar mengenai jenis buangan terjadual dan kuantiti yang dihasilkan. Industri berkenaan juga dikehendaki menyimpan rekod inventori pengeluaran buangan terjadual mereka untuk tempoh 3 tahun bagi membolehkan pihak Jabatan Alam Sekitar memantau pengeluaran dan ia dilakukan mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Prosedur pelupusan buangan terjadual dinyatakan dengan jelas dalam Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling Buangan Terjadual 2005. Tanggungjawab dan peranan pihak-pihak yang terlibat dengan pengurusan buangan terjadual seperti pengeluar buangan, kontraktor pengangkut dan kemudahan penerimaan buangan terjadual bagi tujuan pelupusan dan pengitaran semula ada dinyatakan secara terperinci di dalam peraturan di atas. Antara prosedur tersebut ialah setiap pihak dikehendaki memberitahu jenis dan kuantiti buangan terjadual yang dihasilkan iaitu bagi pengeluar yang diangkut bagi kontraktor dan diterima bagi kemudahan penerimaan bagi pihak-pihak yang terlibat.

Pihak-pihak pengeluar, kontraktor dan kemudahan penerimaan dikehendaki memberitahu melalui nota *consignment* di atas setiap pembuangan tersebut kepada Jabatan Alam Sekitar. Jabatan Alam Sekitar pula memantau dan memastikan pergerakan sisa tersebut selesai dalam tempoh 30 hari. Jika prosedur ini gagal dipatuhi pihak-pihak yang terlibat di atas akan dikenakan notis daripada Jabatan Alam Sekitar meminta penjelasan mengenai kegagalan ini.

Pelaksanaan sistem dan prosedur ini tidak menjamin keberkesanan sepenuhnya jika ada pihak-pihak yang tidak jujur. Terdapat kes-kes di mana sesetengah pengeluar tidak mengisytiharkan kuantiti sebenar sisa toksik yang dihasilkan oleh mereka di atas alasan kurang pengeluaran dan ini bermakna kurang penjana buangan. Kuantiti sisa yang tidak diisytiharkan

ada kalanya dilupuskan secara haram di ladang-ladang kelapa sawit dan getah sebagai mana yang berlaku di Sungai Goton, Labis.

Bagi mencegah aktiviti pelupusan haram pada masa hadapan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar terus mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan dan perisikan di seluruh negara. Antara usaha lain yang sedang dijalankan termasuklah meminda kualiti Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dengan memasukkan Peruntukan Tahanan Reman dan Hukum Penjara Mandatori bagi kes pelupusan haram buangan terjadual dan memasukkan satu peruntukan khusus untuk menggalakkan orang ramai memberi maklumat mengenai kegiatan haram berkaitan alam sekitar kepada agensi-agensi penguatkuasaan.

Bagi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sungai Petani, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan meneliti cadangan Yang Berhormat supaya menambah pegawai ...

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Penjelasan Yang Berhormat.

**Dato' S.G. Sothinathan:** ...Saya habiskan ayat ini. .. bagi menambah pegawai penguatkuasaan bagi memantau kes-kes pencemaran alam sekitar supaya tindakan proaktif bagi menangani isu alam sekitar yang timbul dapat dilaksanakan. Silakan Yang Berhormat.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin menyentuh tentang sisa-sisa toksik yang seharusnya dibawa untuk di lupus di Bukit Nanas. Nampaknya tadi, Jabatan Alam Sekitar sudah ada sistem-sistem inventori, nota-nota *consignment*, sistem notifikasi, sistem penjejakan dan sebagainya tetapi ia berlaku juga. Apa sebenarnya kesalahan di sini. Jabatan Alam Sekitar tidak dapat tahu bahawa ada pelupusan sisa-sisa toksik dihantar di tempat yang lain. Dan di dalam kes Kampung Sungai Gatung, Yong Peng kenapa hanya pengeluar *factories* yang mengeluarkan sisa-sisa toksik didakwa.

Kenapa pemunya tanah tidak didakwa? Kerana di dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling adalah jelas bahawa semua haruslah didakwa. Jadi adakah pemunya tanah ini akan didakwa dan pembawa sisa-sisa toksik ini juga akan didakwa di mahkamah?

**Dato' S. G. Sothinathan:** Terima kasih Yang Berhormat Mambong memang di bawah peruntukan undang-undang yang sedia ada, memang ada tiga pihak yang boleh didakwa dan semua hasil siasatan telah pun dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara dan terpulang kepada Jabatan Peguam Negara mengikut keperluan sesuatu kes itu, selok-belok kes itu dan juga maklumat-maklumat yang ada, maka bermakna satu pihak yang hendak didakwa itu terpulang kepada Jabatan Peguam Negara. Sila, Yang Berhormat Ayer Hitam.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini melibatkan kepentingan pengundi saya, di kawasan sayalah. Tadi Yang Berhormat mengatakan buangan terjadual itu. Masalah utamanya ialah yang pertama, kita tidak buat kerja dengan baik kerana kalau kilang itu keluaran sekian banyak jumlah sisa toksik, dia sepatutnya mempunyai *environmental audit* dan berapakah kuantiti yang dihantar kepada kualiti alam akan

dicatat. Kalau ada kebocoran tindakan akan diambil. Tetapi saya berasa memang tidak selesa sangat disebabkan saya nampak di Melaka, kilang di Melaka saya tidak tahu JAS buat apa.

JAS Johor memang bertungkus-lumus hendak menyelamatkan keadaan, tetapi JAS Melaka saya tidak boleh maafkan kerana mereka sepatutnya membuat pemeriksaan itu dan apabila sisa buangan terjadual ini dihantar kepada Bukit Nanas, kadar yang dikenakan sekarang saya berasa kesal. Kementerian ini yang diswastakan kualiti alam, akhirnya bayaran ke atas kos pembersihan sisa toksik dikenakan RM3.5 juta. Kenapa tidak ada rasa tanggungjawab syarikat swasta ini, kita yang bagi peluang kepada mereka supaya menjadi satu syarikat swasta dan saya hendak minta kementerian kaji semula.

Kalau ini yang berlaku mereka telah melaburkan pelaburan kapital dan mereka kenakan caj RM350 hingga RM450 setan. Saya rasa ini adalah satu kadar yang terlalu tinggi sebab itu ada kebocoran. Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam hal ini, apa yang perlu kerajaan lakukan kalau kualiti alam kenakan bayaran terlalu tinggi terhadap kerajaan sekalipun saya rasa kita kena kajilah konsesi itu. Kalau tidak kita ambil alih, saya rasa cara itu kita dapat memantau dengan lebih rapi. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' S. G. Sothinathan:** Terima kasih Yang Berhormat Ayer Hitam. Berkaitan dengan saranan supaya satu *environmental audit* - itu sangat penting memang saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat. Itu adalah cara yang paling efektif sebenarnya untuk membendung masalah ini. Jadi kalau kita dapat lakukan satu *environmental audit* yang sempurna, saya rasa kita boleh mengenal pasti mana-mana kebocoran. Jadi buat masa ini memang itu tidak diperlukan di bawah peruntukan yang ada, tetapi kita telah pun pastikan bahawa *environmental audit* itu tadi dijadikan satu syarat yang penting sebagai satu langkah untuk membendung masalah pelupusan secara haram ini. Jadi saya ucapkan terima kasih kerana.....

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Penjelasan Yang Berhormat.

**Dato' S. G. Sothinathan [Telok Kemang]:** .....sebelum ini pun Yang Berhormat telah berikan satu sokongan dan juga satu pandangan yang begitu bernas tentang perkara ini.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** *Environmental audit* memang ada di dalam Akta Alam Sekeliling, kalau saya tidak salah di dalam Peruntukan 32 kalau saya tidak salah atau Peruntukan 20 lebih, 32 betul ya? Kenapa untuk kerja pembersihan dulu tidak menggunakan Tabung Alam Sekitar? Kerana di bawah Peruntukan 34 (B), ini memang sudah jelas bahawa Tabung Alam Sekitar seharusnya digunakan untuk pembersihan termasuk di dalam Peruntukan 36D(b). Kenapa itu tidak dibuat? Selama ini berapakah jumlah wang yang telah pun disumbangkan oleh industri-industri negara ini ke dalam *environmental fund* ini? Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' S. G. Sothinathan [Telok Kemang]:** Itu Yang Berhormat Mambong memang *environmental audit* ini memang disebut di dalam akta ini, tetapi belum ada satu peraturan yang

tetap untuk *environmental audit* ini dan berkaitan dengan *environmental fund*, ini pun kita masih belum tubuhkan. Jadi kerana kita bimbang perkara ini akan meningkatkan lagi kos perniagaan untuk buat perniagaan di Malaysia, jadi itulah sebabnya kita berjaga-jaga untuk mengenakan *environmental fund* ini. Tetapi saya rasa sudah tiba masanya kita memberi satu pertimbangan yang serius kepada penubuhan *environmental fund*. Jadi terima kasihlah Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang akhir Yang Berhormat penghabisanlah.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Ya, yang akhir.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Baharom bin Mohamed [Sekijang]:** [*Bangun*]

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Tuan Yang di-Pertua hendak tanya, *fund* untuk Yong Peng yang sekarang tidak dibersihkan macam mana?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua untuk Yong Peng ini, sebenarnya tabung yang digunakan adalah daripada kerajaan negeri dan juga daripada bencana alam sekitar yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan. Tetapi kita telah pun meminta kepada Jabatan Peguam Negara supaya kalau boleh kita terpaksa juga menuntut balik kos yang telah kita kena untuk melupuskannya di kualiti alam.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Tetapi Timbalan Menteri yang itu untuk Kampung Gatong bukan di Yong Peng.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yong Peng belum ada lagi.

**Tuan Baharom bin Mohamed [Sekijang]:** Timbalan Menteri *hello...*

**Dato' S. G. Sothinathan:** Saya belum jawab lagi Yong Peng Yang Berhormat. Ya silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, yang penghabisan Yang Berhormat.

**Tuan Baharom bin Mohamed [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih Timbalan Menteri. Saya hendak bertanya sedikit kerana kawasan saya pun terlibat dengan pembuangan sisa toksik ini. Saya hendak bertanya tadi berkaitan dengan kontraktor, saya hendak tahu berapa banyak, berapa ramai kontraktor yang dilantik oleh Jabatan Alam Sekitar ini untuk melupuskan sisa-sisa toksik ini sehinggakan agaknya terlalu sukar untuk mereka ini dapat membuang sisa-sisa toksik ini, sebab apa yang berlaku di tempat saya apabila dilaporkan hanya kawasan itu dipagari sahaja dengan tali plastik, yang mana benda itu terbiar sampai dua minggu dan saya hendak tahu berapa lama selepas dilaporkan tindakan perlu diambil, kerana saya mendapati kawasan tersebut adalah berdekatan dengan sungai, berhampiran dengan



sumber air yang kira-kira lima atau enam kilometer ada kawasan sedutan untuk air minuman untuk kegunaan orang ramai.

Jadi kalau tindakan-tindakan tidak diambil dengan segera, kalau hujan berlaku, limpahan dan sebagainya ataupun limpahan air di tebing sungai tersebut, maka air ini akan masuk dan akan disedut dan akan digunakan oleh orang ramai, oleh rakyat kita. Jadi saya hendak tahu berapa lama tindakan yang perlu diambil oleh alam sekitar ini untuk menggali ataupun memindahkan semula ini. Terima kasih.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya mana-mana kilang yang menghasilkan sisa toksik itu tidak boleh menyimpan barang-barang bahan toksik itu di kawasan premis-premis mereka untuk selama-lamanya, memang kita ada hadkan masa tetapi saya tidak pastilah berapa hari, 60 hari, enam bulan saya tidak pastilah saya akan berikan secara tulis kepada Yang Berhormat.

**Tuan Baharom bin Mohamed [Sekijang]:** Timbalan Menteri, dia bukan kawasan dalam premis, ini kawasan yang ditanam secara haram ini yang dibuang secara haram ini. Jadi apabila kawasan itu terbiar dan dilihat dengan begitu sahaja dan saya takut keadaan hujan ataupun limpahan air berlaku di tebing, sebab saya kira lebih kurang lima atau enam meter sahaja daripada sungai besar, Sungai Muar itu yang mengalir, yang lebih kurang lima atau enam kilometer, ada satu kawasan sedutan air.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Di kawasan mana ini?

**Tuan Baharom bin Mohamed [Sekijang]:** Di Sekijang. Saya sudah bercakap dulu dalam.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Pergi dah Yang Berhormat ke kawasan itu?

**Tuan Baharom bin Mohamed [Sekijang]:** Jadi kawasan ini lima enam meter sahaja daripada tebing sungai, jadi kalau berlakunya *leaking* daripada sini.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Baharom bin Mohamed [Sekijang]:** Maka orang ramai akan minum air ini.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Terima kasih Yang Berhormat, jadi kita akan melihat perkara ini dan mengambil tindakan sewajarnya kerana saya tidak ada maklumat tentang perkara ini buat masa ini. Jadi bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Ayer Hitam mengenai sisa toksik di Yong Peng, dimaklumkan bahawa Jabatan Mineral dan Geosains baru selesai menjalankan kajian geologi bagi tapak tersebut dan mendapati terdapat dua tapak berdekatan di Yong Peng yang diguna untuk melupuskan buangan *aluminium dross*. Jumlah sisa toksik yang dilupuskan adalah 382 meter padu dan berdasarkan penemuan ini, kini JAS Johor sedang mengambil tindakan untuk membersihkan kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat bagi Mambong tentang program penguatkuasaan sememangnya dirancang untuk melaksanakan sepanjang

tahun, dan Jabatan Alam Sekitar menggunakan sasaran tertentu untuk dicapai berdasarkan peruntukan perbelanjaan yang disediakan serta memaksimumkan tenaga kerja yang sedia ada. Pada penghujung tahun, prestasi setiap anggota penguatkuasaan akan diukur berdasarkan kepada program yang telah dirancang ini.

Bagi memberi kesedaran kepada orang ramai Kempen Cintai Alam Sekitar, kempen-kempen pendidikan dan kesedaran alam sekitar melalui pameran, kem-kem dan ceramah-ceramah alam sekitar telah dan akan terus dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama Kementerian Pendidikan bagi tujuan menyebarkan dan meningkatkan kesedaran orang awam termasuk sekolah-sekolah ataupun kumpulan-kumpulan tertentu mengenai pentingnya menjaga dan memelihara alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu yang dibangkitkan oleh Ipoh Barat berhubung pencemaran alam sekitar seperti pembakaran haram berleluasa, pembuangan sisa toksik dan pembuangan sampah sarap secara tidak terkawal.

Beliau ingin mendapatkan kepastian berhubung kesahihan laporan Alam Sekitar 2004 yang melaporkan sungai-sungai dan alam sekitar Malaysia tidak tercemar sedangkan laporan alam sekitar mengatakan sungai-sungai di Malaysia adalah teruk tercemar. Beliau juga membangkitkan isu berhubung ketidakpekaan kontraktor ataupun pemaju untuk menjaga alam sekitar menyebabkan banyak khazanah hutan seperti pokok berharga ditebang sesuka hati.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan mesyuarat**]

Sebenarnya bagi menentukan kualiti air, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah menjalankan pemantauan kualiti air di 120 lembangan sungai pada tahun 2004. Daripada keputusan analisis kuantiti air, kualiti air yang dilakukan adalah didapati bahawa kualiti air bagi 58 lembangan sungai atau 48% berada di tahap bersih, 53 ..

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Mambong. Cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Saya habiskan ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Banyak lagi Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Dato' S. G. Sothinathan:** Dua minit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Habiskanlah sebab ada 18 kementerian.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Iaitu ada 53 lembangan sungai berada di tahap sederhana dan 9 lembangan sungai adalah tercemar. *[Disorak]* Bilangan lembangan sungai tercemar telah menurun daripada 12 pada tahun 2000 kepada 9 pada tahun 2004. Senarai 9 lembangan sungai

di Malaysia yang masih tercemar mengikut negeri adalah seperti berikut iaitu di Pulau Pinang, Sungai Juru, Sungai Pinang dan Sungai Jejawi. Bagi Selangor, Sungai Buloh dan Sungai Klang. Dan, ketiga bagi Johor, Sungai Saget, Sungai Kempas, Sungai Danga dan Sungai Tukang Batu.

Dan, mengenai jambatan gerbang perdana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ledang, perkara ini adalah di bawah urusan Kementerian Luar Negeri dan perkara-perkara yang diketengahkan oleh Yang Berhormat tadi telah pun diambil kita dalam pertimbangan membina jambatan tersebut.

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Penjelasan Timbalan Menteri. Terima kasih. Ini tentang pemantauan kualiti air sungai ini. Saya difahamkan bahawa pemantauan adalah dibuat oleh kontraktor Syarikat Asma, apakah protokol yang digunakan untuk pemantauan? Itu satu.

Yang kedua, adakah Jabatan Alam Sekitar benar-benar mengawasi kerja mereka ini? Ini kerana yang saya tahu ada seorang pegawai di Astma telah pun mengubah suai data sejak beliau bekerja di situ, 8 tahun. Jadi, ini adalah satu masalah sehinggalah didapati bahawa dia mengubahsuai data tetapi dia dibuang kerja. Ini adalah satu masalah dengan syarikat kontraktor ini yang membuat pemantauan kualiti sungai. Yang saya mahu tahu sekarang apakah protokol yang digunakan?

Dan ketiga, adakah pemantauan rapi daripada Jabatan Alam Sekitar terhadap kontraktor-kontraktor ini? Sekian, terima kasih.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Mambong. Sebenarnya Syarikat Alam Sekitar Malaysia Sdn. Bhd. yang membuat penilaian, mereka telah pun diberi konsesi untuk membuat pemantauan tentang kualiti udara dan juga air di negara kita ini. Jadi, mereka telah pun menjalankan tugas mereka setakat ini dengan baik dan kita berpuas hati dengan apa yang telah dilakukan oleh mereka. Tetapi buat masa ini, kita juga ada sistem *online* dengan kementerian dan juga jabatan-jabatan di negeri masing-masing di mana kita boleh juga melihat semua bacaan-bacaan yang dikeluarkan itu dengan serta merta. Jadi, saya rasa tidak ada ruang untuk mereka mengubahsuai data-data yang dikemukakan kepada kementerian kerana semuanya adalah secara *online*.

Jadi, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun memberi *input-input* yang sangat bernilai dan juga kepada pihak media massa dan juga badan-badan bukan kerajaan serta orang awam yang membantu meningkatkan kesedaran serta sikap bertanggungjawab di kalangan masyarakat terhadap penjagaan sumber asli dan alam sekitar. Kementerian akan terus memainkan peranan yang proaktif dalam memastikan pengurusan sumber asli dan alam sekitar negara terus dipertingkatkan. Di antara lain dengan memperkenalkan program-program baru yang dapat memperbaiki kualiti hidup semua rakyat di negara ini, dalam masa yang sama mengekalkan pembangunan yang lestari. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kementerian Pelajaran, dengan ini saya menjemput Yang Berhormat Menteri Pelajaran.

**7.34 mlm.**

**Menteri Pelajaran [Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga bersama dengan rakan-rakan lain hendak mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian, memberi pandangan, saranan, teguran untuk menambah baik sistem pendidikan negara. Dalam masa yang terhad ini, izinkan saya memberi penjelasan kepada beberapa isu yang telah pun dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tempoh perbahasan berlangsung, idea serta perkara-perkara yang berkaitan dengan penambahbaikan sistem pendidikan negara menjadi fokus ramai Ahli-ahli Yang Berhormat kita. Sememangnya hasrat kita sama iaitu kita semua mahu mengangkat sistem pendidikan kita agar ia bertaraf dunia dan setanding dengan sistem pendidikan mana-mana negara maju. Kami di Kementerian Pelajaran sedar bahawa tugas dan tanggungjawab kami di sini amatlah berat. Bukan sahaja kerana kita terpaksa memikul amanah untuk melahirkan insan berilmu dan bersahsiah tinggi malah turut berperanan untuk merealisasikan matlamat kenegaraan yang akan menentukan jatuh bangun bangsa dan negara pada masa-masa yang akan datang.

Saya setuju wawasan pendidikan kita ini perlu menuju ke arah hasrat untuk mencapai kehendak matlamat Wawasan 2020. Justeru pelan perancangan pendidikan yang ingin dirangka perlu memenuhi sasaran berikut:

- (i) perlu berupaya untuk membentuk ciri individu dan masyarakat bangsa Malaysia yang kita inginkan dalam negara Malaysia tahun 2020;
- (ii) perlu berupaya untuk menyediakan akses, ekuiti dan juga pendidikan berkualiti untuk semua golongan tidak kira kaum, latar belakang dan agama kerana ketika itu kita tidak mahu ada mana-mana golongan yang tercicir daripada arus kemajuan negara;
- (iii) perlu terarah untuk memastikan pembangunan yang mapan agar kemajuan serta pembangunan yang kita capai dapat terus dipertahankan.

Tuan Yang di-Pertua, dari aspek pembangunan fizikal dalam tempoh lima tahun ini, setidak-tidaknya kita mesti berusaha untuk memastikan sekolah-sekolah kita mempunyai infrastruktur asas dan tidak beroperasi dalam keadaan daif serta merbahaya. Insya-Allah, sepanjang tempoh lima tahun ini juga kita akan membestarikan kesemua sekolah di seluruh negara. Sebenarnya proses pembestarian sekolah telah pun mengambil tempat di sekolah-sekolah kita. Melalui pelbagai inisiatif ICT, sebahagian besar sekolah kita telah pun dilengkapi dengan komputer meja, *note book*, perisian-perisian kursus, 96% atau 9,200 buah sekolah kita juga telah dirangkaikan dengan akses internet jalur lebar.

Mana kala sekitar 200 ribu guru kita juga telah dilatih menggunakan perkakasan yang telah pun dibekalkan. Dalam tempoh lima tahun ini, kita akan memastikan nisbah komputer meja terhadap pelajar dan nisbah *note book* terhadap guru berkurang, menambah perisian kursus untuk lebih banyak mata pelajaran dan memantapkan latihan guru dan kursus pengurusan perubahan di sekolah-sekolah kita. Dalam sistem pendidikan bertaraf dunia yang ingin kita bangunkan ini, kita juga berhasrat tidak menjadikannya terlalu berorientasikan peperiksaan. Kita telah mengorak langkah awal dengan menggunakan pendekatan baru dalam pelaporan keputusan semua peperiksaan awam kita.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Bukit Mertajam.

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Bukit Mertajam, *can I just*, dengan izin, biar saya habiskan isu ini dulu dan boleh tanya apa hendak tanya. Laporan telah dibuat berdasarkan pencapaian dalam setiap mata pelajaran dan prestasi cemerlang para calon selain menghebahkan kecemerlangan pelajar di dalam aktiviti kokurikulum. Dalam memorandum kepada Jemaah Menteri berkenaan program kokurikulum juga, kita telah menetapkan penglibatan pelajar dalam kokurikulum sebagai salah satu merit bagi kemasukan pelajar ke sekolah berasrama penuh, sekolah menengah kebangsaan agama, sekolah menengah teknik, program matrikulasi dan juga maktab perguruan.

Selain itu, sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, kita akan mengkaji dan merintis saranan untuk mengurangkan bilangan mata pelajaran dalam peperiksaan awam dan hanya menguji mata pelajaran-mata pelajaran tertentu di peringkat sekolah. Melihat semula sistem penggal dan menggantikannya dengan sistem semester. Mengubah cara penilai pencapaian daripada tahun lalu berasaskan kandungan iaitu *content base*, dengan izin, kepada yang lebih berasaskan kemahiran, *skill base* ataupun daripada yang bersifat ujian pencapaian, *achievement test* kepada yang bersifat ujian kebolehan am, *which is general ability test*, dengan izin. Mencari kaedah taksiran yang mampu menggalakkan pembinaan keperibadian dalam mata pelajaran seperti pendidikan seni dan pendidikan jasmani. Dan, akhir sekali mengubah pendekatan pengajaran dan pembelajaran misalnya dengan memperbanyakkan pendekatan pengurusan projek.

Sekiranya, proses pembelajaran dan pengajaran kita dan cara kita mentafsir dan juga menilai pencapaian pelajar berubah, Insya-Allah, secara tidak langsung segala *element multiple intelligent* seperti yang disentuh oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, Yang Berhormat bagi Larut, dan Yang Berhormat bagi Santubong juga akan lebih menyerlah. Sila, Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terlebih dahulu saya hendak menyambut baik apa yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri dalam surat khabar hari ini bahawa kementerian akan membenarkan SRJK (C) yang kekurangan guru

digajikan guru. Tapi saya juga ingin bertanya mengapa mengambil masa yang agak panjang kerana masalah ini telah wujud apabila sekolah ini dibuka semula iaitu pada Januari.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Sampai masa bila Menteri.....

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tidak apa, tidak apa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** .....bangkitkan perkara.....

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** .....dan.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** .....tentang guru baru minta penjelasan.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ya, tidak apa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukan sekarang.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Dan saya hendak tanya juga adakah sekolah-sekolah yang mempunyai bangunan yang tidak selamat akan diberi keutamaan untuk mengatasi masalahnya kerana dalam satu soalan yang diberikan jawapan hari ini saya bertanya berapa buah sekolah yang mempunyai bangunan yang tidak selamat yang telah di baik pulih semula. Jawapan ini tidak begitu lengkap kerana dia tidak beritahu saya bahawa sama ada.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.....

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** .....umpamanya.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** .....sepatutnya soalan seumpama ini boleh tanya apabila Yang Berhormat Menteri membangkitkan perkara yang lebih kurang sama atau lebih sesuai.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tuan Yang di-Pertua, memang Yang Berhormat Menteri telah katakan perkara ini dengan sekolah-sekolah yang usang. Jadi umpamanya saya dikatakan bahawa terdapat 71 buah sekolah kebangsaan yang mempunyai bangunan yang tidak selamat. Berapakah bangunan sekolah ini yang telah di baik pulih dan juga di SRJK (C) dan SRJK (T). Saya merasa hairan kerana SRJK (T) jumlah sekolahnya adalah terkecil di dalam negara kita tetapi jumlah sekolah SRJK (T) yang mempunyai bangunan yang tidak selamat adalah tertinggi kalau berbanding dengan SK dengan SRJK (C). Apakah sebabnya?

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, masa begitu terhad.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Bolehkah Yang Berhormat.....

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Kita ada ruang lain untuk.....

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Kita boleh sampai besok.

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** .....membincangkan isu-isu yang lebih terperinci.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Tetapi izinkan saya meneruskan ucapan.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Kita boleh teruskan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Yang Berhormat boleh saya mencelah. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Yang Berhormat bagi Larut *no problem*.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat. Mukadimah Yang Berhormat tadi telah pun menyentuh tentang masalah pelajar tercicir kerana ini satu masalah yang besar yang kita mesti lihat untuk jangka panjang dan kita tahu bahawa kebanyakan pelajar tercicir ini bukan kehendak mereka dan merupakan kelompok yang begitu besar....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bolehkah saya cadangkan Menteri lanjutkan jawapan beliau dan tentang perkara yang dibangkitkan semasa ada berkaitan saya fikir lebih sesuai untuk....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut tentang tercicir.

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Saya akan sentuh tercicir secara lebih terperinci.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Okay.

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Sama juga dengan GSTT dengan sekolah SJK (C). Tuan Yang di-Pertua, dalam sistem pendidikan bertaraf dunia yang kita inginkan kita tidak akan melupakan keunikan sejarah dan kepelbagaian yang kita warisi. Bagi merealisasikan hasrat wawasan untuk melahirkan satu masyarakat bangsa Malaysia yang bersatu padu kita akan berusaha memantapkan lagi program-program seperti Rancangan Integrasi Murid untuk perpaduan *remove* seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Rasah.

Kita sedar bahawa sekolah adalah agen terbaik untuk menyemai semangat perpaduan dan integrasi kaum di kalangan murid kita. Selain sekolah, kita juga mengangkat program matrikulasi dan program latihan perguruan kita bertaraf dunia. Kita berterima kasih di atas kelulusan jemaah Menteri untuk kita menaik taraf maktab-maktab perguruan kepada institut-institut pendidikan guru.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Serentak dengan keputusan ini....

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Mohon Penjelasan.

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** ....kita akan segera menaik taraf dan membaik pulih....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** ....maktab-maktab perguruan yang telah uzur dan berusia.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pelajaran. Tentang guru ini, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat berhubung dengan

lambakan guru ini iaitu dari segi unjuran guru. Kita dapati dalam keadaan sekarang ini terlalu ramai guru tidak menepati penawaran dan juga *demand supply* dengan izin yakni guru-guru kelulusan universiti sekarang misalnya di UPSI dan universiti-universiti lain yang turut sama seolah-olah bersaing dengan begitu sengit sekali dengan bahagian pendidikan guru dan bahagian pendidikan guru ini seolah-olah sebagai *gatekeeper*.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat sejauh manakah hubungan kita dan perbincangan kita dengan Kementerian Pengajian Tinggi untuk memastikan unjuran guru ini menepati sasarannya dan di antara *demand in supply* nya sebab ini akan menimbulkan keresahan kepada pemegang-pemegang diploma seperti mana diploma yang telah lulus program misalnya daripada KUSZA ataupun di universiti-universiti yang lain yang sudah mempunyai kelayakan akademik yang serupa. Apakah tindakan susulan daripada Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih Yang Berhormat bagi kuala Terengganu. Satu soalan yang begitu kritikal yang begitu penting di mana Kementerian Pelajaran dan juga Kementerian Pengajian Tinggi daripada peringkat pegawainya telah pun bermesyuarat tiga empat kali sudah. Saya akan berjumpa dengan Menteri Kementerian Pengajian Tinggi hari Jumaat ini dan benar bahawa dari segi di atas kertas jumlah guru berlebihan. Tetapi dari segi opsyen dan lokasinya mewujudkan satu keadaan yang *mismatch* yang tidak kena yang perlu kepada unjuran yang lebih mendalam.

Di peringkat Kementerian Pelajaran Insya-Allah, lebih guru ini dapat diatasi tahun 2007 sahaja. Sebab itu nanti bila saya sentuh berhubung kait dengan GSTT itulah sebabnya kita beri kelonggaran supaya bila unjuran itu dapat ditetapkan, ianya dapat memenuhi kelemahan-kelemahan yang wujud. Tetapi saya setuju bahawa IPTA, IPTS dan UPSI juga mengeluarkan guru-guru kita, memerlukan satu sasaran bersama di antara Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi dan ini sedang dilakukan.

Saya percaya dengan segala usaha dan perancangan kita untuk menambah baik kurikulum, program kokurikulum dan kaedah pentafsiran serta usaha untuk menengahkan, menguji dan memasarkan produk-produk pendidikan kita di peringkat antarabangsa sistem pendidikan kita akan menjadi semakin mantap seterusnya akan diberi pengiktirafan yang sewajarnya dalam peta pendidikan dunia.

Isu memperkasakan sekolah kebangsaan seperti yang disentuh oleh Yang Berhormat bagi Kuala Pilah dan juga Yang Berhormat bagi Sungai Petani telah banyak kali dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini. Kerajaan akan terus berusaha memperkasakan sekolah kebangsaan kerana yakin bahawa sekolah kebangsaan merupakan wadah terbaik untuk memupuk perpaduan, kerjasama dan semangat cintakan negara di kalangan anak-anak kita. Kita berharap dalam tempoh lima tahun ini, kita akan dapat mengadakan infrastruktur asas seperti bekalan elektrik 24 jam dan bekalan air awam kepada semua sekolah kebangsaan yang



terpinggir ini. Kita juga berhasrat untuk memastikan semua sekolah kebangsaan yang terpinggir mendapat prasarana yang sama seperti sekolah yang lebih bernasib baik.

Selain komponen fizikal, kerajaan juga akan memastikan agar komponen bukan fizikal di sekolah kebangsaan ditambah baik. Kerajaan akan berusaha menjadikan sekolah kebangsaan lebih beraspirasi nasional, terus meningkatkan pencapaian akademik dan kurikulum pelajar, membangunkan budaya sekolah yang cemerlang, meningkatkan kualiti kepimpinan pengurusan dan guru supaya ianya menyeimbangkan nisbah guru dari pelbagai etnik serta meningkatkan penglibatan dan rasa kepunyaan ibu bapa serta komuniti terhadap sekolah masing-masing.

Sebagai salah satu langkah untuk menarik minat ibu bapa bukan Melayu terhadap sekolah kebangsaan, kerajaan akan mepakejkan semula pelaksanaan pengajaran mata pelajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil di sekolah kebangsaan. Usaha ini merupakan penambahbaikan terhadap pelaksanaan mata pelajaran Bahasa Cina komunikasi dan bahasa Tamil komunikasi.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Penjelasan.

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** ....yang telah dilaksanakan di sekolah-sekolah kebangsaan sejak tahun 2002. sekejap ya. Bagi menarik minat ibu bapa pelajar Islam pula, kerajaan merancang untuk memperluaskan pelaksanaan pengajaran Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab (J-QAF) ke sebanyak 4,568 buah sekolah lagi dalam RMK-9. Ini merupakan tambahan kepada pelaksanaannya di 1,221 buah sekolah pada RMK-8. Kementerian Pelajaran akan melaksanakan usaha untuk memperkasakan sekolah kebangsaan ini tanpa perlu kita menyekat atau menghalang sekolah-sekolah yang beraliran lain.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang ini ialah usaha memperkasakan sekolah-sekolah kebangsaan sebagai memberi kesan supaya kita dapat menarik minat dan menjadi tumpuan utama seluruh kaum kepada sekolah aliran kebangsaan ini. Saya hendak tahu daripada pandangan Yang Berhormat sendiri, sekarang ini berapa peratuskah pelajar-pelajar Tionghoa yang mengikuti sekolah kebangsaan kita dan berapa peratus pula pelajar-pelajar daripada kaum India umpamanya dan apakah *target* kita dalam masa lima tahun akan datang dengan program memperkasakan sekolah kebangsaan ini.

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih Yang Berhormat. Ini yang membimbangkan kerana di sekolah-sekolah kebangsaan, peratusan anak-anak murid kita daripada kaum Melayu, 93%. Di SJKC, peratusan kaum-kaum Cina di sekolah-sekolah berkenaan 93%. Kaum-kaum India di SJKT 99.7%. Bagi sekolah di luar bandar, terutamanya di Sabah dan ...

**Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Santubong.

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Sila Santubong.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih memperkasakan sekolah kebangsaan. Macam mana pandangan Dato' Menteri sendiri berhubung dengan masalah-masalah yang selalu bangkit dalam surat khabar dan media? Soalan tudung, soalan menutup aurat, pakaian sukan, prestasi murid-murid khususnya dalam bidang sains dan matematik. Budaya sekolah iaitu budaya mengajar sekolah dan guru. Dan budaya guru itu sendiri, budaya pengajaran dan guru di sekolah. Dan sikap dan pentadbiran mata pelajaran dan sebagainya. Dan konsep dan dasar pendidikan keseluruhannya, dan semua perkara ini mendatangkan satu persepsi negatif kepada pihak yang bukan dalam sekolah itu sendiri dan akhirnya membantutkan perasaan dan kemahuan masyarakat lain untuk masuk ke sekolah kebangsaan. Dan apakah garis panduan dan tindakan yang bakal diambil oleh kementerian untuk menyeragamkan, untuk menyenangkan supaya tidak mendatangkan satu rasa takut dan ngeri pihak-pihak ini masuk sekolah kebangsaan? Terima kasih.

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Pertamanya ialah untuk menekankan kepimpinan di sekolah. Dan usaha kita untuk memartabatkan profesion keguruan, usaha kita untuk meningkatkan dan iktiraf maktab-maktab perguruan kita kepada institut pendidikan guru. Peluang kita untuk melihat kepada Institut Aminuddin Baki untuk menekankan kepada kepimpinan, kepengetuaan dan juga guru besar. Itu merupakan satu aspek yang saya lihat sebagai satu aspek yang penting dalam kepimpinan di peringkat sekolah lagi.

Yang kedua, dari segi kurikulum. Di mana penyelarasan di antara kurikulum yang menekankan kepada unsur-unsur yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu harus berselaras dan juga ditegakkan di kalangan anak-anak kita. Ketiga, yang saya sebut kepada Yang Berhormat Kuala Terengganu itu tadi, yang membimbangkan ialah dalam suasana sekolah itu sendiri. Kita boleh mewujudkan suasana yang paling kondusif untuk integrasi nasional, untuk perpaduan. Tetapi kalau jumlah peratusannya merupakan daripada mereka yang satu kaum sahaja, ini tidak akan membantu. Sebab itu kita mewujudkan program *remove* kita. Di mana program-program itu akan memastikan interaksi di antara sekolah-sekolah yang beraliran yang pelbagai. Supaya walaupun dalam aliran yang berbeza, interaksi di antara murid-murid kita dapat diteruskan. Ini harus kita teruskan dan harap dapat disemarakkan dalam masa yang terdekat ini.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ..

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Sila Bera.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob** Terima kasih Dato'. Saya hendak minta penjelasan mengenai mata pelajaran Mandarin dan Tamil di sekolah kebangsaan. Kenapa kita perlu mencelarukan identiti sekolah kebangsaan ini? Sebab daripada apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat, orang Cina masih menghantar anak-anak mereka ke SJKC. Orang-orang India masih menghantar anak-anak mereka ke sekolah SJKT. Saya kira biarkan, biarkan apa yang ada tetap dengan apa yang ada. Orang Cina kalau hendak menghantar anak ke SJKC, teruskan.

Orang India hendak menghantar anak mereka ke SJKT, teruskan. Sebab saya percaya tidak ada cadangan daripada kerajaan untuk menutup sekolah-sekolah seperti ini. Sekolah-sekolah SJKT dan SJKC saya kira akan terus kekal.

Jadi mengapa kita cuba mencelarukan identiti sekolah SJK (Sekolah Kebangsaan) yang selama ini dipanggil dengan Sekolah Melayu dengan memasukkan mata-mata pelajaran tadi yang nampaknya tidak berjaya menarik minat kaum-kaum di sekolah ini.

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Sebabnya Yang Berhormat, ialah majoriti murid-murid kita ialah berada di sekolah kebangsaan. Sekitar 2.3 juta pelajar ataupun 76.3% daripada jumlah 3.1 juta sekolah rendah berada di 5,789 buah sekolah kebangsaan di seluruh negara. Dan sekiranya dalam satu aliran perdana tadi, tidak dapat kita memastikan interaksi tanpa menjejaskan identiti, kalau itu merupakan keutamaan. Yang penting bagi saya ialah memastikan bahawa interaksi di antara anak-anak kita dalam satu sistem yang majoritinya merupakan sekolah kebangsaan, merupakan satu perjuangan dan satu pendekatan. Suka, tidak suka, harus diperjuangkan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat menyedari bahawa sekolah kebangsaan kita ini, bagi pihak yang lain, iaitu bagi pihak yang lebih *Islamic* iaitu terutamanya PAS menganggap sekolah kebangsaan ini sebagai tidak *Islamic*. Bagi kaum-kaum yang bukan Islam, India atau Cina melihat bahawa sekolah kebangsaan ini sekolah Melayu. Jadi apakah Yang Berhormat mempunyai perancangan yang tersusun bagaimana hendak *convince* suku kaum India ka, Cina ka, supaya mereka juga lebih senang duduk belajar di sekolah kebangsaan. Sebab sistem pendidikan kita ini pun sistem kebangsaan.

Dan rata-rata juga kita melihat keputusan pelajar-pelajar daripada sekolah kebangsaan ini, tidaklah begitu buruk sekali dan mereka boleh berjaya sehingga ke luar negara. Jadi, mungkin Yang Berhormat kena menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk *research* bagaimana hendak meyakinkan kaum-kaum yang lain ini untuk duduk bersama-sama dalam sekolah kebangsaan kita. Barulah mungkin kita boleh menjadi sekolah kebangsaan yang perkasa. Terima kasih.

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih. Memang kita setuju dengan saranan Yang Berhormat.

[Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Parit, Yang Berhormat Rembau, Yang Berhormat Kubang Kerian bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, empat Yang Berhormat bangun.

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Yang telah pun kita lakukan. Eh, berapa ramai yang nak bangun?

**Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Lim Si Cheng]:** Empat.

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Isu yang sama, kita kumpulkan semua dan saya jawab sekali. Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, Parit.

**Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri menyebut tadi bahawa pihak kementerian bercadang untuk memperkenalkan mengajar bahasa Mandarin dan bahasa Tamil dalam sekolah kebangsaan sebagai satu cadangan untuk menarik murid-murid Tionghua dan India. Sebelum ini dilaksanakan Yang Berhormat Menteri, saya ingin mencadangkan supaya kajian yang mendalam dibuat.

Adakah perkara ini sebenarnya yang diperlukan oleh murid-murid India dan Cina ini bagi menggalakkan mereka masuk ke sekolah kebangsaan. Kerana kalau misalnya, tidak dibuat kajian, apabila dilaksanakan perkara ini nanti, yang melibatkan perbelanjaan melatih guru-guru dan sebagainya, ia tentulah akan menjadi masalah dari segi pihak kementerian nanti. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Lim Si Cheng]:** Rembau.

**Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya rasa cadangan kerajaan untuk perkasakan sekolah kebangsaan sangat baik di mana hasrat kita untuk menambahkan pengajaran Agama Islam dan pada masa yang sama, mengadakan pengajaran Bahasa Mandarin dan juga Tamil di sekolah kebangsaan. Supaya dengan itu akan sampai masanya kelak, sekolah kebangsaan akan menjadi pilihan utama semua kaum. Saya rasa, apa yang dibuat oleh kerajaan ialah supaya sekolah kebangsaan memainkan peranan yang dimainkan oleh sekolah aliran Inggeris sebelum tahun 70-an.

Saya salah seorang daripada yang berada dalam sistem itu. Saya bersekolah di aliran Inggeris daripada darjah satu. Dan memang sebenarnya sekolah aliran Inggeris pada masa itu memainkan peranan penting dalam memupuk perpaduan kaum. Kita main bersama, kita dalam kelas bersama, dalam assembly bersama, main bola bersama. Saya rasa proses menarik pelajar-pelajar India dan Cina ini ke sekolah kebangsaan akan dapat dipercepatkan kalau pihak kementerian dapat...kalau nak mulakan semua sekolah, 5789 itu memanglah mustahil.

Saya cadangkan supaya pengajaran Mandarin dan Tamil ini dimulakan di semua sekolah di bandar termasuk bandar kecil macam di Rembau. Supaya dengan itu, [Disampuk]. Bandar kecil, fasal ada orang mencadangkan supaya kita adakan sekolah aliran Inggeris semula. Itu saya katakan langkah ke belakang. Tapi langkah ini, kalau kita boleh buat, kita ada 107 daerah. Dengan sendirinya 107 sekolah di seluruh Malaysia akan ada pengajaran Tamil dan juga Mandarin. Sebab macam di Rembau itu, kita ada sekolah jenis kebangsaan Cina, ada sekolah Tamil sekelilingnya dan penduduknya agak kosmopolitan. Tapi sekarang ini tidak ada lagi. Saya

rasa ini satu langkah yang baik untuk perpaduan negara, untuk menarik pelajar-pelajar bukan Melayu, rakan-rakan kita Tionghua dan Tamil ke sekolah kebangsaan dan

**Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat.

**Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]:** ...dalam masa yang sama memupuk perpaduan negara. Saya rasa perkara ini harus diteruskan tapi yang penting ialah dipercepatkan usaha menghantar guru-guru ke sekolah-sekolah yang disebutkan tadi. Kita mulakan di pusat-pusat bandar termasuk bandar-bandar kecil seperti di Rembau. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kubang Kerian kalau hendak tanya, sila.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri Pelajaran. Semasa Yang Berhormat menjawab soalan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu tadi, saya perhatikan daripada *body language* dan juga nada Yang Berhormat, bila fakta yang diberikan 93% sekolah kebangsaan masih lagi dimonopoli oleh pelajar-pelajar Melayu, 93% SRJKC masih lagi dimonopoli oleh pelajar-pelajar Cina, demikian juga SRJKT, 97% pelajar-pelajar daripada bangsa India. Inilah dia pada saya keluhan seorang Menteri Pelajaran selepas hampir 50 tahun kita merdeka.

Tadi masa perbahasan Kementerian Luar Negeri, kita belajar satu istilah *history baggage* yang terpaksa dipikul oleh generasi yang ada pada hari ini. Saya bersetuju dengan sahabat saya, Yang Berhormat bagi Bera. Adakah kerajaan ada cukup R&D dan kita betul-betul ada satu maklumat berdasarkan satu *research* yang *genuine* dan komprehensif, apakah yang menyebabkan setelah 50 tahun kemerdekaan, keadaan ini masih terjadi. Bagi saya, ini menunjukkan bahawa kecenderungan kaum-kaum yang lain untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah jenis kebangsaan mereka.

Secara positif pada saya ini satu yang kalau begitulah kehendaknya, maka kita tidak boleh berbuat apa-apa. Sedangkan sekolah jenis kebangsaan, kita masih tercari-cari apa dia formula yang terbaik. Dan saya mohon dalam dunia yang serba moden ini, dengan kecanggihan yang ada, saya mohon sebagai seorang warganegara Malaysia, saya rasa pendidikan ini *beyond politic*. Saya mohon janganlah kita membuat satu keputusan di atas satu perkara yang lahir. Terjadi insiden, kita buat satu dasar, ini *flip-flop*. Ini satu dasar yang tidak betul.

Contoh, tulisan jawi kita hapuskan pada tahun 60-an oleh Menteri Pelajaran pada waktu itu mungkin hasratnya sama untuk menarik orang bukan Melayu untuk hadir ke sekolah kebangsaan hilang – sampai Utusan Melayu pun hilang, tutup – mereka tidak datang juga. Hari ini isu tudung dan saya kesal, saya minta maaf, saya kesal juga dengan kenyataan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, jangan ambil kesempatan berucap.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Ya, sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sedikit tidak perlulah, tidak payah ucaplah.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Sedikit sahaja, soalan tambahan. Jadi, isu tudung ini isu yang terlalu terasing. Saya setuju guru yang tidak ada disiplin ini, yang gunting tudung ini diambil tindakan, ambil tindakan. Tetapi janganlah pula kerana tudung ini, semua hendak tanggalkan tudung. Adakah ini satu jalan penyelesaian?

Jadi soalan saya, adakah kementerian ada satu kajian yang komprehensif, *research* yang benar-benar kenapa mereka tidak hendak datang ke sekolah kebangsaan. Jangan celarukan yang sudah ada, yang sudah elok terus berjalan, adakah kita perlu bersetuju sepanjang sejarah ini dan sepanjang masa akan datang, biarkan sekolah SRJKC dan SJRJKT berjalan ikut cara mereka, kita ikut cara mereka dan semuanya akan duduk dalam satu kerangka kita dalam sebuah negara Malaysia yang kita cintai. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, lagi satu, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Selepas itu Menteri boleh jawab, cukuplah.

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Ya.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, nombor satu mengenai angka yang diberi, saya tidak percaya langsung dengan angka yang diberi mengenai sekolah-sekolah Tamil di mana dikatakan 99%, mustahil! *I said at the most, 50%* masyarakat Tamil yang berada di sekolah Tamil.

Nombor dua, saya rasa saya terima pakailah semua yang diujahkan oleh kawan-kawan saya, tetapi yang mustahak sekali kenapa dalam proses memperkasa sekolah kebangsaan, ada sesuatu yang tidak kena. Kenapa pada tahun 60-an, macam sayalah, saya dari estet tetapi kita pergi ke sekolah kebangsaan. Saya bernasib baik bila *in primary school*. Satu di antaranya, *classmate* saya, Tuan Yang di-Pertua, adalah anak guru besar sekolah Cina, anak guru besar sekolah Melayu dan anak guru besar sekolah Tamil di kelas saya. Tetapi ini mustahil hari ini.

Saya baru kata dengan kawan saya, kalau saya ada anak yang kecil sekarang, saya akan hantar ke sekolah Tamil kerana ada sesuatu yang tidak kena kepada sekolah kebangsaan dan saya rasa Yang Berhormat Menteri tahu, tetapi tidak mahu tahu atau tidak ingin mengambil berat untuk mengubahsuai atau mengadakan rancangan-rancangan untuk menarik orang-orang yang dari bangsa Tamil dan bangsa Cina untuk masuk ke sekolah kebangsaan.

Yang mustahak sekali ialah mengadakan *optional subject*, Tamil and *Chinese*. Ini telah dikatakan dari dua tahun dahulu. Ya, dengan serius saya boleh kata beberapa sekolah di negara ini *no concrete effort* langsung. Kalau ada pun, tidak ada guru Tamil. Ini adalah satu perkara yang menyusahkan masyarakat Cina dan Tamil untuk pergi ke sekolah kebangsaan. Terima kasih.

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya jawab Yang Berhormat bagi Ipoh Barat dahulu. Berhubung kait dengan nisbah guru daripada pelbagai etnik, bukan sahaja saya katanya tidak tahu, tetapi dalam ucapan saya tadi dan ada dalam *Hansard*, rancangan kita di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan ialah untuk menyeimbangkan nisbah guru daripada pelbagai etnik. Itu satu-satunya perkara yang kita tengok boleh membantu. Sama juga dengan program-program lain yang kita hendak wujudkan guru-guru Tamil, kelas-kelas Tamil dan juga Mandarin sebagai *elective*. Bukan kita hendak tukar dasar. Sebenarnya mata pelajaran itu sudah ada tetapi hendak beri satu suntikan baru, mencari guru-guru, tambah guru dan saya setuju di lokasi-lokasi tertentu terdahulu mengikut kelompok-kelompok dan juga kawasan-kawasan di mana ada permintaan.

Pada masa yang sama kalau ada satu aliran, memang kita tidak boleh lari daripada hakikat bahawa wujud aliran ini dan ianya tidak akan dapat dihapuskan. Sebab itu saya sebut tadi dalam kita hendak memperkasakan sekolah kebangsaan, kita tidak hendak sekat atau menghalang aliran-aliran yang lain dan usaha untuk menerapkan perpaduan tadi, saya juga sebut program *remove* di mana kita gunakan program-program di antara aliran-aliran ini untuk memastikan mempunyai sekurang-kurangnya interaksi di antara mereka yang berada di sekolah-sekolah berkenaan.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian juga sebut berkait dengan kajian dan sebagainya memang keluhan dan bukan mudah untuk mana-mana pihak memastikan bahawa sistem yang kita warisi ini wujud satu pelbagai aliran, tetapi hakikatnya aliran-aliran ini kalau kita benarkan berterusan tanpa usaha untuk merapatkan mereka di antara aliran dan juga untuk memastikan aliran perdana di mana majoriti sekolah kita, anak-anak murid kita berada, sekurang-kurangnya jumlah yang saya bimbang tadi dapat dikurangkan dan lebih ramai menggambarkan masyarakat sebenar majmuk Malaysia. Maka tujuan kita untuk merapatkan hubungan di antara kaum merupakan satu agenda yang boleh kita mulakan di peringkat bangku sekolah lagi.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi perkara yang saya hendak sebutkan. Boleh saya teruskan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Silakan.

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Berhubung kait dengan prasarana pendidikan, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ketereh, Yang Berhormat bagi Kota Bharu, Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat dan Yang Berhormat bagi Rembau. Usaha-usaha untuk meningkatkan pembangunan prasarana pendidikan ini dilaksanakan mengikut keperluan dan berdasarkan peruntukan yang ada dan tidak dipengaruhi oleh desakan politik seperti yang didakwa.

Kementerian akan terus berusaha meningkatkan kualiti dan kemudahan sekolah melalui projek gantian, tambahan, ubah suai dan naik taraf. Bagi sekolah di luar bandar, terutamanya di Sabah dan Sarawak seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pensiangan,

Kementerian Pelajaran Malaysia telah, sedang dan akan melaksanakan program pembangunan pendidikan luar bandar Sabah dan Sarawak yang sesungguhnya memberi penekanan dalam menyediakan kemudahan bilik darjah, asrama, rumah guru, bekalan air bersih dan juga bekalan elektrik.

Menjelang akhir Rancangan Malaysia Kesembilan, KPM cuba memastikan semua sekolah di seluruh negara mempunyai bekalan air bersih dan juga bekalan elektrik.

Kemudahan asas ini penting untuk menjayakan perancangan KPM menjadikan semua sekolah luar bandar setaraf dengan sekolah-sekolah di kawasan bandar. Berhubung dengan kemudahan komputer pula, KPM merancang untuk memperluaskan projek ini ke 4,500 buah sekolah lagi yang merangkumi sekolah-sekolah makmal baru dan tambahan makmal sedia ada yang tidak dapat kita uruskan di peringkat Rancangan Malaysia Kelapan.

Berhubung kait dengan profesion perguruan. Isu tentang penempatan guru dan beban tugas guru tekah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Putatan, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Berhubung isu penempatan guru dari Sabah ke sekolah rendah di Semenanjung pada awal tahun 2006, penetapan tersebut dibuat atas keperluan perkhidmatan. Untuk makluman Yang Berhormat, guru-guru tersebut terdiri daripada guru-guru pelbagai *option* dan bukan daripada *option* prasekolah semata-mata.

Mengenai bebanan tugas-tugas guru yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Barat pula, berdasarkan kajian tugas dan tanggungjawab guru yang dijalankan oleh kementerian, kita telah sedang menyediakan kertas cadangan menambah baik tugas dan tanggungjawab guru sejajar dengan hasrat memartabatkan profesion perguruan ke arah melahirkan kecemerlangan pendidikan.

Mengenai elaun guru terlatih.....

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Sila.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, boleh saya dapat tahu kenapa sekarang sudah bulan Mac, kekurangan 94 guru di sekolah Tamil di Kedah dan di merata-rata tempat di seluruh negara. Di sekolah-sekolah Tamil *itself*.....

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Berapa?

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** 94. Ini sedang dibincangkan dengan hangat di semua akhbar Tamil.

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** 94 dalam konteks 320 ribu guru?

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh barat]:** *No, no.* Dalam sekolah Tamil is *different*.

[*Disampuk*]



**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Sebab itu apabila saya bercakap berkaitan dengan GSTT, ada jalan penyelesaiannya untuk SJK(C). Kalau yang 94 merupakan masalah, apa yang telah kita selesaikan di SJK(C) yang jumlahnya lebih besar, saya rasa ianya dapat ditangani. Sekejap, apabila kita sampai kepada GSTT nanti.

Mengenai elaun guru pelatih ketika mengikuti kursus perguruan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, elaun sara hidup guru pelatih yang mengikuti kursus perguruan bagi kursus diploma pengurusan Malaysia sebanyak RM616 sebulan, manakala kursus pengurusan lepasan ijazah KPLI sebanyak RM1317 sebulan. Bagi guru bukan siswazah yang menyambung pelajaran ke peringkat ijazah di bawah Kementerian Pelajaran secara sepenuh masa, mereka akan mendapat bayaran separuh gaji.

Mengenai peranan guru kaunseling, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Gelang Patah, dimaklumkan bahawa salah satu daripada tugas guru kaunseling yang ditempatkan di sekolah-sekolah ialah memberi bimbingan dan motivasi, khususnya kepada murid yang menduduki peperiksaan penting seperti PMR, SPM dan STPM. Murid-murid akan diberi taklimat dan bimbingan sebelum menghadapi peperiksaan ini dan persediaan selepas mendapat keputusan peperiksaan berkenaan.

Penguasaan 3M, isu penguasaan ini disentuh oleh Yang Berhormat bagi Kuala Pilah dan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Walaupun data menunjukkan hanya 4.4% bagi sekolah rendah dan 0.8% bagi sekolah menengah yang tidak menguasai 3M, kementerian memandangkan serius masalah tersebut dan perlu ditangani sewajarnya. Sehubungan itu, beberapa langkah sedang dan akan dilakukan oleh kementerian, antaranya memantapkan lagi Program Pemulihan Khas dengan melaksanakan program pemulihan khas mulai tahap satu serta melaksanakan program kelas insentif awal 2M.

Mengkaji semula peruntukan perjawatan bagi guru pemulihan di sekolah serta kita akan hidupkan semula kursus guru pemulihan di maktab-maktab perguruan dengan secara serius dan akhir sekali melaksanakan program untuk murid-murid istimewa seperti program kanak-kanak di Selecsia dan Opstisma menjalankan kajian status pelaksanaan kelas pemulihan khas dan mewujudkan lebih banyak kelas prasekolah kita.

Yang Berhormat bagi Kinabatangan membangkitkan isu pelajar yang terima kasih mampu membayar yuran persekolahan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat .....

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Penjelasan ringkas daripada Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Kuala Terengganu.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Ya, selain daripada kelas pemulihan dan kelas anak-anak kita yang terencat dan istimewa. Ada juga kanak-kanak yang istimewa

kecerdikannya. Adik Putra misalnya. Apakah dalam perancangan Kementerian Pendidikan untuk memastikan ada kelas dan peruntukan khas bagi anak-anak yang cukup tangkas ke hadapan, *isolated* kelas misalnya ataupun kanak-kanak istimewa. Sekarang ini timbul isu dikatakan sebagai Adik Putera tidak dapat menyesuaikan dalam keadaan sekolah biasa. Apakah perancangan kementerian?

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** *.[Pembesar suara tidak berfungsi seketika].*..... Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu dan Yang Berhormat bagi Larut, Yang Berhormat bagi Arau dan saya berjawab di sini. Setiap kes murid-murid pintar ini memerlukan pendekatan yang berbeza mengenai adik Adi Putra kelebihannya ialah mata pelajaran matematik. Kita telah pun melalui Bahagian Perancangan kita meneliti kemampuannya dan kita telah cuba meletakkan beliau di sekolah kita dan juga mengenalkan beliau kepada pakar-pakar dan juga mereka yang boleh memberikan bimbingan kepada Adik Putra termasuk Profesor Ismail yang merupakan idolanya.

Selepas memberikan ruang di sekolah kebangsaan, mereka merasakan bahawa lebih baik mohon untuk belajar di sekolah Islam Antarabangsa Kuala Lumpur di bawah kelolaan Profesor Ismail dan ini tidak boleh kita sekat. Ini keputusan ibu bapanya dan sememangnya kita telah pun meluluskan permohonan beliau.

Tetapi dalam kes-kes tertentu, di sekolah-sekolah tertentu, kanak-kanak pintar ini harus diambil kira dan sememangnya kita tidak boleh meletakkan agenda ini kepada kesemua 10 ribu sekolah kita, tetapi kita mesti mengenal pasti sekolah-sekolah tertentu yang boleh memenuhi cita rasa dan kehendak dan kemampuan mereka, Insya-Allah.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Tambahan. Terima kasih kalau sekiranya sudah ada *provision* yang begitu. Saya tadi tertarik apabila Yang Berhormat Menteri menyentuh tentang anak-anak kita yang tercicir dari segi pelajaran. Barangkali sistem kita terlalu berteraskan kepada peperiksaan, *exam oriented, exam center*. Dari awal tadi Yang Berhormat telah menyentuh perkara ini. Tetapi kita harus fikir bahawa *its not the product that matters but the process*. Barangkali kita sudah kurang memberi penekanan kepada proses pembangunan manusia itu, *to nurture the nature rather than to see the result 'A'*, berapa 'A', berapa 'A' dan ini selalu di *highlight*kan dalam surat khabar menyebabkan kanak-kanak yang lain majoritinya itu ada potensi tetapi *late developer* tidak mendapat tempatnya.

Baru-baru ini ada satu kes di mana ada seorang pelajar anak gadis kita yang kecewa dengan keadaan keputusan, barangkali dia tidak dapat menepati piawaian dan tidak dapat sasaran itu tidak dapat, maka sesuatu yang mengharukan berlaku kepada anak-anak ini. Maka saya ingin mencadangkan supaya *the process* itu sendiri harus diberi penekanan bukan sahaja hanya semata-mata kepada produk hasilnya, berapa 'A' nya, *but the process of human development* kreativitinya, inovasinya.

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Saya terima cadangan Yang Berhormat dan sememangnya seperti yang saya sudah umumkan sebelum ini dan disebut dalam ucapan saya tadi, itulah ke arah kita hendak bawa sekolah-sekolah itu. Tetapi, ianya akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan mengikut kelompok kerana dalam usaha ini sekali lagi bersandarkan kepada kepimpinan di sekolah. Dan, hanya apabila pengetua dan guru besar mampu, guru-guru berkebolehan untuk melaksanakan pendekatan ini, maka barulah kita iktiraf sekolah-sekolah yang berkelompok ini sebagai sekolah-sekolah yang boleh mendekati pendidikan kita dalam konteks apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat.

Yuran sekolah - Untuk makluman Ahli Yang Berhormat terdapat tiga jenis yuran persekolahan yang dikenakan iaitu yuran khas, yuran tambahan dan yuran asrama. Yuran khas ditetapkan untuk aktiviti sukan, perpustakaan dan semi lukis dan juga pertukangan tangan iaitu tidak melebihi RM4.50 bagi sekolah rendah dan RM9.00 bagi sekolah menengah. Bagi yuran tambahan, pihak pendaftar sekolah menetapkan kadar maksimum yang boleh dikenakan iaitu RM29 bagi sekolah rendah RM45 bagi sekolah menengah untuk kegunaan sekolah menerbitkan majalah sekolah, melaksanakan aktiviti keceriaan sekolah dan juga kertas ujian.

Oleh itu kadar maksimum yuran yang boleh dikenakan kepada pelajar yang tidak tinggal di asrama adalah hanya RM33.50 bagi sekolah rendah dan RM54.00 bagi sekolah menengah. Tetapi selain daripada yuran tersebut terdapat kutipan-kutipan lain yang dianggap sebagai bayaran tambahan dan tidak boleh disenaraikan sebagai yuran sekolah. Ini dilakukan selepas ditetapkan oleh pihak sekolah itu sendiri dengan kelulusan daripada pendaftar sekolah. Keadaan ini lah Tuan Yang di-Pertua yang menyebabkan terdapat perbezaan bayaran yang agak ketara di antara sekolah. Bagi memastikan bayaran tambahan yang dikenakan itu tidak membebankan ibu bapa Kementerian Pelajaran sedang membuat penyelarasan di peringkat Jabatan Pelajaran Negeri bagi menyeragamkan jenis-jenis yuran dan juga menetapkan kadar maksimum yuran yang perlu dibayar oleh pelajar.

Kementerian sedar terdapat ibu bapa yang benar-benar daif, miskin sehingga tidak dapat membiayai persekolahan anak-anak mereka. Bagi memastikan golongan ini mendapat pembelaan sebenarnya Kementerian Pelajaran telah menyediakan pelbagai jenis bantuan tambahan agar pelajar tersebut tidak terpicir dari sistem sekolah kita. Tahun ini sahaja sebanyak RM1.5 bilion telah diperuntukkan.....

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Larut.

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Sekejap ya, tahun ini sahaja sebanyak RM1.5 bilion telah diperuntukkan untuk pelbagai jenis bantuan. Sila Larut.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih lah di atas jaminan Yang Berhormat tentang masalah keluarga yang tidak mampu ini. Tetapi persoalannya ialah tentang pelaksanaannya di peringkat sekolah. Ini

berlaku kadang-kadang terpaksa campur tangan kami walaupun kami tidak mahu campur tangan kerana di sekolah ada PIBG ataupun pengurusan sekolah tersebut tetapi oleh kerana berlaku ketidakadilan daripada pihak pengurusan sekolah maka sebab itu mahu tidak mahu kita terpaksa campur. Jadi apakah satu pendekatan dibuat dan dilihat oleh kementerian tentang menyelesaikan masalah ini? Biarlah yang benar-benar sepatutnya menerima bantuan ini menerima, janganlah oleh kerana mereka merasakan orang itu yang sepatutnya menerima, orang itu menerima. Jadi ini sudah tentu tidak akan mencapai sasaran kementerian khususnya dan juga kerajaan, oleh itu kita berharap supaya pelaksanaan tentang bantuan ini benar-benar sampai kepada mereka yang sepatutnya menerima. Kerana saya tahu ada guru besar kadang-kadang pihak sekolah terutamanya tidak memandang langsung tentang, mereka kadang-kadang tidak langsung membuat siasatan yang terperinci tentang masalah keluarga yang memerlukan bantuan. Jadi apa salahnya kadang-kadang kalau perlu mendapat kerjasama daripada mereka yang benar-benar perlu dirujuk ini sepatutnya dilakukan seperti JKKK umpamanya selain daripada PIBG. Jadi apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini.

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Pandangan saya Yang Berhormat terus masuk campur, menjadi mata dan telinga untuk Kementerian dan masa yang sama kita telah memperkukuhkan jemaah Nazir. Saya telah pun menyarankan kepada kepimpinan di peringkat negeri bahawa bantuan-bantuan ini mesti sampai kepada golongan sasaran tanpa pertindihan, tanpa pembaziran.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita harap supaya mereka yang terlibat akan mendengar arahan daripada Yang Berhormat, Insya-Allah.

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Kerana jumlahnya besar. Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin sahaja RM200 juta, biasiswa pelajar sahaja RM200 juta, Rancangan Makanan Tambahan sahaja RM183.2 juta, Skim Baucar Tuisyen sahaja RM181.9 juta, Program Susu Sekolah sahaja RM21.9 juta, Skim Pinjaman Buku Teks RM160.4 juta, Projek Khas Pelajar Miskin Sekolah Berasrama Penuh RM2.8 juta, bantuan perjalanan dan pengangkutan murid RM7.4 juta serta bantuan makanan dan makanan asrama RM531.6 juta. Maka apalah sangat berapa sen tambahan di yuran yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Boleh tanya, boleh tanya sedikit Dato'.

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** [Ketawa]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Sedikit sahaja Dato'.

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Sila, sila.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Malam malam sedikit Dato' hendak balik sudah. Bagus Dato' semua kita sudah tolong banyak cuma Dato' satu sahaja Dato', dia yang lain okey *government* bagi sampai susu pun bagi semua pun bagilah. Tetapi yuran ini

dia macam yuran kurikulumlah, tidak kurikulumlah kemudian yuran PIBG lah jadi yang ini Dato' kalau bolehlah bayar berperingkat-peringkat pun tidak apa. Fasal la ni kadang-kadang yuran itu hendak kena bayar jadi mak bapak terkejutlah dia tengok sekali dalam setahun itu banyak sangat yuran-yuran yang hendak kena bayar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Setahun berapa Yang Berhormat jumlah?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Setahun jumlah berapa kena bayar?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Dia kalau sekolah rendah dia pi mai pi mai Tuan Yang di-Pertua kita kira habis dekat RM100 lebih Tuan Yang di-Pertua. RM150 no *to be exact* lah RM150 dengan izin. Jadi hak itu boleh tidak Dato' pesan dekat sekolah-sekolah guru besar ini bayar *installment* lah. Terima kasih Dato'.

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Ya Yang Berhormat Jerai. Dari segi yuran rasmi seperti saya jawab tadi mereka yang tidak tinggal di asrama yuran yang sepatutnya dibayar hanya RM33.50 di sekolah rendah dan RM54.00 bagi sekolah menengah. Isunya masalah yuran-yuran tambahan yang telah pun ditetapkan oleh sekolah dan juga kelulusan daripada pendaftar sekolah. Seperti saya sebutkan tadi keadaan ini tidak akan dibenarkan berterusan dan kita akan selaraskan supaya wujudnya suasana yang lebih adil dan tidak ada mana-mana pihak yang terpinggir tercicir kerana kemiskinan. Tetapi pada masa yang sama golongan-golongan yang betul-betul daif yang memang tercicir kerana kedaifan itu maka bantuan-bantuan yang saya sebutkan tadi telah pun diwujudkan untuk membantu mereka. Dan sekiranya ada mereka yang perlu kepada bantuan ini tolonglah sampaikan dan panjangkan kepada saya.....

**Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri Kuala Kedah.

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** .....supaya ianya tidak menjadi satu perkara yang menjejaskan kedudukan anak-anak berkenaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kuala Kedah.

**Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri selain daripada yuran-yuran yang perlu dibayar oleh ibu bapa kepada sekolah ini satu masalah yang kita nampak kepada terutama sekali penuntut-penuntut sekolah rendah ialah aktiviti-aktiviti sukan yang dijalankan oleh sekolah yang saya difahamkan oleh bahawa kementerian mewajibkan mereka melaksanakan jogathon, walkathon dan sebagainya. Ada murid-murid sekolah rendah yang berumur tidak sampai 10 tahun, tidak sampai 12 tahun yang dipaksa untuk mengutip derma bagi pihak sekolah dan ini nampak agak menyayatkan hati ditetapkan ada yang RM200, ada yang RM300 dan membebankan ibu bapa oleh kerana anak-anak mereka ini tidak dapat mengutip derma dari rumah ke rumah ibu bapalah terpaksa

membiauyainya. Adakah jalan penyelesaian daripada peringkat kementerian dalam soal ini? Terima kasih.

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Pertamanya.....

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Penjelasan Yang Berhormat Menteri yang agak sama.

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Okey, okey.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ada sekolah-sekolah juga kerana dia ada kekurangan kewangan untuk membina bangunan sekolah jadi dia menetapkan setiap murid yang akan yang hendak masuk sekolah itu membayar sekian-sekian lebih kurang, baru-baru ini yang berlaku di Johor ialah RM300.00 seorang pelajar. Kalau ibu bapa ada tiga orang anak di sekolah itu RM900.00 mesti bayar pada hari pembukaan sekolah. Jadi apakah penyelesaiannya? Bolehkah kementerian memberi bantuan peruntukan untuk sekolah seperti ini supaya dia tidak perlu mengutip duit seperti ini daripada kanak-kanak. Terima kasih.

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Pertamanya kita perlu.....

**Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Pensiangan.

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Pensiangan, isu sama?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sama ha, Yang Berhormat ada sama?

**Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]:** Terima kasih Yang Berhormat sama lah. Perkara yang sama tetapi mengenai dengan sukan. Yang Berhormat Menteri mengenai sukan ini, saya difahamkan guru-guru di pedalaman bila mereka menganjurkan sukan-sukan iaitu peringkat zon kebanyakan guru-guru ini telah dibebankan dengan wang ringgit membeli pakaian-pakaian, kasut dan sebagainya. Kadang-kadang kalau di bahagian pedalaman ini sehinggakan tambang perahu yang berjalan kaki makan dan minum telah dibebankan oleh guru-guru. Saya mintalah cadangkan kepada Kementerian Pelajaran supaya mendapatkan satu dana untuk sekolah-sekolah yang kian mengadakan sukan-sukan di peringkat zon ini. Sebelum itu saya ingin merakamkan di sini tabik, *I salute to all the teachers in the interior* yang telah bertungkus-lumus dan telah memberi khidmat mereka dengan sepenuh hati iaitu khususnya di pedalaman-pedalaman yang jauh datang daripada jauh-jauh. *I salute them for being very brave*, dengan izinnya *to be in the interior*.

Selain daripada itu juga saya juga di sini ingin merakamkan kepada Menteri Pelajaran yang ada sekarang ini, *you wake the difference*, sir dengan izin. Sebab kenapa ini kebanyakan sekolah-sekolah kita di bahagian pedalaman ini pun telah nampak sedikit perubahan, jadi saya mintalah yang akan datang ini sekolah-sekolah di bahagian pedalaman khususnya di bahagian Pensiangan dan di persekitaran ini diperbaiki lagi. Sebab apa baru-baru ini saya ada dua hari yang lalu saya pergi ke pedalaman saya kasihan benar sebab kenapa guru-guru ini menumpang

pada rumah-rumah orang kampung yang saya rasa sangat daif dan saya rasa ini adalah satu suasana yang saya rasa tidak begitu sihat bagi perwatakan Jabatan Pelajaran ataupun Kementerian Pelajaran. Saya menyerulah kepada kementerian ini supaya memberi perhatian kepada Pensiangan yang sudah jauh ketinggalan daripada aspek-aspek ini. Selain daripada itu saya ingin sentuh Menteri tadi tidak disentuh sebab .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat tidak payah sentuh lagilah masa cukup.

**Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]:** ....satu lagi mengenai dengan Telekom. Tadi Telekom tidak disentuh disebabkan apa *the work together* Telekom dengan Jabatan Pelajaran *have to work concurrently* sebab kenapa prasarana-prasarana dan *facilities* yang disediakan oleh Telekom ini kadang-kadang tidak diservis, tidak ada penyelenggaraannya sehinggakan tercicirlah di bahagian pedalaman. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri banyak lagi untuk jawab..

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Tidak ada Tuan Yang di-Pertua saya hanya mempunyai dua, tiga isu lagi. Pertamanya berhubung kait dengan keciciran..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bolehkah dalam sepuluh minit Yang Berhormat boleh selesaikan?

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Sepuluh minit boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Boleh, ok. Sila....

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Saya hendak cadangkan kerana selepas ini kita akan .....

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Dato', Dato' Menteri tolonglah.....

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Kejap....Datuk....

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** *I think this issue this education* ini penting, kita tidak hendaklah ini dibataskan kepada sepuluh minit...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya terpulang kepada Menteri, kalau sepuluh minit boleh selesai, saya boleh lanjutkan sepuluh minit.

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua dilanjutkan dengan syarat kerana selepas ini kita akan membincangkan dan membahaskan Rancangan Malaysia Ke-9 yang akan dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hari Jumaat ini. Banyak jawapan saya pun berkisar kepada perancangan kita di bawah Rancangan Malaysia ke-9.

Saya beri jaminan, Insya-Allah dalam penggulungan Rancangan Malaysia ke-9 saya juga akan jawab dan pada masa dan ketika itu bila tidak ada 18 kementerian di belakang saya ini, menunggu tidak ada masalah untuk saya menjawab semua isu. Tetapi dalam hal ini hanya tiga isu yang penting satu berhubung kait dengan GSTT, satu lagi berhubung kait dengan keciciran,

dan dalam kedua-dua isu ini saya boleh jawab dalam sepuluh minit kalau diizinkan oleh Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Silakan...

**Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri saya dengar jawapan Yang Berhormat Menteri dengan teliti. Dan isu-isu yang dibangkitkan itu memang benar dalam petikan, tapi yang saya berikan semasa perbahasaan saya tidak disentuh pun.

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Itu pun saya boleh jawab di sini kerana perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kelana Jaya pun ada dalam ringkasan kita. Kalau saya cadangkan bahawa untuk penggulungan kali ini saya jawab secara bertulis dan perkara pada masa yang sama dalam penggulungan Rancangan Malaysia ke-9 kita akan sentuh perkara-perkara yang telah pun dibangkitkan. Saya tengok isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Kelana Jaya tidaklah seberat dan begitu mendesak sekarang ini seperti dua isu yang saya sebutkan tadi.

Sebab itu saya bercadang secara bertulis perkara-perkara yang dibangkitkan Yang Berhormat boleh siap sedia dalam perbahasan Rancangan Malaysia ke-9 dan saya akan jawab penggulangannya nanti. Kalau setuju...

**Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]:** Saya minta maaf Yang Berhormat Menteri, isu yang saya bangkitkan adalah berkaitan dengan sejarah. Saya rasa itu amat mendesak sekalilah. Saya mohon Yang Berhormat jawab dengan teliti. Terima kasih.

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Dengan sejarah saya jawab terus mungkin 30 saat lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, isu SJKC Yang Ayer Hitam menimbulkan isu kekurangan guru Bahasa Cina dan guru Bahasa Inggeris di SJKT serta khidmat guru-guru di GSTT, di SJKC kita. Saya setuju disebabkan masih terdapat kekurangan guru mata pelajaran tersebut khususnya di sekolah rendah, maka khidmat guru-guru di GSTT masih diperlukan.

Kementerian telah meluluskan tambahan di SJKC bagi sesi persekolahan tahun 2006, bilangan ini akan diisi secara tetap apabila pelatih-pelatih *option* Bahasa Cina yang akan tamat latihan perguruan mulai Jun hingga September 2006 ini di tempatkan di SJKC.

Perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ipoh Barat berhubung kait dengan guru-guru Tamil, saya percaya bahawa Setiausaha Parlimen saya Yang Berhormat Komala sedia maklum jumlah yang diperlukan dan jumlahnya tidak sebesar yang dibangkitkan oleh SJKC. *[Ketawa]*. Selamat malam Kepong ...*[Ketawa]*.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu mengapa *there is a mismatch* guru yang telah dilatih dan guru yang diperlukan. Dan mengapa guru sandaran di SRJKC, mengapa mengambil masa agak dua bulan untuk kementerian, untuk mengetahui masalah ini dan barulah hendak luluskan. Apakah sebabnya?



**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Yang Berhormat dari Bukit Mertajam selalu menuding jari dan cuba membangkitkan isu yang kita kaitkan dengan sekolah-sekolah tertentu. Sebenarnya kekurangan guru wujud di sekolah-sekolah kebangsaan kita juga, dan kekurangan guru-guru bahasa Malaysia, di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina pun kekurangan. Kenapa tidak diperjuangkan oleh Yang Berhormat daripada Bukit Mertajam?

Pada masa yang sama masalah unjuran tadi, banyak sebab. Pertamanya keengganan guru-guru kita yang mahu mengajar di sekolah-sekolah pedalaman. Sebab itulah saya tabik guru-guru yang sanggup bertahun-tahun di kawasan-kawasan yang cukup daif, saya sendiri sudah turun ke puluhan sekolah khususnya di Sabah dan Sarawak.

Dan keduanya bila *mismatch* di wujud berhubung kait dengan unjuran, itu saya akui dan kita akan atasinya dalam masa terdekat ini. Tapi memerlukan kerjasama yang rapat di antara kita dengan Pengajian Tinggi. Masalah GSTT, SJKC seperti saya sebut lama tidak lama tapi ianya telah pun diselesaikan, Alhamdulillah.

Bagi mengatasi masalah kekurangan guru ini, kementerian sentiasa membuka peluang kepada yang berkecayaan memohon untuk mengikuti latihan perguruan bagi mendapatkan jawatan tetap. Dengan mengikuti program-program yang disediakan seperti Kursus Diploma Perguruan Malaysia, Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) dan Program Ijazah Sarjana Muda Pengajaran (PISMP).

Tuan Yang di-Pertua berhubung kait dengan isu keciciran. Di sini saya ingin maklumkan kepada dewan yang mulia ini, bahawa isu keciciran merupakan satu isu yang memang penting, kita fikirkan bersama. Ia dibangkitkan dalam perbahasan kali ini oleh Yang Berhormat Larut, Yang Berhormat Kuala Terengganu, Yang Berhormat Ketereh, Yang Berhormat Kinabatangan, dan juga Yang Berhormat Kuala Langat.

Dan walaupun angka keciciran tadi agak mengurang tetapi ia masih merupakan satu perkara yang membimbangkan. Tetapi pada masa yang sama saya hendak perjelaskan di dewan yang mulia ini bahawa peratusan ini bukan bermakna murid tersebut tidak bersekolah langsung. Tetapi sebaliknya sebahagian daripada mereka meneruskan persekolahan di sekolah-sekolah bukan yang dikendalikan oleh kementerian seperti Sekolah Agama Negeri, Sekolah Agama Rakyat, Swasta dan sekolah-sekolah lain. Kemudian berusaha agar kadar keciciran ini dapat dikurangkan seminimum yang mungkin dan usaha sekarang seperti *stresses studies*, melihat kepada *cohort* tertentu sedang dijalankan.

Akhir sekali Kelana Jaya di antara beberapa perkara yang dibangkitkan oleh beliau. Yang disebutkan tadi bila berhubung kait dengan sejarah dan di sini saya hendak maklumkan bahawa kurikulum mata pelajaran sejarah telah mengambil kira elemen kemahiran berfikir secara kritis serta perpaduan nasional dalam sukatan mata pelajaran berkenaan. Kemahiran ini dapat dicapai melalui kaedah pembelajaran berasaskan kajian masa depan, pembelajaran secara *constructivism*, *contractual*, dan juga *mastery*.

Kalau kita kaitkan usaha ini bersama-sama dengan usaha kita untuk menghidupkan kurikulum, untuk menghidupkan sukan, untuk melihat pendidikan secara menyeluruh. Saya percaya apa yang diharapkan bukan sahaja dari segi kaedah kurikulum dan mata pelajaran tertentu sahaja ianya dapat ditangani dengan pendekatan-pendekatan yang pelbagai untuk dapat matlamat dan objektif yang sama.

**Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya punya ringkas sahaja. Saya mempunyai keyakinan ke atas keikhlasan Yang Berhormat Menteri. Tapi mungkin dari segi pentadbiran atau pun pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dalam merangka kurikulum mata pelajaran sejarah. Saya memohon agar Yang Berhormat Menteri sendiri dapat membandingkan buku-buku sejarah, buku teks sejarah lama dan buku teks sejarah sekarang agak berbeza.

Banyak fakta-fakta telah digugurkan dalam buku teks sejarah kini. Dan saya ada bukti di sini, di mana banyak fakta-fakta dahulu ada di dalam buku sejarah, buku teks sejarah lama tetapi sekarang tiada. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein:** Sumbangan daripada Yang Berhormat, isunya tiga sekarang ini dari segi infrastruktur saya sudah bentangkan tadi secara mendalam dan saya percaya dengan perancangan dan apa yang akan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri keperluan-keperluan asas dan keperluan fizikalnya dapat diselesaikan di bawah Rancangan Malaysia ke-9.

Dua lagi aspek pendidikan saya beri penekanan iaitu tenaga pengajar dan juga kurikulum. Perkara kedua, dari segi tenaga pengajar saya sedikit sebanyak juga tadi dalam penggugungan saya sudah maklumkan perancangan kita dan telah apa kita lakukan.

Perkara ketiga yang disebutkan oleh Yang Berhormat sendiri mengenai kurikulum, ini akan kita lakukan bersama. Yang apa bukti Yang Berhormat tunjukkan kepada saya akan menjadikan satu asas kepada pendekatan baru yang kita hendak lihat kepada aspek yang ketiga tadi iaitu pengisian kurikulum dan apa yang kita ajar dalam konteks penekanan-penekanan baru yang saya sebutkan tadi tidak terlalu menumpukan kepada peperiksaan. Tetapi kepada perkara-perkara yang lebih bermakna dan bernilai kepada anak-anak kita. Saya boleh beri jaminan bahawa saya sendiri akan bersama-sama untuk melihat aspek-aspek tertentu, kita mula dengan mata pelajaran sejarah, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, sepuluh minit satu minit saya berterima kasih di atas kerjasama daripada ahli-ahli Yang Berhormat, insya-Allah. Masa penggugungan Rancangan Malaysia yang ke-9, saya tetap akan menggugung untuk Kementerian Pelajaran Malaysia. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat dengan ini saya tangguhkan mesyuarat ini hingga jam sepuluh pagi hari esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 8.41 malam***